



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 42

Selasa

27 November 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 8)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.20	(Halaman 34)
Maksud B.21	(Halaman 82)
Maksud B.25	(Halaman 139)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.20	(Halaman 34)
Maksud P.21	(Halaman 82)
Maksud P.25	(Halaman 139)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 27 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan status perancangan kementerian meletakkan harga rumah mampu milik di Malaysia dalam tiga kategori iaitu RM150,000 dan ke bawah, RM150,000 sehingga RM300,000 dan RM300,000 sehingga RM500,000. Adakah rumah mampu milik di Sabah juga meliputi ketiga-tiga kategori harga rumah tersebut?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Yang Berhormat Tawau di atas soalan yang telah dibacakan tadi iaitu ingin mengetahui tentang dasar untuk menggariskan standard dan situasi utama pembangunan rumah mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau pihak swasta. Penetapan harga rumah ini terbahagi kepada tiga kategori seperti yang disebut tadi iaitu dalam RM150,000 ke bawah, RM150,000 ke RM300,000 dan RM300,000 ke RM500,000.

Mengikut kajian median daripada Bank Negara bahawa berdasarkan formula median *multiple*, kita mendapati bahawa rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, mereka mampu untuk memiliki rumah yang berharga RM167,000 dengan bayaran bulanan sebanyak RM663. Untuk kategori M40 pula, adalah yang berpendapatan median sebanyak RM6,275 mampu untuk memiliki rumah yang berharga RM335,000 yang dikenakan komitmen anggaran bayaran bulanan sebanyak RM1,588. So, berdasarkan daripada kajian yang dibuat oleh Bank Negara, maka KPKT mengambil dasar ini, membuat dasar ini berdasarkan daripada laporan Bank Negara yang berteraskan median pendapatan rakyat Malaysia.

Walau bagaimanapun di Sabah, KPKT juga mengambil kira tentang kedudukan lokasi rumah-rumah itu. Jadi di antara di bandar dan luar bandar sudah tentu perbezaan pendapatan itu ketara. Jadi untuk Sabah, kita dapati bahawa median *income* untuk di kawasan bandar adalah RM4,643 untuk M40. Jadi, harga rumah yang sesuai di situ adalah dengan harga RM167,148. Bagi kawasan luar bandar, median *income* nya adalah RM3,122. Jadi, rumah yang sesuai untuk dibina adalah dalam harga RM112,392. So, ini adalah panduan yang telah kita gubalkan dalam dasar rumah mampu milik negara. Terima kasih.

Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau]: Soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lazimnya harga rumah dianggap rumah mampu milik jika harga rumah adalah tiga kali ganda pendapatan tahunan isi rumah. Berdasarkan pengiraan pendapatan tahunan isi rumah Wilayah Sabah 2016 adalah RM4,110, maka harga rumah mampu milik bagi orang di Wilayah Sabah adalah RM147,960. Jadi, bukankah lebih sesuai jika rumah mampu milik di Wilayah Sabah fokus atau melibatkan kategori RM150,000 dan ke bawah dengan lebih banyak unit atas kategori ini.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Kita tidak jadi masalah, ya Yang Berhormat Tawau kerana kalau berpendapatan RM3,000 ke bawah, harga rumah yang kita boleh letakkan berdasarkan median adalah harga RM112,392. So, ianya adalah lebih rendah daripada yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tawau iaitu yang berpendapatan median RM4,110 dengan harga RM150,000.

Akan tetapi apa yang kita perlukan ialah memandangkan Yang Berhormat Tawau adalah Timbalan *Chief Minister of Sabah*, di Sabah jadi saya amat berharap negeri Sabah menawarkan tanah-tanah kerajaan yang mana kita boleh membina rumah-rumah mampu milik ini. Dengan menggunakan kaedah menggunakan tanah kerajaan ini juga mampu untuk menurunkan harga rumah itu. Jadi saya amat berharap kerajaan-kerajaan negeri akan dapat membantu KPKT untuk mencadangkan tanah-tanah yang boleh kita mendirikan rumah mampu milik di negeri masing-masing. Terima kasih.

■1010

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak rancangan perumahan yang dibuat seperti Rumah Mesra Rakyat (PPR), SPNB dan Rumah Penjawat Awam 1Malaysia. Adakah segala usaha-usaha untuk mewujudkan rumah mampu milik yang ini dikumpulkan di bawah satu kementerian dan akan diteruskan? Satu lagi ialah berapa jumlah hasrat kerajaan untuk mewujudkan rumah mampu milik ini. Adakah jumlah sasaran untuk tahun ini mencukupi, tahun depan mencukupi dengan permintaan daripada rakyat? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Pontian di atas soalan tambahan itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pontian, sejajar dengan polisi baru kerajaan baru, kita telah meletakkan *streamline*, menyelaraskan agensi-agensi perumahan di bawah kerajaan seperti SPNB, PR1MA dan PPA di bawah KPKT. Mereka ini tertakluk kepada dasar perumahan mampu milik negara. So, dia akan diselaraskan di bawah satu dasar dan kita akan menyediakan rumah mengikut keperluan rakyat.

Walaupun dalam manifesto kita memang menyebutkan kita hendak membina 1 juta rumah dalam masa 10 tahun dan kita anggarkan 100 ribu dalam setahun. Jadi *insya-Allah* dengan ada peruntukan yang kita sudah ada dan juga dengan ada projek-projek yang sudah berjalan sekarang dan juga kita memandangkan kita akan bekerjasama juga dengan kerajaan negeri dan pihak swasta.

Jadi *target* itu *insya-Allah* boleh kita capai. Cuma sekarang kita telah dalam usaha untuk membina satu sistem *big data* yang mana kita boleh mendapat satu gambaran *projection in the*

housing needs of Malaysia dengan izin. So, dengan ada *projection* yang lebih tepat itu, maka kita punya penyediaan untuk perumahan di masa akan datang akan lebih tepat. Jadi tidaklah mendatangkan situasi sekarang yang mana rumahnya lebih daripada pembeli dan kategori harga rumah itu yang tidak bersesuaian dan juga lokasi rumah juga itu tidak bersesuaian.

So, jadi saya harap dengan adanya rombakan ataupun kajian semula di antara dasar-dasar ini ia akan dapat menyelaraskan dan memperketatkan lagi, memperkukuhkan *target*, memperkukuhkan lagi usaha-usaha kita untuk mendapatkan *target* yang telah kita letakkan ya. Terima kasih.

2. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar hutang isi rumah atau *household debt* berbanding dengan KDNK. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan hutang isi rumah.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada KDNK telah mencatat 83.2 peratus pada akhir September 2018 berbanding 83.8 peratus pada akhir 2017 di mana tahap tertinggi adalah pada tahun 2015, 88.4 peratus. Sejumlah besar daripada hutang isi rumah adalah untuk pengumpulan harta kekayaan seperti membeli harta kediaman 52.8 peratus dan bukan kediaman 6.8 peratus serta pelaburan dalam dana simpanan sebanyak 5.7 peratus.

Kebanyakan peminjam individu mempunyai tautan yang berhemat. Median nisbah khidmat hutang atau *debt service ratio* keseluruhan bagi pembiayaan terkumpul ialah 32 peratus. Namun demikian, masih terdapat segmen peminjam yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah. Sebanyak 6.5 peratus daripada keseluruhan peminjam mempunyai margin kewangan negatif. Kebanyakan daripada peminjam ini berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan dan mempunyai tahap *debt service ratio* melebihi 60 peratus.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2016, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, terdapat sebanyak 2.78 juta isi rumah yang tergolong dalam kumpulan B40. Pendapatan penengah bagi kumpulan ini pada tahun yang sama ialah RM3,000 sebulan. Sebagai bandingan, pendapatan penengah isi rumah rakyat bagi tahun yang sama ialah RM5,228. Langkah yang diambil secara berperingkat sejak tahun 2010 oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh isi rumah berteraskan dua prinsip. Satu, memupuk amalan kredit yang bertanggungjawab dalam kalangan individu dan institusi kewangan serta mengelak isi rumah daripada berhutang secara berlebihan.

Bagi mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan dan penyusunan semula hutang dalam kalangan masyarakat, kerajaan melalui agensi kaunseling dan pengurusan kredit telah melaksanakan program-program yang meliputi pelbagai lapisan umur sejak pelancarannya pada 2011. Sehingga September 2018, lebih daripada 204,000 pengguna telah menyertai program, Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dan lebih daripada 243,000 peminjam telah menyertai program pengurusan hutang yang dikendalikan oleh program tersebut.

Kerajaan akan terus memantau tahap hutang isi rumah dan meneruskan langkah-langkah yang sedia ada bagi memastikan sektor isi rumah kekal mampan dan berdaya tahan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Keadaan ekonomi yang lemah memungkinkan kadar hutang isi rumah akan meningkat. Dalam masa yang sama, dua hingga tiga tahun yang lepas, bank menunjukkan satu keuntungan yang luar biasa. Itu keadaan yang bercanggah, bank untung tinggi, kadar hutang isi rumah tinggi. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat *windfall profit* kepada bank untuk menyumbang kepada isi rumah B40 untuk meminjam dengan kadar yang rendah iaitu dua peratus. Maknanya kalau bank mencapai satu keuntungan tahap yang luar biasa, dia dikenakan *rainfall profit*, menyumbang kepada Bank Negara dan wang ini disalurkan kepada institusi kewangan membolehkan rakyat meminjam dengan lebih murah lagi. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Buat masa kini kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan cukai durian runtuh seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tentang kedudukan kewangan bank-bank tersebut, ia telah, bukan saja sekarang tapi juga sebelum ini di bawah kerajaan lama. Pada masa itu pun tidak ada cadangan untuk mengenakan cukai durian runtuh. Akan tetapi pihak kerajaan telah pun memaklumkan kepada pihak Bank Negara bahawa kita perlu ada kelonggaran supaya memudahkan pinjaman di kalangan pembeli-pembeli rumah mampu milik. Oleh sebab itu dalam Belanjawan 2019, saya pun telah umumkan bahawa Bank Negara akan menjalankan beberapa program termasuk menetapkan kadar faedah pada 3.5 peratus. Di antara beberapa program yang telah dilaksanakan termasuk juga melanjutkan tempoh pinjaman sepanjang lima tahun kepada 40 tahun. So, inilah di antara langkah-langkah yang diambil.

Untuk saya secara peribadi, saya rasa tentu Bank Negara boleh buat lebih baik daripada langkah tersebut. Akan tetapi Bank Negara ada alasan mereka. Mereka rasa adalah penting bahawa kita mengawal nisbah *household debt* seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat dan oleh sebab itu mereka tidak mahu ia hilang kawalan dan mereka rasa langkah-langkah yang diperkenalkan adalah memadai. Marilah kita tunggu keberkesanan dasar yang diperkenalkan oleh Bank Negara.

Sekiranya tidak berapa berkesan, maka saya yakin Bank Negara akan merangka dasar-dasar kelonggaran pinjaman supaya kita dapat memberikan lebih banyak peluang kepada pembeli-pembeli untuk lebih mudah dapat pinjaman tersebut. So, saya rasa itulah satu masalah utama, boleh bina rumah, tidak dapat pinjaman, akhirnya tidak akan berhasil dan berkesan langsung. So, berikanlah masa untuk Bank Negara menjalankan program tersebut dan kita akan lihat keberkesanannya kemudian. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, lebih separuh daripada hutang isi rumah ini mempunyai dengan izin *asset backing* yang kukuh. Memandangkan hal demikian, apakah peratusan yang ideal? Sekarang ini 83 peratus, pada pandangan kerajaan

apakah nisbah yang ideal, *household debt* dalam konteks Malaysia khususnya dalam persekitaran di mana sebahagian besar hutang ini mempunyai *asset backing*. Terima kasih.

■1020

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Tentulah kalau kita tanyakan Bank Negara, mereka mahu kurangkan sebanyak yang mungkin. Akan tetapi bagi pihak kerajaan, pandangan kerajaan ialah kami harus lihat daripada segi kemampuan peminjam-peminjam untuk membuat bayaran.

So, dalam aspek ini, kalau kita lihat daripada NPL, ia masih dianggap sebagai rendah di kalangan bank. Oleh sebab itu, pendirian Kementerian Kewangan ialah kita boleh mempunyai ruang untuk membolehkan lebih banyak pinjaman diberikan bukan sahaja kepada pembeli-pembeli rumah buat kali pertama tetapi juga untuk peniaga-peniaga.

Akan tetapi, seperti yang saya sebut tadi, bahawa Bank Negara adalah sebuah badan yang bebas dan Bank Negara diberikan kuasa untuk menentukan supaya mereka dapat pastikan kawalan ke atas bank dan juga dana dan kewangan dapatlah dijalankan dalam tahap yang mampan.

Akan tetapi, di sini Bank Negara pun sedar dengan tanggungjawab yang mereka perlu laksanakan. Oleh sebab itu mereka telah merangka kaedah-kaedah yang baharu seperti yang saya telah umumkan dalam Belanjawan 2019 bukan untuk peminjam yang hendak beli rumah buat kali pertama tetapi juga untuk peniaga-peniaga.

Kita harap bahawa langkah-langkah ini berkesan dan pada masa yang sama mengekalkan NPL pada tahap yang sedia ada sekarang. Sekiranya NPL tetap dapat kekal pada tahap yang sama tetapi pinjaman tidaklah dapat bertumbuh atau memberikan kemudahan yang lebih bukan sahaja kepada peniaga tetapi juga untuk peminjam rumah, saya yakin bahawa Bank Negara akan merangka garis panduan yang lebih longgar untuk memudahkan pinjaman ke atas mereka yang mampu untuk membayarnya.

Sekian, terima kasih.

3. Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan atau usaha yang bakal diambil untuk memastikan kemasukan murid-murid tidak mempunyai dokumen lengkap seperti sijil lahir atau kad pengenalan ke sekolah-sekolah aliran kebangsaan mulai tahun hadapan tidak menjejaskan pembelajaran dan tempat belajar terhadap murid-murid tempatan sedia ada di sekolah-sekolah. Adakah kajian terperinci dibuat sebelum pelaksanaan kemasukan anak-anak tidak berdokumen ke sekolah-sekolah aliran kebangsaan memandangkan prasaran sekolah seperti penyediaan bilik darjah pun belum memuaskan terutama di Sabah.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan kerana bertanya.

Pertamanya, saya ingin meminta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan kepada anak-anak di rumah selamat bercuti sekolah dan juga manfaatkanlah waktu cuti ini untuk membantu ibu bapa, menambahkan pengalaman dan paling penting untuk membanyakkan

membaca. Begitu juga kepada ibu bapa, kita berharap supaya ibu bapa dapat menggalakkan anak-anak membaca ketika waktu cuti sekolah ini. Berikan mereka buku.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2019 – Kemasukan Kanak-kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen lengkap seperti sijil lahir atau kad pengenalan ke sekolah-sekolah aliran kebangsaan. Syarat kemasukan adalah mana-mana atau salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut ialah warganegara Malaysia. Ibu atau bapa kanak-kanak ini perlulah mengemukakan surat pengesahan atau surat perakuan ketua kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak mereka iaitu anak kepada warganegara Malaysia.

Kanak-kanak yang telah mempunyai surat pengesahan ataupun surat perakuan ketua kampung ini akan diberi kebenaran bersekolah. Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak perlu berusaha untuk menguruskan dokumen pengenalan diri yang diperlukan. Mereka perlu pergi ke Jabatan Pendidikan negeri untuk tujuan tersebut.

Saya mengambil maklum akan kekhuatiran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kalabakan berhubung inisiatif kanak-kanak tiada kewarganegaraan boleh mula bersekolah pada tahun 2019 yang saya umumkan baru-baru ini. Ia berkaitan dengan mereka yang tidak mempunyai dokumen tetapi anak kepada warganegara Malaysia ataupun anak kepada salah seorang daripada ibu bapa yang merupakan warga Malaysia. Saya ingin memberikan jaminan bahawa inisiatif tersebut tidak menjejaskan peluang dan kemudahan persekolahan kepada murid tempatan di seluruh negara termasuk di negeri Sabah.

Kementerian bertanggungjawab menyediakan prasarana pendidikan yang mencukupi bagi menampung keperluan murid-murid sekolah kerajaan. Seperti mana yang sering saya sebutkan di Dewan, daripada semasa ke semasa, KPM akan memastikan prasarana di Sabah, di Sarawak dan juga di kawasan-kawasan yang pedalaman tidak akan ditinggirkan kali ini. Kita akan lakukan yang terbaik untuk memastikan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti akan dapat dinikmati oleh semua sekolah kerajaan.

Pada masa ini, KPM sedang giat melaksanakan sesi libat urus dan perbincangan dengan pelbagai agensi kerajaan termasuklah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bertujuan mendapatkan maklum balas dan pandangan agensi berkenaan selaras dengan dasar peruntukan daripada segi perundangan yang diamalkan oleh agensi berkenaan.

Bagi tujuan yang sama, KPM juga giat menjalankan sesi libat urus dengan pihak jabatan imigresen negeri serta Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan negeri-negeri lain bagi mendapatkan maklum balas dan pendirian agensi serta kerajaan negeri berhubung inisiatif tersebut. Menerusi sesi libat urus berkenaan, KPM menjangkakan akan memperoleh maklumat dan senario sebenar berhubung isu akses pendidikan bagi golongan kanak-kanak tersebut yang berlaku di negeri-negeri yang terbabit.

KPM seterusnya akan menganalisis maklumat dan data yang diperolehi hasil daripada sesi libat urus dan perbincangan yang diadakan. Dapatan yang diperolehi hasil daripada analisis

tersebut akan dijadikan sebagai asas dan justifikasi yang kukuh dan komprehensif untuk menyelesaikan isu akses pendidikan kepada kanak-kanak tersebut tanpa menjejaskan keperluan dan kebajikan murid warganegara yang belajar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Kesimpulannya, kita memberikan peluang atau kita memberikan tumpuan kepada kanak-kanak warganegara dan tidak mengabaikan akses mereka kepada pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Pada tahun 2008, perkara ini berlaku di Sabah. Pada tahun 2008, waktu itu mahu pilihan raya, Kementerian Pelajaran Malaysia membuka peluang kepada anak-anak yang tidak berdokumen untuk mendaftar di sekolah-sekolah aliran kebangsaan. Apa yang terjadi ialah— anak saya pun terlibat— seramai 700 murid terapung, seramai 700 murid tempatan terapung tiada kelas. Itu yang terjadi pada tahun 2008. Jadi adalah menjadi harapan kami di Sabah, sekolah-sekolah daif dan sekolah-sekolah yang tidak mempunyai cukup bilik darjah yang berjumlah 707 buah dapat dibaikpulih atau dibina semula dalam masa lima tahun ini.

Apakah Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memberi autonomi kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah supaya keputusan dalam program pendidikan dan penentuan pembinaan sekolah dapat diselaraskan dengan baik? Itu sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan murid-murid terapung, kita akan pastikan di dalam... *[Ketawa]* Minta maaf, agak lucu sikit murid-murid terapung. Akan tetapi dalam era Malaysia baharu ini, kita tidak akan benarkan murid-murid terapung lagi. Kita akan buat sebaik mungkin untuk membenarkan anak-anak ataupun murid-murid ini tidak terapung dan berada di kelas masing-masing.

Keduanya, berkaitan sekolah-sekolah daif. Seperti mana yang sering saya jawab di Dewan yang mulia ini, kita tidak akan mengabaikan dan akan memberikan komitmen dan sepenuh usaha kita untuk memastikan bahawa semua sekolah daif akan dapat segera diperbaiki.

Berkaitan tentang kerjasama di antara KPM dan juga Menteri Pelajaran Sabah, itu sentiasa dilakukan secara berterusan. Kebetulan pada minggu yang sudah, saya pun telah bertemu dengan Menteri Pelajaran Sabah dan ini merupakan pertemuan kali kelima ataupun kali keenam bersama dengan beliau. Satu jaminan saya akan berikan kepada rakyat negeri Sabah, mereka tidak akan dikesampingkan di dalam isu pelajaran di bawah pimpinan Kementerian Pendidikan yang baharu ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak berbalik kepada isu murid yang tidak ada berdokumen tadi.

■1030

Saya hendak bertanya kepada Menteri, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau kita bercakap mengenai murid tidak berdokumen ini, kebanyakannya berlaku di luar bandar. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan mereka kena pergi ke Pejabat Pendidikan. Saya hendak tanya, kalau kementerian boleh melatih pegawai di sekolah tersebut untuk melakukan urusan untuk

membantu itu. Ini kerana kalau kita bercakap fasal luar bandar, ia jauh, Yang Berhormat Menteri, untuk mereka pergi dan kebanyakan mereka tidak mampu. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengambil maklum terhadap cadangan tersebut dan, *insya-Allah*, kita akan cuba memberikan latihan kepada mana-mana pegawai untuk lebih membantu. Walau bagaimanapun, kita juga menggalakkan Ahli-ahli Parlimen dan juga ADUN-ADUN untuk memainkan peranan tersebut dan juga ketua-ketua kampung.

Ini kerana tugas mereka sebagai wakil rakyat, sebagai pemimpin masyarakat amat-amat dihargai, amat-amat diperlukan untuk membantu rakyat untuk mendapatkan akses terbaik. Jadi, mungkin pejabat Parlimen Yang Berhormat boleh sediakan khidmat sedemikian. Terima kasih kepada soalan dan izinkan saya menyudahi jawapan saya dengan serangkap pantun.

Ke Kampung Ceti menaiki beca,

Waktu cuti banyakkann membaca.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berkaitan ramai pengguna telah mati akibat meminum arak beracun, sejauh manakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak Menteri untuk memastikan wujudnya penyelarasan yang baik dan berkesan agensi-agensi di peringkat negeri dan Persekutuan bagi memantau dan menguatkuasakan peraturan berkenaan makanan dan minuman.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang kerana menanyakan berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan wujudnya penyelarasan yang baik dan berkesan agensi-agensi di peringkat negeri dan Persekutuan bagi memantau dan menguatkuasakan peraturan berkenaan makanan dan minuman.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan dan yang diimport bagi memastikan makanan yang dikeluarkan dan dijual di Malaysia adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Berkaitan dengan kejadian kematian akibat meminum arak beracun yang berpunca dari penjualan arak haram, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa

tempatan mengikut perundangan dan bidang kuasa masing-masing untuk membanteras penjualan arak haram.

Untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan berkenaan keselamatan makanan yang dijalankan, penyelarasan di peringkat Persekutuan antara agensi yang berkaitan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Kita berkuat kuasa melalui tiga aspek iaitu:

- (i) aktiviti pemeriksaan kebersihan premis *outlet* makanan;
- (ii) pemantauan ke atas produk makanan di pasaran domestik; dan
- (iii) pemantauan di pintu masuk negara khususnya untuk kawalan untuk makanan yang diimport.

Bermula pada tahun 2013, pelaksanaan penyeragaman aktiviti pemeriksaan kebersihan premis *outlet* makanan oleh agensi-agensi yang terlibat iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dimulakan. Dari tahun 2016 sehingga September 2018, sebanyak 369,294 pemeriksaan ke atas premis makanan termasuk yang berada di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan telah dijalankan, di mana 6,566 ataupun 1.8 peratus daripadanya telah dikenakan tindakan penutupan di bawah seksyen 11 Akta Makanan 1983 kerana tidak bersih.

Untuk aktiviti pemantauan produk pemakanan di pasaran domestik, Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkaitan dengan produk makanan yang diragui ketulenan dan juga keselamatannya.

Sementara itu di pintu masuk negara, kawalan untuk makanan import turut dijalankan secara bersama-sama dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengikut prosedur yang ditetapkan oleh agensi masing-masing. Dalam hal ini, dari tahun 2016 sehingga September 2018, sejumlah 358,689 *consignment* makanan telah diperiksa, di mana 263 ataupun 0.76 peratus daripada 34,419 sampel makanan yang diambil dikesan melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Sekian.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, benarkan saya mengumumkan selamat datang kepada pimpinan Wanita Pakatan Harapan Parlimen Pokok Sena. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang ke Parlimen Malaysia.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai statistik jumlah kes tindakan undang-undang di mahkamah tentang mereka yang memproses dan menjual arak beracun seperti samsu haram misalnya? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Untuk maklumat tersebut, saya akan jawab secara bertulis. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, untuk tahun 2018, kes keracunan metanol ataupun akibat samsu haram, jumlah 97 kes dan kematian 48 kes. Sekian.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan pada pagi ini, saya mengalu-alukan kehadiran penghulu-penghulu dan juga pimpinan Muslimat daripada Parlimen Kuala Krai seramai 39 orang pada pagi ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang ke Parlimen Malaysia juga.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan tidak bercadang menjadikan Kelantan sebagai *role model* dalam isu penjualan arak? Di Kelantan, arak tidak boleh dipamerkan dan hanya boleh dijual di premis-premis tertentu, jauh sekali di kedai-kedai 24 jam ataupun di pasar raya sebagaimana di negeri lain. Malah, tiada iklan dibenarkan walaupun di papan tanda.

Kedua ialah merujuk kepada isu yang tular di media sosial beberapa minggu lepas berkaitan dengan isu promosi ataupun penjualan arak di pasar raya. Promosi sebegini ternyata memberi keresahan kepada orang Melayu dan Islam. Adakah kerajaan bercadang untuk tidak membenarkan lagi promosi sebegini pada masa hadapan? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Untuk cadangan apa yang berlaku di Kelantan, bagi pihak kementerian, untuk kawalan penjualan arak, memang kita ada hadkan di mana kaunter yang mereka boleh pameran tempat untuk jualan arak. Ini setiap negeri mungkin ada dasar yang berlainan. Memang dari pihak kementerian, memang kita tidak menggalakkan penggunaan arak tetapi kita juga menghormati ada di kalangan rakyat yang inginkan *alcohol consumption*, dengan izin.

Jadi, berkenaan dengan isu apa yang tular di dalam media sosial, memang kita mengambil maklum soal ini. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan MCMC untuk memantau apa yang ditularkan di media sosial supaya kita boleh mengambil tindakan sekiranya apa yang ditular itu tidak menentapi Akta Makanan dan di bawah MCMC. Sekian.

■1040

2. **Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah tambang bas akan dinaikkan 30 peratus seperti mana yang digesa oleh syarikat bas kerana kos operasi yang tinggi dan langkah yang akan diambil untuk kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan tambang. Berikutan keadaan pengangkutan bas yang semakin teruk dan sikap pemandu bas yang tidak mengikut peraturan jalan raya yang semakin menjadi-jadi, apakah langkah kementerian untuk memperbetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands kerana sekali lagi membawa soalan kepada Kementerian Pengangkutan. Kali ini berkenaan dengan tambang bas ekspres dan juga berkenaan dengan keadaan pengangkutan bas yang semakin teruk dan sikap pemandu bas yang juga agaknya tidak bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, bas ekspres merupakan mod pengangkutan awam di Malaysia yang paling popular untuk perjalanan jarak sederhana dan jauh, terutama bagi rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah. Di mana 60 peratus adalah pengguna bas

ekspres, 26 peratus pengguna penerbangan domestik dan 14 peratus pengguna mod rel kereta api. Secara purata, lebih 100 ribu penumpang menggunakan perkhidmatan bas ekspres setiap hari, yang dikendalikan oleh 175 syarikat pengendali dengan jumlah 2,613 buah bas.

Kementerian mengambil maklum tentang permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha bas ekspres terutamanya berkaitan peningkatan kos operasi. Permasalahan ini telah pun diutarakan dan dibincangkan secara terperinci, mendalam semasa Makmal Transformasi Bas Ekspres yang telah diadakan pada Februari 2017. Antara cadangan daripada Makmal Transformasi Bas Ekspres ini ialah untuk menimbang cadangan penstrukturan semula tambang bas ekspres. Semakan kadar tambang yang terakhir bagi bas ekspres adalah pada tahun 2009, di mana dinaikkan harga bas sebanyak 31 peratus iaitu daripada 6.5 sen sekilometer kepada 8.5 sen sekilometer iaitu kenaikan 2 sen sekilometer. Seterusnya, surcaj sebanyak 0.8 sen sekilometer dikenakan semenjak tahun 2015. Dengan itu, kadar tambang dinaikkan ke 9.3 sen sekilometer sehingga hari ini.

Daripada perbincangan dan konsultasi dengan para pengusaha bas ekspres, memang terdapat permintaan dan desakan yang kuat antara mereka, terhadap kerajaan supaya dibenarkan menaikkan kadar tambang dalam lingkungan daripada 10 peratus hingga 30 peratus. Pihak kementerian kini sedang menimbang kadar kenaikan tambang yang munasabah untuk membantu pengusaha bas ekspres dan tidak terlalu membebankan pengguna bas ekspres.

Dalam situasi rakyat menghadapi kenaikan kos sara hidup yang sangat mencabar sekarang ini hasil daripada pentadbiran kerajaan yang lalu, sebarang keputusan untuk membenarkan kenaikan harga tambang bas harus dibuat secara teliti dan menyeluruh. Dalam hubungan itu, kementerian akan mengutarakan syor kepada Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat untuk dipertimbangkan.

Bagi menambah baik perkhidmatan bas ekspres dan pemantauan terhadap sikap pemandu, kementerian telah mengenal pasti pengendali-pengendali yang berisiko tinggi berdasarkan rekod pematuhan terhadap peraturan jalan raya. Pengendali-pengendali ini telah dan akan dipantau secara berterusan dan juga dipanggil untuk taklimat keselamatan secara berkala terutama di waktu perayaan. Kementerian Pengangkutan juga mewajibkan pematuhan kepada ICOP iaitu Kod Amalan Industri SPAD – keselamatan untuk pengendali pengangkutan awam.

Berkenaan dengan sikap pemandu bas, Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan sistem mata demerit pada April 2017 yang melibatkan semua kategori pemegang lesen kenderaan pengangkutan jalan melalui Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017. Sistem mata demerit akan dikenakan apabila sesuatu notis saman diselesaikan, sama ada melalui bayaran kompaun atau hukuman yang ditentukan oleh mahkamah, sekiranya disabitkan kesalahan. Pemandu yang telah mengumpul suatu jumlah mata demerit yang ditetapkan, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen memandu akan dikenakan.

Sistem penarafan *Malaysia Bus Star Rating*, dengan izin MBSR akan diperkenalkan pada tahun 2019 dan dijangka akan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselamatan bas ekspres di mana penumpang dapat memilih perkhidmatan berdasarkan pencapaian bintang-bintang sesebuah syarikat tersebut. MBSR akan merangkumi keseluruhan aspek sistem pengurusan piawai keselamatan, mutu pemanduan, tahap perkhidmatan dan tahap kepuasan pelanggan.

Pengendali perlu mencapai sekurang-kurangnya taraf tiga bintang untuk beroperasi. Manakala hanya pengendali yang menjalankan operasi yang sangat baik daripada segi keselamatan, khidmat pelanggan dan operasi akan mendapat taraf lima bintang. Juga termasuk dalam pengiraan sistem penarafan MBSR adalah aspek pemandu seperti latihan pemandu yang spesifik dan berjadual, waktu pemanduan, sistem pengenalan pemandu dan juga faktor-faktor kebajikan pemandu bas.

Sebagai rancangan jangka masa pertengahan pula, sistem kawalan dan pemantauan bas ekspres telah dicadangkan. Sistem ini akan digunakan untuk pemarkahan MBSR, memantau pemanduan dan juga prestasi operasi keselamatan dan perkhidmatan bas ekspres. Sistem ini juga akan memantau pemandu melalui sistem pemarkahan dan pemantauan pemandu. Ini termasuk mengurangkan keselamatan yang berpunca daripada faktor manusia, pemanduan lebih masa dan had laju. Terima kasih.

Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang boleh dikatakan panjang lebar, telah menjawab soalan saya.

Berkaitan dengan kementerian, saya ingin bertanya tentang merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Damansara selaku Setiausaha Politik MoF, bahawa kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat *e-hailing* untuk menggantikan *feeder bus*. Sejauh manakah ini benar dan apakah perancangan kerajaan untuk membantu pemandu-pemandu teksi, jika *e-hailing* seperti Grab terus dibantu dan suara pemandu-pemandu teksi tidak dihiraukan? Adakah ini menunjukkan kerajaan berhasrat untuk mengurangkan jumlah dan perkhidmatan *feeder bus* secara berperingkat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini lari sedikit daripada soalan ya.

Dato' Kamarudin Jaffar: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja lari dan ia tidak lah merupakan dasar Kementerian Pengangkutan hari ini. Apa-apa yang dinyatakan oleh pihak-pihak yang lain, tidak lagi dan belum lagi merupakan dasar kita. So, dasar kita kekal sebagaimana yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua. Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Timbalan Menteri dan mengimbangi peristiwa-peristiwa sebelum ini di mana berlaku kemalangan meragut nyawa terhadap bas-bas ekspres ini. Langkah-langkah kerajaan yang dilihat begitu konsisten sehinggakan tidak kedengaran lagi peribadi ataupun perihal perlakuan pemandu-pemandu bas yang amat merunsingkan dan boleh mengorbankan nyawa.

Sepertimana yang Timbalan Menteri bicara tadi, 60 peratus daripada penggunaan bas ekspres ini antara kumpulan sederhana dan bawah. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah kerajaan untuk memastikan keselamatan yang berada dalam posisi sekarang ini berterusan sehingga kita tidak dengar lagi kemalangan-kemalangan meragut nyawa penumpang-penumpang? Langkah yang drastik untuk memastikan keyakinan rakyat menggunakan bas ekspres sebagai tindakan untuk nombor satu atas *transport* itu sendiri. Apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapar yang selalu tekun mengikuti segala soalan dan jawapan dan memberikan soalan-soalan tambahan yang amat bermutu tinggi.

Khusus untuk Yang Berhormat Kapar, saya juga fikir akan menyatakan sesuatu yang beliau juga amat prihatin iaitu saya terpaksa melaporkan bahawa salah satu faktor kenapa berlaku kemalangan dan kualiti perkhidmatan bas ekspres ini agak kurang baik berbanding dengan apa yang kita hasratkan ataupun berbanding dengan negara-negara lain ialah kadar bayaran gaji yang agak rendah kepada pemandu-pemandu bas ekspres. Puratanya, gaji mereka kurang daripada RM3,000 sebulan, kalau dijumlahkan gaji pokok dengan elaun. Keadaan bekerja mereka juga tidak lah yang sepatutnya kita galakkan iaitu bertugas lebih daripada lapan jam dan sebagainya.

■1050

Oleh kerana itu, saya ingin khusus jawapan kepada itu dahulu. Mutu pengendalian kenderaan oleh khususnya pemandu-pemandu bas ekspres ini agak menurun. Oleh sebab itulah kita berhasrat dengan cadangan untuk menaikkan sedikit tambang bas ekspres yang dituntut ini, ia akan pergi kepada peningkatan khidmat syarikat operator bas ini. Ia sebahagian juga akan pergi kepada membantu menaikkan kadar gaji dan kaedah perkhidmatan yang terbaik untuk pemandu-pemandu bas ini supaya dengan pemandu ini berkeadaan baik, pemanduan mereka bertambah baik. Ini *insya-Allah*, akan mengurangkan lagi kadar kemalangan yang meragut nyawa khususnya sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Kapar dan yang kita semua hasratkan. *Insya-Allah*. Terima kasih.

3. **Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peminjam PTPTN yang telah memperoleh pengecualian bayaran balik PTPTN dengan ijazah sarjana muda kelas pertama dan sama ada kementerian bersedia untuk melanjutkan pengecualian ini kepada pelajar yang dikategorikan pelajar bukan separuh masa (*part-time students*) sebagai pengiktirafan pencapaian akademik mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan pertanyaan nombor tiga berkaitan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada hari ini. Oleh itu, izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Kaput pada 29 November 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Oktober 2018, seramai 53,113 orang peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN kerana memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama di mana melibatkan seramai 37,355 orang pelajar universiti awam dan seramai 15,758 orang pelajar institusi pendidikan tinggi swasta. Pada masa kini, PTPTN tidak bercadang untuk memanjangkan pengecualian ini kepada peminjam yang mengikuti kursus secara separuh masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah kutipan bayaran balik PTPTN yang telah diterima bermula Jun 2018 sehingga September 2018 adalah sebanyak RM817.75 juta. Bagi tujuan mengurangkan beban anak muda dalam membuat pembayaran balik pinjaman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November 2018 telah memutuskan supaya potongan gaji ke atas peminjam PTPTN sebanyak dua peratus ataupun RM40 dibuat sebaik sahaja gaji peminjam mencecah RM2,000 dan potongan ini meningkat secara progresif sehingga 15 peratus mengikut jumlah gaji bulanan peminjam.

Mengenai janji bayaran balik, sehingga gaji graduan mencapai RM4,000, kerajaan akan mempertimbangkan semula pelaksanaannya apabila kedudukan kewangan kerajaan mengizinkan. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum bahawa dalam Belanjawan 2019 yang dibentangkan pada 2 November telah pun menyatakan bahawa pengecualian pembayaran balik hanya akan diberikan kepada golongan B40. Akan tetapi pada pandangan saya, bahawa pengecualian ini sememangnya merupakan satu pengiktirafan yang amat penting bagi mereka yang telah pun mendapat keputusan yang cemerlang.

Soalan saya adalah, memandangkan sehingga Oktober 2018, kita ada lebih kurang 37,000 orang daripada IPTA yang telah pun mendapat pengecualian dan 15,000 orang pelajar IPTS telah mendapat pengecualian. So, lebih kurang 70 peratus daripada jumlahnya adalah daripada IPTA. So, soalan saya adalah sama ada pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mempertimbangkan supaya sekurang-kurangnya pengecualian pembayaran balik untuk pelajar-pelajar kelas pertama ini dikekalkan untuk kesemua mereka yang mendapat sijil sarjana muda kelas pertama sekurang-kurangnya untuk pelajar-pelajar di IPTA. Saya percaya bahawa setiap tahun implikasi kewangan untuk pengkelan ini tidak begitu besar kepada kerajaan.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur atas soalan tersebut. Saya rasa soalan tersebut juga menunjukkan bahawa itu adalah hasrat dan seruan daripada rakyat jelata. Jadi, di sini saya dengan sukacita memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November juga telah buat satu keputusan bahawa pengecualian ini akan diberi kepada bukan sahaja golongan B40 tetapi juga akan dipanjangkan dan diperluaskan kepada golongan M40. Jadi ini memang sudah menjadi satu keputusan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November. Jadi untuk golongan pelajar yang mendapat kelas pertama dari T20, kita memang harap bahawa oleh sebab mereka

memang datang dari keluarga yang agak berkemampuan, jadi kita harap mereka akan terus bayar.

Saya nak tekankan di sini bahawa pengecualian ini bukan sahaja akan diberi kepada pelajar-pelajar daripada UA seperti yang tadi dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi juga IPTS. Golongan M40 juga akan menikmati pengecualian ini kalau mereka dapat kelas pertama. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Nampaknya Kerajaan Pakatan Harapan ini kalau kena tekan, bagi. Kena tekan, baru bagi. *Flip flop*. Jadi *keep the pressure on*. Kita di sebelah sini, kita *keep the pressure on*.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okeylah, itu pembangkang yang baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak tanya ini, kata dahulu kerajaan tidak ada duit. Atas sebab itulah syarat itu diketatkan iaitu RM1,000, kemudian naik RM2,000. Macam mana perkiraan yang sudah dibuat ini? Boleh berubah, kerajaan pula tiba-tiba mampu melonggarkan syarat ini. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Saya rasa kita akan buat perubahan atas dasar kita, polisi kita selepas kita buat sesi *consultation*. Tunjukkan ini adalah kekuatan dan kesudian Pakatan Harapan untuk mendengar suara daripada rakyat. Jadi saya nampak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tiba-tiba duit sudah ada, ya?

Puan Teo Nie Ching: Ini menjadi satu kekuatan kepada kerajaan baharu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi selama ini kata duit tidak ada itu, tidak betullah?

Puan Teo Nie Ching: Bukan macam kerajaan dahulu tidak mahu dengar suara rakyat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dalam masa sebulan dua sahaja duit sudah bertambah ini.

Puan Teo Nie Ching: Akhirnya menjadi pembangkang dan berada di sana. Terima kasihlah bekas Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa kerja tipu tidak habis-habis ini?

Puan Teo Nie Ching: Jadi oleh sebab dahulu tidak mahu dengar suara daripada Ahli Parlimen pembangkang. Dahulu pembangkang, jadi sekarang menjadi pembangkang. Jadi ini kita akan belajar daripada Barisan Nasional supaya kita tidak ulang kesilapan tersebut.

Jadi saya rasa selepas kita buat sesi konsultasi, kita memang rasa bahawa kita akan buat potongan gaji secara wajib apabila seseorang peminjam itu mendapat gaji RM2,000 ke atas. Jadi untuk mereka yang gaji sebulan adalah antara RM2,000 sampailah tidak melebihi RM2,500, potongan mereka adalah dua peratus sebulan. Potongan ini adalah wajib supaya kita tidak ada isu bahawa peminjam itu perlu buat bayaran tiap-tiap bulan tetapi potongan itu akan terus dibuat daripada gaji mereka. Majikan yang akan diwajibkan untuk membuat potongan tersebut.

Setakat ini saya percaya bahawa apabila Kerajaan Pakatan Harapan, kedudukan kewangan kita semakin baik, kita akan *consider* lagi. Kita akan mempertimbangkan lagi untuk mengecualikan lebih ramai peminjam di mana gaji mereka tidak berapa tinggi, kita boleh mengecualikan mereka daripada bayaran balik ini. Sekian sahaja jawapan saya, terima kasih.

4. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan inisiatif konkrit kerajaan untuk memecahkan monopoli kaum dalam *supply chain* agar ianya lebih inklusif dan adil.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan dan melindungi persaingan serta menyediakan peluang pasaran yang adil dan berdaya saing kepada semua kaum.

■1100

Langkah ini dilaksanakan untuk memperkukuh pertumbuhan sosioekonomi, menjana kecekapan dan menyediakan peluang untuk semua pihak. Kerajaan telah menggariskan strategi khusus bagi menambah baik kecekapan pasaran termasuk inisiatif menyelesaikan hal berkaitan monopoli kaum dalam rangkaian bekalan agar lebih bersifat inklusif dan adil berasaskan kepada prinsip keterangkuman yang perlu diamalkan oleh pihak industri dan perniagaan.

Kerajaan sentiasa melaksanakan inisiatif untuk membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana bersaing dalam pasaran yang sihat. Kerajaan telah menyediakan pelbagai program berbentuk pembiayaan dan peruntukan dana yang terbuka kepada semua kaum dan diberikan berdasarkan kelayakan yang disyaratkan.

Secara tidak langsung, ia dapat mengelakkan monopoli sesuatu kaum. Kerajaan juga melaksanakan Program Pembangunan Keusahawanan dengan menyediakan sokongan keusahawanan secara bersepadu termasuk pembiayaan dan bimbingan, pembangunan kapasiti dan *capability*, membangunkan perusahaan berasaskan komuniti, menggalakkan keusahawanan secara dalam talian atau *online* dan keusahawanan sosial.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Program Pembangunan Kapasiti di bawah SEDIC dan Program Pembangunan Usahawan Luar Bandar di Sabah dan Sarawak di bawah MARA. Kerajaan terus memberi perhatian dalam pembangunan usahawan seperti yang ditekankan di dalam tonggak dua Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Pelbagai inisiatif turut dipergiat dalam memperkukuh penglibatan semua usahawan termasuk usahawan Bumiputera di sepanjang pasaran rantai bekalan seperti mana yang ditekankan dalam tonggak dua. Antara usaha tersebut adalah menggalakkan usahawan Bumiputera untuk bekerjasama dengan peserta industri lain dalam meletakkan perniagaan pada kedudukan yang lebih baik dan mampan di dalam dan di luar negara melalui peningkatan produktiviti, penggalakan budaya berprestasi tinggi dan penyediaan bantuan berdasarkan merit

dan keperluan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP) oleh SMECorp, Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) oleh TERAJU dan Program Pembiayaan Keusahawanan oleh PUNB.

Selain dari itu, Ekuinas juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam *supply chain* dengan izin. Perkongsian strategik antara usahawan Bumiputera dan usahawan bukan Bumiputera juga digalakkan bagi mewujudkan perniagaan tulen dan kesediaan untuk bersaing dalam pasaran terbuka, bukan sahaja dalam industri peruncitan, tetapi juga industri pemborongan dan pembuatan. Pertubuhan usahawan Bumiputera seperti *bumiputera retailers organization* (BRO) juga digalakkan untuk terus mempertingkatkan usaha dalam memastikan penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor peruncitan terutamanya di kawasan strategik.

Kerajaan sangat mengharapkan agar semua pihak berkepentingan, khususnya agensi-agensi kerajaan dan pemain industri akan sama-sama berganding bahu dalam mewujudkan pasaran yang lebih cekap. Pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti dan penyediaan peluang berasaskan keperluan dan mesra pasaran akan dilaksanakan secara lebih adil bersepadu seperti program-program keusahawanan dan pembiayaan perniagaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya lihat dalam ucapan bajet baru-baru ini dan juga pembentangan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 dilahirkan komitmen kerajaan bagi mewujudkan pembangunan yang inklusif dan ekosistem ekonomi yang baru, antaranya ekonomi digital.

Akan tetapi apa yang kita lihat, malangnya kedua-dua dokumen tersebut, *roadmap*-nya tidak lengkap dan jelas serta sasaran yang tidak khusus. Bagi memastikan supaya penyertaan daripada semua pihak yang inklusif dan mengikut kaum di bawah payung perkongsian kemakmuran dari peringkat hulu sampailah peringkat hilir. Dalam konteks rantaian penawaran dalam semua sektor dan juga industri.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tahap penyertaan setiap kaum di sepanjang rantaian penawaran? Keduanya, apakah inisiatif yang telah dirangka oleh pihak kerajaan dalam *roadmap* itu untuk merealisasikan secara berkesan hasrat kita? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat tentang soalan tersebut. Pertamanya saya ambil maklum tentang maklum balas Yang Berhormat berkaitan dengan kajian separuh penggal, tentang *roadmap*. Apa yang saya ingin tekankan adalah tentang penyertaan semua kaum. Dalam *roadmap* tersebut, dalam penyertaan pembangunan yang inklusif kita sebut, antaranya seperti mana dalam jawapan kita tadi kita mahu ada penyertaan di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera bekerjasama ke arah membentuk satu rangkaian *supply chain* yang lebih inklusif, meliputi semua kaum.

Kedua, tentang tahap penyertaan setiap kaum dalam *supply chain*, saya tidak mempunyai data tersebut bersama dengan saya dan *insya-Allah* saya akan berikan jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati bahawa salah satu di antara perkara yang menjadi masalah dalam soal kenaikan harga dan sebagainya ialah pemonopolian sesebuah perniagaan itu. Pemonopolian sesebuah perniagaan itu adalah disebabkan orang tengah yang rakus mengaut keuntungan. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk memastikan dominasi orang tengah ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan langsung? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan dominasi orang tengah, saya rasa ini di bawah bidang kuasa KPDNHEP. Cuma saya ingin menyentuh sedikit tentang monopoli yang Yang Berhormat sebut tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada 20 Jun 2018 telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri Bagi Kajian Semula Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Jawatankuasa ini antara lain berperanan untuk merancang dan mengenal pasti keperluan perubahan dasar dan strategi serta mengkaji semua perjanjian konsesi perkhidmatan dan bekalan kerajaan yang bersifat monopoli untuk mencipta pasaran yang lebih efektif, telus, mesra pasaran dan berdaya saing. Saya rasa itu tentang monopoli secara umumnya Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender dan jangkaan pelaksanaan rang undang-undang berkenaan. Apakah juga fokus utama rang undang-undang tersebut?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Bagi menjamin kesaksamaan gender di Malaysia, kementerian berhasrat untuk menggubal Akta Kesaksamaan Gender. Untuk tujuan berkenaan, KPWKM telah menjalankan beberapa sesi libat urus bersama kementerian dan agensi kerajaan, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)*.

Selain daripada itu, pada 30 dan 31 Mei 2018, kementerian juga telah mengadakan program advokasi bersama-sama Professor Sandra Fredman, Pakar Perundangan Gender daripada *University Oxford* bagi membincangkan cadangan penggubalan rang undang-undang ini. Beberapa sesi taklimat juga telah pun diadakan dalam *round table dialogue* dan pada setakat ini Yang Berhormat, kami masih dalam perbincangan (*consultation*) dengan *stakeholders*. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah saya ingin ucapkan ke atas usaha-usaha untuk meneruskan supaya *insya-Allah* kita Malaysia akan juga dapat mengendalikan RUU Kesaksamaan Gender. Oleh sebab ini adalah desakan daripada SDG 5 iaitu *achieve gender equality and empower all women and girls*.

■1110

Jadi oleh yang demikian sebab sebenarnya Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Yang Berhormat sekarang ini meneruskan, kita dekat sangat sudah hendak membawa RUU ini ke dalam Dewan yang mulia. Saya rasa Yang Berhormat *I mean forget about politics*, sebab ini adalah desakan daripada *civil society*. Jadi saya sangat-sangat berharap dan apakah agaknya yang menjadi kekangan Yang Berhormat supaya kita bersama-sama dapat menyelesaikan dan kita membawa *civil society* kita bersama. Kalau dapat Yang Berhormat, buat sedikit perbandingan dengan negara-negara yang sudah ada RUU yang sama. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut. Sebenarnya untuk akta gender *equality* ini memang kerja telah pun dimulakan sejak tahun 2010 dahulu oleh kerajaan yang lepas tetapi masih dalam perbincangan kerana ada beberapa kekangan yang masih belum kita dapat selesaikan. Saya bagi contoh satu adalah hukum pembahagian harta melalui faraid dan ini perlukan lebih *consultation* dengan bahagian syariah dan yang terbaru adalah mesyuarat 4 Oktober 2018 dan 18 Oktober 2018. Jadi, kementerian kita tidak melupai isu ini dan *ongoing engagement* bersama NGO.

Akan tetapi untuk maklumat tambahan yang saya boleh berikan kepada Dewan Rakyat ini adalah antara isu-isu yang tidak bercanggah dengan kesaksamaan gender di Malaysia dan sekarang ini tiga aspek telah pun kita capai prestasi yang agak baik.

Satunya adalah pendidikan. Setiap seorang rakyat Malaysia mempunyai peluang yang sama rata untuk mendapatkan pendidikan dari peringkat rendah sehingga ke universiti sebagai contoh, *enrolment* di peringkat sekolah rendah telah mencapai skor satu *gender parity*.

Aspek kedua adalah kesihatan. Semua rakyat boleh mengakses perkhidmatan kesihatan sebagai contoh *healthy life expectancy* di Malaysia adalah skor 1.05. Ketiganya peluang pekerjaan, ia terbuka kepada semua tanpa mengira bangsa, agama dan jantina dan sebagai contoh, jawatan profesional dan pekerja mahir di Malaysia telah pun mencapai skor 0.8.

Jadi kita akan terus memanggil NGO dan juga Ahli-ahli Parlimen wanita di sebelah sana untuk terus berbincang bersama dan kita telah pun ada satu *WhatsApp group*, bagi yang belum masuk lagi *WhatsApp group* tersebut tolong minta Yang Berhormat Parit Sulong untuk bantu masukkan nombor anda dan perbincangan isu-isu wanita kita bincang semua bersama dalam *WhatsApp informal*. *Informal* untuk dapatkan pandangan sebelum di bawa ke Dewan Rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, ada ramai yang mahu tahu apakah *priority* kementerian kita dalam membawa rang undang-undang yang baru atau pun pindaan yang baru ke dalam Dewan Rakyat. Bagi *priority* kita sekarang adalah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, *to raise the marriageable age* ke 18, yang itu *priority* kita. Keduanya adalah untuk menggubah Akta Gangguan Seksual yang kita lihat sekarang ini memang trend atau pun ada banyak kes yang memerlukan perhatian kita. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minat soalan Orang Asli tadi tetapi tidak hadir, Yang Berhormat Kuala Selangor. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, tahniah kepada kerajaan dahulu dan juga disambung oleh kerajaan sekarang untuk kita memperkasakan wanita ini tidak ada perbezaan gender. Cuma saya hendak tahu setakat ini berapa peratus kah di kalangan wanita ini di antara mereka yang boleh membuat keputusan di kementerian-kementerian. Kalau kita lihat sebenarnya ramai kaum wanita ini... [Disampuk] *Yes, decisions maker* di kementerian dengan izin.

Di negara kita ini ramai kaum wanita ini yang terdiri daripada *latent force*, menjadi tenaga kerja yang terpendam. Dipanggil terpendam. Maksudnya mereka mempunyai kemahiran, mereka mempunyai pengalaman, mereka mempunyai *qualification*, kelayakan tetapi mereka rasa bertanggungjawab bahawa keluarga, anak-anak lebih penting daripada pendapatan ataupun pekerjaan. Saya hendak tahu apakah usaha yang dibuat oleh kementerian untuk mencungkil balik tenaga kerja yang terpendam ini yang terdiri daripada wanita? Setakat ini ada tidak maklumat berapa ramai, berapa peratus terdiri daripada wanita yang *latent force* ini? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. Soalan agak melencong daripada soalan kesaksamaan gender tetapi saya boleh jawab. Wanita dalam tenaga kerja sekarang hanya 54 peratus sahaja di Malaysia dan ada dua faktor kenapa wanita berhenti bekerja.

Satu, apabila mereka perlu berhenti kerja untuk menjaga anak-anak kerana tiada atau pun kekurangan infrastruktur sokongan dalam keluarga. Kedua, apabila mereka perlu berhenti kerja untuk menjaga ibu bapa yang sakit.

Jadi usaha kerajaan sekarang adalah untuk membantu memperkasakan infrastruktur di tempat kerja supaya wanita boleh pulang ke tempat kerja dan tanpa risau keselamatan anak-anak mereka. Jadi dalam bajet kita yang sedang dibahaskan sekarang adalah Kementerian Kewangan telah memperuntukkan RM10 juta untuk menyediakan taska di tempat kerja untuk agensi kerajaan yang boleh dipohon oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

Keduanya, yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia semalam bahawa wanita yang pulang ke tempat kerja boleh menikmati *tax relief* untuk 12 bulan. Ini adalah usaha-usaha yang kita sedang lakukan untuk membantu golongan wanita pulang ke tempat kerja. Di Malaysia ini kita tidak ada kekurangan bakat. Kita ada wanita yang banyak bakat tetapi kurang sokongan dan untuk menyediakan sokongan ini bukan sahaja kerajaan tetapi suami juga perlu memainkan peranan mereka. Tanggungjawab menjaga anak bukan sahaja tanggungjawab ibu dan ini *message* yang kita sedang ketengahkan kepada semua. Terima kasih.

7. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan latihan kerja yang disediakan dalam Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan sejauh manakah SL1M telah dihebahkan untuk menarik lebih ramai peserta dan sejauh manakah SL1M telah membantu peserta mencari pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau. Untuk makluman Yang Berhormat, program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)

dilaksanakan dengan matlamat untuk membantu graduan yang sukar untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian melalui program latihan penempatan pekerjaan di industri.

Program ini dijalankan dengan kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC dan syarikat swasta secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) selama maksimum 12 bulan. Program SL1M merangkumi dua komponen latihan utama iaitu latihan kemahiran insaniah, maksimum dua bulan dan latihan di tempat kerja, maksimumnya 10 bulan dijalankan sepenuhnya sendiri oleh pihak syarikat. Pelatih SL1M akan diterapkan dengan lima modul utama iaitu *communication skill, creative and analytical thinking, organizational adaptability, values-driven professional and grooming and etiquette*.

Lima modul ini telah dikenal pasti oleh pihak majikan sebagai kelemahan utama para graduan yang perlu diperbaiki dan digarap bagi membantu mereka lebih mudah mendapat pekerjaan. Latihan yang diberikan bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan kompetensi graduan di samping kemahiran-kemahiran teknikal mengikut acuan dan keperluan syarikat dan industri yang melatih mereka.

Melalui pelaksanaan program SL1M graduan yang terpilih akan ditaja untuk dilatih serta didedahkan dengan pengalaman kerja sebenar di mana proses pembelajaran yang diperoleh sepanjang menjalani latihan diharap dapat membantu meningkatkan kemahiran dan *marketability* mereka, seterusnya memberikan nilai tambah dalam diri para graduan SL1M untuk mendapat pekerjaan sama ada di syarikat yang melatih atau pun di syarikat yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, program SL1M masih lagi diteruskan dan pelaksanaannya berjalan seperti biasa oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian di dalam program-program ini. Cuma untuk makluman Dewan, SL1M yang dahulunya di bawah EPU dan ada kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam beberapa program di bawah JTK, TalentCorp. dan juga di bawah Pembangunan Sumber Manusia. Kini saya telah pun dimaklumkan bahawa SL1M telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan akan diambil alih oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Satu kenyataan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, SL1M akan dijenamakan semula dengan diberikan fokus tertentu dan juga nafas baru untuk program SL1M ini.

■1120

SL1M akan diberikan penjenamaan baru secara rasmi dan sentiasa mengambil kira pandangan, kaji selidik dan input daripada graduan industri serta kepimpinan baru untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan Program SL1M demi memastikan kelangsungan program ini membantu lebih ramai graduan mendapat peluang latihan dan pekerjaan.

SL1M turut mengambil positif cadangan menambah modul perniagaan di dalam latihan SL1M sebagai usaha untuk memberi peluang yang lebih kepada graduan menjadi usahawan seterusnya dapat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakan-rakan graduan yang lain yang masih menganggur.

SL1M telah mengadakan program *outreach* SL1M berskala mega yang dinamakan Program Temu duga Terbuka SL1M di seluruh Malaysia dengan membawa lebih 100 syarikat

yang mempunyai pelbagai jawatan kosong untuk pelbagai peringkat kelulusan di setiap program bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai program SL1M dan menawarkan peluang latihan serta pekerjaan kepada graduan.

Program ini sekali gus mendekatkan SL1M kepada graduan dan masyarakat agar mereka mendapat capaian maklumat terkini dan seterusnya dapat mendaftar secara terus dengan program SL1M. Kaedah ini dapat membantu lebih ramai graduan yang datang dari keluarga miskin dan tinggal di kawasan pedalaman menyertai SL1M. Selain itu, hebahan secara meluas turut dilakukan melalui media cetak, elektronik dan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *YouTube* dan *Twitter* agar maklumat mengenai program dan aktiviti SL1M dapat diketahui semua golongan masyarakat dengan pantas.

Bagi mewujudkan lebih banyak penempatan latihan di syarikat kerajaan memutuskan untuk menjadikan pelaksanaan Program SL1M sebagai salah satu syarat dalam...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Membaca saja budak sekolah pun boleh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Perolehan kerajaan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017 melalui satu pekeliling Perlembagaan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau baca saja, edar sajalah. Tidak payahlah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Semua syarikat yang mendapat kontrak kerajaan yang bernilai....

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Timbalan Menteri malulah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Melebihi nilai ambang seperti yang ditetapkan di dalam pekeliling tersebut wajib mengambil bahagian di dalam program SL1M dengan memastikan syarikat ini menyumbang semula sebanyak satu peratus daripada nilai kontrak kepada pembayar-pembayar cukai dan masyarakat yang memerlukan bantuan untuk meningkatkan kebolehan pasaran graduan.

Dasar ini dilihat sebagai satu medium dan langkah proaktif dan diambil oleh kerajaan bagi memastikan program SL1M terus kekal, relevan dan signifikan dalam membangunkan modal insan negara sekali gus membuka lebih banyak peluang latihan dan memperoleh pengalaman bekerja di syarikat yang mengambil bahagian dalam program SL1M. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah memandangkan masih ramai graduan belum dapat pekerjaan kekal, jadi soalan tambahan saya adalah bolehkah kementerian bagi statistik berapa bilangan graduan yang sudah sertai program ini sejak pelaksanaan program SL1M dan berapa sudah dapat penempatan pekerjaan. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sejak daripada tahun 2011 sehingga Oktober 2018, seramai 125,986 orang telah pun menyertai program SL1M.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sahih soalan bocor. *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya difahamkan 75 peratus daripada mereka ini telah pun berjaya mendapat penempatan pekerjaan di dalam syarikat-syarikat yang mengendalikan latihan kepada mereka ataupun syarikat-syarikat yang lain iaitu mereka syarikat-syarikat yang lain itu yang berminat kerana mereka ini telah pun mendapat latihan yang sebaiknya.

Kita mengharapkan bahawa banyak program yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan untuk graduan kita ini termasuk di bawah kementerian-kementerian yang lain di bawah apa yang dinamakan GENERATE, apa yang dinamakan STARS di bawah Pembangunan Sumber Manusia, di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri kemudian di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Gap dan juga di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga mengadakan program-program yang sama untuk mengatasi masalah graduan menganggur ini supaya mereka boleh ditempatkan di dalam industri pekerjaan.

Status pekerjaan selama menyertai program SL1M ini kita lihat bahawa mereka yang bekerja di tempat latihan mereka 24.97 *percent*, yang bekerja di syarikat lain 46.49 *percent* dan yang masih berminat untuk meneruskan program SL1M ini 3.19 persen bermakna bawah 75 *percent* berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan ini. *Alhamdulillah*.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya bagaimanakah kementerian hendak memastikan graduan daripada program Skim Latihan 1Malaysia ini tidak didiskriminasikan di dalam lapangan pekerjaan terutama sekali diskriminasi di dalam iklan-iklan pekerjaan yang mengandungi syarat-syarat seperti mengehadkan pemohon-pemohon dari sesuatu bangsa atau gender sahaja.

Saya mencadangkan satu bentuk jangka masa membimbing supaya diskriminasi bentuk-bentuk sebegini yang jelas semakin tidak terkawal tidak menjejaskan graduan SL1M ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar. *Insyah-Allah* kerajaan akan memastikan supaya bahawa hal yang berkaitan dengan diskriminasi terhadap mereka ini tidak akan berlaku dan kita sentiasa menjalankan kerjasama. Manakala dari segi SL1M ini ia lebih kepada melakukan dengan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan pihak sekretariat SL1M ini.

Jadi tidak timbul masalah kerana syarikat-syarikat ini kebanyakannya ialah GLC. GLC dan syarikat-syarikat yang mendapat manfaat daripada projek-projek kerajaan dan kontrak-kontrak kerajaan jadi mereka seharusnya mengambil tanggungjawab untuk membantu graduan-graduan kita. Jadi tidak timbul isu soal diskriminasi.

8. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam meningkatkan industri pelancongan luar bandar, inap desa dan lain-lain lagi sekali gus membantu meningkatkan aktiviti ekonomi setempat.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tuan Yang

di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan industri pelancongan luar bandar, inap desa dan lain-lain termasuk dalam membantu meningkatkan aktiviti ekonomi setempat adalah seperti berikut; pertama, menggalakkan penduduk luar bandar menjadi usahawan desa dengan terlibat di dalam industri kecil dan sederhana sebagai pengusaha *homestay* ataupun inap desa, kraf tangan, makanan dan produk-produk nilai tambah lain untuk meningkatkan lagi pendapatan kepada masyarakat luar bandar.

Sehingga September 2018 Kementerian telah mendaftarkan sebanyak 208 *cluster homestay* dengan penglibatan 4,005 pengusaha ataupun peserta dari kalangan masyarakat luar bandar yang menawarkan 5,620 bilik untuk pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat Jelebu, di Negeri Sembilan saja terdapat 288 pengusaha *homestay* yang meliputi 33 kampung dan menawarkan 435 bilik.

Kedua, ialah menyediakan program pembangunan keupayaan ataupun *capacity building* bagi peningkatan kemahiran seperti Kursus Asas *Homestay*, Pembangunan Pakej, Pemasaran Melalui Media Sosial, Pengendalian Makanan dan *Tourism Awareness* kepada peserta *homestay* bagi tahun 2016 hingga tahun 2018 seperti berikut; pada tahun 2016 bilangan kursus ialah 70 dan bilangan jumlah peserta *homestay* ialah sebanyak 243 orang peserta. Pada tahun 2017 bilangan kursus ialah 56, jumlah peserta ialah 1,867 orang peserta, untuk tahun 2018 sehingga September 35 bilangan kursus, jumlah peserta *homestay* ialah 1,020 orang.

■1130

Ketiga, memberi bantuan menaik taraf kemudahan guna sama infrastruktur asas di perkampungan *homestay* yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di *homestay*. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.73 juta bagi 35 projek peningkatan kemudahan *homestay* yang melibatkan 30 buah *homestay* di seluruh negara.

Keempat, Kementerian melalui Kraftangan Malaysia juga terus komited untuk meningkatkan industri pelancongan luar bandar melalui pembangunan industri kraf tempatan. Antaranya, pemerksaan komuniti kraf. Sehingga kini, sebanyak enam projek berasaskan komuniti telah dilaksanakan dengan janaan pendapatan sebanyak RM7.51 juta dengan bilangan usahawan sebanyak 409 orang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tentang inap desa ini. Cumanya, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa salah satu daripada punca pendapatan masyarakat luar bandar ialah *homestay* atau inap desa. Kalau kita kaji berdasarkan kepada statistik, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, ketibaan pelancong ke *homestay* luar bandar sahaja bertambah menurun daripada tahun ke tahun. Pelancong domestik juga turun.

Antara faktor yang menyebabkan penurunan pelancong ini oleh kerana bahasa mereka, *hearsay*, Tuan Yang di-Pertua. *Hearsay* ini maknanya faktanya saya tidak tahu. Saya minta

kementerian sama ada jawab ataupun melalui bertulis, berapa jumlah pelancong? Apa yang kita tahu ialah pelancong luar negara yang ramai daripada pelancong domestik ke *homestay* ini.

Antara masalah yang melibatkan penurunan pelancong ini adalah masalah bahasa. Ini kerana operator kepada inap desa ini kebanyakan mereka tidak boleh berkomunikasi dengan baik dengan pelancong-pelancong yang melanggan di inap desa yang disediakan. Bukan sahaja pelancong luar negara tetapi pelancong domestik pun. Kalau orang Negeri Sembilan pergi ke inap desa di Kelantan umpamanya, kebanyakan bahasa yang digunakan di negeri Kelantan tidak difahami oleh orang Negeri Sembilan. Apatah lagi bahasa yang di sini tidak difahami oleh pihak yang di sana, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, tidak boleh hendak *match*. Apakah langkah kementerian supaya perkara ini boleh diperbaiki?

Last sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menentukan harga ini— kerana harga *homestay* ini berubah-ubah. Kenapa tidak kementerian buat satu *standardize*? [Disampuk] Janganlah kacau. Biarlah saya cakap. Tuan Yang di-Pertua, antara peraturan Parlimen ialah apabila orang bercakap, tolonglah Ahli Parlimen lain jangan kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Itu memang betul. [Ketawa]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kenapa tidak pihak kementerian, Tuan Yang di-Pertua— Tuan Yang di-Pertua tolong tegur mereka ini, Tuan Yang di-Pertua. Buang masa. Kenapa tidak pihak kementerian menentukan harga yang standard untuk operator *homestay* di semua kawasan luar bandar agar kita boleh bantu pendapatan mereka untuk menaikkan taraf ekonomi bagi mengurangkan bebanan mereka di kawasan luar bandar.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jelebu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah pelancong domestik dan pelancong antarabangsa, jumlah yang datang ke *homestay* ialah sebanyak 382,961 orang dan 18 *percent* ialah daripada pelancong antarabangsa. Kebanyakannya ialah daripada Korea dan Jepun. Mereka suka tinggal di *homestay* di Malaysia. Pada tahun ini, Januari hingga September 2018, peningkatan kepada pelancong antarabangsa ialah sebanyak— daripada jumlah 244,000 itu, sebanyak 53,000 atau 22 *percent* ialah daripada pelancong antarabangsa.

Pihak kami sedang juga berbincang dengan platform *Expedia* baru-baru ini, di mana kita hendak satukan semua pengusaha *homestay* ini ke dalam platform *Expedia* yang dinamakan *HomeAway*. Dengan adanya platform antarabangsa seperti *Expedia* ini, maka kita harap untuk menambahkan lagi jumlah pelancong asing untuk menginap di *homestay-homestay* di Malaysia.

Memang saya akui, *homestay* ini merupakan pendapatan kepada pengusaha-pengusaha di luar bandar. Kita kerajaan baharu ini tidak meninggalkan pengusaha-pengusaha, sebaliknya kita banyak melakukan *capacity building* ataupun *training* di kalangan pengusaha *homestay* bagaimana untuk berbahasa atau bagaimana untuk menggunakan bahasa-bahasa yang sesuai untuk bersama dengan pelancong-pelancong asing. Kita pun tahu sekarang ini dengan teknologi

tertinggi sekarang ini, kita ada *Apps* yang boleh menterjemahkan bahasa-bahasa, tidak kira bahasa mana daripada dunia ini.

Jadi, *insya-Allah*, penekanan kepada *homestay* ini memang kita buat sekarang. Tahun depan pun kita juga mempunyai rancangan untuk menambah baik infrastruktur asas *homestay* dan juga meningkatkan lagi mutu servis kepada pelancong-pelancong asing.

Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada soalan provokasi. Saya terus kepada soalan sebab *homestay* ini menjadi satu penambahbaikan pendapatan yang kita menjurus kepada orang-orang desa, kampung untuk mereka meraih keuntungan.

Namun, yang jelas masalah yang dihadapi oleh mereka, ini soalan saya. Apakah langkah kementerian untuk memastikan keperluan asas seperti tuala, sabun, air mandi dan juga apa sahaja yang menjamin keselesaan pelanggan untuk membantu serta memastikan *homestay* yang berdaftar ini mendapat keperluan-keperluan asas yang diperlukan oleh pelanggan? Ini kerana dengan itu, walaupun kecil masalahnya tetapi ia besar kepada pelanggan. Mohon kementerian mengambil langkah drastik untuk membantu keperluan asas, malah kalau bajet itu diperlukan, perlu diberi suntikan untuk mereka memastikan *homestay* itu bergerak selari dengan hotel-hotel dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Dahsyat soalan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kita daripada semasa ke semasa membuat pemeriksaan ke atas *homestay-homestay* yang terlibat. Kita ada 4,005 peserta daripada seluruh negara dan memang menjadi SOP kita untuk memastikan bahawa bilik-bilik yang ditawarkan itu mempunyai produk ataupun mempunyai kemudahan asas kepada pengunjung. Kalau tidak mempunyai air yang baik ataupun bekalan air yang baik ataupun macam Yang Berhormat Kapar tadi kata tidak ada sabun dan sebagainya, kita tidak akan meluluskan peruntukan dan kita akan *delist* atau keluarkan senarai daripada pengusaha *homestay*.

Oleh sebab itu, kita banyak melakukan pembangunan dalaman, kursus asas *homestay* supaya mereka tahu bagaimana untuk menjalankan operasi *homestay*. Macam saya sebut tadi, kita sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti *homestay* yang ditawarkan itu menepati standard asas. Sekian, terima kasih.

9. Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan Kerajaan Persekutuan dalam usaha menaik taraf jalan raya di luar bandar Sarawak terutama jalan di dalam kampung dan adakah kerajaan berhasrat untuk menyalurkan peruntukan khas kepada setiap kawasan Parlimen bagi tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Mas Gading, pihak kementerian sentiasa komited bagi melaksanakan infrastruktur luar bandar, terutamanya di negeri Sarawak. Projek-projek jalan dan jambatan yang telah dirancang sebelum ini akan diteruskan

pelaksanaannya bagi menyediakan akses jaringan jalan raya yang selesa dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk, terutamanya di kawasan luar bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 atau RMKe-11 dari tahun 2016 hingga tahun 2019, sebanyak RM757.55 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 43 buah projek jalan luar bandar (JALB) di negeri Sarawak. Manakala jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi projek jalan perhubungan desa (JPD) negeri Sarawak— ini kategori yang berbeza— untuk tempoh tahun 2016 hingga tahun 2018 pula adalah sebanyak RM150.45 juta yang melibatkan 378 buah projek JPD negeri Sarawak.

■1140

Bagi tahun 2019, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi projek JPD negeri Sarawak. Namun, bilangan projek JPD Sarawak bagi tahun 2019 masih belum dimuktamadkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek jalan perhubungan desa (JPD) itu adalah berdasarkan permohonan yang diterima. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian memohon jasa baik Yang Berhormat untuk mengemukakan senarai permohonan mengikut keutamaan bagi tujuan siasatan dan anggaran kos. Sekiranya menepati skop dan terdapat keperluan mendesak, permohonan tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya, tertakluk kepada siling peruntukan yang diluluskan kepada setiap negeri.

Kementerian setiap tahun akan cuba untuk melaksanakan projek JPD ini di setiap Parlimen luar bandar di negeri Sarawak, bergantung kepada permohonan dan jumlah peruntukan tahunan yang diterima. Sekian, terima kasih.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, saya ingin membawa perhatian pihak kementerian untuk penurapan jalan ke Kampung Kendaie yang terletak di Lundu sepanjang sembilan kilometer yang tidak pernah disebut di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini. Jadi, keadaan jalan ini sangat kritikal dan sangat memerlukan perhatian daripada pihak kementerian. Jadi, saya harap pihak kementerian akan mengutamakan jalan ini di kawasan Mas Gading. Saya ingin tahu, berapakah jumlah siling untuk setiap negeri untuk program ini?

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tambahan itu. Untuk yang pertama, saya ingin cadangkan, kalau jalan itu belum disebut dalam Dewan ini, kita perlukan permohonan spesifik. Seperti saya sudah sebutkan tadi, kita mengalu-alukan permohonan. Sebut projek, jalan mana, berapa jauh dan sebagainya dan justifikasi dan selepas itu, pertimbangan yang sewajarnya akan diberikan kepada cadangan daripada Yang Berhormat.

Untuk kategori jalan perhubungan desa (JPD) itu, boleh bawa terus kepada kementerian. Manakala untuk kategori jalan luar bandar, itu akan dikemukakan melalui peringkat negeri, sebab negeri Sarawak akan buat senarai keutamaan itu.

Kedua, berkaitan dengan siling untuk setiap negeri, oleh sebab itu tidak ada dalam skop jawapan asal, saya minta kita akan beritahu maklumat itu melalui jawapan bertulis, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua di sebelah kanan. [Merujuk kepada blok kerajaan] kalau ada. Tidak ada? Sebelah kiri? [Merujuk kepada blok pembangkang] Ya Yang Berhormat Machang, silakan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita difahamkan bahawasanya senarai jalan-jalan luar bandar ini memang sudah ada dalam pangkalan data pihak kementerian, untuk bukan sahaja Sarawak, tetapi seluruh negara.

Jadi saya hendak tahu di sini, pertama, jalan luar bandar, kedua, jalan perhubungan desa ataupun jalan kampung. Ada atau tidak satu perancangan oleh pihak kementerian untuk meletakkan satu *timeline* bilakah masalah-masalah ini dapat diselesaikan? Contohnya tahun 2020, tahun 2021 ataupun tahun 2022 kerana kita sedar bahawasanya jurang pembangunan ini antara luar bandar dengan bandar ini terlalu amat ketara. Dalam kita menuju negara maju sudah tentulah kita hendak akses-akses yang menghubungkan semua jalan ke kawasan pedalaman ini dapat disambungkan. Kalau boleh, minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Machang atas soalan itu. Ia memang satu soalan yang cukup penting juga. Pendekatan yang digunakan kepada dua kategori itu berbeza.

Untuk jalan luar bandar, saya difahamkan memang mesti ada rancangan berdasarkan tempoh apa yang akan dicapai untuk setiap tahun dan sebagainya dan ada rancangan lima tahun dan sebagainya dan semua ini akan dibuat di peringkat negeri. Di Semenanjung akan diselia di bawah JKR dan di negeri Sarawak oleh JKR Sarawak dan di Sabah oleh JKR Sabah. Memang mereka ada rancangan, tetapi pelaksanaan akhirnya terpulang kepada peruntukan. Itulah batasan yang kita hadapi di semua peringkat, baik di peringkat pusat ataupun di peringkat negeri.

Untuk jalan perhubungan desa, itu pendekatannya lain. Buat masa sekarang, ini yang dibuat dahulu dan kita teruskan buat masa sekarang. Untuk jalan perhubungan desa, ini dibuat berdasarkan permohonan dari kawasan Yang Berhormat dan sebagainya. Seperti saya sebut tadi, itu akan dipertimbangkan berdasarkan kepada keperluan mendesak, skop, kos dan semuanya dan diluluskan akhirnya juga mengambil kira peruntukan yang diberi kepada negeri secara keseluruhan dan kita juga mencuba untuk mengagihkan secara adil untuk semua kawasan. Kita tidak mahu melihat kawasan Parlimen di mana ada kawasan luar bandar ditinggalkan dari dapat pengagihan atau bahagian yang adil.

Akan tetapi bagi saya juga, berhasrat untuk JPD juga melihat satu pendekatan yang lebih sistematik. Di mana untuk JPD juga, kita dapat *mapping*, kita buat *mapping* yang terperinci. Kita melihat mana-mana kampung yang belum ada jalan yang baik sampai ke kampung itu dan buat pendekatan yang bukan sahaja bergantung kepada permohonan, tetapi secara sistematik, kita pastikan dalam tempoh yang tertentu, kita dapat siapkan kerja yang penting ini. Jadi, saya pun setuju dan kita akan ambil kira cadangan itu. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan berhasrat menilai semula pelaksanaan sebatan sivil yang dilihat tidak berperikemanusiaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok yang bertanyakan soalan tentang hukuman rotan iaitu apakah kerajaan berhasrat menilai semula pelaksanaan sebatan sivil yang dilihat tidak berperikemanusiaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Bachok, buat pada masa ini, tidak ada apa-apa keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memansuhkan ataupun menilai semula pelaksanaan sebatan sivil. Saya akui Yang Berhormat, bahawa jika dibandingkan hukuman sebatan yang ada sekarang dengan hukuman mungkin, kalau kita hendak bandingkan dengan hukuman sebatan mengikut hukum Islam, memang ada terdapatnya perbezaan.

Sebab perbezaan itu wujud kerana mungkin falsafah hukuman itu sendiri. Jadi, dalam hukuman yang Islam, dia lebih kepada untuk – dia panggil *ta'dib*, dengan izin untuk mendidik. Jadi dia bukan sangat untuk menyakiti. Akan tetapi kalau kita lihat dalam hukuman sivil ini, ia lebih untuk menyakiti. Oleh sebab dia kata itu *deterrent* dan dia dikenakan kepada hukuman-hukuman yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang agak serius, yang mungkin melibatkan ada unsur-unsur kekerasan.

Oleh sebab itulah di situlah kenapa ada perbezaan. Jadi saya rasa, buat masa ini, memang tidak ada keputusan dari pihak kerajaan. Walaupun kita akui di England dan juga di India telah pun dihapuskan hukuman sebat ini. Di England telah dihapuskan hukuman sebat melalui satu undang-undang dipanggil *Criminal Justice Act* dan di India, dia hapuskan hukuman sebat itu berdasarkan satu akta yang dipanggil *Abolition of Whipping Act 1955*.

Untuk makluman juga Yang Berhormat Bachok, kalau sebatan dahulu sebelum 1993, dia ada satu akta yang dipanggil – dia menggunakan apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris nya, *cat-o'-nine tails* atau nama singkatnya CAT. Dia macam hukumannya– hendak cakap pun saya tidak tahu. Dia macam ada banyak. Rotan itu macam ada bercabang-cabang lah. Sebab kalau dia sebat macam itu, kesannya, ia melibatkan mungkin dengan izin, *inflict several wounds*, lukanya mungkin merebak ke tempat lain juga. Oleh sebab itu dihapuskan pada tahun 1993. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis hukuman oleh undang-undang negara kita yang menjadi polemik dan perbahasan di peringkat awam dan perundangan iaitu hukuman mati dan juga hukuman sebat. Kerajaan dilihat ingin mempercepatkan pemansuhan hukuman mati, sedangkan ia *valid* dan sah di sisi semua agama langit, demi memelihara nyawa umat manusia dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Bagi saya adalah lebih baik jika pihak kerajaan memberi tumpuan dahulu kepada penambahbaikan hukuman sebat ataupun rotan kerana perbahasannya hanya lah bertumpu kepada kaedah sebatan sahaja, bukan menghapuskannya.

■1150

Adalah jelas bahawa sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa sebatan sivil adalah bersifat keras dan tidak bertanggung, begitu menakutkan, memeritkan dan terlalu tidak berperikemanusiaan. Ia tidak memenuhi matlamat *rahmatan lil alamin* untuk mendidik pesalah dan memberi keinsafan yang benar kepada mereka. Ia berbeza dengan sebatan Syariah yang bersifat ringan dan boleh tanggung. Begitu memenuhi matlamat sebenar hukuman iaitu mendidik dan menginsafkan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kerajaan telah melakukan perbandingan di antara kedua-dua jenis sebatan ini secara adil dalam pelbagai sudut? Selain mengambil kira pandangan rakyat demi menambahbaikkan sistem perundangan negara kita bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Bachok. Apabila beliau kata kenapa rakyat— saya pun tidak berapa begitu jelas. Adakah pihak Yang Berhormat merujuk kepada semua rakyat ataupun hanya kepada ahli-ahli PAS sahaja? Oleh sebab saya...

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Maksud saya mengambil kira pandangan rakyat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Rakyat itu siapa? So, kalau boleh lebih spesifiklah. Bukan...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kenapa pusing-pusing pula ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kadang-kadang...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kenapa pusing-pusing ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kadang-kadang kita – minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Rakyat tidak tahu, hendak jadi Menteri macam mana?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh! Saya hendak beritahu beginilah. Kadang-kadang bila kita cakap rakyat ini, kita dengar suara dua orang kita terus kata rakyat. Kita terus buat satu *conclusion* untuk rakyat. Jadi kadang-kadang tidak *fair* lah. Saya bukan kata saya hendak menidakkan itu, saya hendak katakan saya—kalau saya hendak tahu, kalau betul pendapat rakyat, kita hendak tahu siapa rakyat itu? Rakyat yang macam mana? Adakah...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Saya pun rakyat juga, bukan PAS.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tahu.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Saya pun tahu juga jawapan itu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Jawab sahajalah Yang Berhormat Menteri, pusing-pusing pula.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Jangan sebut satu-satu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini jawablah, kenapa lah tidak belajar sangat. Ini jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi peluang. Penjelasan dia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kita hendak bagi jawapan supaya kita boleh mencari satu penyelesaian yang baik. Saya beri isu ini...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Jangan prejudislah. Jawab soalan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak prejudis.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ini akademik ini, serius.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *I am serious. I am being serious now.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *You are not serious. [Dewan riuh]*

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kalau tidak boleh jawab, tidak perlu jawablah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak payah jawablah, kalau tidak boleh jawab. Belit-belit sahaja, pusing-pusing.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata beginilah. Kalau betul ada pendapat rakyat setelah dibuat kajian daripada rakyat, bagi bukti kepada kita. Kita akan kaji. Sebenarnya kita kerajaan yang bersedia mendengar rakyat. Oleh sebab itulah kita dipilih oleh rakyat untuk menjadi kerajaan. Tidak macam Kerajaan Barisan Nasional, tidak mendengar rakyat, sebab itu rakyat tolak. Jadi, saya hendak kata beginilah Yang Berhormat Bachok...

Seorang Ahli: Apalah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tunggulah rakyat hendak bangkit.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Berbelitnya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau betul ada satu kajian— saya buat masa ini, saya tidak mendapat apa-apa maklumat ada perbandingan itu. Akan tetapi kalau sekiranya betul, Yang Berhormat rasa ada satu kajian oleh rakyat menyatakan minta hukuman ini dikaji semua saya rasalah Yang Berhormat boleh menulis kepada saya ataupun hantar surat kepada saya. Saya akan bawa perkara ini ke peringkat lebih tinggi lagi. Itu saya boleh bagi jaminanlah.

Jadi saya hendak kata bahawa kita bersedia mendengarlh mana-mana pendapat yang mungkin boleh diambil kira untuk memastikan sebarang hukuman yang dikenakan ke atas mana-mana penjenayah ini boleh menyebabkan mana-mana penjenayah yang bakal akan melakukan jenayah ini tidak akan melakukan jenayah. Oleh sebab itulah saya mengharap sangat Yang Berhormat juga memainkan perananlah. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Maksud saya, adakah kerajaan...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah. Sudah jawab. Soalan tambahan kedua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri, saya memahami kehendak Yang Berhormat Bachok dan saya menilai daripada sifat yang berada di negara-negara luar yang kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa sebatan itu sebenarnya tidak boleh mendidik dengan cara apa yang kita amalkan pada hari ini. Hal ini kerana bukan mendidik, ini akan menyeksa pesalah. Apa yang saya khuatir mereka ini orang yang tidak bersalah tetapi dibuat fitnah atas kesalahan itu.

Maka soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri secara terus iaitu setelah mendengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, England dan juga India telah menghapuskan sebatan. Jadi soalan saya ialah, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri atau kerajaan untuk menghapuskan hukuman sebatan secara *total* dan digantikan dengan sebatan kepada melanjutkan hukuman penjara itu supaya lebih bermanfaat atas keinsafan mereka yang didakwa pesalah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih juga kepada sahabat saya yang memang bersemangat daripada pagi tadi.

Jadi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Kapar, bahawa setakat ini tidak ada apa-apa keputusan oleh pihak kerajaan untuk memansuhkan hukuman sebatan. Oleh sebab hukuman sebatan ini adalah hukuman yang telah lama berada di negara kita. Sebenarnya saya akuiilah memang ada juga dia punyai kesan *deterrence* ia. Walaupun kita mungkin agak berbeza pendapat kerana hukuman ini lebih kepada menyakitkan tetapi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bachok tadi, hukuman sebatan ini adalah hukuman yang *universal* sudah, boleh diterima oleh— bukan sahaja kerana dia bersifat ada di dalam agama tetapi juga di luar struktur agama. Oleh sebab itulah, adakah kita hendak menukar hukuman?

Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam undang-undang sekarang— dipanggil *Criminal Procedure Code* (CPC), daripada seksyen 286 sampai 292 itu adalah berkaitan dengan hukuman sebatan. Antara undang-undang yang juga terlibat adalah Akta Penjara dan juga Peraturan-peraturan Penjara. Jadi saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat, dalam undang-undang sekarang pun, kalau sekiranya seseorang itu hendak disebat, wajib mesti ada pegawai perubatan, mesti ada. Jadi— dan mahkamah juga boleh mengubah hukuman sebatan kepada hukuman penjara. Sebagai contoh, jika didapati bahawa hukuman sebatan ini kalau dilaksanakan dia mungkin boleh memudaratkan orang itu. Jadi ada ia punya perkiraan-perkiraan. Jadi undang-undang sekarang ini sebenarnya ada ruang untuk hukuman itu ditukar.

Oleh sebab itu saya kata – bagi sayalah hukuman sebatan ini, buat masa ini kerajaan rasa perlu lagi untuk dilaksanakan. Akan tetapi walau bagaimanapun, kerajaan bersedia untuk mendengar mana-mana pihak yang membuat kajian secara terperinci, beri kepada kita dan kita akan kaji benda ini. Seperti hukuman mati juga, kita akan jadi. Bukan kita telah membuat keputusan, kita sedang kaji. Walaupun kita akui, *but*— dia masalah dia begini Yang Berhormat, bila melibatkan hukuman keras ini, misalnya hukuman mati. Kita mempunyai *concern* adalah

kalau sekiranya dia dilakukan ke atas orang tidak bersalah, dia hendak *reverse* balik susah. Kalau sudah mati kita hendak *reverse* balik macam mana? Oleh sebab itulah yang menyebabkan hukuman mati ini dikira tidak perlu kita letakkan satu mandatori beri pada hakim.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya haraplah pihak-pihak yang ingin memastikan hukuman ini dikaji semula ataupun dilihat semula, berilah input kepada kita. Kita bersedia mendengar. Sekian, terima kasih.

11. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Kerja Raya menyatakan perancangan untuk menaik taraf Jalan Tampin-Gemas kepada empat lorong memandangkan jajaran tersebut adalah jalan utama yang diguna pakai oleh pasukan Angkatan Tentera Darat yang berpusat di Kem Syed Sirajuddin.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tampin bertanya tentang— untuk menaik taraf Jalan Tampin-Gemas kepada empat lorong, memandangkan jajaran tersebut adalah jalan utama yang diguna pakai oleh pasukan Angkatan Tentera Darat yang berpusat di Kem Syed Sirajuddin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengangkat permohonan menaik taraf Jalan Senawang ke Gemas laluan satu di dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1), RMK Ke-11. Namun Tuan Yang di-Pertua, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan daripada agensi pusat dalam tempoh yang diperuntukkan. Selain itu berdasarkan kepada data banci *Road Traffic Volume Malaysia 2017* (RTVM) dengan izin, direkodkan bahawa aliran trafik di kawasan ini masih lagi lancar dan stabil serta belum lagi mencapai kapasiti aliran trafik yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Tampin, bahawa projek ini juga tidak tersenarai dalam senarai keutamaan negeri bagi Negeri Sembilan untuk permohonan *Rolling Plan* Keempat dalam RMK Ke-11 baru-baru ini.

■1200

Justeru itu kementerian ini walau bagaimanapun bersedia untuk menyenaraikan semula projek ini di dalam permohonan *Rolling Plan* yang akan datang sekiranya disenaraikan di dalam senarai projek keutamaan Negeri Sembilan serta setelah memenuhi keperluan teknikal untuk di naik taraf kelak. Demikian jawapan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang genap pukul 12.00 tengah hari kecuali ada soalan tambahan yang ringkas. Tidak ada. Saya ingat kita berhenti di sini sahajalah. Dengan itu tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan lisan telah tamat.

[Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.00 tgh.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa tiga Kementerian. Kementerian Industri Utama, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 28 November 2018.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Tuan Yang di-Pertua, saya dari Temerloh menyokong cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Ketiga]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Sekarang ini adalah giliran Kementerian Industri Utama.

Maksud B.20 [Jadual] -**Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi: Kepala B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Industri Utama terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Pontian.

12.03 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi: 10 minit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Yang Berhormat Tuan Pengerusi memberi peluang untuk saya memberikan beberapa perkara tentang Kementerian Industri Utama. Kelihatan bajet kementerian ini dipotong begitu banyak sekali, saya amat bersimpati kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Seputeh kelihatan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bersimpati langsung dengan Yang Berhormat Seputeh.

Daripada RM938 juta tahun 2018 dipotong hanya menjadi RM506 juta, 2019 dan kekurangannya RM432 juta. Apabila saya melihat buku mengenainya antara sebab utama ialah kerana RM260 juta bantuan musim tengkujuh untuk pekebun getah ini ditiadakan. Itu di antara sebab utama jumlah potongan yang begitu banyak. Saya harap bantuan musim tengkujuh ini, kita boleh cari duit untuk diteruskan kerana ia amat penting untuk penoreh-penoreh getah. Itu perkara pertama yang saya ingin nyatakan di sini.

Perkara kedua, sehubungan dengan getah, tajuk Lembaga Getah Malaysia. Saya difahamkan oleh Yang Berbahagia Dato' Aliasak Ambia, Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM). Beliau menyatakan bahawa walaupun naik insentif pengeluaran getah kepada RM2.50 daripada RM2.30 tetapi ia masih rendah. Pada ketika kita mengalami masalah kekurangan wang, saya kira kita boleh mendapatkan perkara-perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Antara sumber kewangan bagi mendapatkan wang ialah RM30 bilion yang diambil daripada dividen Petronas itu tidak semestinya akan digunakan sepenuhnya pada tahun depan. Ada di antara pihak-pihak yang menuntut sama ada daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun daripada cukai *refund* GST. Tidak semuanya akan diberikan pada tahun depan. Oleh sebab itu daripada RM30 bilion itu, saya hampir pasti ada lebih kerana di antara syarikat-syarikat yang berkaitan belum selesai diaudit. Saya difahamkan ada 10 peratus lagi yang belum diaudit daripada angka RM19 bilion wang untuk *refund* GST. Oleh sebab itu, kemungkinan ada baki daripada RM30 bilion dana paksa daripada Petronas itu dan ia boleh digunakan untuk bantuan musim tengkujuh ataupun untuk menaikkan lagi insentif pengeluaran getah.

Seterusnya kerajaan perlu menimbang untuk langkah menetapkan harga lantai getah ini dan saya kira ia perlu dilaksanakan. Satu lagi ialah, saya harap pihak kementerian berusaha untuk menggalakkan supaya pekebun-pekebun kecil getah ia bukan hanya mengeluarkan getah sekerap sebab getah sekerap ini tidak mahal harganya, yang lebih mahal ialah getah keping. Getah keping ini ia agak mengambil masa untuk diproses sebab itu kadang-kadang penoreh dan pekerja kurang ada motivasi untuk melaksanakan sebab ia kena ada mesin getah dan sebagainya dan tempat pemprosesan getah untuk memproses getah tersebut. Saya faham

tentang perkara ini kerana saya anak penoreh getah dan saya pernah menoreh getah banyak kali semasa saya di sekolah, waktu cuti dan sebagainya Tuan Pengerusi.

Jadi kalau kita boleh menggalakkan penoreh-penoreh getah ini mengeluarkan getah keping bukan hanya getah sekerap, ia boleh menambahkan hasil getah. Satu lagi ialah teknologi penorehan getah. Apabila kita sudah matang dalam mengeluarkan getah ini, ada macam-macam sistem baru penorehan getah dan juga ada alat-alat perangsangan untuk mengeluarkan getah itu lebih banyak tanpa ia merosakkan pokok getah. Alat-alat rangsangan itu perlu dijual dengan harga yang rendah, perlu digunakan dan Lembaga Getah Malaysia tentunya telah melakukan usaha-usaha penyelidikan yang begitu rapi selama ini dan ia boleh dijual kepada penoreh-penoreh getah bagi mengeluarkan getah yang lebih banyak. Begitu juga dari segi benih pokok getah yang lebih baik, jenis yang baik dan juga baja-baja getah yang lebih baik.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Timbalan Menteri kawan lama itu boleh berbincang dengan pekebun getah ini melalui persatuan mereka bahawa sistem yang mereka gunakan sekarang ini adalah sistem yang salah dari segi memberikan hasil antara pemilik, pekebun getah dengan penoreh getah. Mereka bahagikan hasil 50/50. Bagaimana penoreh getah yang bekerja boleh mendapat 50 peratus daripada hasil dan tuan punya getah, tuan punya kebun getah juga mendapat 50 peratus daripada hasil.

Saya kira itu adalah sistem yang merugikan kepada pemilik kebun getah. Sepatutnya pekerja hanya diberikan 20 peratus, pemilik 80 peratus atau 30/70. Akan tetapi saya difahamkan bahawa masalahnya ialah pekerja itu yang menjadi masalah, tidak ada sesiapa yang hendak menoreh getah kalau tidak dibahagi dua. Jadi ini satu lagi perkara yang saya harap dilihat oleh kementerian iaitu pekerja-pekerja untuk ladang getah dan juga kebun getah supaya apa yang berlaku tidak berlaku lagi pecahan hasil 50/50 yang merugikan tuan punya kebun getah.

Kemudian, saya juga ingin bertanya setakat mana penggunaan getah untuk jalan-jalan raya ini. Saya harap ia ditingkatkan penggunaannya kerana kerajaan terdahulu telah memulakannya. Saya berharap kerajaan sekarang jangan memberhentikannya. Lagi cepat lagi bagus bukan hanya lebu raya, bukan hanya jalan-jalan kampung tetapi juga lebu raya yang menggunakan getah ini boleh diperluaskan. Jadi getah kita boleh digunakan dengan lebih lagi.

Satu lagi perkara ketiga yang saya ingin nyatakan dalam ucapan ringkas ini ada tajuk-tajuk mengenai kenaf, koko, lada hitam dan juga kayu. Empat tajuk yang berbeza.

■1210

Saya ingin tahu berapa keluasan kenaf, koko dan lada hitam yang ada sekarang ini. Apakah galakan-galakan untuk tanaman kenaf, koko dan lada hitam? Jika berpotensi ia perlu diperluaskan. Setakat ini contohnya lada hitam hanya luas di Sarawak. Di Pontian, ada beberapa tempat yang dicuba untuk tanam lada hitam dan ia boleh berjaya rupa-rupanya. Bukan hanya di Sarawak boleh hidup dan subur lada hitam tetapi tempat macam di Pontian pun boleh lada hitam ini menjadi subur.

Jadi, usaha-usaha seumpama itu saya harap Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh melawat– tengok apa yang boleh dibantu di– pekerja dan pemilik lada hitam di kawasan Pontian. Boleh datang masa saya ada lah. Jangan masa saya tidak ada pula tiba-tiba Yang Berhormat Timbalan Menteri datang.

Kemudian, kayu ini Yang Berhormat Menteri ada jenis-jenis kayu tertentu yang boleh menjadi hasil...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekejap, ya sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mencadangkan untuk dapat sumber baharu, sekarang ini ramai orang makan *black pepper*. Jadi, apa kita rangsangkan supaya- minta pandangan daripada Yang Berhormat Pontian, apakah perlu kita gembelngkan atau murnikan sistem perladangan lada hitam ini?.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Betullah itu. Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Kita harap lada hitam juga boleh ditanam di Pendang bukan hanya tanam padi di Pendang. Apa yang saya hendak sebut ialah ada istilah ‘bank kayu’ ditanam pokok jati, ditanam sentang untuk pekebun-pekebun kecil. Itu saya hendak lihat apa yang berlaku.

Perkara yang akhir ialah tentang sawit, Tunas Sawit RM8 juta, MPOB RM13 juta, Kempen Anti-Sawit RM2 juta, setakat mana keberkesanan Kempen Anti-Sawit ini? Apakah usaha-usaha bersama dengan MITI, Kementerian Luar Negeri agar sawit boleh dijual di banyak lagi negara selain China, India ? Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada sebut Pakistan. saya kira Timur Tengah merupakan potensi besar untuk pasaran sawit kita. Ini kerana sawit kita tidak laku Yang Berhormat Menteri. Balik sahaja kampung orang kampung bertanya kepada saya. Apa jadi pada kerajaan baharu ini? Bila sawit hendak naik? Sudah pecah RM300, RM270, RM260 setan buah tandan segar ini. Orang kampung sedang berada dalam kesusahan terutama 650,000 pekebun kecil sawit ini. Ia perlu diambil kira yang amat penting tentang perkara ini iaitu kos pengeluaran sawit kita.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Satu lagi Yang Berhormat Menteri. Apa beza kos pengeluaran sawit di Malaysia dan kos pengeluaran sawit se tan di Indonesia? Kenapa Indonesia boleh mengeluarkan lebih rendah daripada Malaysia bagi kos setan sawit ini? Jadi, kita kena mengajak pekebun-pekebun sawit kita untuk mengeluarkan sawit dengan harga lebih kompetitif, kos tebang, benih, racun dan baja. Pekerja-pekerja juga menjadi masalah Yang Berhormat Menteri. Pekerja ladang sawit bukan hanya pekerja kebun getah. Pekerja ladang sawit juga menjadi masalah. Saya berharap teknologi sawit ini diteruskan seperti biodiesel B10, B20, perlu diteruskan kegunaannya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pontian, masa sudah habis Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, Kepala 94000 - Projek Berimpak Tinggi Industri Utama RM200.8 juta ini, apa dia? Minta penjelasan. Saya hendak perincian. Terima kasih.

12.13 tgh.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada 020200 - Lembaga Kenaf, 020500 - LGM, 030300 - Anti-Minyak Kelapa Sawit, 030500 - Bantuan Musim Tengkujuh dan akhir sekali P201101- LGM.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan negara terulung getah, kita pengeluar nombor satu, mungkin lebih 100 tahun sehinggalah bukan 10 tahun ini. Sekarang mungkin nombor enam atau nombor tujuh dalam dunia. Kelapa sawit kita nombor satu banyak tahun sehinggalah lima atau enam tahun lalu apabila Indonesia mengatasi Malaysia. Itu keadaannya sebagai mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, turun naik harga ini lumrah alam. Pasaran dunia, permintaan China dan lain-lain. China merupakan satu negara yang penting menentukan harga dan permintaan dan penawaran adalah penentu yang besar. Oleh yang demikian, dalam sektor komoditi ini, turun naik harga merupakan satu perkara yang amat sukar untuk kita tangani sepenuhnya. Saya hendak tahu yang pertama Tuan Yang di-Pertua mengenai RM2.50 harga getah ini. Pertama, kaedah pembayaran. Adakah ia dibayar sebulan sekali, dua bulan sekali? Ini kerana di masa yang lampau kadang-kadang ada kelewatan dalam pembayaran ini.

Seterusnya, saya hendak tahu sama ada akan diadakan *buy-in* ataupun penjelasan kepada orang kampung kerana mereka tanya macam mana kaedah bayarannya. Ini perlu, *buy-in* ini ataupun sokongan dan kefahaman daripada penoreh getah ini penting untuk memastikan hasrat murni kerajaan untuk menetapkan harga RM2.50. Sudah pasti seperti Yang Berhormat Pontian sebut tadi, kalau boleh ditingkatkan lagi lebih daripada RM2.50 harga lantai ini. Itu yang pertama, kekerapan bayaran dan sama ada kerajaan sudah pun mengadakan *engagement* dengan izin, *stakeholders*.

Seterusnya berkaitan dengan jangka panjang. Kita sedia maklum bahawa kemajuan Malaysia peringkat awalnya adalah oleh sebab kejayaan kita menanam getah jadi nombor satu dalam dunia. Kelapa sawit dianggap sebagai dengan izin *golden crop*— FELDA bagaimana negara kita telah berjaya ditransformasikan menjadi sebuah negara yang berjaya dalam permohonan tanah khususnya memberikan tanah kepada orang yang tidak bertanah. FELDA merupakan satu contoh terbaik di dunia digunakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan lain. Banyak negara daripada Afrika dan juga Indonesia dan lain-lain datang ke Malaysia untuk belajar. Akan tetapi kita sedia maklum bahawa sektor komoditi ini risikonya terlalu tinggi.

Maka pertanyaan saya, sama ada kerajaan ada rancangan untuk melihat semula secara radikal, sama ada kita hendak terus bergantung kepada getah dan kelapa sawit. Oleh kerana ini

merupakan pada masa dahulu, 100 tahun dahulu dan 50 tahun dahulu merupakan tanaman yang penting untuk menentukan kesejahteraan luar bandar. Hari ini, khususnya musim tengkujuh kawasan saya Jeli umpamanya, bulan sepuluh, bulan sebelas, lima enam hari sahaja dapat menoreh kerana hujan turun hampir pada setiap hari.

Jadi, apabila musim tengkujuh tinggal empat bulan. Bulan tiga dan bulan empat pula daunnya luruh getah ini, maka risiko tinggi. Pertama, harga ditentukan oleh pasaran dunia. Keduanya, cuaca. Oleh yang demikian, memandangkan risiko yang tinggi dan kelapa sawit pula Yang Berhormat Menteri mengumumkan akan perkenalkan B10 tidak lama lagi, ada kaedah untuk keluar daripada masalah ini. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk melihat secara radikal, secara menyeluruh kepada industri ini supaya Malaysia bukan sahaja dapat mempelbagaikan *agriculture*. Umpamanya sekarang ini MAHA, kita ada *high value agriculture*, kita ada sumber kekayaan baharu, umpamanya.

Saya rasa ini satu perkara yang penting. Pada pandangan saya adalah penting bagi kerajaan melihat secara menyeluruh dua sektor ini. Kemungkinan untuk mempelbagaikan pertanian supaya kita – umpamanya kelapa sawit, satu masa dahulu ada rancangan untuk menternak satu juta lembu dalam ladang kelapa sawit. Saya mahu tahu daripada kementerian, apakah - perancangan ini sudah 10 tahun usahanya, setakat mana berjaya? Kita tahu bahawa kita import lebih 70 peratus daripada keperluan daging lembu umpamanya.

Jadi, ini merupakan dengan izin *low hanging fruits*. Apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan masyarakat luar bandar kepada dua tanaman penting ini? Dahulu penting, sekarang masih penting. Akan tetapi memandangkan turun naik harga yang ketara, adalah mustahak kerajaan melihat secara menyeluruh. Jadi, soalan saya, adakah kerajaan selain daripada B10, B15 di Indonesia, B20 dan kita tahu ada rungutan daripada sektor automotif menyatakan 15, 20 ini tidak sesuai untuk Malaysia. Ini halangan-halangan yang kita hadapi.

Jadi, adakah kerajaan melihat untuk membangunkan industri dengan lebih gigih lagi untuk mengurangkan pergantungan. Ini kerana kalau masyarakat kampung bergantung kepada getah dan kelapa sawit sampai bila-bila, yang banyak sumbangannya di masa lampau. Akan tetapi tidak semestinya pada masa hadapan ia terus memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Seterusnya berkaitan dengan kenaf. Sambungan kepada Yang Berhormat Pontian tadi. Kita tahu bahawa kos pengeluaran Malaysia agak tinggi berbanding import daripada China, daripada Myanmar. Ini negara-negara yang mengeluarkan kenaf.

■1220

Memandangkan kos pengeluaran di beberapa negara ini, oleh sebab kos buruh yang rendah, adakah Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara ini? Pokok ini dapat ditanam dan hidup dengan baik di negara kita tetapi kalau dari segi *viability*nya tidak berdaya saing maka sudah pasti ia tidak adil bagi rakyat Malaysia untuk tanam pokok ini sekiranya keluaran hasilnya rendah ataupun tidak mampu bersaing dengan beberapa buah negara.

Saya difahamkan bahawa Malaysia terus mengimport *raw material* kenaf ini daripada beberapa buah negara kerana kos pengeluaran Malaysia adalah agak tinggi. Ini bukan sahaja merujuk kepada kenaf tetapi tanaman-tanaman lain juga kos pengeluaran kita tinggi berbanding dengan umpamanya sekarang ini getah, di Cambodia, di Myanmar, kos lebih rendah. Itu saya berpendapat bahawa kerajaan harus melihat secara menyeluruh bagaimana untuk kita memastikan bahawa ekonomi luar bandar ini terus mantap. Kalau tidak, kita akan terus berhadapan di masa hadapan ini dengan keadaan turun naik harga yang mendadak ini, akan menyukarkan ekonomi luar bandar. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Wong Chen [Subang]: [Bangun]

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai.

12.21 tgh.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020500 berkaitan industri getah yang turun kepada RM10 juta dan Butiran 030500 – Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah, daripada RM261 juta kepada RM0 juta.

Tuan Pengerusi, saya bukan sahaja bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri kerana dikurangkan begitu banyak. Akan tetapi, saya bersimpati dengan penoreh-penoreh getah yang terpaksa menanggung ataupun terpaksa bergelap dengan suasana yang sepatutnya diberikan kepada mereka.

Saya mungkin mulakan apa yang saya hendak sebutkan pada hari ini dengan satu analogi tentang zaman emas penoreh getah. Di waktu itu, harga getah ini sampai melambung kepada RM8. Ketika itu, menjadi penoreh getah adalah impian kepada semua termasuklah penjawat awam. Ada kadang-kadang guru yang paginya turun menoreh getah seawal 4 pagi. Ketika itu batang getah ditoreh sebanyak dua jalan, kiri dan kanan. Ini untuk memperbanyakkan pengeluaran susu getah.

Tuan Pengerusi, hari ini kenyataannya sangat jauh berbeza. Harga getah hanya sekitar RM1.80 ataupun sehingga RM2.00 sahaja. Malah, Belanjawan 2019, Kerajaan Pakatan Harapan terus menjadikan penoreh getah hari ini mungkin berada dalam keadaan gelap. Kerajaan mungkin memperkenalkan harga lantai kepada RM2.50 yang sebelumnya diapungkan.

Kedua, adakah harga lantai ini termasuk dalam, insentif pengeluaran getah (IPG)? Adakah ini bermakna seandainya harga getah berharga RM2.10 maka kerajaan akan menambah IPG sebanyak 40 sen untuk menjadikannya RM2.50? Ini tidak memberikan kebaikan sebenar kepada penoreh getah kerana IPG hanya boleh dituntut melalui kerajaan selepas getah dijual.

Maknanya, jika penoreh tidak menuntutnya maka penoreh masih dibeli harga getahnya pada kadar RM2.10. Maknanya, 40 sen lagi itu tidak tahu ke mana kerana tidak dituntut. Oleh itu, mungkin pada kali ini, pada peringkat Jawatankuasa ini saya mencadangkan kerajaan menaikkan harga lantai kepada RM3.00 sekilogram dan menetapkan harga IPG kepada 50 sen.

Harga getah yang dibeli daripada penoreh masih pada kadar RM3.00 sekilogram dan penoreh akan mendapat daripada insentif IPG ini sebanyak 50 sen menjadikan penoreh akan mendapat bersih RM3.50. Faktanya adalah, saya difahamkan sebanyak 400,040 ribu orang penoreh getah di Malaysia hanya sekitar 20 peratus ataupun seramai 88,000 sehingga 100,000 orang sahaja penoreh getah yang menuntut IPG di seluruh Malaysia. Dalam konteks di Kelantan, saya difahamkan sebanyak 68,000 orang penoreh dan hanya sekitar 10,000 orang penoreh yang menuntutnya.

Saya cadangkan pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) memainkan peranan, boleh menyalurkan maklumat pengaktifan IPG pada bulan berkenaan kepada setiap pusat khidmat Ahli-ahli Parlimen untuk meluaskan hebahan ini, supaya diketahui oleh mereka. Ini supaya mereka boleh *claim* dengan kerajaan. Saya juga difahamkan objektif utama IPG adalah untuk menggalakkan pekebun kecil terus menoreh walaupun ketika harga getah rendah kerana ditampung oleh IPG.

Tuan Pengerusi, pada zaman kerajaan terdahulu, musim tengkujuh iaitu dikira pada bulan November sehingga Disember dan juga Januari ini dikategorikan sebagai musim tengkujuh. Kerajaan memperkenalkan Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM200 sebulan selama tiga bulan tersebut. Ini kerana, pada bulan-bulan musim tengkujuh ini kaedah di atas langsung tidak terpakai disebabkan penoreh tidak dapat menoreh. Mungkin hanya tujuh hari, tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Jeli lima hari, maknanya sekitar itu sahaja ataupun mungkin paling tinggi pun sekitar sepuluh hari.

Bukan kerana malas, mereka tidak mahu turun menoreh tetapi cuaca yang menghalang di musim tengkujuh untuk mereka turun. Mungkin, setiap pagi penoreh getah ini membilang hujan, bilakah akan berhenti untuk mereka turun menoreh. Inilah musim-musim yang kami hadapi khususnya di Kuala Krai dan kawasan-kawasan yang melibatkan penoreh getah.

Saya mencadangkan kerajaan meneruskan kembali Bantuan Musim Tengkujuh ini, malah, menambahkannya kepada RM500 setiap bulan. Manakala, tiga bulan sebanyak RM1,500 mereka mendapat manfaat. Ini lebih logik memandangkan kos sara hidup yang sangat tinggi. Jikalau kerajaan sangat *allergic* dengan nama Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) ini, seperti mana kerajaan mungkin *allergic* dengan nama-nama seperti BR1M dan UTC, kerajaan pada hari ini boleh memberikan nama baharu. Mungkin saya boleh mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, "Bantuan Harapan Rakyat" (BHR). *[Tepuk]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: BHR.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Kuala Krai mohon sikit penjelasan? Satu minit.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Untuk Bantuan Musim Tengkujuh ini, kita sudah dimaklumkan bahawa sudah ada bajet untuk tahun 2018. Ini bermakna masih lagi aktif pada bulan November, Disember tahun ini. Jadi, adakah bajet ini sudah hilang ataupun sudah telah disembunyikan oleh pihak kerajaan? Mohon penjelasan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Mohon masukkan persoalan tadi di dalam ucapan saya. Tuan Pengerusi, saya malah lihat kerajaan sepatutnya melihat penoreh getah sebagai insan yang perlu dikasihani sebagaimana penjawat awam. Saya mencadangkan penoreh getah juga sepatutnya juga menerima pendapatan sekurang-kurangnya RM1,100 sebagaimana gaji minimum yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Saya anggarkan penoreh getah yang menoreh selama 20 hari pada bulan biasa. Dengan keluasan 6 hektar akan mendapat sekitar RM700 sehingga RM1,000. Maka, kerajaan perlu menambahkan pendapatan mereka sebanyak RM400, kalaulah dapat RM700 maka kerajaan tambah RM400, menjadikan pendapatan mereka itu juga sekitar RM1,100.

Penoreh getah perlu berhadapan dengan nyamuk, bahkan mungkin pacat tetapi tidak kepada penjawat awam yang lain, penuh dengan keselesaan dan tidak berbahaya. Kalaulah ini yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini, maka barulah kerajaan pada hari ini layak digelar sebagai 'Kerajaan Harapan'. Saya mengalu-alukan kesudian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya difahamkan akan hadir beramah mesra dengan warga Kuala Krai pada hari Jumaat ini, *insya-Allah*. Semoga akan ada satu jalan keluar khususnya bagi jangka pendek, bahkan jangka panjang untuk sama-sama kita merasai peritnya warga yang menjadi penoreh getah ini dalam suasana musim tengkujuh seperti ini.

Tuan Pengerusi, rakyat saya yang ramai ialah di kalangan penoreh getah. Mereka bukannya mahukan kekayaan, kereta baru ataupun pakaian berjenama. Akan tetapi, cukuplah jika kerajaan tidak menjadikan mereka susah, cukup makan, malah, tidak keresahan seandainya mereka tidak dapat menoreh. Islam pada zaman Rasulullah SAW ternyata menjadikan golongan daif dan susah sebegini sebagai keutamaan. Malah, golongan seperti ini akan dilebihkan untuk mendapatkan rahmat daripada Allah SWT.

Saya menutup ucapan saya, perbincangan pada pagi ini dengan membaca sepotong hadis Nabi SAW. *[Membaca sepotong Hadis] "Barang siapa menghilangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan di hari akhirat dan barang siapa yang memudahkan kesulitan orang yang dililit hutang, Allah akan memudahkan ke atasnya di dunia dan di akhirat"*. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai, saya jemput Yang Berhormat...

Tuan Wong Chen [Subang]: Subang. Subang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Subang.

■1230

12.30 tgh.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada PAC *meeting* 2.30 petang nanti. Jadi memang penting saya hendak cakap sekarang.

Tuan Pengerusi, saya faham rakan baik saya Yang Berhormat Menteri adalah kurang *experience* di dalam industri sawit dan getah sebab *she is a city girl. We all know this* ya. Akan tetapi, saya kenal sangat Yang Berhormat Seputeh ini, dia kawan lama saya dan beliau adalah seorang yang sangat rajin, sangat *straightforward and what we call go-getter*.

Apa yang membuat kerja beliau lebih rumit adalah potongan belanjawan yang cukup mendadak bagi kementerian ini. Saya perhatikan, Tuan Pengerusi, bahawa belanjawan mengurus surut sebanyak 72 peratus dari RM441 juta turun ke RM125 juta sahaja. Belanjawan membangun pula turun 23 peratus dari RM497 juta turun ke RM381 juta.

Tuan Pengerusi, keseluruhan belanjawan ini jatuh 46 peratus dari RM938 juta ke RM506 juta. Jadi bagi kawan-kawan saya dari sebelah sana yang suka usik dan buli Yang Berhormat Seputeh ini, dengan izin, *please give her some space. She is operating under tremendous massive budget cuts*.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh celah sedikit?

Tuan Wong Chen [Subang]: Oh, okey. Silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Akan tetapi Menteri Kewangan siapa? Menteri Kewangan sama parti dia. Patutlah Menteri Kewangan prihatin dengan kementerian ini.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih kawan baik saya. *[Disampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Subang.

Tuan Wong Chen [Subang]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kapit...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Subang.

Tuan Wong Chen [Subang]: ...Tentang pandangan tersebut.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Subang, Baling. Baling.

Tuan Wong Chen [Subang]: Okey, silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya suka hujah Yang Berhormat Subang tadi awal-awal perbincangan "*she's a city girl*", Yang Berhormat dengan izin, tetapi dia juga *go-getter*. Saya setuju dalam konteks tersebut. Saya pun sudah bagi tahu Yang Berhormat Menteri dekat kantin tempoh hari berkaitan dengan yang sama.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh. Jadi memandangkan Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Bagan semua dalam satu parti, jadi boleh tidak bincangkan— saya perlu sangat untuk penjelasan... *[Disampuk]* PKR, sorry, maaf. PKR dan mereka berdua ini adalah daripada DAP.

Mereka boleh bincang berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh ini. Tolong, tolong. Saya merayu bagi pihak semua kawan di sini. Kami akan diam semua sekiranya bantuan musim tengkujuh itu dapat diteruskan dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Baling.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya akan beri tumpuan kepada isu itu. *Don't worry.*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Subang, sedikit.

Tuan Wong Chen [Subang]: Tuan Pengerusi— alamak, lagi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih sahabat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi kenyataan berkenaan dengan kita buli Yang Berhormat Menteri Komoditi ini— tak. Kita hendak *educate* sama-sama. Kita tahu Yang Berhormat Menteri ini datang dari bandar, dia tidak faham masalah di kampung-kampung. Jadi kita hendak *share knowledge*. Nampak macam buli tetapi sebenarnya *we share the knowledge and educate each other between her and ours.*

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang tentang pandangan tersebut. Tuan Pengerusi, walaupun bajet itu dipotong, saya berharap— ya lah, hendak *answer* kepada kawan baik saya Yang Berhormat Kapit itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi atau menambahkan dana untuk kementerian ini sebab terdapat dua tiga isu yang saya anggap itu sangat penting dan perlu diberi dana tambahan.

Isu pertama, Tuan Pengerusi, Butiran 030300 muka surat 172 iaitu Menangani Kempen Anti Minyak Sawit iaitu belanjawan sebanyak RM2 juta setahun. Semasa Kerajaan Barisan Nasional, perkara ini telah diberi keutamaan kepada— dari saya lah. Saya kerap beri pandangan bahawa kempen untuk menangani *anti-palm oil* ini tidak cukup dana. Kempen *anti-palm oil* ini meningkat setiap tahun dan yang terbaru ialah kempen video daripada *supermarket change* Iceland di UK.

Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi perhatian penuh kepada isu ini kerana industri ini adalah industri eksport yang tersangat penting, *the second most important after oil and gas* di mana jumlah eksport adalah lebih kurang RM60 bilion ke RM100 bilion setahun berdasarkan harga semasa. Dengan izin, *spending RM2 million to defend a multibillion industry is basically a joke*. Yang Berhormat Menteri kena menambah dana sehingga ke RM50 juta ke RM100 juta untuk kempen ini.

Minyak sawit mempunyai banyak *positive stories*. Ianya tidak menggunakan banyak tanah berbanding dengan *soya bean*. Ia tidak ada *genetically modified organisms*, ia tidak menggunakan banyak *pesticides* berbanding minyak lain dan juga ia telah berjaya untuk membasmi kemiskinan kepada orang-orang kampung, penoreh-penoreh kita dan juga pesawit-pesawit kita.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan sikit.

Tuan Wong Chen [Subang]: Dengan izin, *these positive stories need to be told and cannot be told on RM2 million a years*. Tidak boleh. Kita kena bagi bajet yang betul-betul cukup untuk melakukan kerja ini. Silakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Saya sokong bahawa perlunya bajet tambahan ke atas kempen anti minyak sawit ini. Cuma, saya ingat ada satu mekanisme mungkin boleh minta pandangan dan komen daripada Yang Berhormat. Ia adalah meningkatkan juga kempen di negara-negara Asia Barat. Saya fikir Asia Barat ini mempunyai potensi besar dalam industri sawit. Akan tetapi, fokus untuk melawan negara-negara Eropah daripada kita alih kepada tumpuan untuk meningkatkan jualan kita di negara Asia Barat, saya fikir ini adalah satu mekanisme untuk melebarkan pasaran minyak sawit kita berbanding kita *against*, lawan dengan *groups* yang anti minyak sawit ini. Minta pandangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian itu betul, kita kena—katalah Barisan Nasional dahulu pakai *Blue Ocean Strategy*, betul tidak? *As a strategy* untuk melebarkan ataupun memperluaskan eksport kita ke kawasan *middle east*, India dan juga Pakistan.

Akan tetapi, Yang Berhormat Kubang Kerian, kita kena faham bahawa banyak dunia ini dia ikut standard daripada *European Union*. Jadi maknanya kita kena *due with European Union even though* dia beli lima peratus sahaja. *We still have to due with them because they set the global standard*.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada kawan baik saya Yang Berhormat Baling tadi, muka surat 172 Butiran 030500 – Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah. Bantuan ini dipotong secara langsung daripada RM261 juta ke kosong. Saya rasa ini adalah potongan yang tidak wajar kerana kalau kita kurangkan sedikit belanjawan untuk sektor ataupun untuk bayaran ini bolehlah kita terima tetapi kalau kosong ini memberi gambaran yang buruk kepada pekebun kecil yang sedang menghadapi isu-isu harga yang paling rendah.

Kita tahu harga *cuplump* ini RM1.80 sekilo. Saya bandingkan tahun 2018, pada Januari, harga itu RM2.30 dan pada tahun 2017 RM3.50. Jadi kita tahu bahawa memang pekebun-pekebun kecil ini menghadapi masalah *price* yang teruk dan juga di masa musim tengkujuh ini, kita kena *cover*.

Apa yang baik daripada apa yang sudah dengar dan baca ialah Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mencadangkan satu *price mechanism* untuk *support*. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan *price mechanism* ini macam mana cara dia dan apakah kita boleh tolong pada musim tengkujuh ini. Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Subang, saya hendak beritahu Yang Berhormat Subang, sedarkah Yang Berhormat

Subang orang-orang di tempat saya termasuk di Baling juga sekarang ini sudah beli beras *depa* pakai kilo, tak beli kampak dah. Maknanya *depa* beli dua kilo, tiga kilo. Jadi...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pinjam ah long pun dah ada dah, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi sedarkah Yang Berhormat Subang bahawa ini juga memberikan satu *indication* apabila orang kampung menolong kita dan membantu kita untuk menjatuhkan Barisan Nasional, tiba-tiba dalam kes ini kita potong bantuan, saya rasa itu adalah tindakan agak drastik. Setujukah jika dikembalikan bantuan ini dengan kadar segera? Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya memang setuju bahawa kita kena *at least give something* lah. Saya faham bahawa Menteri Kewangan terdesak dari segi kewangan tapi kita tidak boleh potong mendadak. Kita boleh tambah potong ke RM200 juta *instead of RM261 million. It is actually a good idea.*

Akan tetapi saya kena pesan kepada Dewan yang mulia ini, pada tahun 2017, peruntukan dia kosong. *This was a year 2018 budget one-off.* Saya rasa untuk pilihan rayalah, apa lagi. Betul tidak? Jadi, *let's not be...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pembedulan. Bantuan musim tengkujuh sudah tiga tahun. *Three years already.* Sudah tiga tahun. Itu pembedulan.

Tuan Wong Chen [Subang]: *No, no, no.* Yang Berhormat Baling, *you* baca balik buku anggaran tahun 2018. Peruntukannya kosong untuk ini. Tetapi tidak apalah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tiada peruntukkanlah daripada kerajaan terdahulu. Ada.

Tuan Wong Chen [Subang]: Ya, dalam bentuk lain lah, bukan dalam kategori ini. Jadi kita kena faham bahawa isu ini jangan dipanjangkan dan dipolitikkan tetapi kita mesti tolong masa musim tengkujuh. Saya orang Kelantan, saya fahamlah *East Coast* ini banyak *problem*-lah.

Baik, Tuan Pengerusi, saya ada setengah minit lagi. Saya ke isu terakhir saya iaitu MSPO. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, di manakah bajet MSPO RM30 juta yang telah diisytiharkan pada 2 November 2018? Sebab, saya tidak nampak mana pun di dalam bajet RM30 juta ini. Apa yang saya telah cakap tahun lalu semasa Barisan Nasional ialah MSPO ini banyak pakai kontraktor, subkontraktor dan konsultan. Untuk kempen *anti-palm oil* lawan *anti-palm oil* RM2 juta. Akan tetapi untuk bagi konsultan banyak diberikan.

■1240

Saya hendak tanya, di manakah RM30 juta ini, datang daripada mana? Saya harap kita tidak akan bagi kepada konsultan lagi tetapi untuk menubuhkan satu divisyen di dalam MPOB kah, MPOC kah ataupun di dalam kementerian untuk memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil yang hendak buat MSPO ini boleh dijaga dengan baik tanpa kos yang melambung tinggi. Itu sahaja ucapan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Subang. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Arau.

12.40 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. Semalam saya bangun 12 kali, ini saya bangun yang ke-13 belas saya bangun. Terima kasih. Semalam bukan saya merajuk, sebab saya terpaksa tinggal majlis awal. Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Subang walaupun Subang tidak ada pokok getah, tidak ada sawah-padi. Akan tetapi sebab latar belakangnya daripada pokok getah, sawah padi dan kita lihat dalam Dewan ini sebulat suara supaya bantuan musim tengkujuh ini dibagi semula. *[Tepuk]*

Yang Berhormat, sebulat suara. Tidak ada politik-politik lagi sudah, benda ini ialah janji tidak janji itu nombor dua. Nombor satu sebab sekarang ini orang terpaksa beli beras menggunakan kilo, bukan beli kampak lagi. Ini menunjukkan bahawa kesusahan yang luar biasa yang sedang berlaku di sana. Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat beritahu kepada Menteri Kewangan, kawan baik Yang Berhormat yang selalu berjumpa dan sebagainya. Dahulu Yang Berhormat sering berjumpa dengan saya tetapi sekarang Yang Berhormat tidak hendak jumpa. *[Dewan ketawa]*

Jadi, kalau tidak saya boleh ceritakan ini masalah ini harus ditangani serta-merta. Yang Berhormat bagi jawapan, minggu depan kita bagi. Oleh sebab kalau kita biarkan kesusahan ini berterusan, yang rugi ialah Yang Berhormat semua daripada pihak kerajaan. Kami juga rugi sebab dari segi kemanusiaan dan juga dari segi hukum Allah Taala, kita membiarkan orang susah dalam keadaan kita masih bertahan.

Saya hendak sentuh satu benda sahaja Yang Berhormat, berhubung dengan Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Ini saya setuju dengan kawan-kawan. Saya setuju, saya minta Tuan Pengerusi supaya Yang Berhormat Menteri bagi perhatian yang khusus kepada perkara ini. Kita hanya jawab, saya tengok jawab di Parlimen, jawab dalam surat khabar, apa yang kita buat. Apa yang kita buat? Apa yang saya tahu, mungkin kita pergi ke sana kita anjurkan seminar, kita panggil siapa-siapa kita tidak tahu, dia orang hadir, hadir.

Kita kena ambil saluran pelbagai saluran dan saluran yang paling berkesan ialah saluran politik, Yang Berhormat. Oleh sebab kita ini orang politik dan yang buat kerja ini juga ialah pelobi-pelobi yang menggunakan orang politik. Orang politik keluarkan kenyataan dan pelobi-pelobi berjaya untuk mempengaruhi orang politik di Europe supaya anti minyak sawit. Yang Berhormat, kita kena guna saluran yang sama. Jadi, saya telah cadangkan dalam beberapa perbincangan yang lepas supaya kita gunakan saluran politik.

Akan tetapi saya tidak mendapat jawapan daripada mana-mana pihak sebab mereka tidak faham perkara ini dan setengahnya tidak tahu bahawa benda ini wujud. Saya ulang sekali Tuan Pengerusi, saya kata masukkan ini sebagai Jawatankuasa Parlimen iaitu *International Conference of ASEAN Political Parties (ICAPP)*. Ini dianggotai oleh semua negara Asia dan tiap-tiap parti politik menyertainya.

Di Malaysia, saya sudah beritahu di antara parti politik yang aktif menyertai ialah UMNO sendiri. Masa itu kami memerintah, sekarang ini PH memerintah patutnya PH ambil alih kerja-kerja ini tetapi belum ada lagi usaha-usaha untuk berbuat demikian, saya masih peganglah. DAP

pun aktif, PKR pun aktif, PBB Sarawak pun aktif, MCA aktif, MIC, kemudian saya lupa lagi beberapa ahli politik yang aktif.

Bila kita hadir persidangan ini yang melibatkan 350 parti-parti politik dan mereka hadir dan mengadakan mesyuarat bersama dengan EU, Afrika dan juga Latin Amerika. Kita bermesyuarat sekali dan di situ kita boleh ketengahkan pelbagai perkara untuk membolehkan orang-orang politik ini membuat keputusan. Bila saya cakap tentang anti minyak kelapa sawit, wakil EU itu menyebut bahawa tiap-tiap kali wakil Malaysia mari, tidak pernah jumpa dia. Dia ialah Ketua Pemuda EU, saya lupa namanya.

Jadi, baru-baru ini saya pergi Moscow dengan Tuan Ibrahim dan juga wakil-wakil PAS yang hadir, orang lain sibuk sebab Parlimen. Kita pergi sana dan kita berjumpa dan kita berbincang perkara ini. Mereka bersetuju kalau sekiranya persidangan ini ataupun forum dibuat di Malaysia, mereka akan hadir. Jadi, mereka akan hadir dan mereka ini akan buat keputusan dalam Parlimen di Europe nanti.

Jadi, itu yang terbaik sebab kita hantar orang kita pergi sana, dia hadirilah. Kadang-kadang dia hantar siapa-siapa yang tidak boleh buat keputusan. Akan tetapi kalau kita buat di sini kemudian kita bawa mereka tengok kelapa sawit dan tengok industri sawit dan tengok bahawa kita sebenarnya tidak membuka hutan tetapi janganlah bawa tempat yang orang sudah tebang balak, Yang Berhormat. Bawalah tempat-tempat yang belum di balak lagi. Kalau bawa tempat yang balak, saya sendiri pun akan sokong mereka supaya protes kepada Malaysia yang membuat pembalakan tidak mengikut SOP dan sebagainya. Bawa tempat-tempat seperti kawasan di Gunung Tahan ataupun di Sabah, di Sarawak untuk boleh mereka melihat sendiri bahawa kita tidak merosakkan hutan. Dia kompelin sebab kita membuka hutan untuk tanam kelapa sawit, itu alasannya.

Akan tetapi kalau kita bawa mereka datang ke sini dan melihat sendiri, menghayati sendiri sudah pasti pemikiran mereka berubah. Yang Berhormat ambil pelbagai pendekatan, saya setuju tadi dengan Yang Berhormat Subang. Tidakkan Yang Berhormat RM2 juta untuk kempen anti minyak kelapa sawit, kita sudah rugi berbilion Yang Berhormat hasil daripada tindakan mereka. Saya cadangkan minimum RM15 *million* ataupun RM100 juta untuk membolehkan kita kempen habis-habisan. Kita gerakkan Ahli-ahli Parlimen yang hadir CPA, IPU dan sebagainya bawa isu ini. Kami dengan PAS baru-baru ini pergi ke Rusia, orang lain cakap tajuk macam-macam, kami cakap tajuk fasal anti kelapa sawit.

Walaupun Yang Berhormat tidak suruh kami bercakap, patutnya Yang Berhormat bayar duit tambang kami. Kami bayar duit tambang sendiri tahu. *[Ketawa]* Kami bercakap dalam forum itu, mereka sendiri *response* minta supaya satu forum persidangan dibuat di Malaysia, mereka akan hadir, Yang Berhormat. Mereka kalau boleh secepat mungkin, mungkin Januari, Februari dan sebagainya. Di antara orang yang aktif menyokong kita ialah Pertubuhan Orang-orang Muda Asia yang menyokong kita. Oleh sebab presidennya adalah daripada Malaysia. Presidennya tidak *youth* lagi tetapi gerakan *youth* itu...

Seorang Ahli: Siapa presidennya itu? *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Araulah siapa lagi. [*Dewan riuh*] Jadi, tahun depan orang lain akan ambil alih sebagai Presiden Youth Asia kemungkinan Azerbaijan. Akan tetapi walau bagaimanapun mereka bersetuju supaya seorang timbalan daripada Malaysia, di kalangan Ahli-ahli Parlimen ini kita akan pilih. PH lah saya cadangkan siapa untuk membolehkan kita jangan lepaskan pegangan kita dengan ICAPP. Yang Berhormat, gunakan forum ini, kalau tidak Yang Berhormat akan rugi, pergi sana, minum-minum, makan-makan, balik kosong. Akan tetapi melalui ICAPP, mereka akan pengaruhi Parlimen masing-masing untuk menerima kelapa sawit. Malah, saya beritahu, di peringkat awal mereka telah setuju pada dasarnya dan mereka ingin berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri.

Saya kata Yang Berhormat Menteri ini Menteri wanita, dia kata, okey, okey. Mereka ingin berjumpa dan berbincang sebab kami kata tidak adil. Sekali dia *boycott* kelapa sawit, malahan dia sudah *boycott* kemanusiaan. Orang-orang yang mencari makan, pekebun kecil dan sebagainya. Kita bawalah cerita-cerita yang sensasi sedikit sehingga ada di kalangan mereka yang mengeluarkan air mata. Oleh kerana harganya rendah yang berlaku sekarang dan kos pengeluaran tinggi, jadi kita susah untuk mencari makan dan sebagainya. Jadi, saya bagi penekanan kepada tajuk tersebut.

Yang Berhormat kena bercakap, hendak jawab petang ini, kena beritahu bahawa kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan daripada RM2 juta kepada RM50 juta dengan kempen yang lebih khusus menggunakan saluran-saluran tertentu. Saya juga hendak sentuh Yang Berhormat, akhirnya ialah apa yang terjadi kepada KENAF sekarang. Kita hendak dengar laporan. Apakah usaha-usaha yang dibuat untuk membolehkan supaya industri ini berterusan dengan hebatnya?

Saya juga hendak sentuh tentang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Yang Berhormat, lembaga ini kita hendak tanya, apakah aktiviti-aktiviti lain selain daripada memproses kayu? Oleh sebab kayu ini asalnya datang daripada pokok, pokok datang daripada hutan, Yang Berhormat. Jadi, kementerian Yang Berhormat ini ada bercanggah sedikit. Apakah boleh Lembaga Kayu ini dimasukkan juga usaha-usaha untuk memulihkan hutan? Oleh sebab kita tahu bahawa hutan ini akan mengambil masa untuk dipulihkan. Akan tetapi kita bagi tugas yang khusus supaya semua pihak gerakkan NGO dan sebagainya sama-sama untuk memulihkan hutan.

■1250

Dalam masa yang sama Yang Berhormat, sekali lagi saya hendak ulang sekali di Dewan yang mulia ini, tolong haramkan balak. Yang Berhormat isytihar hari ini, seluruh Malaysia balak diharamkan, esok EU akan beli minyak kelapa sawit. Sebab ini di antara benda yang menjadi isu besar yang mereka pertikaikan tentang Malaysia.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau, Tuan Pengerusi. Baik, baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih dan saya tidak pernah lagi pegang rekod untuk bercakap kurang masa. Jadi saya hendak pastikan supaya masa lebih sikit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lanang.

12.50 tgh.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 pada muka surat 172 iaitu Emolumen Kakitangan Kontrak. Peruntukan RM450 ribu telah dikurangkan kepada RM300 ribu. Jadi saya hendak tanya, adakah pengurangan peruntukan ini akan mengakibatkan *termination of contract staff or no extension of contract staff*, dengan izin dan berapakah kakitangan kontrak yang akan dihentikan atau tidak disambungkan kontrak lagi? Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah kakitangan kontrak yang bekerja di bawah Kementerian Industri Utama pada tahun 2018 dan berapakah yang masih dapat bekerja sebagai kakitangan kontrak pada tahun 2019? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Saya jemput Yang Berhormat Dungun. Sudah lama dia tunggu sudah.

12.51 tgh.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana keizinan untuk saya mengambil bahagian di peringkat perbahasan Jawatankuasa Belanjawan 2019 di bawah Kementerian Industri Utama.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin mulakan dengan Butiran 010100 – Pengurusan dan Kewangan kementerian yang menunjukkan penambahan jumlah anggaran perbelanjaan. Walaupun anggaran secara keseluruhan kementerian ada pengurangan tetapi dalam butiran ini ada penambahan. Jadi, pohon penjelasan tentang peningkatan jumlah di bawah butiran ini supaya kita dapat mengetahui keperluan penambahan daripada Butiran 010100.

Kedua, di bawah Butiran 020000 – Pembangunan Komoditi yang melibatkan kemajuan *Research and Development (R&D)*, dengan izin Tuan Pengerusi. Kita dapati negara jiran mampu menyaingi dan meningkatkan hasil daripada komoditi yang ada dalam negara mereka dengan sebab berlakunya peningkatan dalam *research and development*. Maka tentulah kita juga perlu kepada peningkatan yang melibatkan *research and development* ini supaya menghasilkan kuantiti dan kualiti getah dan juga minyak sawit yang sampai kepada satu tahap jumlah pengeluaran yang memungkinkan kita untuk mengatasi negara-negara jiran kita. Saya ingin juga mencadangkan agar kementerian ini melaburkan lebih kepada bidang penyelidikan terutama dalam bidang getah dan minyak sawit yang menjadi sumber utama ekonomi negara kita.

Ketiga seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit yang dilancarkan oleh Kesatuan Eropah. Kita tahu bahawa tindakan EU yang memboikot minyak sawit kita adalah disebabkan lobi daripada beberapa NGO pro alam sekitar. Saya percaya kalau kerajaan berhadapan dengan pihak-pihak pelobi ini, kita akan dapat untuk menyelesaikan sebahagian daripada apa yang dibangkitkan oleh pelobi-pelobi untuk memboikot

minyak sawit Malaysia. Saya sangat bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Arau supaya tindakan secara agresif dan proaktif diambil oleh kementerian untuk menangani masalah ini melalui Menteri Industri Utama ini.

Seterusnya saya ingin untuk bangkitkan Butiran 030500, yang walaupun dalam jumlah anggaran tahun 2018, ada RM261 juta yang melibatkan Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah, maka justifikasi yang perlu dilihat apabila datangnya Belanjawan 2019, disifarkan daripada bantuan tersebut. Padahal kalau kita melihat kepada industri utama yang melibatkan getah, kita dapati ada 300 syarikat pembuat barangan getah di seluruh Malaysia yang menghasilkan lebih daripada 1,000 jenis barangan getah, yang dieksport ke 195 negara di seluruh dunia. Barangan pula terdiri daripada keperluan permintaan sektor kesihatan, automotif, pembinaan, minyak dan gas, pengangkutan, sukan, elektronik dan juga isi rumah.

Hasil daripada jumlah eksport 53 peratus daripada sektor barangan getah, 22 peratus daripada sektor getah asli dan selebihnya dari barangan kayu getah. Kita juga melihat eksport itu sampai ke negara seperti Amerika Syarikat dan juga Kesatuan Eropah. Lalu, wujudlah promosi yang melibatkan daripada Lembaga Getah Malaysia bersama-sama dengan *Malaysian Rubber Export Promotion Council* (MREPC). Akan tetapi tujuan daripada itu, kita dapati, tentulah apabila kita hendak meningkatkan apa yang telah berjaya dilakukan menembusi pasaran antarabangsa, maka tidak dapat tidak, kita mesti ada sumber. Rantaianya ialah di peringkat yang paling asas, adanya penoreh getah dan pekebun kecil getah. Maka dari sumber rangkaian dan rangkaian inilah kita dapat kepada peringkat akhir barangan getah yang berjaya dieksport ke luar.

Akan tetapi pada masa kita mengambil kira kepentingan untuk menjadi hasil bagi eksport negara, kita ada lembaga yang menguruskannya, promosi dibuat. Akan tetapi kadang-kadang kita sampai lupa kepada pekebun kecil yang asal, yang menyumbang kepada hasil yang boleh kita jadikan sebagai satu sumber eksport negara. Jadi saya pohon supaya diberikan perhatian tentang bantuan musim tengkujuh ini kepada pekebun kecil getah dan juga kepada penoreh-penoreh getah. Ini kerana mereka sekarang ini bukan sahaja berhadapan dengan soal taraf hidup semasa tetapi selepas ini akan ada sekolah buka yang mereka perlu kepada perbelanjaan yang sangat besar untuk kepentingan persekolahan anak-anak mereka, cucu-cucu mereka.

Jadi saya harap, kerajaan memberikan perhatian supaya dicari sumber kerana peruntukan anggaran untuk belanjawan tahun 2018 sudah ada yang disebut Bajet 2018 dulu. Saya pohon dicari peruntukan untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya walaupun mungkin kita tidak boleh menyelesaikan semua masalah pekebun-pekebun kecil getah dan penoreh getah ini tetapi sekurang-kurangnya meringankan beban mereka untuk hal semasa musim tengkujuh ini dan juga menghadapi sekolah buka, suasana persekolahan yang akan datang.

Oleh itu kita melihat sebenarnya masalah mereka. Kadang-kadang satu soal yang utama ialah musim dan hari hujan. Kedua ialah kadang-kadang apabila diperolehi hasil, terpaksa pula

dibahagi kadang-kadang di antara penoreh getah dengan pekebun kecil getah itu dan yang ketiga pula ialah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, kita berhenti di sini. Pukul 1.00 petang.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Saya pun hendak tutup sudah, hendak habiskan sudah. Saya hendak habis sudah, hendak gulung sudah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila gulungkan. Masa telah pukul 1.00 petang.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Jadi saya pohon supaya diberikan perhatian dan dicarikan peruntukan kerana anggaran peruntukan 2018 itu sudah ada. Setakat itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhenti rehat pukul 1.00 petang dan kita sambung semula pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbahasan dalam Jawatankuasa. Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih memberi saya peluang pada petang ini. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan. Pertamanya bagi Maksud B.20, Butiran 020100 – Kemajuan Industri Komoditi. Saya melihat industri komoditi ini masih mempunyai banyak peluang dan ruang untuk diperbaiki dan ditingkatkan. Memandangkan industri ini merupakan industri utama dan antara penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara. Namun begitu, penurunan hampir 30 peratus bagi peruntukan untuk kemajuan industri komoditi ini adalah suatu yang perlu diperincikan sepenuhnya. Oleh kerana itu, ada beberapa soalan yang saya hendak utarakan kepada pihak kementerian.

Pertamanya, apakah langkah terbaru yang sedang dirangka oleh kementerian dalam memperkasakan kemajuan industri komoditi negara ini dalam keadaan peruntukan yang telah dipotong itu. Keduanya, sejauh manakah pihak kementerian akan memainkan peranan bagi meningkatkan pembabitan para pelabur luar untuk memberi tumpuan terhadap sektor hiliran industri komoditi perladangan bagi membantu melonjakkan harga komoditi tersebut.

Ketiganya, ini mengenai Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) yang menjadi institut latihan induk sektor perladangan dan komoditi dengan menyelaras semua kursus dan latihan setiap agensi. Saya nak bertanya, bagaimanakah pihak kementerian melihat IMPAC ini boleh diperkasakan sepenuhnya sebagai persediaan industri ini menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0.

Saya mendapat makluman bahawa ada satu program dinamakan Program Sayangi Komoditi. Jadinya sehubungan itu, soalan saya pada pihak kementerian adalah, bagaimanakah program ini mampu diperkasakan agar ia boleh juga menjadi sebahagian kepada penglibatan, pemerkasaan TVET di dalam Kementerian Pendidikan? Mungkin Yang Berhormat boleh bekerjasama dengan kementerian tersebut melalui kementerian Yang Berhormat.

Seterusnya bagi Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Kita melihat sejak penggubalan Resolusi Anti Minyak Sawit oleh Jawatankuasa Alam Sekitar Parlimen Eropah pada 23 Oktober 2017, ia melarang bio bahan api sawit memasuki Kesatuan Eropah (EU) bermula tahun 2021. Jadinya, ia sudah semestinya menjadi satu cabaran besar kepada negara-negara pengeluar kelapa sawit terutamanya di Malaysia. Dalam waktu yang sama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana banyak usaha yang komprehensif yang telah dibuat seperti bertemu dengan pihak EU baru-baru ini memberi gambaran sebenar mengenai industri kelapa sawit di Malaysia termasuk melawat kawasan perladangan.

Walau bagaimanapun, saya ada beberapa soalan yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian. Pertamanya, sejauh manakah usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk terus menangkis tuduhan dan serangan yang berterusan oleh ENVI dan EU terhadap minyak sawit. Sekali gus, memastikan persaingan kebolehpasaran minyak sawit di peringkat global ini boleh dibuat secara sihat. Seterusnya pula soalan saya adalah apakah perancangan terkini pihak kementerian bagi mempergiat aktiviti promosi manfaat minyak sawit dan jalinan kolaborasi sesama pemain industri sawit di peringkat global.

Soalan yang ketiga pula di bawah butiran ini, dulu di bawah pentadbiran Barisan Nasional, MPOC serta gabungan pelbagai pihak pernah menjalankan satu kempen yang dinamakan *Digital Faces of Palm Oil* yang bertujuan untuk memberi suara dan kekuatan kepada 650,000 pekebun kecil di seluruh Malaysia. Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, adakah kempen ini masih diteruskan? Sejauh manakah pihak kementerian memainkan peranan terkini dalam membawa suara pekebun kecil sawit ke peringkat antarabangsa?

Bagi Butiran 030400 – Program Tunas Sawit. Program ini pada dasarnya saya lihat memang memberi impak dan boleh berkesan kepada para pekebun sawit yang kecil ataupun

pekebun kecil sawit khususnya dalam membantu meningkatkan pendapatan mereka. Namun begitu, pada hari ini kita dapat melihat lebih hasil sawit telah mendorong ke arah penurunan harga sawit yang telah jatuh ke paras RM1,716 per tan pada penghujung bulan lepas. Jadinya kawasan saya Yang Berhormat Menteri, majoritinya adalah pekebun kecil kelapa sawit.

Jadinya soalan saya pada pihak kementerian adalah, sejauh mana pihak kementerian melihat pelaksanaan Program Tunas Sawit ini benar-benar dapat membantu meningkatkan hasil pendapatan para pekebun kecil sawit di luar bandar dalam situasi semasa yang kita lihat terdapat penurunan harga sawit yang mendadak. Kemudiannya saya juga hendak bertanya, ini saya nak bertanya secara spesifik. Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada tiga PPK yang terdapat di kawasan Parlimen saya? Berapakah jumlah peserta yang terlibat dalam program ini secara keseluruhan bagi daerah Batu Pahat dan juga bagi kawasan Parlimen Parit Sulong?

Seterusnya di bawah tajuk yang sama, di bawah butiran yang sama. Ini saya hendak tahu, bagaimanakah agihan tunas sawit ini dilakukan? Berapakah jumlah agihan yang diterima di kawasan Parlimen saya? Bagaimanakah cara ia diagihkan? Adakah melalui PPK ataupun tuan punya ladang itu sendiri?

Seterusnya bagi Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Dengan minyak sawit Malaysia ini, ia mewakili 18.9 peratus dalam perdagangan minyak dan lemak dunia. Ia mewakili sebanyak 33.4 peratus pasaran eksport minyak sawit dunia. Jadinya saya menilai tahun 2019 ini merupakan tahun yang penting untuk terus memperkasakan industri sawit di Malaysia ini.

■1440

Ada beberapa soalan berkaitan tajuk ini yang saya hendak tanyakan. Pertamanya, sejauh manakah pembangunan terkini yang telah dijalankan dalam aktiviti penyelidikan di semua bidang hiliran yang berkaitan dengan sawit dan apakah tindakan terbaru pihak kementerian bagi menyaingi industri sawit Indonesia yang kini kita lihat menjadi pilihan negara China dan dikatakan bahawa Indonesia boleh menghasilkan sawit dengan kuantiti yang lebih besar berbanding dengan kita. Di samping itu ditambahkan lagi cabaran apabila kejatuhan mata wang Rupiah yang memberi lebih banyak ruang kepada China untuk memilih pasaran sawit Indonesia kalau dibandingkan dengan Malaysia. Saya harap pihak Menteri dapat memberikan penerangan dan pencerahan mengenai perkara ini.

Seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah juga pihak kementerian melihat penglibatan CSR daripada *interested parties* dengan izin seperti FELDA dan sebagainya dalam meningkatkan industri sawit di Malaysia. Apakah usaha terkini pihak kementerian dalam melaksanakan promosi ataupun produk yang berasaskan minyak kelapa sawit di negara ini. Saya hendak bagi contoh, antara produknya mungkin ia ada satu yang dinamakan santan kelapa sawit yang mempunyai banyak *benefit* dengan izin dan kerana itulah saya hendak tanya kepada pihak kementerian, bagaimana kementerian dapat membantu untuk promosi produk-produk yang berasaskan minyak kelapa sawit ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya jemput Yang Berhormat Sib.

2.42 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa isu yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan saya ini. Pertamanya ialah Butiran 020100 – Kemajuan Industri Komoditi.

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan nak tahu bagaimana *volume* dalam pengeluaran koko, lada dan juga tembakau sama kenaf di Malaysia kerana saya nampak negara kita ada beberapa lembaga, ada Lembaga Koko, ada Lembaga Lada dan Lembaga Tembakau dan Kenaf. Adakah lembaga-lembaga ini masih relevan kalau *volume* pengeluaran Malaysia bagi produk ini adalah agak rendah. Jadi adakah, *is it possible to combine all these three lembaga together* dengan izin. Juga adakah kementerian berhasrat untuk mencari bahan-bahan komoditi asas tani yang baru yang boleh lebih mem-*profit*-kan, tidak macam sekarang banyak komoditi asas memang tidak mem-*profit*-kan.

Selanjutnya saya ingin menyentuh tentang kelapa sawit. Setahu saya, kementerian ada koperasi untuk memberi bantuan kewangan macam *loan* kepada koperasi-koperasi peniaga sawit. Saya ada berjumpa dengan beberapa peniaga sawit di kawasan saya. Saya difahamkan bahawa kebanyakan koperasi ini tidak mem-*profit*-kan, tidak membuat *any profit*, kebanyakannya mengalami kerugian. Mengapa? Ini kerana mereka meminjam duit daripada kerajaan, selepas itu dengan duit itu mereka beli buah sawit dengan harga yang tinggi kerana kawan-kawan mereka itu mereka bayar dengan lebih tinggi. Itu cara mereka mengoperasi perniagaan mereka. Oleh itu kebanyakan koperasi ini mengalami kerugian.

Jadi adakah kementerian mengkaji balik polisi-polisi tentang koperasi ini supaya memastikan mereka tidak membazirkan dana-dana kerajaan dengan begitu sahaja kerana kebanyakan koperasi ini setahu saya, mungkin saya tidak tepat, kementerian boleh berikan maklumat selanjutnya. Adakah mereka ini kebanyakannya mengalami kerugian atas alasan yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang saya hendak lanjutkan ialah *refinery* di Sarawak. Kebanyakan minyak, *refinery* minyak kelapa sawit ada juga mereka membeli *crude oil*, minyak kelapa sawit dari Indonesia kerana lebih murah. *Refinery* di Sarawak membeli minyak kelapa sawit daripada Indonesia kerana lebih murah. Jadi ini akan menyebabkan industri tempatan mengalami kerugian. Jadi bagaimana kementerian mengatasi masalah ini.

Selanjutnya, saya ingin menyentuh tentang kebanyakan peniaga-peniaga buah-buah sawit ini ialah mereka yang membeli buah kelapa sawit dari pekebun kecil. Di kawasan saya ada banyak peniaga-peniaga ini, mereka yang membeli buah kelapa sawit dari pekebun kecil dengan cara bayar *cash*. Jadi ramai pekebun kecil mereka hendak *cash* dengan cepat, mereka akan jualkan buah mereka kepada peniaga buah sawit ini. Ini tidak ada masalah, ini membantu pekebun kecil untuk mendapatkan *cash* yang lebih cepat. Akan tetapi masalahnya, peniaga-peniaga kelapa sawit ini apabila mereka kumpulkan semua buah-buah kelapa sawit yang baik,

yang bergred tinggi, hendak jual kepada kilang pemprosesan kelapa sawit, mereka tekan, kilang itu tekan harga mereka.

Sebenarnya buah mereka adalah gred A, dia kasi gred B, bayaran gred B sahaja. Jadi ini tidak adil untuk peniaga-peniaga buah kelapa sawit ini. Ini juga merupakan satu isu. Jadi mereka sebenarnya yang terus membantu pekebun kecil dengan bayaran *cash* tetapi mereka apabila jual buah mereka kepada kilang kelapa sawit, mereka tidak dapat layanan yang lebih baik. Jadi mungkin kementerian boleh melihat, *look into this problem*. Okey itu sahaja yang saya ingin bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sib. Saya jemput Yang Berhormat Paya Besar.

2.48 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi, *insya-Allah* kalau Tuan Pengerusi berkunjung ke Paya Besar nanti, Tuan Pengerusi akan mengingati Paya Besar buat selama-lamanya.

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon untuk turut serta dalam membahaskan Belanjawan 2019 peringkat Jawatankuasa bagi Maksud P.20 dan B.20 – Kementerian Industri Utama. Saya akan terus kepada butiran yang berkaitan, Butiran 030000 – Program Khusus. Saya amat bersetuju Tuan Pengerusi dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bangkitkan berkaitan Butiran 030500 – Bantuan Musim Tengkujuh Kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah.

Saya juga ingin turut serta bertanya kepada pihak Kementerian Industri Utama, mengapakah Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) dimansuhkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan kerana ini melibatkan nasib 300 ribu orang pekebun kecil dan penoreh getah yang telah menerima bantuan sebanyak RM200 sebulan dan sepanjang bulan November, bulan Disember dan bulan Januari. Amat malang ketika bulan ini, bulan depan dan bulan akan datang mereka tidak dapat lagi menikmati BMT yang telah diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional tempoh hari.

Jadi saya mohon justifikasi kerajaan berkaitan kenapa mansuhkan bantuan ini dan apakah alternatif lain yang akan diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu pekebun kecil, penoreh getah terutamanya pada musim tengkujuh yang sedang berlaku pada ketika ini. Saya amat bersetuju jika pandangan Yang Berhormat Pontian, dana paksa daripada Petronas itu dapat disalurkan bagi membuat bantuan BMT ini diteruskan.

■1450

Saya juga ingin menyentuh Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Industri Utama, kita bercakap tentang bagaimana pelobi-pelobi bersama-sama dengan EU menentang perkembangan kelapa sawit di Malaysia. Saya hendak bertanya, apabila Yang Berhormat Langkawi berkunjung ataupun membuat lawatan rasmi ke Indonesia tempoh hari, pihak Kerajaan Indonesia dan pihak Kerajaan Malaysia telah sepakat untuk bersama-sama sebagai pengeluar utama industri ini untuk sepakat

menentang apa sahaja aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh EU. Jadi saya bertanya, apakah status terkini? Apakah perkembangan terkini *joint statement* yang dibuat oleh Indonesia dan Malaysia? Memandangkan perkara ini amat serius.

Saya juga ingin menyentuh— kita bercakap tentang kempen anti minyak sawit dan ramai Yang Berhormat telah menyatakan bagaimana minyak sawit yang telah disekat aktiviti oleh pihak EU. Akan tetapi saya hairan, Yang Berhormat Menteri, kenapa bajet tidak berlaku penambahan pada tahun 2019? Pada tahun 2018 hanya RM2 juta diperuntukkan dan tahun 2019 hanya juga RM2 juta. Ini nampaknya kita bercakap panjang lebar berkaitan kempen anti minyak sawit tetapi pihak kerajaan langsung tidak memberi penekanan kerana dari segi peruntukan tidak ada penambahan yang dibuat.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kaedah terbaru dan pembaharuan yang dilakukan untuk mempelbagaikan usaha menangani kempen anti minyak sawit memandangkan peruntukan langsung tidak ditambah?

Saya juga ingin menyentuh Butiran 111101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Ini juga menghairankan saya, Yang Berhormat Menteri. Dinyatakan pengeluaran hasil komoditi yang disasarkan buat buah tandan segar sawit Malaysia dianggarkan meningkat dari 17.89 juta tan per hektar pada tahun 2017 kepada 19.5 juta tan per hektar pada tahun 2018. Juga, pihak kementerian telah meletakkan sasaran meningkat 21 juta tan per hektar pada tahun akan datang. Akan tetapi, bajet yang telah diperuntukkan untuk Lembaga Minyak Sawit (MPOB) telah berlaku penurunan daripada RM15.7 juta pada tahun 2018 dikurangkan kepada RM13.7 juta. Saya hairan, kita dalam satu segi, pihak kementerian menyasarkan banyak pengeluaran pada tahun akan datang, akan tetapi, peruntukan tidak ditambah.

Jadi saya juga ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri menyatakan statistik terkini bilangan pekebun yang sudah memperoleh persijilan MPSO. Apakah usaha kerajaan memupuk kesedaran pekebun kecil untuk mereka mendapatkan Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO) yang akan berakhir pada 31 Disember 2019.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 00100 – Lembaga Koko Malaysia dan Butiran 020300. Saya hairan kenapa pihak kementerian telah menurunkan sasaran daripada 1 juta tan per hektar pada tahun 2018 dan pada tahun akan datang menyasarkan hanya 0.3 juta tan per hektar. Ironinya, Yang Berhormat Menteri, peruntukan ditambah daripada tahun 2018 sebanyak RM24.4 juta meningkat kepada RM36.2 juta bagi Butiran Pembangunan. Manakala pengurusan juga meningkat RM29.593 juta kepada RM32 juta. Ini yang menghairankan saya. Saya minta justifikasi kementerian, kenapa menambahkan pentadbiran dan pembangunan, walhal sasaran hanya menurun lebih kurang 0.7 juta tan per hektar, menjadikan 0.3 juta berbanding tahun 2018?

Butiran 11001 dan Butiran 020500 mengenai Lembaga Getah. Juga yang menghairankan saya, ada penurunan daripada sasaran pihak kementerian. Pengeluaran hasil komoditi getah asli menurun daripada 1.5 juta tan per hektar pada tahun 2018 kepada 1.45 juta tan per hektar. Pengurangan lebih kurang sebanyak 100,000 ekar. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri membahagikan kepada lima ke 10 satu pekebun kecil, ia akan melibatkan lebih kurang

10 ke 20 ribu pekebun kecil pada masa akan datang. Akan tetapi— ini nampak okey apabila sasaran diletakkan pengurangan dan anggaran belanjawan pun berkurangan daripada RM7.9 juta kepada RM7.2 juta. Pada tahun 2018, RM29 juta dan tahun 2019 sebanyak RM10 juta. Nampaknya penoreh-penoreh getah kena bersiap sedia lah kalau ini sebenarnya yang berlaku di pihak kementerian Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan apakah usaha segera yang dilakukan oleh kerajaan bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang menghadapi masalah ketidaktentuan pendapatan akibat kejatuhan harga dan ketiadaan bantuan musim tengkujuh yang saya sebutkan di awal tadi. Apakah sasaran pengurangan ini dan bajet ini menunjukkan kerajaan tidak serius membangunkan industri getah dan membela nasib penoreh-penoreh getah?.

Akhirnya saya hendak sentuh berkaitan Butiran 11300 – Lembaga Lada Malaysia. Saya lihat ada penurunan bajet dan ada peningkatan daripada sasaran. Yang Berhormat Menteri, saya berharap— berkaitan hasil komoditi lada yang dijangka pada tahun 2018 daripada 5.7 juta tan per hektar meningkat kepada 6.2 juta tan per hektar. Sasaran meningkat tapi anggaran bajet diturunkan.

Banyak perkara-perkara yang melibatkan Butiran 020000 – Pembangunan Komoditi, ia seolah-olahnya, Yang Berhormat Menteri, tidak seimbang. Kekeliruan inilah yang sebenarnya rakyat di luar sana amat memahami bahawasanya kementerian Yang Berhormat Menteri tidak serius berkaitan perkara-perkara yang melibatkan pembangunan komoditi.

Apa yang saya bentangkan tadi merupakan salah satu fakta yang telah diletakkan kepada kami, Ahli Yang Berhormat untuk memahami. Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, kami tidak memahami. Ada berlakunya peningkatan sasaran tetapi ada berlakunya penurunan dari segi bajet atau *allocation*, dengan izin. Jadi kalau ini berlaku ketidaktentuan, mana mungkin kementerian Yang Berhormat Menteri dapat melakukan satu tindakan yang serius kepada pembangunan komoditi. Kenapa? Bagi saya, Yang Berhormat Menteri..

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar, rumuskan. Ada seminit lagi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak habis lagi, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apa yang paling pentingnya bagi saya, Yang Berhormat Menteri, adalah kita mesti memahami kehendak pekebun-pekebun kecil terutamanya peneroka-peneroka. Saya harap pihak kementerian dapat memandang serius berkaitan perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi kerana inilah yang saya sifatkan bahawanya apabila kementerian tidak berlaku— sesuatu dasar ataupun polisi yang tertentu berlaku ketidaktentuan, ini telah memberi satu imej yang tidak baik.

Saya yakin Yang Berhormat Menteri sudah belajar dalam enam bulan ini bahawasanya kementerian Yang Berhormat Menteri ialah kementerian yang semua rakyat sedang menunggu

apakah polisi yang terbaik dilakukan untuk memperjuangkan nasib masyarakat di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, saya ada permintaan untuk— masa terhad. Kalau Menteri hendak menjawab pukul 3.10, ada 10 minit lagi, tapi yang hendak berbahas ramai lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Kalau kita sudah tidak boleh berbahas lagi, minta masa Menteri menjawab boleh bagi kita mencelah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi lima minit sahaja. Saya lihat siapa yang lebih awal, sebelum ini telah memohon. Saya minta Yang Berhormat Kapit. Lima minit sahaja. Kalau boleh terus— ini peringkat Jawatankuasa, saya harap sebut butiran-butiran mana. Bukan perbahasan peringkat dasar. Sila.

2.59 ptg.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 20, Butiran 030000 – Pengurusan Kursus, Butiran 030500 – Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah. Saya bersama dengan rakan-rakan seperjuangan dalam Dewan ini ingin bertanya, mengapa kali ini tidak ada diperuntukkan bantuan ini yang amat penting bagi golongan yang terasar ini? Sebab, mereka ini adalah golongan yang miskin yang perlu kita bantu. Memang dalam pengalaman kita pada tahun-tahun lepas, mereka amat memerlukan bantuan seperti ini. Jadi soalan saya seperti juga dengan soalan yang telah menyentuh perkara yang sama, kalau tidak ada di dalam Butiran ini, di manakah adanya? Di kementerian manakah ada? Ataupun tidak ada langsung? Sebab, mereka ini perlu kita bantu.

■1500

Tuan Pengerusi, saya nak juga menyentuh sebab di Sarawak ada 70,000 yang berdaftar dengan RISDA dan juga dengan Jabatan Pertanian atau dalam Kementerian Pertanian Negeri Sarawak dalam masa-masa yang lampau yang mendapat bantuan seperti ini. Jadi apakah nasib mereka di Sarawak? Bukan di Sarawak sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi di seluruh negara kita tetapi saya *highlight* kan. Saya sebut 75,000 mereka di Sarawak ini mengharap sangat sebab mereka diberi harapan bulan Mei lalu. Jadi saya harap kementerian ini dan Menteri yang dulunya duduk di sebelah sini bukan main memperjuangkan golongan miskin. Dulu Yang Berhormat Seputeh, sekarang ini pun Yang Berhormat Seputeh tetapi sekarang Menteri. Jadi ingatlah mereka, golongan miskin ini.

Jadi saya ingin juga menyentuh Butiran 94000 – Projek Berimpak Tinggi Industri Utama sebanyak RM200 juta. Saya ingin penjelasan secara terperinci. Apa yang ada dalam Program Berimpak Tinggi Industri Utama ini. Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit (MPOB), industri minyak sawit lah. Saya setuju juga dengan Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Saya setuju dengan rakan-rakan yang telah menyentuh perkara ini juga. Mengapa terlalu kecil peruntukan diberi iaitu sebanyak RM2 juta sahaja sedangkan tujuan ini begitu penting sekali.

Tadi kita mendengar juga industri sawit ini adalah yang kedua selain petroleum dan gas bagi pendapatan negara kita. Jadi RM2 juta ini memang tidak cukup untuk kementerian ini ataupun negara kita memerangi kempen anti minyak sawit. Jadi saya harap penjelasan daripada kementerian nanti memuaskan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Saya jemput Yang Berhormat Taiping.

3.02 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sementara ramai Yang Berhormat menumpukan perhatian terhadap komoditi kelapa sawit dan getah, saya mengambil peluang ini menarik perhatian kementerian pada Bekalan 20 iaitu Butiran 020400 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Didapati pembelian dan kenaikan bayaran tetap kepada MTIB telah jatuh ke tahap RM5 juta daripada RM30 juta pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak 83 peratus. Satu penurunan yang begitu besar yang bakal menjejaskan program-program MTIB pada tahun 2019. Didapati juga di bawah Maksud Pembangunan 20 Butiran 11200, peruntukan pembangunan MTIB juga dikurangkan kepada RM41.6 juta daripada RM56 juta atau bersamaan dengan pengurangan sebanyak 26 peratus.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, eksport perabot pada tahun 2016 berjumlah RM9.53 bilion dan eksport pada tahun 2017 mencecah RM10.14 bilion di mana perabot kayu menyumbang sebanyak 80 peratus daripada jumlah tersebut dan dieksport ke lebih 160 buah negara. Dalam usaha mencatatkan pertumbuhan yang besar dalam pasaran perabot dunia, sukacita saya cadangkan lebih peruntukan disalurkan untuk memberi ruang kepada MTIB untuk memperbagaikan promosi industri berasaskan kayu kayan demi menjana pertumbuhan eksport yang lebih menarik pada masa yang akan datang. Itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya jemput Yang Berhormat Beaufort.

3.05 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Kemajuan Industri Komoditi di bawah Butiran 020000 – Pembangunan Komoditi dan juga Lembaga Getah Malaysia serta juga Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit.

Berkenaan dengan kelapa sawit ini, kita melihat bahawa daripada sumber MPOB, harga kelapa sawit ini sudah pun menurun sehingga terkini RM1,754 satu tan. Tentulah ini akan ada impaknya ke atas rakyat Malaysia yang merupakan pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Kawasan saya juga merupakan kawasan yang mempunyai ramai pekebun-pekebun kecil kelapa

sawit dan adalah merupakan kawasan pertanian yang ada kelapa sawit dan juga getah. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan strategik kementerian dalam jangka pendek untuk menangani masalah ini dan apakah juga perancangan strategik jangka panjang bagi memastikan harga komoditi yang penting ini dan penting kepada rakyat Malaysia, penting kepada negara kita ini dapat berada dalam keadaan yang stabil.

Saya difahamkan Tuan Pengerusi bahawa ada kajian-kajian dan *research* yang telah dibuat oleh pakar-pakar tertentu daripada universiti, dalam kalangan anak-anak tempatan negara kita Malaysia, berkaitan dengan kelapa sawit ini yang mana ini termasuk juga berkaitan dengan sisa kelapa sawit itu sendiri yang mana ada permintaan yang tersendiri daripada luar negara yang juga mempunyai harga yang baik. Jadi saya ingin mendapatkan pandangan daripada kementerian apakah perkara ini tidak dapat diberikan pertimbangan. Kita bantu para *researcher* kita. Kita ambil hasil-hasil *research* mereka ini dan kita guna pakai supaya kita tidak mengharap sahaja kepada hasil minyak bersih tetapi juga hasil-hasil yang lain, daripada pokok kelapa sawit yang *versatile* ini, yang boleh membantu pendapatan rakyat dan para pekebun kecil kita dan seterusnya memperbaiki ekonomi negara kita, Malaysia.

Berkenaan dengan getah pula, Butiran 020500, difahamkan ada kira-kira 500,000 pekebun kecil di seluruh negara kita. Pekebun kecil getah di dalam negara kita ini. Satu bilangan yang agak besar juga. Tentulah mereka ini juga akan menghadapi keadaan yang sukar disebabkan oleh harga getah yang juga menurun sekarang ini. Menurun secara drastik juga pada masa ini. Kawasan saya juga merupakan banyak kebun getah sama ada ditanam sendiri dengan modal sendiri oleh penduduk kampung yang mempunyai tanah mahupun dibantu oleh kerajaan negeri melalui Lembaga Industri Getah Sabah dan juga melalui RISDA. Banyak getah baru yang ditanam dan dibuka. Tentunya dengan tujuan dan harapan mereka untuk dapat meningkatkan lagi ekonomi mereka dan ekonomi keluarga mereka, khususnya orang-orang yang berada di luar bandar ini.

Pada masa harga getah itu tinggi, ramai yang menjadi penoreh getah dan kita lihat bagaimana keadaan itu dapat merubah nasib mereka. Mereka yang tidak ada kereta, tiba-tiba boleh beli kereta pula. Orang-orang kampung yang tidak ada rumah, boleh bina rumah pula hasil daripada harga getah yang meningkat itu. Saya dapat tahu daripada seorang guru, kawan saya, pagi-pagi dia mengajar di tadika, sebelah petang dia pergi menoreh getah. Katanya "*Datuk, saya dapat*". "*Berapa dapat?*" Sebanyak RM4,000 katanya setiap bulan. Bayangkan itu.

Seorang Ahli: Dulu lah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Dulu. Akan tetapi sekarang ini sudah menurun. Jadi saya ingin bertanya apakah strategi kementerian untuk memastikan harga getah ini dapat distabilkan? Kita bukan nak menyalahkan sesiapa ya. Namun kita cari jalan apakah caranya kita dapat membantu rakyat kita yang berada di luar bandar, di kampung sana yang mengharap adanya pendapatan yang berlebihan daripada getah-getah ini. Maka mereka dapat meningkatkan lagi ekonomi mereka.

Adakah perancangan untuk industri aliran daripada komoditi getah ini? Saya pasti di sini juga sudah tentu sudah ada kajian-kajian yang telah dibuat oleh pakar-pakar kita daripada universiti dan juga yang secara swasta, secara *private*-nya yang boleh kita guna pakai untuk tujuan memperbagaikan lagi penggunaan getah di dalam negara ini. Saya yakin Yang Berhormat Menteri pun mungkin sudah bertemu dengan mereka ini dan saya harap supaya diberikan perhatian yang sewajarnya.

Butiran 00519 – Pembangunan Sumber Pertumbuhan Baru: Sagu. Kawasan saya ini juga merupakan – khususnya di daerah Kuala Penyu, Beaufort masih ada lagi pokok-pokok sagu tetapi sudah berkurangan, Yang Berhormat.

■1510

Sagu ini adalah kami punya *staple food* dengan izin. Jadi kalau tidak ada beras mahal kita makan sagu. Akan tetapi, apabila pokok rumbia ini dibiarkan habis mati ditebang, maka kita akan kehilangan satu sumber makanan lagi. Jadi saya minta, saya tengok dikurangkan daripada peruntukan daripada RM900,000 kepada RM600,000. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh melihat hal ini dan hidupkan semula pokok-pokok sagu, pokok-pokok rumbia kami ini kerana bukan sahaja boleh dimakan sagunya tetapi hampasnya juga menjadi baja, hampasnya juga dapat menghidupkan ulat-ulat yang kami panggil di kawasan kami dipanggil '*button*'. *Button* ini dia *high protein content* dan mahal harganya Yang Berhormat. Kalau kita mungkin takut, kita geli, mungkin tetapi ramai orang makan. Boleh dimakan, *high protein content* dan harganya memang mahal.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beaufort, masa sudah habis ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Jadi tetapi kalau rumbia sudah hilang. Tidak boleh? Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta peluang? Tiga minit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada tiga lagi, tetapi saya hendak seorang sahaja lagi. Manakala yang lain boleh mencelah semasa Menteri menjawab. Saya menjemput Yang Berhormat Kemaman.

3.11 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Selamat sejahtera. Terima kasih diberi peluang untuk bersama dalam perbahasan peringkat jawatankuasa Kementerian Industri Utama. Saya mengambil bahagian dalam Butiran 020100 iaitu Kemajuan Industri Komuniti. Tuan Pengerusi, kita lihat negara kita kira-kira satu peratus tanaman komoditi utama merangkumi sawit, getah, koko, kayu kayan dan kenaf. Selain itu, kelapa sawit dan getah adalah antara komoditi utama yang menyumbang kepada ekonomi

negara kita. Malah ia juga memberikan sumber pendapatan kepada pekebun kecil. Dalam peruntukan kemajuan industri komoditi, pemberian dan kenaikan bayaran tetap telah berlaku pengurangan iaitu ialah sebanyak RM1.16 juta.

Persoalannya, saya ingin tahu dan minta pihak kerajaan menyatakan apakah aspek yang dikurangkan secara khusus dalam peruntukan ini? Dalam masa yang sama, saya meminta penjelasan dalam kemajuan industri komoditi, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kementerian bagi meningkatkan kualiti dan sasaran tanaman komoditi utama negara kita selain daripada sawit dan getah dan memandangkan harga pasaran getah dan sawit yang kurang stabil pada hari ini?

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Kalau kita lihat seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat dan sepanjang perbahasan dalam jawatankuasa ini, kita melihat dengan harga minyak yang begitu menurun sekarang ini, saya ingin tahu kempen anti minyak sawit yang melanda industri sawit negara amat mendukacitakan dan merupakan suatu cabaran pasaran peringkat global khususnya di negara kita. Begitu juga telah menghadapi isu berkaitan kempen anti minyak sawit yang dilancarkan oleh pertubuhan bukan kerajaan NGO di rantau Eropah yang mengelirukan pengguna.

Oleh itu, saya mengharapkan pihak kerajaan mengambil tindakan yang serius seperti mana yang diberitahu oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi dan khususnya dalam peruntukan yang sewajarnya. Dengan peruntukan yang sedia ada, kita rasakan bahawa tidak mencukupi untuk mengambil tindakan yang baik bagi memastikan pasaran minyak sawit kita dan menentang anti minyak sawit negara kita pada hari ini. Saya mencadangkan ianya perlu ditambah peruntukan ini, bagi memastikan kempen kita ini berjaya.

Tuan pengerusi, hal ini kerana industri sawit negara kita telah memberi pulangan lumayan kepada ekonomi negara kita. Sedia maklum telah mengetahui bahawa, minyak sawit mempunyai khasiat dan kegunaan dalam pelbagai. Oleh itulah, saya mengharapkan anggaran peruntukan RM2 juta ini untuk menangani kempen anti minyak sawit ini perlu ditambah. Saya berminat untuk mengetahui apakah program-program khusus yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani kempen anti minyak sawit di peringkat global memandangkan peruntukan yang program ini tiada perubahannya.

Selain daripada itu, apakah usaha dan platform yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menapis tanggapan negatif Kesatuan Eropah terhadap minyak sawit di negara kita pada hari ini dan memastikan minyak sawit terus dipandang tinggi dan tidak diperlekehkan tahap kualitinya. Oleh itulah saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, yang terakhir saya pohon dalam Butiran 030500 iaitu Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah yang ditiadakan pada tahun akan datang ini, tahun depan. Memandangkan peruntukan yang seumpama ini, telah diperuntukkan sebanyak RM261 juta sebelum ini tetapi, sekarang ini tidak ada satu pun peruntukan yang dikhususkan kepada penoreh getah yang terlibat dengan khususnya di musim tengkujuh ini.

Oleh itulah, saya mengharapkan supaya pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri dapat mengambil kira hasrat dan harapan rakyat di bawah sana yang kebanyakannya adalah mereka ini di kalangan penoreh getah yang mempunyai pendapatan yang kecil seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Oleh itulah harapan saya supaya kita mendengarlah rintihan mereka dan fikirilah keperluan mereka sedang mereka ini sedang mengikat perut menanti harapan daripada Kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini. Seperti yang dilaungkan sebelum ini, yang diharapkan dan rakyat mengharapkan kebahagiaan sinar bahagia di hadapan tetapi kita melihat pada hari ini pembentangan belanjawan mereka tidak mendapat apa-apa daripada peruntukan yang sepatutnya diberi oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, saya menamatkan perbahasan seramai 14 Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskannya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Seputeh untuk menjawab.

3.17 ptg.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan dan pandangan yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Industri Utama semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 peringkat jawatankuasa di Dewan yang mulia ini. Kini saya memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh seramai 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan bersimpati pada kementerian saya ini kerana bajet kementerian saya memang telah pun dipotong banyak. Kalau kita lihat perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018, jumlahnya ialah RM441,074,200. Bagi tahun yang akan datang, ia telah pun menjadi RM125,598,600.

Kalau kita lihat yang pemotongan yang begitu drastik ini, angka yang paling besar adalah kerana kerajaan telah mengeluarkan bantuan musim tengkujuh yang telah disebutkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat iaitu sebanyak RM261,000 ini. *[Disampuk]* Oh, RM261 juta. Memang ada dengar ucapan saya, si cantik. Begitu juga ada beberapa lembaga di bawah kementerian saya, macam Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Pada tahun ini ialah RM29,906,500 ia telah pun dipotong sampai ke RM5 juta untuk tahun depan dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga dari peruntukan asal RM29 juta dipotong menjadi RM10 juta dan Lembaga Lada Malaysia dipotong dari RM23,911,400 sehingga RM20 juta dan juga Lembaga Kenaf dan Tembakau (LKTN) dari RM19,530,000 sehingga RM5 juta.

Kalau kita lihat kesemua pemotongan ini khususnya bagi MTIB, Lembaga Perindustrian Kayu dan LGM ini adalah kerana yang memang Kerajaan Pakatan Harapan selepas kami ambil alih, kami berada dalam keadaan yang memang menghadapi kesusahan kewangan yang kita juga sudah baca kenyataan daripada Menteri Kewangan yang kata bila kita ambil alih, yang kementerian dia hanya mempunyai RM450 juta untuk mengurus seluruh negara.

■1520

Memang kami berada dalam keadaan yang begitu susah dari segi *cash flow* ini. Itu sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa pergi ke Jepun untuk pinjam duit. Oleh kerana banyak dana- terima kasih kepada Barisan Nasional lah yang banyak dana telah pun digunakan sebelum PRU Mei pada tahun ini. Akan tetapi saya cuba hendak jawab kerana ada banyak isu yang telah pun dibangkitkan. Saya akan cuba jawab tetapi mungkin tidak sampai semua yang saya boleh jawab tetapi...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh mencelah sikit Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum mula pun.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tadi saya tidak sempat berhujah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, satu minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat rakan saya. Saya memang bersimpati dengan nasib Yang Berhormat sebab daripada bajet RM400 juta ini tinggal RM100 juta lebih, memang orang kata '*nyawa-nyawa ikan*' lah. Yang Berhormat memang mungkin kepayahan lah sikit untuk merangka bajet yang sebegini. Walau bagaimanapun, *we have to move forward* Yang Berhormat. Oleh sebab saya lihat hari ini pun, kilang-kilang di Sabah khususnya, mereka tidak lagi membeli buah sawit segar daripada pekebun kecil. Oleh sebab mereka berkata, harga minyak sawit terlalu rendah dan ini menjadi malapetaka kepada pekebun-pekebun kecil sebab mereka *nowhere to go*. Tidak ada tempat hendak menjual buah sawit segar, di Keningau dan Kinabatangan berlaku perkara ini.

Jadi, ini saya rasa Yang Berhormat kena menghadap dengan Kabinet lah. Memastikan bahawa minyak sawit kita ini berada di pasaran yang sebenarnya. Dulu pun kita berhadapan, waktu Barisan Nasional berhadapan dengan harga minyak sawit. Akan tetapi kita membuat hubungan yang baik dengan Menteri-menteri EU, dengan Kerajaan China, dengan *backplayer* di China. Ini Yang Berhormat kena rancang supaya boleh membawa arus perubahan iaitu menentukan minyak sawit ini berada di pasaran yang sebenar. Kalau tidak Yang Berhormat, bukan sahaja negara kita ini menjadi susah tetapi rakyat di bawah lagi susah. Lagi-lagi bantuan musim tengkujuh perlu di— getah dan sebagainya sudah tidak ada. Apabila tidak ada, harga sawit turun, harga getah turun, maka ini lah malapetaka saya rasa bagi rakyat.

Jadi Yang Berhormat, saya cukup yakin Yang Berhormat ada *courage*, ada keyakinan untuk membawa industri sawit ini khususnya, ke persada harga daripada mungkin ke tahap RM2,000 satu tan, sekarang ini RM1,700. Memang tahap orang kata, tahap bahaya dan ini sudah pasti banyak orang menderita. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan beri jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Saya memang sedar tentang kesusahan mereka dalam bidang industri sawit ini. Saya hendak bagi satu lagi laporan, mungkin Yang Berhormat Kinabatangan tidak baca surat khabar dari Indonesia, Semalam Kerajaan Indonesia baru mengumumkan *zero rating* bagi pengeksporan *crude palm oil* (CPO). Ini telah pun mengakibatkan yang harga minyak sawit di Malaysia jatuh banyak lagi kerana yang pengumuman daripada pihak Indonesia ini. Jadi, kita lihat ini kita berada dalam satu keadaan yang mana bukan sahaja pokok minyak sawit kita ini ada hasil yang tinggi, ada minyak yang banyak. Begitu juga sama dengan Indonesia, sama juga dengan *soya bean* bagi mereka yang menanam kacang soya itu. Mereka juga menghadapi satu tahun yang mana *harvest* nya banyak. Minyak banyak. Jadi, bila *soya bean* itu menghasilkan stok yang banyak dan sawit di Indonesia dan Malaysia juga hadapi keadaan yang sama, ini lah yang menyumbang kepada kejatuhan harga minyak sawit kita.

Jadi, ini kita berada dalam satu waktu yang mana saya rasa yang kita haruslah cuba macam mana kita menggunakan lebih minyak sawit. Itu sebab semalam kementerian saya telah melancarkan Program *Biodiesel* B10 supaya kita bakar lebih minyak sawit untuk meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit di negara kita ini sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan penggunaan sawit. Ada lagi Yang Berhormat Bera? Sikit sahaja ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sikit sahaja. Sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan 'Bra' ya. Bera, Bera. 'Bra' lain. Okey, sikit sahaja saya hendak tanya. Saya difahamkan lambakan minyak sawit semakin hari semakin meningkat. Saya percaya salah satu sebabnya kerana negara-negara seperti China dan sebagainya tidak meningkatkan import minyak kelapa sawit kita. Saya lihat kesan daripadanya adalah harga sawit buah tandan segar (BTS) dan sebagainya semakin hari semakin menurun. Waktu saya berucap dulu saya kata 370, sekarang sudah turun kepada 320 dan sebagainya. Jadi, semakin hari semakin menurun dan tidak nampak akan meningkat dan sebagainya. Jadi, apakah *immediate action*, tindakan segera? Saya tahu, kempen pembelian minyak kelapa sawit akan memakan masa jangka panjang juga untuk negara luar menambahkan import. B10 mungkin akan jadi B20, B30 dan sebagainya *biodiesel* ini. Akan tetapi itu juga merupakan jangka panjang. Yang *immediate*, apa yang hendak dilakukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Immediate* ialah saya berharap Yang Berhormat Bera boleh menggalakkan lebih Ahli-ahli UMNO, BN, pekebun kecil semua ini yang gunakan kenderaan diesel itu menggunakan *biodiesel* B10 supaya kita boleh gunakan lebih minyak sawit di negara kita seperti apa yang dilakukan di Indonesia. Tuan Pengerusi, ada banyak soalan, saya pun tidak pasti macam mana hendak jawab.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh ke penyelesaian itu apabila kita guna banyak untuk *biodiesel*, boleh menyelesaikan masalah harga minyak sawit ini? Ini saya mahu tanya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Seperti saya kata, Yang Berhormat Kinabatangan. Pada waktu sekarang ini memang sama ada Indonesia dan juga Malaysia, kita ini *palm oil producing countries* memang tidak dapat buat apa-apa. Oleh kerana bukan sahaja yang minyak sawit ada hasil yang banyak, begitu juga dengan *soya bean*. Itu sebab walaupun ada *trade war* di antara China dan juga Amerika Syarikat, sekarang yang susah ialah penanam *soya bean farmers* di Amerika Syarikat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat sudah buat *trip* pergi China ke untuk berbincang dengan pengusaha-pengusaha di China?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sudah. Sudah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa hasil perbincangan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hasil perbincangannya ialah Prime Minister Li Keqiang dari China, dia memang berjanji yang China akan beli lebih minyak sawit dari Malaysia tetapi dengan harga yang berpatutan. Dengar baik-baik ya. Dengan harga yang berpatutan. Jadi, bila Indonesia jual minyak sawit kerana dia ada lebih stok. Indonesia ada lebih stok. Lebih kurang 40 juta metrik tan. Kita ini ada lebih kurang 20 juta metrik tan. Jadi bagi dia, mereka sanggup turunkan harga untuk jual lebih minyak sawit mereka. Ini masalah yang kita hadapi sekarang. Jadi, bagi GLC atau pun syarikat di China, mereka ramai datang tanya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Indonesia *is our opponent*. Yang Berhormat tidak boleh berbincang dengan Menteri di Indonesia. Jangan buat macam ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Ketawa]* Kita memang ada pernah bertemu di bawah Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC) tetapi memang yang ini adalah pasaran yang bebas. Pasaran bebas, semua negara boleh jual dengan harga yang mereka rasa berpatutan. Macam mana kita boleh minta Indonesia jangan jual begitu murah? Mereka akan tanya, kenapa Malaysia tidak jual lebih murah? Jadi, ini adalah satu cabaran daripada kita. Tadi Yang Berhormat Pontian ada tanya tentang...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Sikit je, sikit je.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Lagi?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Lagi sikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, cepat. Cepat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat tadi sebut tentang *biodiesel* dan sebagainya, suruh kita beli *biodiesel* ya. Saya hendak tahu, di petrol pam sekarang ini adakah semua diesel yang dijual itu adalah *biodiesel* atau pun diesel yang *fossil* itu? Kita pun tidak tahu. Okey, itu yang pertama. Kedua, saya pernah mencadangkan harga lantai. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana saya difahamkan akan meletakkan harga lantai sebanyak RM200 satu tan buah tandan segar.

■1530

Saya dimaklumkan tetapi kalau RM200 satu tan Yang Berhormat, tidak cukup, tidak cukup untuk menampung hidup pun. Ini disebabkan dengan harga RM320 hari ini pun, dengan kos *production* yang tinggi, harga baja meningkat 10 persen hingga 15 persen, harga racun meningkat 10 persen hingga 15 persen.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini saya tidak dapat jawab banyak soalan lagi macam ini. Saya ada enam minit lagi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi saya hendak cadangkan walaupun...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana ada harga lantai? Tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya difahamkan ada...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada harga lantai bagi minyak sawit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kalau tidak ada harga lantai, *it will worse*. Tidak boleh selesaikan jangka pendek. Ini hendak selesaikan jangka pendek.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memanglah. Memang ini satu...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jangka pendek, mesti ada harga lantai. Itu cadangan kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi peluang Yang Berhormat untuk menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan lebih awal tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan soal peluang Tuan Pengerusi.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini soal menyelesaikan masalah rakyat dan negara.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sikit Menteri, Setiu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau macam ini, saya tidak dapat jawab banyak soalan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sikit saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi peluang Menteri menjawab dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Semua hendak sembang dengan saya.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sikit saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berkenaan dengan apa itu?

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Hendak tahu tentang sejauh manakah penggunaan biodiesel di Indonesia dan apa respons daripada penduduk di Indonesia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Di Indonesia, mereka tidak sampai guna B20. 20 minyak sawit campur 80 peratus diesel tetapi Malaysia ini, selama ini kita guna B7, sudah beberapa tahun dan sekarang hendak tambah kepada B10 untuk pengangkutan dan B7 untuk pihak

industri. Kami berharap dengan peningkatan penggunaan biodiesel ini, kita dapat meningkatkan lagi penggunaan-penggunaan minyak sawit yang sebelum itu adalah dengan biodiesel B7, kita menggunakan 350,000 metrik tan. Sekarang kita akan tingkatkan kepada 761,000 metrik tan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Yang Berhormat Pontian yang tanya tentang pasaran baharu bagi minyak kelapa sawit kita ini, saya hendak umumkan, kita sudah pasaran baru ini- bermula dan kita sudah jual 159 tan di Chad, Afrika. Kita jual 237 metrik tan di Moldova, di Nauru, di Tabalu dan yang paling banyak sekali adalah di Filipina yang mana kita sudah jual 331,690 tan.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi Yang Berhormat Pontian tanya tentang kos pengeluaran sawit kita. Saya tidak dapat beri jawapan kerana ini memang satu maklumat yang sensitif ataupun *confidential* kerana pihak Indonesia juga tidak bagi kita tahu berapakah kos pengeluarannya dan kos pengeluaran sawit kita ini bergantung juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau syarikat ladang besar, mungkin kosnya lebih rendah kerana ia ada *economy of scale* tetapi bagi kebun kecil, memang kita menghadapi masalah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Pontian, sebab Pontian punya isu. Dalam dunia ini ada 194 negara di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Yang Berhormat Menteri baru cerita tiga, bayangkan 194 itu banyak lagi itu. Jadi pada pandangan saya, kementerian bersama MITI bersama Kementerian Luar Negeri menjadikan ini satu kerja utama duta-duta untuk memastikan mereka menjual sawit dan menjadi KPI mereka untuk menjual sawit dan juga menjual getah di semua negara seberapa boleh. Tadi dua negara yang disebut oleh Menteri itu sikit sangat baru beli. Cari lagi negara-negara lain untuk membeli.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Saya hanya kata ini pasaran baharu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itu sebab saya sebut pasaran baharu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sikit.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Akan tetapi saya ada 12 minit lagi, saya ada banyak kena jawab tahu.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Pengerusi, boleh penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya teruskan. Minta maaf. Kalau tidak saya tidak dapat bagi apa-apa jawapan.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Boleh tanya sikit saja? Daripada Bebas.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak jawab tentang Bantuan Musim Tengkujuh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kelapa sawit, sekejap.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak tolong Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Menteri, boleh bagi Bebas?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wah, ini bekas Menteri Luar baru masuk.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan saja bekas Menteri Luar...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita bagi laluan kepada Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Bukan saja bekas Menteri Luar Tuan Pengerusi, tetapi dua penggal sebagai Timbalan Menteri Perladangan. [*Dewan tepuk*] Yang Berhormat, saya telah pun mendengar faktor-faktor luaran yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat, memang betul. Akan tetapi di antara usaha-usaha yang kita jalankan dulu di samping mempelbagaikan kegunaan produk-produk sawit dan getah, kita juga berusaha untuk membuka pasaran-pasaran baharu. Ini yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat *direct question* dulu. Dulu waktu harga sawit turun, kita telah pun pergi ke negara China dan meminta mereka supaya meningkatkan pembelian mereka. Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat, adakah harga yang merudum jatuh ini punca utamanya di antaranya ialah hubungan kita dengan China? Sekarang tidak lagi sebaik macam masa dulu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Yang Berhormat, memang ini tidak benar. Semalam saja saya bertemu lagi satu syarikat yang datang berjumpa saya yang kata hendak beli komoditi kita untuk dijual di negara China dan juga saya akan *follow-up* lagi dengan syarikat-syarikat khususnya GLC yang telah pun menunjukkan minat untuk beli lebih minyak sawit daripada kita. Di sini saya hendak jawab kerana saya ada 10 minit lagi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, satu saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak jawab sedikit tentang getah. Kalau tidak, saya tidak ada—

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, satu saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sembang dengan semua ini, saya tidak ada jawapan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Satu saja Yang Berhormat Menteri, satu saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh, bagi Yang Berhormat Paya Besar dulu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong punya jangan lupa okey, Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Paya Besar. Ya sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya lihat, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kimanis tadi berkaitan penurunan kita eksport ke China dan itu kita semua akui.

Cumanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, minggu lepas ada lawatan daripada Perdana Menteri Pakistan. Kita lihat daripada data yang diberikan Januari–Oktober 2017, kita eksport ke Pakistan 838,000 dan ada peningkatan 972,104 lebih kurang saya kira 150,000 metrik tan, lebih kurang 16 peratus peningkatan. Jadi, adakah lawatan Perdana Menteri Pakistan semalam akan meningkatkan jumlah pengeksportan kita ke Pakistan daripada kita melihat China yang tak nak beli kita punya ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, yang saya berharaplah lawatan daripada *Head of State* dari Pakistan itu akan menggalakkan penjualan minyak sawit ke negaranya dan Timbalan Menteri saya, dia akan pergi ke Pakistan dan juga pergi ke negara-negara di Barat Asia seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat tadi pada bulan depan. Dia akan pergi sana supaya kita boleh cuba untuk menjual minyak sawit dengan lebih ke pasaran-pasaran baharu yang saya sebutkan tadi.

Di sini saya hendak sebut sedikit tentang Insentif Pengeluaran Getah, yang mana ada Yang Berhormat yang berkata, dari RM2.20, kita naik kepada RM2.50, ini memang tidak mencukupi. Akan tetapi saya hendak juga memberitahu Dewan yang mulia ini tentang amaun yang kita bayar, kerajaan bayar. Kalau di negara kita, kita ada 400,000 penoreh getah. Kalau semua penoreh getah ini, mereka menggunakan yang RM2.20 *floor price* ini kita kata, hendak *claim* ini, kerajaan kena beri tambahan amaun di bawah IPG ini RM363.06 juta.

Jadi sekarang, Menteri Kewangan telah pun mengumumkan bahawa harga yang pengaktifan *cup lump* ini dinaikkan kepada RM2.50. Kalau semua penoreh getah di negara kita ini hendak gunakan sistem ini, kerajaan akan perlu bayar RM777.54 juta. Jadi sebenarnya, amaunnya sangat besar, yang IPG nya adalah kita tahu kita hendak menggalakkan penoreh

getah ini. Walaupun musim tengkujuh, mereka masih keluar menoreh getah supaya mereka boleh dapat...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, minta laluan Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Musim tengkujuh tidak boleh menoreh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sedikit sahaja. Setiu minta laluan, Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cawan getah itu penuh dengan air Yang Berhormat. Takkan Yang Berhormat Menteri tidak tahu bab itu. Itu budak tidak sekolah pun tahu. *[Ketawa]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, sikit ya. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana sudah tingkatkan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sikit, Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta seorang-seorang bercakap.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Menteri bagi laluan Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Setiu dulu.

■1540

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Pada Mei 2018, RISDA telah memperkenalkan satu cara torehan di musim tengkujuh. Sejauh manakah kajian ini telah dibuat dan agak-agak bila pelaksanaan bagi kaedah baru ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu, baik. Saya bagi Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Bera, tadi kita...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ucap tahniah Yang Berhormat daripada RM2.20 harga lantai hendak ditingkatkan kepada RM2.50. Tahniah tetapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: 30 sen.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya lah naik 30 sen, RM2.20 kepada RM2.50. Cuma Yang Berhormat, harga lantai itu hanya boleh dinikmati oleh penoreh getah kalau mereka boleh mendapat hasil torehan mereka. Akan tetapi musim tengkujuh, mereka tidak boleh menoreh kerana susu getah akan bercampur dengan air hujan, kualitinya tidak ada.

Jadi, walaupun naik RM1, RM2 pun tetapi kalau mereka langsung tidak boleh menoreh, tidak ada maknanya. Oleh sebab itulah kita semua cadangkan supaya ada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bera ini anak penoreh getah, saya anak penoreh getah. Itu tidak boleh nak cerita kepada kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pontian duduk dahulu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey saya jawab. Cukup, cukup saya jawab.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Oleh sebab itulah kita semua saya rasa Ahli-ahli Parlimen ini, semua bersetuju kalau kita teruskan sara hidup bulanan sewaktu musim tengkujuh itu...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krai duduk dahulu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...dan Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah sebut di sini bahawa kerajaan akan mengemukakan bajet tambahan. Jadi kita sokong kepada Yang Berhormat, daripada kementerian Yang Berhormat supaya masukkan dalam bajet tambahan itu untuk bantuan sara hidup musim tengkujuh kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan dahulu Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, semua Ahli Yang Berhormat yang minta bantuan-bantuan musim tengkujuh dan semua ini, satu ialah kerajaan tidak mampu. Kedua, ialah tidak menggalakkan produktiviti. Jadi, apa yang lebih praktikal macam dua minggu yang lepas saya turun padang, saya pergi ke Jelebu. Saya melawat beberapa orang penoreh getah yang mana menggunakan program ekonomi campuran.

Saya pergi melawat satu keluarga penoreh getah. Dia bukan sahaja menoreh getah tetapi dia juga menanam nanas di sebelah tanahnya dan keluarkan jus nanas. Setiap bulan dia dapat pendapatan RM5,000 sebulan. Saya juga pergi melawat lagi seorang penoreh getah, dia ternak ikan. Jadi apabila harga getah bagus, dia menoreh getah dan juga dia menanam sayur dan juga menternak ikan. Dia dapat pendapatan yang sangat tinggi. Jadi saya rasa penyelesaian yang sebenarnya...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...kita haruslah menggalakkan ekonomi campuran untuk pekebun kecil kita ini. Bukan sahaja...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bersetuju Yang Berhormat, saya bersetuju. Akan tetapi saya hendak tahu, berapa jumlah peserta ekonomi tambahan tersebut, berapa? Berapa jumlah?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu. Persoalannya, bajet RM314 bilion. Satu bajet yang besar. Kenapa dikurangkan dan kenapa dipotong daripada bantuan untuk penoreh musim tengkujuh? Kenapa tidak dikecilkan kepada yang lain?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dengar dahulu penjelasan sebab Yang Berhormat Menteri akan merumuskan semua apa yang telah disampaikan tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ada tiga minit lagi. Saya pun tidak tahu macam mana hendak jawab semua ini. Semua mahu mengganggu saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, terus jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Di sini saya hendak juga katakan bagi pihak kerajaan, kita hendak galakkan produktiviti. Itu sebab yang Kementerian Kewangan keluarkan RM100 juta untuk *rubberize road*, untuk jalan raya yang menggunakan getah, menggunakan *cup lump*. Ini supaya *cup lump* dihasilkan oleh penoreh getah ini digunakan untuk buat jalan. Ini adalah salah satu cara kita menggalakkan penoreh getah ini untuk menoreh getah dan mendapat hasil yang tinggi. Di sini saya hendak puji...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: ...Tetapi sasaran Yang Berhormat Menteri ada penurunan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Paya Besar, saya tidak bagi. Duduk dahulu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, sebab saya tahu...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, Kuala Krai sikit sahaja.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: ...untuk meningkatkan ramai yang— untuk penoreh getah tahun hadapan. Akan tetapi sasaran kementerian sendiri menunjukkan ada penurunan jumlah pengeluaran getah. Mana satu ini Yang Berhormat Menteri? Adakah dalam buku ini salah atau Yang Berhormat Menteri betul? Ini persoalannya. Yang Berhormat Menteri sebut hendak meningkatkan jumlah pengeluaran getah pada tahun hadapan dengan apa Yang Berhormat Menteri sebut RM100 juta untuk jalan. Akan tetapi dalam buku Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyatakan ada penurunan jumlah pengeluaran getah pada masa akan datang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sudah kata, kenapakah peruntukan untuk Lembaga Getah Malaysia ini jatuh.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Bermakna buku ini salah? Yang Berhormat Menteri, buku ini salah atau betul?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini kerana Lembaga Getah Malaysia masih ada simpanan. Mereka sekarang dipaksa untuk gunakan simpanan mereka untuk menanggung perbelanjaan. Akan tetapi kerajaan ada cara untuk menggunakan getah yang ditoreh oleh penoreh itu adalah melalui insentif pengeluaran getah (IPG). Tuan Pengerusi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri ...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ada sedikit soalan, sedikit sahaja. Tuan Pengerusi sedikit, Kuala Krai. Kuala Krai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Kita balik kepada apa yang dinyatakan kepada siapa yang bercakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya tidak dapat jawab semua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri tidak beri peluang untuk bercakap.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Pengeluaran hasil komoditi Yang Berhormat Menteri. Sekejap Yang Berhormat Menteri, sedikit. Daripada RM1.54 juta...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, saya belum lagi. Bagi saya ini Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:...diturunkan kepada RM1.45 juta.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Daripada tadi...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta seorang, seorang bercakap, bukan ketiga-tiga serentak bercakap. Tidak ada siapa boleh dengar pun. *This is very basic math.*

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri saya hendak merujuk kepada apa yang dinyatakan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Nanti sekejap. Dengan izin saya. Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya ada satu minit lagi. Saya hanya hendak jawab sedikit tentang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit, sedikit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri. Tidak, kalau Yang Berhormat Menteri hendak meningkatkan jumlah getah asli...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, saya beri kebenaran kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai, satu. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi ada dua persoalan sedikit. Pertama ialah tadi Yang Berhormat Menteri sebut berkaitan dengan *claim* tadi. Jadi dalam ucapan saya, saya sebut ada sekitar 20 peratus sahaja *claim*. Jadi, adakah ini benar mengikut rekod Yang Berhormat Menteri? Pertama.

Kedua ialah jika sekiranya hanya 20 peratus sahaja yang *claim*, jadi sudah pasti dari sudut kos yang perlu ditanggung dalam insentif atau IPG ini adalah lebih kurang daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi apakah inisiatif atau cara untuk memastikan mereka ini *claim* kalaulah ini alasan? Kedua.

Ketiga, tadi disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Sik isu berkaitan dengan bulan 11, bulan 12, BMT yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu. Adakah telah dibatalkan kerana ini dalam Bajet 2018?

Keempat ialah cadangan saya 'Bantuan Harapan Rakyat' (BHP) tadi. Kalau tidak guna Bantuan Musim Tengkujuh hasil daripada kerajaan terdahulu, guna 'Bantuan Harapan Rakyat'. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak tunggu dahulu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, kerana saya perlu naik kapal terbang pergi ke Sarawak, jadi sedikit sahaja saya hendak jawab di sini. Berkenaan macam mana kita menggalakkan lebih untuk *claim*, tuntutan IPG ini. Sebenarnya Lembaga Getah Malaysia telah membuka banyak kaunter bergerak di masjid, juga di balai raya dan juga menggunakan poster serta iklan di kedai pembeli getah. Lembaga Getah Malaysia juga bekerjasama dengan RTM untuk iklan tentang IPG melalui televisyen supaya mereka tahu.

Tentang cara pembayaran yang ditanya oleh Yang Berhormat Jeli, sebenarnya yang saya tahu ia semua dibayar melalui *online account* oleh pihak Lembaga Getah Malaysia. Juga tentang apa Yang Berhormat Jeli tanya tentang penternakan lembu dan kambing dalam kawasan sawit. Pada tahun 2019, sebanyak 66 projek lagi akan dilaksanakan. Sehingga Oktober tahun ini, 160 projek penternakan lembu dan kambing di kawasan sawit untuk program ekonomi campuran, ia telah pun dilaksanakan 160 projek pada tahun ini. Jadi, kita berharap dengan integrasi ternakan di ladang sawit ini kita dapat membantu pekebun kecil kita di ladang kelapa sawit atau menggembala di kebun kecil getah, mereka dapat pendapatan sampingan yang lain untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi, memang ada banyak lagi isu yang telah pun dibangkitkan. Saya hendak pilih satu dua yang jawapan pendek itu. Macam Yang Berhormat Lanang dia tanya tentang emolumen pengurangan emolumen di kementerian saya. Setakat ini kita masih kekal ada sembilan orang pegawai yang mana mereka merupakan pekerja kontrak. Kementerian saya juga ada pekerja singkat harian untuk tiga bulan, apabila perlu. Jadi kesemua pengurangan atau pemotongan bajet ini adalah sebagai satu langkah bagi kita untuk mengurangkan kos.

Yang Berhormat Dungun ada tanya tentang peningkatan program di bawah kementerian saya, itu peningkatan RM10 juta.

■1550

Pada waktu sekarang di kementerian saya, ada sebahagian daripada pegawai saya mereka bekerja dekat satu bangunan yang lain daripada bangunan saya sekarang. Mereka di bangunan MPI ya. Kita hanya sewa tingkat enam hingga tingkat 13 sahaja. Jadi, pada tahun yang akan datang, kita akan buat *renovation*. Kita hendak minta pegawai dari bangunan lain pindah

masuk ke bangunan saya. Kita tambah lagi tiga tingkat iaitu tingkat tiga, empat dan lima. Itu sebab perlunya peningkatan RM10 juta untuk bayar *renovation* dan juga untuk bayar sewa bagi tujuan ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak pakai duit itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahaja tentang MSPO. Tadi Yang Berhormat Subang tanya berkenaan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO), yang mana RM30 juta ini kenapa ia tidak muncul dalam bajet di bawah kementerian saya. Ini kerana ia adalah satu peruntukan di bawah bajet Kementerian Kewangan, iaitu *off budget* dan ia akan disalurkan daripada Kementerian Kewangan kepada saya untuk tujuan pensijilan MSPO. MSPO memang telah bekerjasama dengan *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC) di negara Jerman dan kita sudah dapat pengiktirafan daripada *Olympic Games* tahun 2020 di Jepun yang mana semua produk dan juga pembelian daripada *Olympic Games* ini mereka menggunakan produk pengiktirafan MSPO.

Jadi, berkenaan dengan apakah kita sudah bayar banyak kepada konsultan dan sebagainya, kerana yang ini sistem *certification* ini kita perlu *accredited certified body*, kita panggil CD untuk buat pensijilan. Kita tidak boleh— kementerian saya tubuhkan satu badan untuk buat pensijilan MSPO untuk jimat wang. Ini kerana kita perlu *third party independent body* untuk melakukan ini. Waktu sekarang kita sudah ada banyak potongan— kerajaan sudah bayar untuk pekebun kecil yang tersusun dan juga persendirian. Kerajaan memang sudah bayar semua untuk tujuan pensijilan.

Begitu juga dengan syarikat perladangan yang tiada pensijilan, di mana kita sudah menggalakkan mereka ini semua mendaftarkan ladang getah dan juga *palm oil mill* dan *refineries* semua di bawah pensijilan MSPO. Strategi kami adalah kita hendak capai 100 peratus sampai akhir tahun depan. Apabila sampai 100 peratus pensijilan yang dari *the whole value chain* yang minyak sawit kita, jadi lepas itu kita boleh *argue* dengan Kesatuan Eropah (EU) di mana industri sawit Malaysia telah pun cuba sedaya upaya untuk memenuhi semua standard, segala *good agricultural practices* dan sebagainya yang diminta, yang diperlukan oleh pasaran Kesatuan Eropah. Jadi, mereka tidak ada alasan untuk halang minyak sawit kita ini untuk masuk ke pasaran Kesatuan Eropah.

Tuan Pengerusi, saya tahu kita ada dua kementerian untuk menyertai perbahasan pada hari ini. Saya tidak mahu panjang lebar, saya akan minta...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum tamat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Pegawai saya untuk hantar semua jawapan secara bertulis...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum tamat.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu belum lagi.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang koko punya? Yang koko.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja sebelum menggulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan atau menyertai perbahasan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Soalan saya tidak jawab lagi, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta sedikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit permintaan. Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sedikit.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar sedikit.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Selepas Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Paya Besar sudah berapa kali. Duduklah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu sahaja. Sila. Seringkasnya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini ringkas ini. Saya sudah cakap ini, Yang Berhormat Menteri. Saya setuju bagi bantuan itu, bantuan ini, musim tengkujuh, tetapi sampai bila petani-petani ini, sampai bila *smallholders* ini hendak bergantung dengan hanya bantuan begini? *You must think for the long term.* Kita memikirkan, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pengerusi, pengerusi. Ini peringkat Jawatankuasa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, ya baik. Terima kasih. Kita kena memikirkan dari segi bagaimana hendak menukar masyarakat ini agar tidak lagi bergantung kepada bantuan-bantuan seperti ini.

Saya mencadangkan— kita tengok hasil komoditi ini yang mendapat manfaat besar siapa? Top Glove Manufacturers. *[Disampuk]* Apa dia? Saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri *transform*, bawa industri— ini ada ditulis ini. “*Visi adalah untuk pengeluar utama produk berasaskan komoditi, berasaskan kepada kayu...*” Mana dia petani, pekebun getah dapat hasil daripada industri perindustrian, perabot? Di Muar itu siapa yang untung banyak?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Pasir Salak, ini peringkat Jawatankuasa. Kalau boleh sebut butiran...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada. Ini penutup, penutup.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Penutup oleh Yang Berhormat Menteri, bukan— ya baik, ringkaskan soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi kesimpulannya, saya hendak minta kerajaan— dahulu pun saya minta, sekarang ini kita sambung.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ini berkempen ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia? Kempen apa kempen? Bukan ada hendak bertanding apa lagi. Lambat lagi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Berkempen.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta jangan ada gangguan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no.* Saya hendak Yang Berhormat Menteri berfikiran ada wawasan.

Seorang Ahli: Luar daripada kotak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Luar daripada kotak. *City girl.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih. Saya minta...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak beri laluan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: *City girl* pun dia berjiwa rakyat, tahu?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sedikit sahaja.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Dia berjiwa rakyat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah bagi banyak peluang kepada Yang Berhormat Setiu.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya dalam perbincangan tadi...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sedikit boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Kapit satu poin sahaja, kemudian Yang Berhormat Setiu sekejap.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya bertanya dalam perbincangan saya tadi, saya minta penjelasan secara terperinci, kalau boleh, apa dia dalam projek berimpak tinggi industri utama ini yang diberi peruntukan yang agak besar, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya minta boleh bagi cara bertulis. Baik.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey. Setiu hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat bajet tambahan sebagaimana Kementerian Industri Asas Tani untuk beri Bantuan Musim Tengkujuh ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, semua sudah— tadi sudah tutup, lagi soal-soal macam mana ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, memang sembang macam ini saya tidak dapat jawab. Saya akan jawab secara bertulis kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Salak, saya rasa pertanyaan daripada Yang Berhormat Jeli ini lebih cerdiklah. Yang Berhormat Jeli minta tanya sama ada kita akan *think out of the box*...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cerdik apa? Dia melompat dekat sana. Cerdik apa?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan diganggu, jangan diganggu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak cerdik itu melompat itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Think out of the box* sama ada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau cerdik, dia tunggu dekat sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tanaman komoditi yang sedia ada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cerdik kah macam itu?

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sama ada tanaman komoditi yang sedia ada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua cerdik belaka, tahu tak?

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Macam kelapa sawit dan juga getah sama ada kita perlu kekal atau sebagainya, saya memang menghargai pertanyaan macam ini kerana pertanyaan yang cerdik. Akan tetapi, saya sudah bincang dengan kementerian saya, di mana kalau kita lihat secara sejarah sampai sekarang, yang komoditi kalau kelapa sawit dan juga getah ini, dia ada *up and down* tetapi secara *long term*, jangka panjang, dia masih lebih stabil. Akan tetapi, saya rasa mungkin tiba masanya bagi kita untuk *brainstorming*, mungkin saya boleh jemput Yang Berhormat Jeli datang bersama juga, kita fikir adakah mungkin tanaman komoditi yang lain yang mungkin boleh membawa hasil yang lebih tinggi kepada para pekebun kecil kita. Saya rasa...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan sesiapa bercakap. Sila rumuskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya rasa ini *brainstorming* dan juga semua ini harus kita adakan dan saya juga jemputlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pandangan persendirian tentang topik seperti ini boleh berhubung dengan saya dan juga kementerian saya supaya apa yang kita hendak capai ialah supaya pekebun kecil kita ini tidak berada dalam keadaan susah apabila harga pasaran antarabangsa ini melambung banyak. Sekian, terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM125,598,600 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Industri Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM125,598,600 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM381,358,300 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM381,358,300 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019].

■1600

Tuan Pengerusi: Sebelum Dewan meneruskan perbincangan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, izinkan saya membuat sedikit pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita diumumkan keputusan pemilihan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (CPA) Cawangan Malaysia dan IPU Kumpulan Malaysia bagi tahun 2018, adakah seperti berikut. Keputusan CPA Cawangan Malaysia, saya berikan nama ialah:

- (i) Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit];
- (ii) Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang];
- (iii) Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai];
- (iv) Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut];
- (v) Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran];
- (vi) Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin Hang [Tuah Jaya]; dan
- (vii) Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu].

Ini adalah keputusan IPU Kumpulan Malaysia pula:-

- (i) Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook [Seremban];
- (ii) Yang Berhormat Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena];
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas];
- (iv) Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong];
- (v) Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh];
- (vi) Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong [Kampar]; dan
- (vii) Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang].

Tahniah bagi semua yang sudah pun dipilih ke jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu. Seterusnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Maksud B.21 [Jadual] -
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, terbuka untuk dibahas.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi: Di sebelah kiri dahulu ya. Saya bagi Yang Berhormat Bera.

4.03 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040700 - Insentif Bersasar Nelayan. Daripada bajet yang kita rujuk, bantuan untuk nelayan telah pun dikurangkan daripada RM262 juta kepada RM98.5 juta iaitu penurunan sebanyak RM163.5 juta. Begitu juga dengan Butiran 041200 - Sara Hidup Nelayan Darat juga telah pun dikurangkan iaitu daripada RM12.5 juta kepada RM3.5 juta.

Soalan saya adalah, berapakah jumlah penerima yang akan menerima bantuan ini setelah pemutihan dilaksanakan. Adakah perubahan pengurangan ini berdasarkan jumlah penerima ataupun jumlah pemberian yang akan diberi juga berkurangan? Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa pemberian-pemberian dan insentif nelayan ini kita berikan kerana *nature of work* nelayan tersebut. Nelayan seperti pemburu, apabila turun ke laut, turun kosong belum tentu pulang dengan hasil. Mungkin mereka juga akan pulang kosong. Sebab itulah beberapa insentif diberikan seperti insentif pendaratan ikan dan subsidi diesel. Malahan insentif sara hidup sebanyak RM300 sebulan.

Jadi saya harap pihak kementerian melihat kepada masalah nelayan ini dan kalau boleh meneruskan segala insentif yang diberikan kepada nelayan. Saya harap penurunan dari segi bajet bukan berdasarkan jumlah yang akan diterima oleh nelayan, tetapi berdasarkan jumlah penerima. Ini bermakna kalau dahulu RM300, kita kekalkan RM300. Ini sebab nelayan zon 'A' ini adalah nelayan miskin dengan perahu-perahu kecil. Mereka memang sangat memerlukan bantuan sara hidup ini. Jadi kalau kita tidak beri kepada nelayan zon 'B', zon 'C' dan sebagainya, saya percaya semua nelayan lain boleh menerimanya.

Yang Berhormat, satu isu besar bagi nelayan adalah cengkaman dan manipulasi orang tengah. Sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu, kita melancarkan jihad memerangi orang tengah yang mana beberapa agensi di bawah kementerian seperti FAMA dan anak syarikat di bawah LKIM seperti NEKMAT, memainkan peranan sebagai orang tengah iaitu membeli produk-produk daripada nelayan dan hasil tani dan mereka juga memasarkan produk-produk ini. Jadi sebagai agensi kerajaan seperti FAMA, seperti NEKMAT di bawah LKIM, mereka tidak mengaut keuntungan. Ini berbeza daripada syarikat ataupun orang-orang tengah yang mengaut keuntungan sebelum ini.

Jadi saya mengharapkan supaya FAMA diberikan balik peranan ini, diberikan peranan yang besar. Tambahkan bajet untuk FAMA dan begitu juga dengan Pertubuhan Peladang yang akan membeli produk-produk pertanian dan sebagainya dengan mewujudkan pusat pengumpulan dan sebagainya untuk mengambil produk-produk daripada hasil pertanian dan sebagainya untuk mereka pasarkan. Pasar tani juga perlu diperbanyakkan supaya hasil-hasil pertanian dapat dijual dengan terus oleh petani-petani dan sebagainya.

Kedua Yang Berhormat. Isu yang besar yang melanda nelayan adalah pencerobohan pukuk-tukuk tunda ini iaitu terutamanya daripada zon 'B'. Nelayan pukuk tunda zon 'B' menceroboh di zon 'A' dan akhirnya merosakkan anak-anak ikan dan sebagainya yang menyebabkan terjejasnya pendapatan nelayan zon 'A'. Jadi saya harap, saya mencadangkan perkara ini telah pun dicadangkan tetapi ditangguhkan beberapa kali supaya pukuk tunda zon B ini diharamkan terus supaya tidak lagi merosakkan pendapatan bagi nelayan-nelayan di zon 'A' ini.

Pencerobohan nelayan asing begitu berleluasa sekali yang juga akan merosakkan hasil tangkapan daripada nelayan zon 'A'. Saya harap APMM akan bertindak tegas untuk menghapuskan dan juga mengambil tindakan terhadap nelayan-nelayan asing, pukuk-tukuk tunda asing ini.

Satu perkara lagi yang saya cadangkan adalah dari segi galakan untuk *aquaculture* ini. *Aquaculture* setakat hari ini, setakat 2014 adalah 20 peratus berbanding dengan tangkapan liar iaitu 80 peratus. Sasaran kementerian ketika itu adalah 50/50. Saya harap *aquaculture* ini diperhebat lagi. Walau bagaimanapun, dilihat dari segi bajet yang diberikan, ia adalah terlalu rendah sekali. Jadi saya harap kita tambahkan dan perbanyakkan program *aquaculture*, supaya di musim tengkujuh, kalau kita galakkan nelayan menjalankan kegiatan *aquaculture*, sekurang-kurangnya di musim tengkujuh, waktu tiada pendapatan, mereka boleh menjual hasil dari ikan-ikan peliharaan mereka. Ini juga boleh membantu nelayan untuk menambahkan pendapatan dan sebagainya.

Kalau kita lihat *aquaculture* ini di Sabah, hanya diperuntukkan sebanyak RM500,000 sahaja. Jadi bagaimana kita hendak meningkatkan pendapatan nelayan dan juga untuk mencapai sasaran 50/50 yang dicadangkan oleh pihak kementerian. Bagi menambahkan pendapatan di bawah 00900 -Ternakan-ternakan Lain. Jadi saya harap supaya bajet diberikan lebih besar untuk menggalakkan nelayan terlibat dengan kegiatan-kegiatan lain yang melibatkan ternakan-ternakan lain.

■1610

Nelayan ini, dia orang laut Yang Berhormat. Kalau hendak suruh dia tanam nanas belakang rumah dia, dia tidak boleh buat. Oleh sebab mereka kata kalau kita berkawan dengan nelayan, dia kata kalau dia tidur, dia pun hendak dengar bunyi ombak laut, itu dia nelayan. Jadi kalau mereka hendak terlibat dengan kegiatan pertanian lain dan sebagainya, mesti yang berkaitan dengan laut.

Jadi kita cadangkan di Langkawi misalnya, gamat merupakan industri yang patut diketengahkan dan gamat ini boleh dipelihara dan tidak sukar kerana kita tidak perlu beri makanan kepada gamat ini. Jadi ternakan-ternakan lain untuk menambahkan pendapatan seperti gamat, ikan hiasan, ini juga melibatkan– walaupun pelihara ikan hiasan tetapi berkaitan dengan nelayan, yang ada kaitan dengan mereka. Pokok-pokok hiasan yang boleh digunakan di dalam akuarium dan sebagainya.

Walaupun ia pertanian, seolah-olah menanam pokok tetapi ada kaitan dengan nelayan yang boleh menimbulkan rasa minat mereka untuk terlibat dengan projek-projek lain yang selain daripada ke laut dan sebagainya. Satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan adalah Butiran 00903 iaitu Pemasaran dan Eksport. Kementerian hanya diperuntukkan RM13 juta. Sebenarnya produk-produk Malaysia sangat popular di luar negara. Sebagai contoh di negara China, durian sangat popular. Begitu juga dengan nanas MD2, memang sangat popular di luar negara. Akan tetapi promosi diperlukan. Kalau dengan RM13 juta, kita tidak mampu untuk mengadakan promosi di luar negara.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya boleh ditambahkan bajet untuk pemasaran dan eksport supaya lebih banyak produk-produk daripada negara kita dieksport ke luar negara dan ia memberikan pulangan kepada petani-petani yang terlibat dengan projek-projek pertanian. Begitu juga dengan pembangunan industri tenusu. Saya lihat di bawah Butiran 10730 ini, bajet yang diberikan hanya RM3.8 juta sedangkan tenusu sekarang hanya di negara kita, pengeluaran tenusu hanya 5 peratus daripada pengeluaran sepenuhnya. Memang sepatutnya digalakkan tenusu, bukan sahaja mengeluarkan tenusu tetapi lembu yang tidak lagi boleh digunakan untuk tenusu ini daging juga boleh digunakan dan daging lembu tenusu ini sebenarnya jauh lebih elok daripada lembu-lembu biasa dan sebagainya.

Jadi dalam keadaan kementerian hendak menggalakkan tenusu sebagai satu industri baharu, jadi saya harap pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian, saya percaya bajet tambahan akan diumumkan oleh kerajaan. Mana-mana bajet yang tidak mencukupi ini saya cadangkan supaya ditambah bajet ini supaya bukan sahaja dari segi pengeluaran tenusu boleh dipertingkatkan tetapi lebih ramai yang terlibat dengan tenusu ini jika diberi bajet tambahan, lebih memberikan faedah kepada penternak-penternak lembu dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Pengerusi: Di sebelah kanan. Yang Berhormat Alor Setar silakan.

4.13 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis. Tuan Pengerusi, hari ini saya cuma hendak bahas khususnya untuk Maksud Bekalan 21 khususnya Butiran 040000 – Program Khusus. Di bawah ini termasuk subsidi dan insentif.

Pertama sekali saya hendak ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menaikkan subsidi harga padi daripada RM300 kepada RM360. Ini cukup baik kepada pesawah-pesawah. Pada masa yang sama saya ingin hendak lebih mendalam kepada beberapa butiran yang saya rasa cukup banyak bahas kebelakangan ini. Salah satu adalah Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah.

Dalam anggaran bajet ini kita kekal RM75 juta, di sini saya ingin tanya kali keempat kepada kementerian ini, minta tolong senaraikan syarikat yang diberi kuota untuk menghasilkan benih padi sah ikut kapasiti yang dimiliki oleh syarikat tersebut. Kita tahu ada sembilan syarikat telah diberi kuota tersebut. Akan tetapi kita hendak tahu kapasiti syarikat itu betul dia memiliki kapasiti untuk hasilkan benih padi yang sah tersebut supaya kita boleh kaji balik sama ada subsidi ini harus diberi kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menghasilkan tersebut. Saya minta Yang Berhormat Menteri bagi jawapan secara bertulis dalam bab ini.

Saya ingin berbahas juga untuk Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi dan juga Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi yang nampaknya ada potongan yang banyak dalam subsidi tahun ini. Saya faham kita harapkan ada lebih banyak subsidi untuk diberi kepada pesawah supaya meningkatkan hasil ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan beban mereka dalam pengeluaran padi ini. Saya bukan mempertikaikan sama ada jumlah tersebut banyak ataupun kurang, saya hendak kaji sejauh mana subsidi tersebut diberi kepada penerima yang betul-betul menggunakan atau menikmati subsidi tersebut.

Saya difahamkan kementerian sedang menjalankan pemutihan. Itu satu. Akan tetapi adakah selepas pemutihan yang penerima tersebut betul menggunakan barang tersebut sama ada baja ataupun racun. Bulan lepas SPRM dapat rampas 800,000 kilogram baja padi subsidi dekat Parit Buntar yang nilai dia RM1.35 juta. Ini adalah baja subsidi. Sekiranya betul baja subsidi tersebut diguna oleh penerima ataupun pekebun tersebut bagaimana boleh dapat ada yang simpan jumlah yang begitu besar untuk dijual semula?

Maka kita perlu siasat sejauh mana polisi yang kita laksana tersebut, subsidi tersebut boleh sampai kepada mereka ataupun sebenarnya pesawah tidak perlukan subsidi tersebut ataupun dari segi kod barang tersebut tidak menepati kualiti yang diperlukan sehingga mereka terpaksa jual ataupun bagaimana kira hendak pastikan polisi tersebut sampai kepada matlamat?

Saya hendak bagi cadangan, contohnya memang NAFAS menghasilkan baja sebatian dan baja tambahan. Akan tetapi akan juga jenis baja yang, contohnya Baja Urea yang bukan dihasilkan oleh NAFAS, barangkali dia adalah baja yang lebih mahal dan didapati juga ada pesawah yang rasa mungkin baja ini tidak berapa sesuai katakan. Maka kita boleh cuba kurangkan dari segi *spec* tersebut. Kita kurangkan menggunakan atau membeli baja tersebut tetapi kita perbanyakkan atau kita fokus kepada baja yang memang digunakan oleh pesawah. Maka dalam keadaan ini, kita boleh kurangkan subsidi, pada waktu yang sama barang yang kita subsidi tersebut memang diperlukan oleh pesawah supaya kita tidak setakat potong begitu sahaja. Ini salah satu cadangan.

Tentang Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) tersebut khususnya untuk racun, sama juga. Setakat ini kementerian, kita melalui NAFAS juga dan juga membeli dari sembilan syarikat racun yang khususnya untuk penanaman padi. Pada waktu yang sama, kita nampak racun ini boleh beli di luar. Boleh dibeli melalui juga PPK. Akan tetapi kita nampak ada aduan bahawa racun yang sama ini syarikat itu dia jual kepada PPK ataupun NAFAS. Harga dia lebih mahal daripada pasaran. Sepatutnya kalaulah satu oder yang begitu besar, patutnya harga dia lebih rendah daripada pasaran. Barulah berbaloi kepada pihak kerajaan bagi memberikan subsidi tersebut untuk beli barang tersebut. Maka perlu kita semak dari mana? Adakah benda tersebut, barang tersebut daripada syarikat tersebut?

Kalaulah lebih mahal daripada pasaran maka perlu ada jawapan bagaimana ini boleh berlaku. Satu lagi yang saya ingin hendak sentuh di sini ialah keseluruhan ini, sama ada butiran untuk subsidi atau insentif ini, salah satu konsep yang kita laksanakan untuk tahun ini dan juga yang akan datang adalah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri kewangan adalah kerajaan kita jangan cuba bersaing dengan syarikat dalam membuat peniagaan ini.

Bagi saya ini perlu kita buat satu kajian yang penting. Saya setuju kalau katakan kerajaan tidak ada kemampuan dan memang tidak ada keupayaan itu, maka kita serah kepada syarikat atau kita rasa ini adalah satu perniagaan yang strategik, kita perlu pegang secara monopoli, biar kerajaan ambil semua. Akan tetapi jangan kita bagi syarikat buat, lepas itu kerajaan pula tubuh syarikat pergi bersaing dengan syarikat.

Maka apakah dari segi pandangan pihak swasta? Kalau kerajaan hendak ambil, ambillah semua. Kalau hendak bagi, bagilah semua. Akan tetapi kalau kerajaan sendiri bagi syarikat untuk masuk tetapi dia sendiri tubuh syarikat untuk bersaing dengan syarikat lain dan pada masa yang sama kalau barang-barang ataupun perkhidmatan tersebut yang jual balik kepada kerajaan adalah lebih mahal harga dia maka saya rasa tidak sesuai.

■1620

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, minta mencelah sikit, pembetulan, pembetulan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Kebetulan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak minta...

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya bagi sikit masa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembetulan, *no*. Hendak betulkan Yang Berhormat punya fakta. Pertama tadi saya hendak sebut tetapi lewat sikit tetapi saya sebut semula. PPK bukan kerajaan tau. PPK – eh! Nanti lah dulu, belum habis lagi sudah bangun.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Itu saya faham, itu saya faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: PPK bukan kerajaan. Akan tetapi Yang Berhormat kata kerajaan, satu.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya faham. Saya bukan kata PPK. Saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nombor dua, MoA setahu saya tidak ada syarikat. Kalau ada syarikat-syarikat, itu bukannya MoA punya.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya, saya bukan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab nanti. Mana syarikat...

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya faham, saya bukan kata PPK itu syarikat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Faham, faham tetapi sudah sebut salah faham juga lagi.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya tidak kata PPK itu syarikat kerajaan. Saya cuma kata konsep ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya lah, konsep kata tadi kerajaan tidak boleh berniaga.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Kalau macam itu lepas ini saya tidak bagi laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Akan tetapi di dalam kes ini, Kementerian Pertanian.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya tengah bincangkan konsep tersebut. Saya tengah bincangkan konsep tersebut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* jangan membincangkan secara menyeluruh. *We are talking about this* MoA.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha! Faham, apa syarikat dia?

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya belum cerita BERNAS lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini sudah disebut kerajaan...

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: BERNAS bukan syarikat kah?

Tuan Pengerusi: Biar, biarkan Yang Berhormat Alor Setar. Teruskan perbahasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana ada syarikat.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Alor Setar.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya hendak sentuh di sini adalah pada masa yang sama selain daripada syarikat itu, ada syarikat-syarikat juga. Kita tubuh atas konsep macam koperasi. Sama juga orang yang ciptakan PPK ataupun...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Koperasi bukan syarikat. Itu syarikat kerajaan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya tidak kata itu syarikat kerajaan. Itu *socialize enterprise* salah satu cara sama ada syarikat nasional monopoli *private sector* dan tengah-tengah *socialize*. Di sini saya sarankan bahawa kalau kerajaan tidak mahu pegang sendiri, kita pun tidak mahu bagi pihak swasta ambil keseluruhan, hendak bagi sosial komoditi ataupun cara yang dipegang bukan oleh satu individu tetapi bukan kerajaan. Maka, perlu pastikan kalau kontrak ataupun perkhidmatan yang kita beri itu mesti berpatutan harga barang itu. Kalau tidak akhirnya

kita cuma bagi satu yang bukan daripada swasta tetapi dia sama lebih kurang dengan swasta, dia ambil kontrak kerajaan dengan peruntukan keluar dari kerajaan dengan cara subsidi.

Saya haraplah kerajaan sekarang tolong semak sejauh mana sekarang BERNAS keadaan dia. Sama ada dia masih dipegang oleh mana-mana pemegang saham dan akhirnya sudah— selepas *delist* daripada bursa saham, sekarang siapa yang betul-betul memegang syarikat ini. Ini kerana kita masih ada kontrak bersama dengan syarikat BERNAS berkaitan dengan padi ini. Ini kerana ada saranan dari pesawah yang minta supaya kita pulihkan Lembaga Padi Negara. Maka saya harap dalam pihak pertanian ini, subsidi kita boleh bagi, insentif boleh bagi tetapi pastikan tersebut diguna betul pada orang yang betul pada waktu yang sama orang itu dia guna betul-betul untuk tujuan itu. Bukan guna untuk jual, itu yang penting.

Akhirnya saya cuma hendak sentuh sedikit sahaja bawah P.21 Pembangunan di bawah Butiran 10820, Butiran 29000, Butiran 41700 semua berkaitan dengan veterinar. Saya fahamkan veterinar ini memang kita tidak – kerja mereka ini atau untuk semak sama ada untuk penternakan macam-macam. Akan tetapi saya harapkan bahawa, jabatan berkenaan dengan veterinar ini boleh wujudkan satu perkhidmatan untuk buat operasi pengasian atau pemandulan untuk anjing. Setakat ini cuma ada kucing sahaja.

Saya harapkan dia boleh wujudkan perkhidmatan ini supaya ada kerja sama dengan PPT dan juga pihak kesihatan untuk kurangkan anjing liar melalui projek operasi pengasian tersebut yang hanya boleh dibekalkan perkhidmatan daripada Jabatan Pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiu.

4.24 ptg.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Bagi peluanglah untuk Yang Berhormat daripada PAS menjawab dahulu. Ya, silakan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bebas Tuan Pengerusi.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *[Bersalawat]* Terima kasih pada Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama bahaskan dalam perbahasan bajet peringkat jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah pada Butiran 020100 - Industri Padi dan Beras. Kerajaan menasaskan 80 peratus tahap sara diri pada tahun 2020. Saya ingin mendapatkan penjelasan yang lanjut berkenaan sasaran yang ditetapkan oleh pihak kerajaan ini.

Pertama, sejauh manakah penggunaan teknologi akan dipertingkatkan bagi mencapai tahap sara diri yang tinggi di negara ini. Kedua, bilakah kerajaan menyasarkan Malaysia mencapai tahap sara diri 100 peratus?

Tuan Pengerusi, kita mempunyai tiga jenis stok penimbal iaitu *iron stock*, stok dagangan serta strok pemborong atau peruncit. Jumlah keseluruhan stok ini mencecah 644,000 matriks tan. Persoalannya, sejauh manakah beras tempatan diutamakan dan penyediaan beras *stockpile* negara serta dalam masa yang sama sejauh manakah kawalan terhadap barang import dikawal selia seketatnya.

Seterusnya mengenai Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah mengumumkan inisiatif meningkatkan skim subsidi harga padi daripada RM300 setan kepada RM360 setan. Pertamanya, insentif pengeluaran padi telah mengalami pengurangan yang sangat mendadak iaitu sebanyak 50 peratus berbanding Bajet 2018 sebanyak RM563 juta dikurangkan kepada RM281 juta sahaja untuk Bajet 2019.

Sehingga hari ini beras tempatan sukar untuk dijual. Sepatutnya mengikut *food security* hanya 30 peratus sahaja beras asing dibenarkan diimport dan 70 peratus beras tempatan. Akan tetapi hari ini pengimportan beras melebihi 30 peratus. Untuk menampung kekurangan beras tempatan, pelbagai bantuan disalurkan bermula daripada benih padi, harga padi dan beras.

Soalan saya, apakah langkah yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pengeluaran padi mencapai tahap 70 peratus – pengeluaran padi tempatan atau beras tempatan mencapai tahap 70 peratus sebagaimana yang kita hendak dalam keadaan pengurangan bajet yang begitu besar bagi tahun 2019. Adakah pengurangan bajet ini disebabkan oleh tapisan semula pada petani sehingga menjadikan jumlah yang benar-benar layak sahaja akan menerima subsidi dan insentif ini telah berkurang berdasarkan jumlah tapisan semula. Jika ada tapisan penerima tadi, apakah mekanisme yang digunakan untuk melaksanakan tapisan berkenaan.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 041200 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat. Saya ingin menyampaikan satu persoalan yang sama berkaitan dengan elaun sara hidup nelayan darat ini. Ini kerana jumlah peruntukan terhadap perkara ini juga mengalami pengurangan daripada RM12.5 juta kepada RM3.5 juta. Berlaku pengurangan kira-kira 72 peratus. Persoalannya apakah ada tapisan serta apakah mekanisme tapisan yang diguna pakai oleh pihak kementerian.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 040700 berkenaan Elaun Sara Hidup Nelayan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan. Proses pemutihan telah dilakukan kepada 40,000 nelayan daripada 54,000 nelayan telah dilaksanakan sehingga bulan November ini. Walau bagaimanapun, data yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengenal pasti hanya 8,000 nelayan sebagai bukan nelayan tulen dan dikeluarkan daripada senarai penerima elaun sara hidup nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2019 untuk elaun sara hidup nelayan dan insentif tangkapan nelayan berlaku pengurangan sebanyak 70 peratus daripada RM262 juta kepada RM98.5 juta untuk Bajet 2019.

■1630

Berdasarkan pemutihan daripada 40,000 tadi, 8,000 didapati nelayan bukan nelayan tulen, maknanya 32,000 sahaja nelayan tulen. Masih berbaki 14,000 nelayan yang belum diputihkan, kalau kita campurkan antara 14,000 dan 8,000 jumlahnya 22,000 iaitu 22,000 daripada 54,000, baru mencapai tahap 40.7 persen. Akan tetapi masalahnya pengurangan bajet sampai 70 persen.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Setiu, boleh minta penjelasan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat sebut bukan nelayan tulen telah dikeluarkan daripada senarai, dalam proses pemutihan. Boleh bagi penjelasan apa yang dimaksudkan yang bukan tulen itu? Oleh sebab kita dahulu, Kerajaan Barisan Nasional dahulu kita beri mereka itu semua bukan kita beri suka-suka hati. Mereka pun nelayan juga tetapi adalah waktu-waktu dia, dia mungkin buat kerja lain, sambil nak tambah pendapatan dia sebagai nelayan. Bukankah itu juga boleh dianggap sebagai nelayan? Dengan itu kita berikan peruntukan. Saya hendak tegaskan di sini, nelayan ini orang-orang miskin, pendapatan sedikit, terpaksa buat kerja tambahan lain. Itu pun kita hendak potong kah? Itu pun kita hendak tarik kah? Tidak kesian kah? Kerajaan Pakatan Harapan tidak kesian kah?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Ini kerajaan kena jawab sebab saya pun tidak tahu apa mekanisme yang digunakan untuk proses pemutihan nelayan ini. Jadi, masukkan ucapan Yang Berhormat Pasir Salak sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Jadi, kalau kita campur 8,000 nelayan dikatakan tidak tulen tadi dengan jumlah yang belum dibuat pemutihan sebanyak 14,000, jumlahnya 22,000. Itu pun kalau 14,000 itu semua tidak tulen. Jadi, kalau campur baru 22,000 daripada 54,000, 40.7 persen sahaja.

Akan tetapi pengurangan berlaku sebanyak 70 persen, pengurangan bajet berlaku pengurangan sebanyak 70 persen daripada RM262 juta untuk Bajet 2018, dikurangkan kepada RM98.5 juta untuk tahun 2019. Jadi, persoalan saya adakah pengurangan ini dibuat tanpa kajian yang teliti? Seheinggakan selepas pemutihan dilakukan, terbukti jumlah nelayan yang tidak tulen tidak sebesar jumlah pengurangan. Tambahan pula Perdana Menteri ada mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan akan membentangkan belanjawan tambahan bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak terpinggir, termasuk para nelayan.

Adakah ini terbukti bahawa pihak kerajaan sebenarnya pada asalnya tidak begitu cakna akan nasib golongan ini. Walau bagaimanapun, selepas mendapat banyak rungutan, banyak komen dan kompelin daripada pelbagai pihak, baru kerajaan membuka mata dan mencadangkan untuk mengeluarkan bajet tambahan untuk memberi tambahan subsidi kepada golongan

tersebut. Jadi kalau begitu, tidak salah saya katakan bahawa pembentangan Bajet 2019 ini bukan daripada perancangan asal pihak kerajaan. Sekian Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang pembahas di sebelah kanan. Ada?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebelah tengah ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas ini sebelah sana.

4.34 ptg.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Bagan Serai itu tengah. Kiri tidak, kanan tidak.

Tuan Pengerusi: Bebas ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dah dekat dah hendak pergi itu. *[Dewan ketawa]* Sikit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Condong ke tepi Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada orang hendak terima pun.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tunggulah kita tengok, terima tak terima. Tuan Pengerusi, saya membahaskan B.020000 – Bekalan Makanan Negara. B.020100 – Industri Padi dan Beras dan ketiganya, bab padi ini B.020200 – Pengairan dan Saliran Pertanian. Tuan Pengerusi, bekalan makanan ini sangat penting. Kita *target* SSL kita– saya ingat dahulu *targetnya* 2020, 100 *percent* tetapi saya dengar tadi kata 80 *percent*.

Tidak apalah, pakai 80 *percent*. Sekarang ini 70 *percent*, 30 *percent* bergantung kepada import, hampir 900,000 metrik tan diimport. Jadi, bermaknanya kumpulan pesawah ini adalah kumpulan yang penting. Oleh sebab dia jaga sekuriti makanan negara. Kalau mereka tidak turun ke bendang, mereka tidak pegang selut, maka tiadalah nasi dalam periuk kita hari ini. Jadi, ini satu isu yang sangat penting.

Jadi, apa yang pentingnya ialah jelapang padi negara hari ini. Kita ada lapan jelapang. Daerah Kerian atau di Parlimen Bagan Serai yang ketiga, di Daerah Kerian 20,972 hektar dan kebanyakan jelapang padi hari ini penurunan hasil. Hasilnya berkurangan, kenapa? Kita sudah 38 tahun subsidi diberi, macam-macam pertolongan dan bantuan diberi, kenapa masih lagi kita terpaksa melihat kesudahan yang begini?

Apa yang saya hendak masukkan dalam Butiran ini, saya minta kerajaan pandang kepada pesawah-pesawah ini. Mereka ini orang miskin, kita dengar tadi sebelah sana menjerit, miskin. Betullah itu. Miskin, di Daerah Kerian pun sama juga. Kalau banjir, kalau kemarau, kalau penyakit padi, hasil tidak jadi, kerajaan kena tolong, kena tengok. Jangan sampai pesawah

meluat hendak turun ke bendang, jangan sampai anak-anak muda tidak mahu jadi lagi pesawah, ini yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, kalau mereka tidak pegang selut, kita tidak makan nasi, negara akan tergugat. Jadi, hasil tadi yang tidak tercapai saya hendak beritahu, sasaran negara tujuh metrik tan, purata 55 metrik tan. Sasaran daerah Kerian lima hingga enam metrik tan, capai 2.53 metrik tan, ini tidak bagus. Ini tidak bagus. Ini kita hendak lihat macam mana kerajaan hendak bantu petani-petani hari ini. Bagaimana kerajaan hendak bantu petani-petani supaya mereka dapat *income* yang cukup untuk meneruskan perjuangan ini, untuk meneruskan penanaman sawah padi ini.

Di Daerah Kerian ini ramai pesawah-pesawah padi. Saya melihat salah satunya pengairan, Tasik Bukit Merah di daerah Kerian, ia tampung untuk domestik, untuk industri, untuk sawah padi, sebahagian daripada Taiping, juga di Seberang Perai Selatan, kongsi banyak. Pernah jadi banjir, pernah jadi kemarau, pernah tasik kering-kontang. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, sekali buat memanglah mahal tetapi sekali buat, bagaimana kita hendak kontrol pengairan sawah padi? Ada sawah padi, air tidak sampai. Ada sawah padi tenggelam, padi tidak jadi. Bagaimana kita hendak kontrol supaya jadi lebih baik?

Ada cadangan dahulu Timbalan Menteri pernah datang dahulu ke Bagan Serai, cadangan untuk cadangan untuk buat *tube wells*. Saya hendak tanya kerajaan, apa macam *tube wells*, kajian ia? Ataupun membina terowong air, *water transfer*, dengan izin, daripada Ulu Sungai Perak kepada Tasik Bukit Merah. Kontrol air, jadi kita kontrol air. Bila kontrol air ini, pengairan ini salah satu perkara faktor penting untuk menjadikan *income*, menjadikan padi menjadi, hasilnya tinggi, *yield*nya tinggi. Kalau ini okey, boleh kontrol, maka *Insya-Allah incomenya* okey, maka pesawah seronoklah, tiada masalah.

Kita boleh capai SSL kita, anak-anak muda akan seronok untuk buat penanaman padi, meneruskan usaha pesawah padi ini. Ini saya rasa penting sekali. Cerita benih, benih yang kita kata tidak berkualiti, benih tidak sah, pesawah terpaksa beli benih lain sebab lebih murah, ini berlaku. Baru-baru ini saya dengar UKM dan MARDI buat, UKMRC2/UKMRC8 yang dilancarkan pada bulan September tahun lepas. Dikatakan *variety* ini telah dibuat kajian daripada 2002 lagi, ditanam di MADA, di anak bukit, saya dengar. Hasilnya dijangka 12 hingga 13 metrik tan, ini *variety* padi yang boleh tahan banjir 14 hari, dalam air tenggelam tidak apa.

Ini *variety* yang rintang penyakit, ini padi yang tangkainya lebih panjang, yang ini kena tengok. Jadi, kalau ini akan diedarkan, *insya-Allah* katanya akan dikomersialkan tahun 2019, boleh beli. Macam mana harganya pula? Kerajaan kena jadikan *variety* ini sebagai salah satu insentif benih padi yang sah. Oleh sebab apa, kita dapat lihat ini, kita kena serius benda ini sebab ini cerita bekalan makanan negara.

■1640

Jadi, saya mahu tanya kerajaan, saya mahu minta kerajaan buat satu pelan yang komprehensif. Satu pelan, contohnya seperti penyatuan ladang-ladang kecil. Buat R&D lebih, buat *test plot*, supaya ada rujukan untuk pesawah-pesawah di kelompok-kelompok, lihat model

padi yang paling baik. Sudah sampai masanya kerajaan hari ini bukan sahaja bagi subsidi, tetapi buat usaha lebih lagi. Saya tidak kata tidak buat, lebih usaha lagi untuk ubah minda pesawah-pesawah untuk lebih berilmu, lebih inovatif, lebih dinamik lagi.

Tuan Pengerusi, tentang penyakit tadi, mesti ada *fast-track solution*. Macam mana mahu jadi kalau pesakit jadi masalah? Pegawai-pegawai kena lebih lagi turun padang untuk bantu petani-petani dan mungkin kita kena tambah jelapang padi, tidak cukup lapan jelapang padi. Saya ingat perlu ada tambahan-tambahan lagi mungkin di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Satu lagi sebelum saya pindah kepada butiran satu lagi ialah berkenaan dengan beras seludup ini, yang terlepas ini! Kerajaan kena tengok ini. Tingkatkan penguatkuasaan, tengok kalau-kalau ada rasuah berlaku. Hampir satu juta metrik tan hari ini yang senyap-senyap menyeludup. Ini juga mengganggu data yang tidak tepat bagi pesawah-pesawah.

Tuan Pengerusi, butiran terakhir iaitu Butiran 040700 – Insentif Bersasar Nelayan. Di daerah Kerian ada 3,917 orang nelayan laut yang kebanyakannya okey juga lah. Akan tetapi kita ada 151 orang nelayan darat dan kita juga ada nelayan-nelayan di zon 'A'. Tadi saya dengar ada pembahas mengatakan tentang zon. Zon 'A' lah yang bermasalah. Kebanyakannya orang Melayu, orang miskin, orang susah. Nelayan pantai yang peralatannya tidak cukup, perahu tidak cukup, perahu buruk, rumah tidak ada, *income* sedikit. Ini yang kita mahu insentif ini berjalan terus. Begitu juga insentif padi tadi, yang RM600 semusim itu. Teruskanlah dan tambah lagi kalau boleh. Oleh sebab kita kena jaga pesawah-pesawah kita dan nelayan-nelayan ini.

Saya dapat rungutan baru-baru ini daripada nelayan Selinsing. Pencerobohan oleh pukot sorong, pukot rawak. Ini pukot yang tidak ada lesen! Pukot haram ini! Menceroboh di kawasan zon 'A'. Begitu juga dengan wujudnya pencerobohan pukot kenka dua bot. Pukot kenka dua bot ini di Kerian sahaja yang ada dan di Kerian sahaja dilesenkan sudah berpuluh-puluh tahun. Kerajaan dahulu kata, kita akan hentikan lesen ini pada 31 Disember 2020. Ini lagi pencerobohan. Rosakkan dasar laut, ikan menjadi kurang, nelayan pantai menjadi susah. Jadi, kalau kita cerita tentang Insentif Bersasar Nelayan ini, saya minta kerajaan jaga dan teruskan untuk nelayan ini. Nelayan zon 'A', di Kerian pun banyak.

Tuan Pengerusi, sekali lagilah saya hendak sarankan, hendak ingatkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan tentang bekalan makanan negara pesawah-pesawah kita kena jaga. Mereka adalah pahlawan-pahlawan yang kita dendang tetapi tidak cukup kita jaga. Saya ingatkan sekali lagi, kalau pesawah-pesawah tidak mahu lagi pegang selut, maka tidak akan ada nasi dalam periuk kita hari ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sik mohon, Tuan Pengerusi.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mahu sentuh Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi. Ini telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Setiu. Saya tidak mahu cakap soal dasar, Tuan Pengerusi. Saya mahu tengok kepada pelaksanaan ini. Oleh sebab, kalau pemotongan yang dibuat kepada subsidi baja ini sebanyak 50 peratus daripada bajet asal ini, yang akan menghadapi masalah bila hendak laksanakan siapa? Pertama, tentu pegawai. Bagaimana pegawai hendak laksanakan? Kedua, wakil rakyat, macam saya Tanjong Karang. Tentu petani-petani akan mengadu apabila agihan-agihan ini dibuat tidak mengikut sistem yang sedia ada.

Saya mahu tanya, bila pemotongan 50 peratus dibuat untuk subsidi baja, saya mahu tanya tentang agihan ini. Sekarang ini kalau kita tengok baja sebatian, dia bagi 14 buah beg, baja urea dia bagi lima buah beg, baja NPK dia bagi lapan buah beg untuk tiga ekar ataupun 1.2 hektar. Apabila potongan ini dipotong sehingga 50 peratus, saya hendak tanya betul-betul ini, dalam Dewan yang mulia ini kena bagi jaminan. Menteri tidak ada pula. Mungkin Menteri sibuk dengan MAHA barangkali. Ini penting ini. Jangan esok dalam Parlimen jawab lain, pegawai laksanakan lain pula nanti.

Seorang Ahli: Timbalan Menteri pun tidak ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Timbalan Menteri ada? Ini penting ini.

Seorang Ahli: Menteri pergi bilik air.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab, bila hendak laksanakan ini nanti, macam mana kita hendak tolong rakyat? Kalau rakyat kecoh di bawah, kita tentulah hendak menenteramkan keadaan. Jangan sampai berlaku demonstrasi sekali lagi, kecoh di bawah. Hari ini saya mahu tanya ini, agihannya macam mana? Saya mahu tanya Tuan Pengerusi, adakah kalau kata hari ini mungkin ada lebih kurang 300 orang petani, bila potong sahaja 50 peratus, hanya 150,000 orang petani sahaja yang layak dapat atau baja ini tadi, kalau sekarang dapat 14 buah beg, hanya tinggal tujuh buah beg sahaja? Kalau hari ini dapat lima buah beg, mungkin tinggal dua buah beg. Ini yang kena jelaskan. Ini jelas melainkan kerajaan boleh tambah peruntukan yang sedia ada.

Begitu juga dengan Insentif Pengeluaran Padi, pun sama, dipotong sehingga 50 peratus, daripada RM563 juta, tinggal RM281 juta. Ini Insentif Pengeluaran Padi ini pun sama. Adakah akan dikaji balik dan jumlah insentif ini akan diturunkan? Adakah kerajaan tidak yakin bahawa pengeluaran padi ini semakin meningkat? Kalau betul-betul kajian dibuat, andai katalah pengeluaran padi ini meningkat, sedangkan insentifnya semakin kurang. Jadi bagaimanakah hendak diberikan insentif ini?

Terlanjur cakap soal insentif ini, saya mahu tanya, adakah Program NKEA yang dibuat selama ini, masih diteruskan? Ini kerana kita tahu Program NKEA ini ialah untuk meningkatkan hasil padi dan ada sistem-sistem dan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan. Akan tetapi, saya tidak pasti, mungkin saya terlepas pandang. Saya tidak nampak pula

ada projek untuk peruntukan untuk Projek NKEA ini. Sedangkan yang kita nampak, semuanya projek-projek peruntukan yang dipotong.

Seperti kawan-kawan yang lain, Yang Berhormat Setiu pun ada cakap benda yang sama, sama juga dengan nelayan. Tadi saya dalam perjalanan, saya dapat telefon daripada tiga, empat orang nelayan di Kuala Selangor, 300 orang nelayan sudah kena potong. Mereka pun tidak tahu sebab apa tiba-tiba kena potong. Jadi, bila kita kurangkan sebanyak 63 peratus, kajian ini tadi ramai yang timbulkan. Adakah kajian dibuat dahulu?

Ini yang kadang-kadang saya selalu cakap, janganlah dasar dakwa dulu baru siasat. Ini pun sama juga. Janganlah potong dulu! Bila sudah potong dulu, baru kita mahu buat pemutihan, apa kata kalau bilangan yang hendak buat pemutihan ini lebih ramai daripada apa yang dianggarkan oleh pihak kementerian? Kalau kata esok, macam tadi ramai yang bangkitkan, kasihan mereka. Kalau kata dipotong sehingga 63 peratus, sebagai contoh, 40,000 orang mungkin pemutihan tetapi sebenarnya apabila kita buat kajian, kita tengok 50,000 orang yang pemutihan. Bagaimana bajet sudah tiada? Ataupun kerajaan begitu zalim sekali, suka hati sahaja? Janji potong 50 peratus, nasib – *mai* nanti, saya difahamkan *mari* nanti, pakai tangkap muat sahaja, *mai* nanti rambang sahaja. Sudahlah hari ini ramai nelayan yang sedang merayu mengapa nama mereka dikeluarkan.

Saya mahu tanya, bagaimanakah sistem pemutihan ini dibuat? Berapa kali sudah dibuat tapisan? Bagaimana? Sedangkan kalau kita lihat dalam satu-satu kawasan, berapa ramai pegawai? Saya difahamkan yang turun ini daripada HQ, yang buat pemutihan. Berapa ramai pegawai yang boleh turun kalau nelayan ada hampir 1,000 orang? Berapa hari pemutihan ini boleh dibuat? Berdasarkan kepada apa yang mereka buat?

Kenyataan yang berlaku *on the ground* ialah, nelayan-nelayan hari ini mereka merungut kerana saya dimaklumkan bahawa pemutihan ini dibuat main tangkap muat sahaja, untuk disesuaikan dengan bajet yang sedia ada. Apabila mereka ini nanti tidak lagi mendapat elaun nelayan, saya tanya mereka, “Adakah kamu akan terus menjadi nelayan?”. Mereka kata, “Dapat atau tidak dapat, saya tetap akan teruskan pekerjaan sebagai nelayan”. Kita kena ingat, apabila mereka tidak dapat elaun ini, apakah nasib mereka mengenai insurans nelayan? Kita tahu bahawa insurans ini kita potong daripada elaun bulanan. Saya masih ingat lagi itu zaman saya, masa itu kita mulakan.

■1650

Jadi mereka kata, “Kami sudahlah tidak dapat elaun, kami pun tidak dapat insurans. Sudah tentu insurans pun kami tidak mampu hendak beli, apa kata kalau apa-apa berlaku kepada kami di tengah laut. Sudahlah elaun tidak dapat, insurans pun sudah tentu tidak dapat”. Jadi bagaimana kita hendak berikan pembelaan kepada nasib mereka.

Saya memang bersetuju sangat, saya bersetuju supaya sistem pemutihan ini mesti dibuat. Kita tidak nafikan memang ada di antara mereka yang turun ke laut itu yang kita tahu mereka ada jadual mereka dalam—ada *certain* masa yang kita buat kategorinya. Saya bersetuju tetapi selain daripada pengalaman kita, bukannya mudah hendak buat pemutihan melainkan kita

buat secara zalim. Main tangkap muat, potong. Hendak bising, bisinglah! Hendak kompelin, kompelinlah! Akan tetapi kemudian kita beritahu, pegawai kah beritahu kepada pihak atas kalau Yang Berhormat Menteri boleh dengar masalah nelayan tidak apa, dia boleh tahu rintihan. Dia akan kata kerja bawah telah pun dibuat.

Jadi, apa yang saya hendak tekankan ini ialah mengenai pelaksanaan ini berdasarkan kepada pemotongan yang cukup banyak sekali. Begitu juga elaun sara hidup nelayan darat pun sama, bagaimana cara mereka buat ini? Jadi saya hendak tanya lagi, bagaimanakah SOP pemutihan ini dibuat? Sejak bilakah pemutihan ini dibuat? Adakah pemutihan ini dibuat sebelum bajet ataupun selepas bajet ini disediakan?

Jadi Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya bantuan rumah nelayan. Hendak tanya ada atau tidak ada lagi bantuan rumah nelayan? Kalau betul-betul sudah tidak ada bantuan rumah nelayan ini, *stop*-lah. Janganlah edarkan borang, janganlah menipu nelayan lagi. Kasihan nelayan, isi borang, diberi borang rumah tiba-tiba tidak ada peruntukannya. Jadi kalau ada, cakap ada. Supaya tidak menghampakan harapan nelayan.

Jadi, saya hendak nyatakan bahawa hari ini, bajet yang ada pada hari ini, memang tidak memberi pembelaan kepada masyarakat luar bandar. Mungkin Tuan Pengerusi kerana kerajaan tengok yang banyak menang Barisan Nasional ini semuanya luar bandar, makan besar luar bandar. Jadi, adakah kerana mereka ini boleh jadi menyokong Barisan Nasional maka mereka ini seolah-olah dihukum sedemikian rupa? Supaya nanti jangan sokong Barisan Nasional. Ini kerana kita lihat agihan pembelaannya memang tidak adil kepada rakyat dan juga nelayan.

Akhir sekali, subsidi minyak pun saya bersetuju memang ada berlaku penyelewengan dan sebagainya. Jadi saya hendak cadang, jangan lupa juga. Kalau kerajaan hendak buat pemutihan tengok juga subsidi minyak dan mungkin sudah sampai masa bahawa subsidi minyak untuk zon 'A' dan zon 'B' mesti dilihat balik ini. Zon 'A', zon 'B' dan zon 'C' ini kita kena tengok. Pandangan saya lebihkan kepada zon 'A'. Kadang-kadang zon 'B' ini dia banyaknya sudah kita komersial. Jadi mungkin kalau hendak kurangkan, kurangkan daripada zon 'B' tetapi jangan untuk nelayan-nelayan zon 'A' ini. Jadi kita harap kerajaan yang ada ini hendaklah berlaku adil kepada masyarakat luar bandar yang menjadi tenaga untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang. Pembahas di sebelah kanan Yang Berhormat Tampin, silakan.

4.53 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan membicarakan dua, tiga perkara sahaja iaitu Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang lebih mampan dalam memastikan industri padi dan beras menjadi lebih lestari dalam masyarakat ataupun di negara kita ini? Ini kerana beras adalah makanan ruji ataupun makanan tempatan di negara kita ini.

Sekiranya kita tidak menjadikan ia satu industri yang begitu kompetitif, maka sudah pastilah negara kita akan berhadapan dengan perkara-perkara yang tidak menyenangkan.

Satu lagi perkara yang berhubung kait dengan butiran itu ialah, apakah ada kajian yang menyeluruh dan terperinci? Bagaimana untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras di negara ini? Kalau ada kajian yang menyeluruh itu, setakat mana kementerian menggunakan kajian itu untuk memastikan keluaran padi ataupun beras di negara kita ini meningkat ataupun mencapai tahap yang dikehendaki?

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 021100 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Soal saya ialah, setakat mana penyelidikan yang telah dilakukan oleh kementerian berhubung kait dengan soal pertanian di negara ini memberi impak yang bermakna kepada pertanian di Malaysia? Apakah kajian-kajian yang dilakukan itu telah memberi suatu perkara yang boleh mendatangkan peningkatan ataupun pertambahan kepada pengeluaran pertanian kepada negara ini?

Sejauh mana kerajaan mengguna pakai kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di negara ini untuk memastikan peningkatan industri pertanian di negara ini? Oleh kerana saya pernah berjumpa dengan salah seorang daripada kakitangan di MARDI, ada di antara penyelidik ataupun penyelidikan yang dilakukan kadang-kadang tidak diguna pakai oleh kerajaan dalam memastikan soal industri pertanian di negara kita ini berdaya saing.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah Butiran 030300 – Latihan Kemahiran Pertanian. Saya ingin bertanya, apakah kementerian memberi fokus di dalam memastikan kemahiran pertanian di negara kita ini? Apakah pertanian-pertanian yang menjadi fokus kepada kementerian untuk dipertingkatkan daripada semasa ke semasa? Keduanya, bagaimana peruntukan ataupun kumpulan sasaran yang dijadikan oleh kementerian untuk melaksanakan latihan ini?

Apakah golongan sasaran itu tertumpu kepada orang-orang yang telah dewasa –hendak sebut tua susah juga kan nanti, dewasa ataupun belia-belia yang banyak keluar daripada universiti yang tidak mempunyai pekerjaan? Supaya mereka dapat menumpukan ataupun supaya mereka bersedia untuk menjadi petani moden dengan kemahiran-kemahiran yang dia dapat itu. Sejauh mana kerajaan memberi modal ataupun memberi galakan kepada mereka untuk mereka terlibat di dalam pertanian di negara kita ini? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Di sebelah kiri pula, Yang Berhormat Kota tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi bangun pada awal lagi ya?

4.58 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kota Tinggi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya saya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Semalam lagi berdiri.

Tuan Pengerusi: Silakan. *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara juga yang hendak saya bangkitkan dan semua berkisar dalam kawasan Parlimen saya P.156 Kota Tinggi, Tuan Pengerusi.

Pertama Tuan Pengerusi, sesuai juga apa yang disebut oleh mantan Menteri saya Yang Berhormat Tanjong Karang, Butiran 040700 – Insentif Bersasar Nelayan. Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Bera tadi di atas apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera, peruntukan turun. Saya ada 700 nelayan Tuan Pengerusi, 605 berdaftar. Saya hendak tahu apa insentif yang hendak diberi ini? Sekarang musim tengkujuh hendak dekat ini, kita hendak dengar apa insentif yang akan diberikan. Adakah macam Yang Berhormat Tanjong Karang sebutkan tadi?

Berkaitan dengan Butiran 041200 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat. Ini nelayan darat, nelayan laut dapat atau tidak? Dekat dalam ini Yang Berhormat Menteri dia tulis nelayan darat. Kawasan saya, saya ada nelayan darat, saya ada juga nelayan laut. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan. Kalau kita perhatikan peruntukan pun turun juga. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri sudah empat bulan ini nelayan tidak dapat elaun ini, sudah empat bulan daripada bulan tujuh sampailah kepada hari ini.

■1700

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah skim-skim bantuan, Skim Bantuan Bencana Alam, kebajikan nelayan ini semua ini akan diteruskan? Saya hendak tahu dari segi pemutihan, kata ada 57,000 nelayan, berapa yang telah pun diputihkan? Nelayan saya ini adalah nelayan berdaftar dan harap tidak ada pula nelayan berdaftar daripada kawasan saya ini disingkirkan daripada pemutihan.

Saya juga terbaca kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita akan buat bancian untuk pastikan nelayan yang turun ke laut, nelayan aktif dan sebagainya akan ditubuhkan satu jawatankuasa di mana dilibatkan wakil-wakil rakyat.

Yang Berhormat Menteri, kami di pihak pembangkang, kami juga adalah wakil rakyat kepada nelayan-nelayan daripada kawasan kami. Jadi kalau itu benar dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, masukkan lah kami dekat dalam jawatankuasa itu supaya kami pun boleh memberikan kerjasama untuk menentukan nelayan mana yang aktif, yang berdaftar dan sebagainya.

Satu lagi yang saya hendak bangkitkan bawah nelayan ini juga, ini syarat lesen ini, Yang Berhormat Menteri. Syarat lesen ini bagi bot nelayan pesisir pantai ini yang menyebabkan ramai juga di antara nelayan saya tercicir daripada mendapatkan bantuan walaupun nelayan saya ini adalah nelayan yang aktif dalam persatuan nelayan mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, yang ini semalam saya bangkitkan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebutkan semalam di bawah perkara pembangunan perkampungan nelayan, ada RM28 juta, itu khusus untuk negeri Perak. Saya pun tidak tahu hendak bawa ke mana ini. Kalau *you* tengok kepada maklumat yang ada dalam bajet Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, tidak nampak

pula. Akan tetapi, tidak tahulah kalau boleh masuk bawah Butiran 14700 – Program Pembangunan Zon Pantai Untuk Kawasan Tanaman/Perikanan Pelbagai Negeri ataupun di bawah Butiran 90200 – Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan.

Jadi apa yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, ini soal *run, store* penyimpanan barang-barang nelayan, soal pangkalan, soal jeti yang diperlukan terutama di kawasan-kawasan nelayan, perkampungan nelayan yang berada dalam keadaan yang sangat menyedihkan.

Saya, Tuan Pengerusi, ada 700 nelayan, yang berdaftar 605 orang. Saya harap ada satu kampung nelayan saya ini, dia nelayan darat, ada jeti yang sudah dibina secara gotong-royong oleh nelayan sudah 20 tahun lebih dan saya harap kementerian dapat memberi pertimbangan untuk buat sebuah jeti konkrit untuk kegunaan nelayan saya di Kampung Makam, Sungai Johor.

Seterusnya perkara yang sama saya bangkitkan semalam, yang berkaitan dengan soal tidak ada tempat yang sesuai ataupun pangkalan bagi penempatan bot-bot nelayan dan sebagainya, ran, pangkalan bot dan jeti untuk Kampung Tanjung Sedili, Sedili Kecil dan juga Kampung Makam yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 04800 – Pembangunan Industri Kelapa. Peruntukan RM3 juta. Saya hendak mohon kepada Yang Berhormat Menteri, saya ada PPK Kota Tinggi Timur ini sangat aktif. Ada 2,500 ahli, datang daripada 13 kampung dalam kawasan saya. Usaha yang dilaksanakan oleh PPK Kota Tinggi Timur ini tanam kelapa sawit di Bukit Cengkerai di Zon Pengeluaran Makanan di PPK Lok Heng di Kampung Sayang dan lebih kurang keluasan dalam 100 ekar.

Apa yang ahli PPK Kota Tinggi Timur ini hendak minta daripada kementerian di bawah bajet RM3 juta itu? Mohon benih, benih bagi *Malaysia Yellow Dwarf* iaitu jenis kelapa yang mengeluarkan santan ini, kerana ahli PPK Kota Tinggi Timur saya ini mengusahakan pengeluaran santan daripada kelapa yang dinamakan sebagai *Malaysia Yellow Dwarf* ataupun MYD. Selain daripada itu juga, untuk melihat kepada infra yang diperlukan dari segi pembangunan, pengeluaran santan yang sangat diperlukan.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 22500 – Projek Lembu Berdaging. Saya PPK Kota Tinggi Timur saya ini juga aktif dalam program lembu berdaging. Peruntukan yang kita perhatikan ada RM14.2 juta. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, kalau dapat boleh tambahkan lah lagi lembu berdaging ini, Yang Berhormat Menteri, kepada PPK Kota Tinggi saya ini. Dia tidak minta banyak. Cuma 125 ekor saja, Yang Berhormat Menteri, kerana yang sedang diusahakan di Bukit Cerakai Mawai sekarang ada 150. Jadi dia minta 125. Tapi kalau Yang Berhormat Menteri boleh bagi 251 lagi cantik daripada 125.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, bawah Butiran 27400 – Pembangunan Usahawan Nelayan Pengusaha kerana saya pun tidak tahu hendak letak dekat mana ini kerana ada dalam butiran-butiran ini tidak jelas. Jadi kita pun tidak tahu hendak letak dekat mana. Akan tetapi, peruntukan yang saya perhatikan ini, Tuan Pengerusi, hanya ada RM400,000 sahaja. Macam mana hendak bangunkan usahawan nelayan ini kalau peruntukan yang diletakkan dalam bajet ini, Yang Berhormat Menteri, hanya RM400,000 sahaja?

Jadi apa yang saya hendak mohon daripada Yang Berhormat Menteri, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, mungkin lepas ini Yang Berhormat Menteri boleh turunlah ke kawasan saya. Satu-satunya pusat penetasan benih belangkas di Malaysia ini termasuk di Asia Tenggara berada di kawasan saya di Kota Tinggi dan projek ini diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Sedili dan diwujudkan— kenapa diwujudkan pusat penetasan benih belangkas ini? Supaya kita dapat jaga sumber baharu belangkas agar dia tidak pupus dan keduanya, kerana nelayan-nelayan juga sentiasa tangkap belangkas sebagai satu lagi sumber pendapatan selain daripada menangkap ikan dan sebagainya.

Jadi, saya hendak minta tolong kepada Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan LKIM sudah meluluskan RM500,000. Tidak cukup, Yang Berhormat Menteri. *RM500,000 is not enough*. RM500,000 tidak cukup untuk naik taraf bangunan, pusat pengumpulan dan juga penetasan belangkas ini. Saya harap mudah-mudahan, saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, tambahkan lagi peruntukan ini kerana dia satu-satunya *the one and only in* Malaysia dan supaya pusat penetasan ini dapat diasingkan daripada bangunan asal. Sekarang, bangunannya adalah bangunan papan separa batu, Yang Berhormat Menteri.

Jadi ini antara perkara-perkara yang saya perlu bawa, Tuan Pengerusi, bagi pengundi dalam kawasan P.156 Kota Tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan jawab dengan baik. Jangan ambil maklum, ambil maklum dan tidak ada jawapan yang boleh kita bawa balik. Jadi, terima kasih banyak.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Cari nasib, cari nasib.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Gudang, ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

5.08 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya berdiri di sini sebagai penyokong kerajaan, *government backbencher*, dengan izin. Kalau boleh saya tidak hendak kritik kerajaan yang saya sokong ini tetapi saya lihat ada perkara yang serius yang perlu diberi perhatian. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam Kabinet mestilah jaga kepentingan petani-petani dan nelayan. Mereka ini bukan korporat, tapi orang biasa, rakyat kita di kampung. Kalau di kawasan saya misalnya, nelayan Kampung Pasir Gudang Baru, nelayan Kuala Masai, nelayan Teluk Jawa ini orang susah semua. Ini perlu dibela.

Kita baru dalam sebulan yang lepas kita bincang ada beberapa tonggak, ada beberapa strategik, membincangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dengan sasaran antaranya hendak rapatkan jurang kaya miskin, hendak tingkatkan pendapatan rakyat golongan bawahan termasuk petani dan nelayan. Itu tujuan yang baik. Akan tetapi kalau tidak diterjemahkan secara yang betul, itu hanya retorik. Belanjawan yang dikemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini adalah membuktikan sejauh mana cakap-cakap

besar dalam Kajian Separuh Penggal itu diterjemahkan dalam menguruskan isu petani dan nelayan ini.

■1710

Saya lihat, ertinya bukan semuanya dalam anggaran belanjawan Kementerian Pertanian dan Asas Tani ini tak elok. Saya hanya menyentuh satu aspek sahaja iaitu Butiran 040500 B.21, 040600, 040700, 040900 dan akhirnya 041200. Saya lihat satu dua hari ini, dalam seminggu ini, ada pameran yang besar, MAHA di Serdang. Itu bagus. Banyak wang dibelanjakan untuk pameran MAHA itu. Akan tetapi MAHA itu hanya tak ada makna, hanya pesta sahaja kalau kebajikan dan kehidupan petani dan nelayan itu tidak dibantu. Saya lihat fakta, *facts and figures* tidak berbohong dan saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan juga pihak kerajaan yang berani dan berterus terang kemukakan dokumen ini. Ertinya mereka berani, terus terang.

Sila lihat muka surat 184. Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi. Ini menunjukkan, saya hendak merumuskan, kerajaan yang sekarang ini, saya nak tanya, betul ke nak bagi keutamaan kepada sektor pertanian? Saya nampak tidak. Kerajaan nampaknya tak bagi keutamaan kepada pertanian dan perikanan. Saya lihat kerajaan macam tak benar-benar nak tolong petani dan nelayan ini sedangkan mereka inilah yang akan menghasilkan hasil tani dan hasil nelayan.

Lihat itu, Butiran 040500, bandingkan tahun 2018 hingga tahun 2019. RM465 juta turun RM232 juta, 50 peratus turun. Apa benda ini? 040600 – Insentif Pengeluaran Padi. Kita nak keluarkan padi. Golongan petani, golongan yang termiskin. Mereka berkorban, tanah mereka tidak ditukar syarat menjadi kawasan komersial untuk keluarkan makanan bagi negara kita. Tengok. RM563 juta turun kepada RM281 juta, 50 peratus lagi turun.

Butiran 040700 – Insentif Bersasar Nelayan. Daripada RM262 juta tinggal RM98,500,000, 62.41 peratus turun. 040900 – Subsidi Baja Padi, daripada RM70 juta langsung tinggal kosong. Ini 100 peratus turun. Tolong jelaskan. Mana Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri di *lounge*.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dan akhir sekali, 041200 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat termasuk warga Pasir Gudang di sana, nelayan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minum kopi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Daripada RM12,500,000 tinggal RM3,500,000 - 72 peratus turun. Jadi, kalau boleh saya tak hendaklah nak kritik kerajaan ini. Saya sayangkan Kerajaan Pakatan Harapan ini, jadi saya tolong. Takkan lah tak boleh dipinda, tak boleh ditukar? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi sebelah sinilah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Parit.

Tuan Pengerusi: Saya ingat Yang Berhormat Pasir Salak bangun awal-awal tadi ya. silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

5.14 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih kerana bagi peluang untuk juga berbahas dalam sesi jawatankuasa ini. Saya lihat pada 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan, RM329 juta. Minta Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan apa perbelanjaan RM329 juta itu, di bawah Perbelanjaan Mengurus. Kemudian di bawah Pembangunan pun ada juga peruntukan lagi. Saya nak minta juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri tengah minum kopi lagi di *lounge* sebelah sana, saya lihat tadi.

Kita lihat juga kepada Butiran 3000 di bawah Pembangunan. RM427,778,000. Ini juga saya nak minta, aset ini *breakdown* dia. Ratus-ratus juta ini, aset apa ini? Pemberian dan kenaikan bayaran tetap, satu tajuk yang umum. Kenaan bayaran tetap, siapa yang kena? Nak kena tengok siapa yang kena.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu daripada segi jumlah kita lihat Bajet MOA ini, RM4.4 bilion. Ini jauh lebih rendah daripada peruntukan yang biasa kita dapat untuk kementerian ini pada masa-masa yang lalu. Kalau tak silap saya, RM6 bilion ke RM8 bilion di masa Kerajaan Barisan Nasional dahulu. *The amount* ataupun jumlah ini menunjukkan bahawa keseriusan kerajaan terhadap peranan kementerian itu. Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ledang, bagaimana pentingnya kementerian ini untuk kita menutup jurang antara luar bandar dengan bandar. Jadi, peruntukan berbilion-bilion telah dikurangkan.

Saya ingin juga merujuk kepada butiran kepada agensi-agensi atau jabatan yang melaksanakan program-program di bawah Kementerian Pertanian ini yang melibatkan sawah padi, perikanan dan sebagainya. Semuanya tidak dipotong, peruntukan semua cukup. Maknanya gaji-gaji pegawai semua cukup. Jadi saya harap pegawai-pegawai di bawah kementerian akan dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan cemerlang. Yang dipotong ialah untuk rakyat, *the stakeholders*. Tadi dah disebut subsidi baja padi ini, saya tak mahu ulang.

Cuma saya hendak bagi tahu di sini, saya telah *check* kenyataan Yang Berhormat Menteri tempoh hari dalam menjawab soalan mengatakan bahawa pemutihan telah dibuat. Tak betul. Saya tak kata tipu ya, tipu tak sedap sangat bahasa kita guna kepada Yang Berhormat Menteri. Tak betul, saya dah *check* petani. Sekurang-kurangnya satu tempat di kawasan Seberang Perak dan juga Sungai Manik, di sini salah satu *rice bowl* kepada negara kita. Belum, belum lagi dibuat pemutihan. Manakala peruntukan telah dipotong. Cakaplah betul-betul, jangan tipu Dewan ini.

Jadi sebagaimana Yang Berhormat Tanjong Karang sebut tadi, pemotongan sudah dibuat, RM748 juta telah dipotong. Subsidi baja padi, RM223 juta. Insentif pengeluaran padi, potong RM280 juta. Itu lagi insentif kepada nelayan dipotong RM140 juta, insentif RM70 juta

untuk padi huma juga dipotong. Total RM748 juta ini, bukan sikit Yang Berhormat Jelutong. *What are you going to say about this?*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Nothing.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Nothing? Now you know.*

Cakap banyak. Ha! Jawab. Tak boleh jawab.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Dia 1MDB sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan, jangan. 1MDB tak ada sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, bila sebut nama saya, saya bangunlah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, saya tak benarkan dia. *He is banned from talking all this nonsense.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak sengaja menjolok dia. Sila duduk, sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya nak tanya soalan. Boleh?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak boleh, tak boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 1MDB.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, I'm going to...*

■1720

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan, yang projek lembu RM250 juta itu apa cerita?

Tuan Pengerusi: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak pergi kepada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Barisan balun RM250 juta yang boleh membantu 130 petani ataupun penternak lembu. Yang beli kondo apa cerita?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak pergi kepada Butiran...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya cabar Yang Berhormat Pasir Salak, boleh bagi jawapan?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Butiran 041000.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong sila duduk, dia tak bagi laluan walaupun dijolok awal tadi. Ya, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Elaun sara hidup nelayan darat ini saya dengan Menteri yang ada, Yang Berhormat Bera kita perjuangkan ini. Kalau hendak harapkan sebelah Pakatan Harapan, tidak ada perjuangkan untuk nelayan darat ini, kita perjuangkan dah dapat, dah dapat dipotong pula. Tolong jawab siapa-siapa yang pandai jawab.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tunggu Menteri sajalah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri tidak ada di sini, Timbalan Menteri boleh jawab kah begini banyak soalan? *[Disampuk]* Tak boleh. Minta nota daripada belakang, minta daripada pegawai kerajaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, Menteri kita tak rasuah Pasir Salak, Timbalan Menteri tak rasuah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya pergi kepada Butiran...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Orang kata tak boleh jawab, bukan kata...

Tuan Pengerusi: Tiga minit lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, saya pergi kepada butiran yang lain pula iaitu berkenaan dengan veterinar. Veterinar pun peruntukan untuk jabatan itu begitu banyak sekali RM150 juta. Jadi ini satu peruntukan yang cukup banyak tetapi saya hendak beritahu di sini projek untuk integrasi tadi disebut oleh Kementerian Industri Utama yang juga ada bersangkut-paut dengan MoA. Saya hendak beritahulah, berpuluh tahun dah projek integrasi hendak bela lembu di ladang-ladang sawit ini, *it's not going to work*, itu satu.

Keduanya, nak buat dan menggalakkan orang-orang kampung membela lembu kita dah buat dulu, 30 ekor, 50 ekor tak jadi.

Ketiga saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, kalau hendak buat begitu mengikut perkiraan kita dahulu, kita perlukan berbilion-bilion ringgit bajet untuk beli ibu, induk, tak ada induknya tidak jadi. Jadi adakah perkiraan ini telah dibuat, disemak semula oleh Menteri yang ada sekarang untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara, untuk meningkatkan SSL daripada sekarang ini 20 peratus, 25 peratus kepada 70 peratus, 80 peratus. Saya kira kena pihak kementerian, Menteri memikirkan sebaik-baiknya supaya perkara ini dapat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala kedah, silakan.

5.23 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk bertanyakan beberapa soalan dan memberikan pandangan.

Saya mulakan dengan Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi. Yang saya minta dilihat kembali ialah baja itu sendiri kerana ada penolakan yang jelas di merata-rata tempat oleh petani bahawa baja-baja ini, baja yang diberikan subsidi itu tidak berkesan ataupun tidak sesuai dengan apa yang mereka kehendaki. Jadi saya mohon dilihat bukan sahaja pengedarannya, pengedarnya ataupun pembekalnya atau pembuatnya tetapi juga komponen baja itu sendiri. Kimianya dan juga bahan yang digunakan sebagai baja padi tadi supaya ini dibuat dengan cara profesional dan supaya baja padi itu dapat memberikan hasil yang optimum kepada apa yang kita kehendaki.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya pergi ke Butiran 020900 – Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ataupun MADA. Saya ingin bertanyakan kepada Menteri bilakah Pengerusi

MADA yang baru akan dilantik? Seterusnya MADA ada sedikit tanggungjawab sosial dan juga tanggungjawab menyediakan jalan dan jambatan khususnya di kawasan-kawasan di Kedah Utara untuk mengeluarkan hasil pertanian. Itu ialah tujuan utama jambatan dan jalan itu dibuat tetapi akhirnya masyarakat menggunakan jalan dan jambatan itu sebagai jalan dan jambatan utama. Maka kalau tidak diselenggarakan dengan baik, ia mendatangkan bahaya dan masalah yang besar kepada masyarakat dan juga masalah kepada semua Ahli Parlimen dan wakil rakyat yang terlibat. Jadi minta supaya diberikan perhatian khusus kepada kepakaran dan juga dana untuk MADA menyelia jalan-jalan tadi dan jambatan tadi dengan baik.

Seterusnya ialah Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah. Soalan saya kepada Menteri ialah kenapakah sukar sangat didapati khususnya musim yang terbaru ini benih padi yang sesuai. Kenapakah bila ditanam benih padi yang diberikan itu, maklumat yang kita dapat ialah banyak jadi padi angin. Soalan saya juga ialah tentang benih padi ini, apakah ada usaha yang sungguh oleh kementerian untuk menggunakan teknologi-teknologi terbaru, jumpaan terbaru, pandangan terbaru tentang benih padi.

Misalnya ada pandangan terbaru benih padi dikuatkan, dijadikan hasil yang baik dengan teknologi seperti saya sebut di sini satu syarikat di Belanda bernama Incotec. Bilakah teknologi itu akan dibawa masuk ataupun adakah ada kajian yang khusus untuk menggunakan teknologi tadi supaya ia mendatangkan manfaat sepenuhnya kepada benih padi ini? Saya harap supaya setiap kali musim penanaman padi, masalah benih padi ini dapat kita atasi kerana ini adalah masalah asas yang saya rasa selama ini tidak kita selenggarakan dengan baik.

Keempatnya Tuan Pengerusi ialah berkaitan pertanian Butiran 23300 – Pengurusan dan Pemulihan Ikan. Berkenaan dengan stok ikan, maka saya berpandangan segala faktor yang mengancam stok ikan hendaklah diatasi dengan baik dan ditangani dengan baik. Antaranya di kawasan saya ialah bot sotong menggunakan lampu-lampu LED yang sangat-sangat terang dan ini tidak ada sebarang kawalan. Pandangan nelayan ialah ia menyebabkan ikan kurang dan akhirnya kita ketahui bahawa cahaya yang sangat terang adalah merupakan satu pencemaran cahaya yang boleh mengganggu sistem endokrin ikan dan juga hidupan laut yang lain. Itu merupakan satu ancaman yang besar.

Saya difahamkan di negara tetangga seperti Thailand, benda ini telah diharamkan tetapi kerana kita tidak membuat apa-apa langkah mengawal ataupun mengharamkan, maka ia digunakan dengan sangat meluas. Ia memberikan hasil tangkapan yang besar kepada sotong tetapi kerosakan jangka panjang dipercayai akan lebih besar lagi. Maka saya mohon supaya dilihat isu ini dan supaya diambil langkah-langkah yang bersesuaian berdasarkan apa yang kita faham sekarang supaya mengawal dan sekurang-kurangnya memastikan lampu yang digunakan itu tidak sampai merosakkan alam sekitar, cahaya, *light pollution*. Ada artikel khusus beberapa tahun lepas oleh majalah National Geographic tentang *light pollution*, minta diberi perhatian.

Seterusnya ialah tentang ikan baja. Ikan baja ini ialah anak-anak ikan dan anak-anak ikan ditangkap dan dikumpulkan oleh banyak nelayan, digunakan sebagai baja. Saya khuatir bahawa sebahagian daripada anak ikan ini ialah merupakan ikan-ikan kecil yang tak diberi

peluang untuk hidup besar dan bertelur dan menetas. Maka itu akan tetap mengurangkan stok ikan dan juga spesies ikan yang ada. Maka saya mahu ada satu kawalan kalau kita mahu meneruskan amalan menangkap ikan-ikan ini sebagai ikan baja, maka kena ada satu kawalan dan kajian yang khusus yang baik memastikan bagaimana jenis pukatnya, botnya dan banyak mana boleh diambil.

Kalau tidak maka kita tiadakan ikan macam ini kerana pengalaman saya tinggal di tepi laut di Kuala Kedah, masa dulu udang lipan digunakan sebagai baja, ketam merah digunakan sebagai baja, sekarang semuanya makanan. Jadi kalau ikan dan semuanya hampir pupus. Sekarang ini kalau ikan dijadikan umpan, maka saya bimbang ia akan membawa kepada pemusnahan stok ikan.

Keduanya Tuan Pengerusi di bawah butiran yang sama, Butiran 23300 ialah tentang pencerobohan kawasan oleh bot-bot besar ke pantai.

■1730

Ini berlaku dengan sangat berleluasa kadang-kadang. Aduan para nelayan berdasarkan kepada pemerhatian mereka ialah ia berlaku secara berkala. Apa yang disebut oleh ramai nelayan tanpa siapa pun berani ke hadapan ialah unsur-unsur rasuah, dipercayai ada unsur-unsur rasuah. Ini kerana ketika tidak ada rondaan oleh Jabatan Laut ataupun Maritim, bot besar datang sapu bersih segala bubu-bubu sotong dan lain-lain lagi, merosakkan apa yang nelayan-nelayan pasang, nelayan tepi pantai pasang dan juga mengancam stok ikan di tepi pantai.

Jadi saya minta supaya ini dikaji dan kalau boleh SPRM bertindak dengan lebih tegas dengan meletakkan pegawai-pegawai SPRM bersama dengan nelayan dan melihat aduan-aduan rasuah tadi sama ada betul. Kalau betul mengambil tindakan yang sewajarnya kerana kita sangat penting mengekalkan stok ikan kita.

Begitu juga satu lagi hujah saya khas khusus ialah peraturan yang kita kenakan mengenai pencerobohan bot ialah sepatutnya sangat ketat. Hukumannya sangat berat. Itu baik. Saya faham kekhawatiran kita tentang menjaga stok laut ikan yang di laut. Akan tetapi kadang-kadang bila hukumannya tersangat berat, ia membuka ruang kepada rasuah kerana kadang-kadang orang tertangkap maka hukumannya terlalu berat sampai dia boleh bankrap maka itu membuka ruang kepada rasuah sebagai menyelesaikan masalahnya. Saya ingat kita kena tengok balik hukuman yang keras tadi biarlah bersesuaian dan biarlah realistik.

Butiran terakhir ialah Butiran 27400 – Pembangunan Usahawan Nelayan dan Pengusaha. Ini khusus masalah nelayan bot zon 'B'. Mereka tidak dibenarkan untuk menukar hak milik di bot zon 'B'. Saya faham bahawa rancangan kementerian ialah untuk mengurangkan bot zon 'B' supaya kita membanyakkan bot zon 'C' ke bot laut dalam. Akan tetapi dalam masa yang sama saya rasa ada satu yang agak keras, agak membebankan dan agak zalim kalau kita mendera semua nelayan bot zon 'B'. Kadang-kadang mereka ada telah melaburkan *whole life saving* dengan izin untuk membeli bot bernilai RM250,000, RM500,000 dan sampai RM1 juta. Tiba-tiba mereka tidak dapat ke laut dan tidak dapat menukarkan hak milik dan tidak dapat

menjual. Maka mereka akan terus bankrap dan mereka terus hilang semua harta dan juga kehidupan mereka kerana segala pelaburannya tadi habis hangus.

Maka saya mohon supaya walaupun mereka tidak lagi ramai pun maka diberikan kelonggaran untuk menukar hak milik. Akan tetapi dalam sistem mengawal apa yang mereka lakukan. Saya berpandangan bahawa kalau kita kawal dengan baik, kita pastikan rasuah diminimumkan seboleh mungkin, pencerobohan kawasan kita elakkan zon 'C' ke zon 'B', Zon 'B' ke pesisir pantai dibuat dengan baik maka saya rasakan stok ikan itu akan terkawal. Apa yang berlaku sekarang ialah dipercayai bahawa terlalu berlaku banyak pencerobohan yang di luar kawalan dan dipercayai puncanya ialah rasuah. Maka itu yang kita kena atasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan.

Tuan Penegerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kerana menepati masa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Masjid Tanah. Sila.

5.33 ptg.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Penegerusi kerana memberikan laluan kepada saya untuk sama membahaskan untuk P.21 ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berada di dalam Butiran 02200, Butiran 02100 begitu juga dengan perincian berkenaan Butiran 00901, Butiran 040300, Butiran 040700 dan Butiran 020800 dan banyak lagi.

Saya ingin menyentuh tentang perkara butiran yang pertama iaitu Butiran 00901 peningkatan berkenaan dengan RM5 juta pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM20 juta berbanding pada tahun 2018 bajet yang diberikan hanya sebanyak RM15 juta. Oleh sebab itu saya ingin mohon daripada pihak kementerian untuk memberikan perincian berkenaan dengan pertambahan peruntukan sebanyak RM5 juta ini yang mana ianya adalah berkenaan dengan agropreneur muda. Adakah ia ingin lagi menambah lagi bilangan agropreneur muda ataupun yang keduanya penambahan peruntukkan bagi setiap peserta yang terlibat di dalam program agropreneur muda ini juga.

Saya juga ingin memohon daripada pihak kementerian supaya dapat memberikan statistik berapakah jumlah peserta wanita yang telah pun menjadi ahli program agropreneur muda ini. Ini kerana kita melihat bahawa dalam program agropreneur muda ini terdapat pelbagai bidang bukan sahaja bidang pertanian. Selain daripada bantuan dana, bantuan sokongan kepada peserta-peserta ini khusus untuk wanita dan juga belia muda, adakah ia diberikan sama rata wanita ataupun belia lelaki ataupun dilebihkan kepada wanita. Adakah untuk pengurusan pertanian pemasaran hasil tanaman juga dapat dimasukkan.

Saya juga ingin menzahirkan bahawa dalam kita melahirkan ramai petani muda, saya rasa kerajaan juga wajar untuk melihat dan juga untuk mempertimbangkan dan juga memberikan perhatian penuh kepada kebajikan petani yang sedia ada supaya mereka ini terbela dan supaya nasib mereka ini bukan hanya kita pandang sekadar di pinggiran yang mereka ini bahawa penglibatan dan sumbangan mereka cukup penting untuk negara kita. Selain daripada

permintaan dan bantuan agar subsidi ini ditambah, apakah perancangan kementerian untuk memastikan nasib petani-petani ini tidak terbiar?

Begitu juga dalam kawasan saya di dalam Parlimen Masjid Tanah. Pembangunan semula saya ingin menyentuh untuk Butiran 022000 iaitu pembangunan semula tanah sawah terbiar di Sungai Siput Masjid tanah supaya pihak kementerian dapat juga memberi perhatian dan peruntukkan bagi pembangunan sawah di luar jelapang. Saya juga ingin menyentuh dan juga ingin bertanya bahawa ahli-ahli peladang di dalam Parlimen Masjid Tanah kita ada menyuarakan untuk pihak kerajaan dalam program MFK iaitu program *mobile food kiosk* yang mana permohonan telah pun kita hantar tetapi sehingga kini masih belum ada jawapan lagi. MFK ini sangat membantu usahawan-usahawan terutama dari segi pasaran produk yang mereka buat sendiri kerana ia boleh membantu usahawan-usahawan ini dalam memasarkan produk mereka.

Saya juga ingin menyentuh tentang nelayan yang mana kita melihat dalam peruntukkan yang mana peruntukkan nelayan amat kurang sekali terutama sekali tentang elaun sara hidup dan kita melihat bahawa ramai Ahli Parlimen menyuarakan tentang hal ini. Saya juga tidak mahu ketinggalan. Di Masjid Tanah kita ada nelayan sungai dan ada nelayan laut. Akan tetapi hari ini mereka amat terpuak apabila diberitahu ada lebih kurang 8,000 nama yang akan digugurkan daripada 54,000 lebih ini kerana tidak berada lagi dalam senarai disebabkan oleh pemutihan.

Saya harap dalam kawasan saya yang mungkin dalam 300 orang ini dapat dikekalkan kerana mereka ini yang terbaru dekat kawasan saya mereka terpaksa pergi menoreh getah pagi, malam ke laut, terpaksa mencari sesuap rezeki. Pagi esok balik daripada laut terus pitam dan hari ini koma. Siapa yang hendak membela nasib mereka ini dengan tiadanya perlindungan diri kalau ada sakit pening dan sebagainya. Macam mana mereka hendak berhadapan dengan keluarga bagi menyara kehidupan mereka.

Jadi saya harap Kerajaan Pakatan Harapan yang menguar-uarkan peduli rakyat ini benar-benar peduli supaya jangan saja manis di bibir mengatakan tentang peduli rakyat tetapi apabila nasib mereka ini kita tidak endahkan dan kita tidak pandang malah kita tekan. Mereka ini umpamanya sebagaimana Yang Berhormat Bagan Serai kata *unsung hero*. Akan tetapi perlu kita angkat mereka ini supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dengan baik. Apatah lagi musim tengkujuh. Tidak dapat ke laut tidak dapat ke sungai dan sebagainya. Saya harap kita memberikan perhatian tentang perkara ini.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang FAMA Butiran 00100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Ini bagaimanakah dengan adanya pertambahan RM27 juta ke RM33 juta dan saya harap ia dapat diperincikan dengan baik. Saya difahamkan di bawah FAMA seramai 91 usahawan OKU telah pun menerima bimbingan daripada FAMA.

■1740

Oleh sebab itu, saya ingin mendapat perincian daripada pihak kementerian melalui pertambahan peruntukan yang diperoleh daripada FAMA ini, bagaimana? Apakah bentuk bantuan? Apakah bentuk program yang terbaru bagi memperkasakan lagi usahawan di kalangan warga OKU? Kerana apa- dekat tempat saya, hanya dalam bidang jahitan tetapi dalam bidang

pertanian, penternakan dan sebagainya belum ada diserlahkan lagi. Jadi, saya harap golongan ini dapat juga kita perkasakan dengan bantuan yang lebih baik dan juga dengan saluran yang betul dapat kita bantu kepada mereka.

Seterusnya, saya ingin juga sentuh tentang Butiran 020800 – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Kita melihat bahawa mereka ini juga memainkan peranan yang penting. Di dalam Parlimen saya, ada usaha untuk membuat agrobazar peladang di Masjid Tanah. Saya tanya, berapa banyak hasil jualan satu hari? Dengan RM1,000, macam mana nak *survive*? Katanya ada jugalah bantuan daripada pihak Majlis Agama Islam Melaka yang memberikan baucar kepada seramai 150 orang sebanyak RM200. Bukankah alangkah baik kalau kerajaan salurkan nelayan-nelayan ini yang dapat diberikan, kalau tidak mahu bagi wang tunai pun tidak apalah tetapi bagi kredit kepada agrobazar ini melalui Peladang supaya dapat disalurkan balik supaya mereka dapat baucar untuk dapat beras, tepung, gula, susu, telur dan sebagainya. Supaya ia dapat orang yang bersasar dan benar-benar dapat memanfaatkan mereka itu untuk kehidupan seharian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Taman Laut. Di sini saya tengok butiran, terdapat peruntukan yang tinggi. Maksudnya, ada pertambahan peruntukan. Dulu Jabatan Taman Laut Malaysia di bawah Kementerian Alam Sekitar yang bertujuan untuk memulihara khazanah marin daripada dirosakkan oleh pukuk-pukuk besar ini. Setelah sekian lama, penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia, usahanya berjaya dan akhirnya kerja-kerja pengambilan menggunakan pukuk itu kita dapat kekang.

Usaha untuk mewujudkan Akta Taman Laut kalau kita tengok begitu perlahan dan tidak adanya akta sendiri yang terpaksa bergantung kepada Akta Perikanan ini menyebabkan banyak isu yang tidak dapat kita selesaikan dan tidak dapat kita perjuangkan. Terutamanya yang membabitkan penguatkuasaan dan juga bidang kuasa. Justeru, tindakan untuk pulangkan Jabatan Taman Laut Malaysia ke MOA adalah satu tindakan terbaik untuk pulihkan Jabatan Taman Laut Malaysia ke landasan sebenar.

Saya nak memuji- terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Parlimen Bera kerana sewaktu beliau di bawah MOA, beliau faham dan memberikan perhatian terhadap pertumbuhan terumbu karang yang memberikan kepada Yayasan Koral Malaysia. Oleh kerana saya sendiri melihat Yayasan Koral Malaysia yang berada di pusat pertumbuhan yang berada di Bidong dan kita melihat bahawa apabila- saya seorang penyelam. Jadi, apabila saya menyelam, saya pergi ke Bidong, pergi ke Redang, kita tengok terumbu karang ini kadang-kadang menyedihkan. Sedih sebab terbiar dan tidak ada usaha-usaha yang serius ataupun perhatian yang sebenarnya diberikan. Akan tetapi dengan adanya peruntukan yang besar, dapat kita lakukan penguatkuasaan kerana kerja-kerja pemuliharaan ini daripada pihak marin sangat kurang.

Atas sebab itulah perlu lebih banyak kerja-kerja pemuliharaan. Dengan peruntukan yang besar ini, secara tidak langsung penguatkuasaan ia dapat membantu jana ekonomi rakyat, penduduk pulau, malah hari ini kita tengok negara Indonesia adalah merupakan eksport terbesar dunia. Sebanyak 90 peratus daripada Indonesia dan Malaysia baru sahaja bermula.

Saya yakin dan percaya dengan dana peruntukan yang besar, sekiranya Malaysia mengorak langkah dengan lebih serius dan perhatian yang diberikan untuk terumbu karang ini, saya yakin Malaysia boleh mengatasi Indonesia dalam pengeksportan terumbu karang ini dengan lebih besar dan mengalahkan Indonesia.

Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang telah pun saya angkat, khususnya untuk Parlimen Masjid Tanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *[Bangun]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput... Ramai Yang Berhormat yang bangun.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rasah. Selepas itu, Yang Berhormat Kemaman.

5.44 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada petang ini. Memandangkan ramai lagi rakan-rakan yang ingin mengambil bahagian, walaupun saya diperuntukkan sepuluh minit, saya menghadkan diri saya kepada lima minit sahaja, Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

Perkara pertama yang saya ingin nyatakan ialah berkenaan dengan peruntukan pembangunan. Walaupun secara keseluruhannya, peruntukan untuk kementerian ini berkurangan tetapi peruntukan untuk pembangunan di bawah kementerian ini, di bawah maksud Pembangunan- P.21 telah menunjukkan sedikit pertambahan iaitu daripada RM1,330,000,000 kepada RM1,360,000,000 yang seterusnya menyebabkan peruntukan pembangunan naik daripada keseluruhannya 26 peratus untuk Belanjawan 2018 kepada keseluruhannya 31 peratus pada Belanjawan 2019. Jadi, ini juga bagi saya menunjukkan komitmen kerajaan walaupun dalam keadaan kekangan kewangan yang menghimpit kerajaan baharu dalam menyediakan Belanjawan 2019 ini tetapi sektor pembangunan, pertanian tetap tidak dipinggirkan ataupun tetap diberikan perhatian yang khusus.

Saya nak menarik perhatian berkenaan dengan Butiran 00901 – Agropreneur Muda iaitu sebanyak RM15 juta pada tahun lepas berbanding dengan kali ini diperuntukkan sebanyak RM20 juta.

Saya percaya di bawah peruntukan yang lebih ini, ia akan membolehkan lebih ramai usahawan muda dalam sektor pertanian dapat kita bangunkan, kita majukan. Saya nak tanya, di bawah RM20 juta ini macam mana agihannya, khasnya macam mana negeri saya, Negeri Sembilan akan mendapat agihan tersebut?

Seterusnya, di bawah Butiran 030100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebanyak RM182 juta diperuntukkan iaitu lebih sedikit berbanding dengan tahun yang lepas.

Tahniah kepada kerajaan, khasnya kementerian ini. Bagi saya, pasar tani yang terletak di bawah FAMA sangat penting kerana ia bukan sahaja untuk membolehkan petani atau mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, orang kampung, orang luar bandar sendiri dapat menjual hasil tersebut. Ia juga merupakan satu cara untuk kita membangunkan konsep keusahawanan kepada para petani.

Jadi, mereka akan menjadi petani moden yang mana akan memasarkan hasil pertanian mereka kepada pengguna ataupun pembeli. Ini juga akan membolehkan kita mengatasi masalah orang tengah yang sentiasa mengaut keuntungan lebih yang akhirnya menyebabkan petani yang rugi. Saya berharap pihak kementerian apabila menggulung nanti dapat memberikan *figure* ataupun amaun, khasnya untuk negeri saya, Negeri Sembilan. Daripada RM182 juta, berapa juta akan diberikan kepada Negeri Sembilan?

Perkara seterusnya adalah Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara. Sebanyak RM1,369,000,000 diperuntukkan untuk maksud ini.

Bagi saya ia sangat penting. Kalau boleh kita memberikan peruntukan yang lebih banyak untuk butiran ini sebab ia bukan sahaja menggalakkan sektor pertanian tempatan. Jauh lebih penting adalah ia akan mengurangkan kebergantungan negara kita untuk makanan yang kita beli dari luar yang menyebabkan aliran wang keluar. Mata wang kita keluar negara. Ia juga dapat menggalakkan ataupun memberikan peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Perkara terakhir yang saya nak kemukakan pada petang ini ialah di bawah Butiran 22300 – Kawasan Penternakan Babi iaitu terdapat satu sub topik ataupun aktiviti untuk kawasan penternakan babi sebanyak RM4 juta diberikan sama seperti Belanjawan 2018, belanjawan tahun lepas.

Saya nak tanya berkenaan dengan butiran Bekalan RM4 juta ini. Apakah kegunaannya dan macam mana agihannya? Oleh sebab Negeri Sembilan sebelum ini kita tahu sebelum berlakunya wabak JE dalam 20 tahun dulu merupakan antara kawasan penternakan babi yang utama. Jadi, macam mana dengan keadaannya sekarang? Macam mana agihannya? Itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tepat lima minit. Sekarang Yang Berhormat Kemaman. Selepas itu Yang Berhormat Merbok. Sila.

5.49 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dalam selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■1750

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil dalam Butiran 02000 iaitu Program Pembangunan Komoditi Tanaman.

Dalam sektor pertanian, negara kini menuju ke arah industri pertanian yang berdaya saing dan pengeluaran produk yang berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasikan kepada eksport. Oleh itulah saya ingin mengetahui, apakah aktiviti dan kaedah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam pembangunan komoditi tanaman di negara kita supaya menghasilkan tanaman yang berkualiti serta menjamin khidmat pengembangan dan nasihat kepakaran teknikal tanaman bagi memajukan perusahaan komoditi pertanian yang berpotensi dan berdaya maju? Hal ini kerana memandangkan peruntukan ataupun perbelanjaan pembangunan untuk program pembangunan komoditi tanaman ini meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya.

Seterusnya dalam Butiran 02100 – Program Penyelidikan. Kalau kita melihat dalam program penyelidikan, bajet menurun berbanding dengan tahun yang lepas kepada RM300 ribu. Itulah saya inginkan penjelasan berkaitan dengan aktiviti ataupun program penyelidikan oleh pertanian yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi memperkasakan industri pertanian di negara kita ini.

Apakah bentuk penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian khususnya dan apakah kejayaan-kejayaan penyelidikan yang telah dilaksanakan, hasil daripada penyelidikan yang dilakukan itu? Dalam masa yang sama, saya ingin tahu, sejauh manakah manfaat yang dapat digunakan hasil penyelidikan ini untuk industri pertanian di negara kita pada hari ini.

Dalam Butiran 02200 – Perkhidmatan Pengembangan Pertanian yang menurun dalam RM300 ribu, berbanding dengan tahun yang sebelumnya iaitu ialah Jabatan Pertanian haruslah memberikan perkhidmatan pengembangan yang terbaik di samping melaksanakan aktiviti khidmat *regulatory* termasuk menguatkuasakan akta-akta pertanian di negara kita ini. Dalam bahagian pengembangan pertanian dan industri ini, telah menyediakan berbagai-bagai jenis perkhidmatan.

Jadi saya ingin tahu, apakah perkhidmatan atau sistem terkini yang disediakan oleh kerajaan, bagi memajukan sektor pertanian di negara kita dan apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian? Dalam masa yang sama, apakah teknologi ataupun kaedah terkini yang digunakan dalam sistem perkhidmatan pengembangan pertanian di negara kita pada hari ini? Bagaimana pula kerajaan ingin memastikan peranan agen pengembangan dalam transformasi sistem penyampaian pertanian supaya berjalan dengan baik di negara kita ini?

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 10710 – Pembangunan Industri Lembu/Kerbau Pedaging yang dijelaskan di situ, kalau kita melihat belanjawan peruntukan yang diberi kepada pertanian khususnya dalam pembangunan industri lembu dan kerbau pedaging ini meningkat sebanyak RM700 ribu, berbanding dengan tahun sebelumnya.

Oleh itulah saya meminta penjelasan dari pihak kerajaan, apakah program-program yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan untuk pembangunan industri ternakan lembu atau kerbau dan kambing di negara kita? Saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan terkini bagi memastikan tahap sara diri (SSL) dalam sektor makanan terutama daging terus meningkat dalam bajet yang diperuntukkan? Kalau kita melihat bajet ini, meningkat sebanyak RM700 ribu berbanding dengan sebelumnya.

Oleh itulah Tuan pengerusi, saya ingin mengetahui, sejauh manakah kejayaan yang telah dilaksanakan, supaya kita dapat memanfaatkan dengan program industri lembu ataupun kerbau pedaging ini kerana yang kita fahamkan bahawa, Malaysia masih lagi mengimport daging daripada negara luar sebanyak 85 peratus bekalan yang masih lagi kita memerlukan bekalan daging.

Oleh itulah Tuan Pengerusi, saya menyarankan supaya pihak kerajaan dapat memanfaatkan dengan lembu-lembu baka yang popular ataupun yang baik dan digemari oleh pengusaha kerana tahan dengan cuaca tempatan. Ini kerana kadar kematian yang rendah, kelahiran yang tinggi melebihi 90 peratus setiap tahun serta mampu dibeli dengan harga yang rendah.

Pemeliharaan serta integrasi di ladang sawit adalah kaedah terbaik juga kerana baka ini boleh menunjukkan prestasi yang baik dengan kos penternakan yang minimum berbanding dengan sistem *fidlot*. Oleh itulah persoalan saya, apakah perancangan pihak kerajaan berkaitan dengan ternakan integrasi di negara kita yang dilaungkan sudah beberapa tahun program integrasi ini? Sejauh manakah kejayaan yang dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan, dalam usaha menternak lembu di dalam ladang sawit ini? Berapakah keluasan tanah ladang sawit untuk ternakan lembu secara integrasi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan serta di manakah tempat ataupun negeri-negeri yang menjadi sasaran pihak Kementerian Pertanian?

Dalam masa yang sama, saya mengharapkan juga semoga program ini diperluaskan di peringkat akar umbi, khususnya di peringkat luar bandar bagi meningkatkan pendapatan hasil penternak-penternak di luar bandar. Saya mengharapkan juga supaya pihak kementerian mengadakan khidmat nasihat dengan menyusun program-program bagi mengenal pasti penternak-penternak di peringkat luar bandar khususnya bagi meningkatkan industri lembu pedaging ini.

Saya ingin menyarankan juga supaya perkara ini dapat dilaksanakan khususnya di kawasan saya di Kemaman pun saya difahamkan ramai penternak yang telah pun mengadakan penternakan lembu secara integrasi dan juga secara ladang. Oleh itu saya mengharapkan, kalaulah perlu peruntukan-peruntukan daripada pihak kementerian dapat disalurkan bagi memastikan Kemaman juga bersedia, menjadikan daerah ini sebagai lembah pedaging. Sekarang sudah ada belia-belia yang terlibat dengan program ini secara kecil-kecilan dan mungkin dapat dimanfaatkan bagi membantu industri lembu daging di peringkat negara kita ini. Saya rasa sekadar ini Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Merbok, selepas itu Yang Berhormat Kapit.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Sebelah sini, sebelah sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ada apa?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Oh, sebelah sini atau sana, utara atau selatan, timur atau barat, semua saya akan beri. Sila.

5.57 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja berkenaan Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras yang mana menunjukkan pengurangan peruntukan sebanyak 8.12 peratus.

Cuma saya berkenaan dengan butiran tersebut, saya ingin bertanyakan berkenaan Skim Insurans Pesawah yang mana pernah dicadangkan oleh Yang Berhormat Kemaman yang sebelum ini selaku Menteri Pertanian pada bulan Oktober 2016 di dalam Akhbar Sinar, yang menyatakan bahawa Skim Insurans Pesawah itu bertujuan untuk membantu pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana. Ia dicadangkan, dilaksanakan selewat-lewatnya hujung tahun 2017.

Akan tetapi, ketika tersebut, AGRO Bank sedang membuat kajian mengenai skim polisi insurans tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa skim insurans ini diharapkan dimasukkan dalam Bajet 2018 dan BERNAS bersetuju menyuntik RM10 juta bagi membiayai skim insurans ini yang akan memanfaatkan kira-kira 200 ribu orang pesawah dari seluruh negara. Keperluan untuk melaksanakan skim insurans ini juga turut disuarakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Jadi saya ingin bertanyakan status berkenaan Skim Insurans Pesawah berikut.

Kemudian seterusnya saya cuma ingin menyentuh berkenaan lima bentuk pemotongan bantuan yang banyak disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Antaranya adalah Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi sebanyak 50 peratus, Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi sebanyak 50 Peratus, Elaun Sara Hidup Nelayan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sebanyak 62.41 peratus, Butiran 041200 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) sebanyak 72 peratus. Ini sebenarnya merupakan bentuk-bentuk bantuan yang sangat dekat dengan nadi rakyat yang mana bila kita sentuh nadi rakyat ini biasanya, dia memberikan impak ataupun kesan yang sedikit berbeza dalam konteks persepsi jika tidak dijelaskan dengan baik.

Ini kerana saya juga sebenarnya tidak berniat untuk mengkritik kerana kita faham bahawa bajet kita ini sebenarnya berdasarkan *zero-based budgeting* iaitu sistem belanjawan berasaskan sifar yang mana pendekatan dia bertujuan meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan penjimatan. Ini kerana perbelanjaan dibuat melalui penilaian matlamat peruntukan dan

bukannya berdasarkan perbelanjaan tahun lalu dan semua perbelanjaan yang dibuat itu adalah menurut budi bicara yang dirancang daripada sifar.

■1800

Jadi, dengan keunikan bajet ini maka saya mengharapkanlah bila melihat berlakunya pemotongan ini yang kadang-kadang sebenarnya kita susah hendak menjawab bila habis sidang Parlimen ini. Apabila kita balik kawasan, inilah antara yang kita susah hendak jawab sebab yang sampai kepada rakyat adalah semua pemotongan bantuan ini adalah perkara-perkara yang sangat dekat dengan rakyat. Maka saya mengharapkan pihak kementerian dapat menjelaskan secara tuntas perkara tersebut bagi memudahkan kami bila berdepan dengan rakyat. Jadi itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kapit, selepas itu Yang Berhormat Kluang.

6.00 ptg.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang saya hormati.

Saya ingin menyentuh Maksud B.21, Butiran 040000 – Program Kursus dan Butiran 040900 –Subsidi Baja Padi Bukit/Huma.

Tuan Pengerusi, ini tidak ada langsung diperuntukkan, sifar, kosong. Ia bukan dikurangkan ia dikosongkan, disifarkan. Jadi, saya menganggap ini terlalu salahlah. Ini pada pendapat saya adalah sepatutnya bagi membantu penanam-penanam padi huma dan padi bukit di Sarawak dan Sabah. Hanya di Sarawak dan Sabahlah negeri yang mana kebanyakan ada kegiatan menanamkan padi bukit dan huma iaitu golongan ataupun kaum Dayak di Sarawak dan kaum Orang Asal Kundasang, Dusun dan sebagainya di Sabah. Soalannya, mengapa tiada peruntukan sedikit pun? Tiada- kosong, sifar. Peruntukan bagi golongan penanam padi bukit dan huma yang hampir semua mereka ini seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, ini semacam sengaja menindas dan meminggirkan kaum-kaum tersebut. Tiada bantuan sama sekali kepada mereka ini. Apa dosa mereka ini yang tidak diberi bantuan ini? Tidak inklusif. Yang Berhormat Menteri Kewangan kurang sensitif terhadap golongan yang sangat memerlukan bantuan seperti mereka yang menanam padi bukit dan padi huma tadi. Mereka mengendalikan penanaman padi bukit ini bukan kerana pilihan mereka. Sebenarnya mereka ini tiada pilihan, *they have no choice*. Mereka terpaksa menanam padi bukit dan padi huma untuk menyara hidup mereka sebab mereka duduk di permukaan bumi yang berbentuk bukit-bukau. Jadi, *it's a farming system*. Terpaksa mereka, mengapa tidak dibantu?

Jadi bagi saya, kalau ada bajet tambahan nanti biarlah ini dimasukkan balik semula seperti kerajaan terdahulu yang lebih prihatin.

Kalau kita tengok dalam rekod bajet-bajet yang terdahulu. Kita ada Yang Berhormat Menteri dari Bakalalan. Yang Berhormat memang tahulah di sana pun menanam padi bukit dan padi huma. Betul tidak Yang Berhormat Menteri ya? Jadi, setuju dengan sayalah Yang Berhormat

Menteri. Oleh sebab kita dari Sarawak ini. Ini terlalu kosonglah, sifar. Tidak bolehlah macam kopi O- kosong terus.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.21 iaitu Butiran 050100 – Pengoperasian dan Penyelenggaraan Kompleks Perikanan LKIM Tanjung Bako. Ada yang dari Tanjung Bako di Sarawak?

Saya anggap ini Kompleks Tanjung Bako di Sarawaklah yang diberi peruntukan RM15,058,200. Jadi, saya mahu pencerahan mengenai peruntukan ini. Adakah kompleks ini sekarang sudah mula beroperasi? Oleh sebab projek ini baru siap. Berapa peratus operasinya iaitu kalau diambil kira dari sasaran kapasiti ya, *from the capacity point of view* kalau ia sudah beroperasi, setakat mana operasinya sudah berjalan? Saya difahamkan ada kekangan dan masalah dengan pengoperasian kompleks ini sebab kapal-kapal atau bot-bot nelayan tidak berapa suka atau minat mendaratkan tangkapan mereka di kompleks ini.

Jadi, satu lagi saya ingin menyentuh perkara Maksud B.21 Pembangunan, Butiran 15700 – Rancangan-rancangan Pengairan Sarawak, yang diberi peruntukan RM136 ribu sahaja.

Saya ingin pencerahan juga. Ini peruntukan untuk apa? Ia agak terlalu sedikit. Kalau saya banding dengan tahun sudah, ia menguncup daripada- saya ingat daripada RM600 ribu kepada RM136 ribu peruntukannya. Saya hendak tahu sebenarnya kegunaan peruntukan ini. Apa perancangan yang dikatakan? Nampaknya peruntukan ini jauh dikurangkan bagi tahun 2019 nanti daripada tahun yang sudah atau yang sebelum ini. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Yang Berhormat Kluang, selepas itu Yang Berhormat Tenggara.

6.06 ptg.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang untuk bahas dalam Peringkat Jawatankuasa ini.

Ada tiga isu sahaja Yang Berhormat Kluang mahu bangkitkan dalam perbahasan ini sahaja iaitu pertamanya tentang semua program penyelidikan di bawah Belanjawan 2019 ini. Tidak kira untuk perkhidmatan veterinar, perikanan dan pertanian sahaja. Saya dapati bahawa ada tiga butiran iaitu Butiran 02100 – Program Penyelidikan, Butiran 05200 – Pembangunan Penyelidikan Pertanian Sarawak dan Butiran 00300 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Kesemua ini yang terlibat dalam penyelidikan.

Pertama, Program Penyelidikan RM500 ribu, Pembangunan Penyelidikan Pertanian Sarawak RM1 juta dan juga untuk MARDI RM46.8 juta. Saya berpendapat bahawa penyelidik untuk pertanian ini memang cukup dan banyak tetapi masalah yang kita hadapi sekarang seperti apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Tampin tadi, penyelidikan ada, kajian banyak tetapi apa penyelarasan antara semua kajian ini? Ada atau tidak pemasaran yang cukup untuk laporan kajian ini?

Walaupun ada kajian atau pun penyelidikan yang sempurna, yang *cover* banyak isu tetapi petani-petani tempatan tahu atau tidak? Macam mana mereka boleh pakai laporan penyelidikan

semua ini? Saya rasa yang paling penting adalah untuk Kementerian Pertanian buat lebih banyak lagi pemasaran kajian penyelidikan semua ini.

Isu kedua tentang Butiran 90100 – Dasar Perancangan Strategi (DPS), yang jumlahnya RM74.6 juta.

Saya harap hasilan DPS ini kalau boleh dapat diakses oleh petani-petani ataupun nelayan-nelayan, dapatkan *information* yang lebih tepat tentang hasilan mereka. Oleh kerana apa yang kita lihat sekarang, apabila kita kata musang king memang popular di luar negara, semua orang pergi menanam musang king. Akan tetapi semua orang pergi tanam musang king 10 tahun yang akan datang itu, hasil musang king akan terlalu banyak. Akhirnya, harga jatuh. Saya rasa Kementerian Pertanian perlu ada satu sistem, wujudkan satu sistem untuk mengawal semua hasilan produk-produk pertanian iaitu bagi informasi yang lebih tepat terhadap pasaran kita. Takkan semua orang menanam satu produk sahaja, akhirnya harga produk itu jatuh dan petani-petani rugi semua wang mereka.

Isu ketiga yang saya hendak bangkit kat sini. Maaf, pulang ke isu kedua yang tadi saya sebut Dasar Perancangan Strategi (DPS) iaitu ada satu isu lagi tentang isu ini adalah informasi cuaca atau informasi lain yang penting dengan pertanian. Saya rasa itu pun penting untuk petani atau nelayan. Itu lebih baik informasi dan maklumat semua ini boleh diakses oleh petani dan nelayan agar mereka dapat tahu bila boleh mereka lancarkan aktiviti pertanian mereka dan untuk menambah penghasilan mereka.

Isu ketiga adalah Butiran 00900 – Projek Pertanian Yang Lain. Ini kerana memandangkan butiran ini terlibat dengan RM32.6 juta, satu amaun mungkin tidak besar sangat kalau berbanding dengan kementerian lain.

■1810

Akan tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan apa itu projek pertanian yang lain akan dilaksanakan pada tahun depan dalam ucapan gulung nanti sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tenggara, selepas itu Yang Berhormat Papar.

6.10 ptg.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang untuk Tenggara mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya ingin menyentuh tentang Butiran Pembangunan 21, 041200 – Bantuan Sara Hidup Nelayan Darat (BSHND) yang mana untuk tahun depan seperti yang kita maklum dan lebih tahu peruntukan berkurangan mendadak daripada RM12.5 juta kepada RM3.5 juta iaitu pengurangan sebanyak RM9 juta atau 72 peratus kerana saya sangat terkesan dengan penurunan ini. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada kementerian, berapakah perbezaan jumlah nelayan darat yang menerima BSHND pada tahun ini dan juga jangkaan penerima untuk tahun hadapan.

Melihatkan penurunan ini bermakna sekitar tiga per empat dari keseluruhan jumlah nelayan darat yang menerima bantuan sara hidup ini pada tahun ini tidak akan menerima pada tahun depan dan saya ingin bertanya apakah sebenarnya kriteria yang ditetapkan oleh pihak kementerian bagi membolehkan nelayan-nelayan darat ini terus menerima bantuan sara hidup seperti tahun ini kerana saya melihat walaupun jumlah nelayan darat tidak seramai nelayan pantai ataupun laut tetapi hampir semua nelayan darat ini adalah nelayan aktif dan dikaitkan dengan kemiskinan. Jadi saya minta penjelasan pihak kementerian berhubung perkara ini.

Selain itu di bawah butiran yang sama juga saya ingin mengambil perhatian Dewan tentang nasib nelayan darat di sepanjang Sungai Johor yang melalui kawasan Parlimen Tenggara, kawasan yang saya wakili dalam daerah Kota Tinggi. Terdapat tujuh buah stesen nelayan darat di kawasan ini iaitu dua buah di Kampung Sungai Telur masing-masing sebuah di kampung Orang Asli Sungai Pinang, Kampung Rantau Panjang satu di Kampung Baru Sungai Telur, satu di Kampung Panti dan satu di Kampung Kelantan. Di sepanjang Sungai Johor di dalam kawasan tenggara untuk nelayan darat Kampung Sungai Telur ada enam orang, Kampung Panti lima orang, Kampung Rantau Panjang empat orang, selain daripada mereka yang menjalankan aktiviti nelayan darat di Sungai Johor secara sampingan.

Di sepanjang sungai ini, Sungai Johor yang melalui kawasan Johor sebenarnya Tuan Pengerusi telah dibina satu baraj pada tahun ini siap baraj Sungai Johor dan tujuannya untuk meningkatkan bekalan air yang mana ada tiga loji yang diambil di sepanjang Sungai Johor di kawasan tenggara iaitu bekalan kepada Singapura PUB, dua untuk Syarikat Air Johor, Ranhill.

Tujuan baraj dibina ialah untuk menghalang air masin lalu ke kawasan air tawar tetapi disebabkan pembinaan baraj inilah wujudnya perubahan landskap tangkapan ikan yang memberi kesan negatif kepada hasil tangkapan sehingga aduan diberi oleh nelayan-nelayan ini menyebabkan pendapatan mereka terjejas sangat teruk.

Jadi saya minta perhatian yang tinggi daripada kementerian. Saya hendak beritahu bahawa sebelum baraj ini dibina nelayan darat mampu membawa pulang hasil hingga 60 kilogram sehari tetapi selepas pembinaan baraj ini hasil tangkapan jatuh teruk hingga hanya mendapat 10 hingga 20 ekor ikan sahaja bukan kilogram, ekor ikan saja. Ini semua berlaku kerana pertama, mendapan di Sungai Johor ini berlaku akibat aliran sungai yang berubah dan juga disebabkan arus tidak mengalir dengan baik selepas adanya baraj.

Jadi disebabkan itu jugalah jenis ikan yang berharga tinggi seperti spesies baung dan spesies patin semakin berkurangan sebaliknya ikan yang kurang diminati di kawasan itu seperti ikan lampam banyak kepada tangkapan. Dengan kata lain, BSHND sebelum ini sedikit banyak membantu golongan menghadapi kesan perubahan hasil pendapatan mereka.

Saya berharap ada sesuatu tindakan daripada pihak kementerian *taskforce* datang sendiri menilai kawasan yang saya sebut kerana Jabatan Perikanan terletak begitu jauh daripada kawasan Tenggara iaitu diletak di Pengerang. Jadi tidak ramai nelayan yang boleh pergi selalu ke Jabatan Perikanan di sana.

Jadi kita minta tinjauan ini diberi secara serius kerana selain daripada menjadi nelayan mereka juga adalah mata, telinga kepada *national security* ataupun kepada air yang dibekalkan ke Singapura dan juga ke negeri Johor.

Kedua, ialah masalah di situ ialah aduan apabila nelayan mahu mengambil bekalan diesel. Mereka mendapati bahawa tidak dapat lagi mengambil subsidi di *Shell* tetapi terpaksa pergi ke stesen *Petron*. Masalahnya stesen minyak *Petron* tidak ada berdekatan kawasan tersebut yang ini menyukarkan mereka dan kita minta supaya perkara ini diambil perhatian supaya mereka dapat balik menggunakan stesen minyak *Shell*. Sepatutnya bantuan yang diberi ialah untuk memudahkan golongan ini tetapi sebaliknya berlaku dan tolonglah ambil perhatian yang berat tentang hal ini.

Butiran kedua ialah Butiran B.21, 02200 bagi maksud Pembangunan Perkhidmatan Pengembangan Pertanian yang memperuntukkan sejumlah RM1.7 juta untuk tahun depan. Di kawasan saya terdapat sebuah pusat pengembangan pertanian di Kampung Seri Jaya, peranan pejabat ini ialah penting kerana di sini ada ramai petani, nelayan pun ada, ladang dan juga estet. Pusat ini sebenarnya ialah menjadi nadi kepada pengembangan industri pertanian moden di kawasan ini.

Cuma saya hendak bertanya kepada kementerian menerusi peruntukan yang diberi ini apakah input-input baharu yang akan diperkenal atau di laksana terutama sekali dari segi program kaunseling kerana kaunseling diperlukan setakat ini dengan penurunan harga yang ketara terhadap kelapa sawit dan juga getah yang mereka minta saya sampaikan dalam Dewan ini kaunseling kepada mereka. Kalau mereka tidak dapat hendak jana duit atau pendapatan daripada kedua komuniti ini mereka tidak mahu beralih ke sektor lain yang kecil.

Adakah kementerian sanggup mengenalkan teknologi baru serta kawalan hasil harga yang jatuh pada mereka. Saya merasakan pusat pengembangan pertanian ini mempunyai peranan yang sangat kritikal yang perlu di perkasa kan, perlu ditingkatkan keupayaannya dan ia tidak mahu mampu untuk dilihat malap seterusnya. Kalau dilihat pusat pengembangan pertanian kawasan saya ini pejabatnya pun malap.

Jadi saya berharap pihak kementerian betul-betul boleh melihat perkara ini dan kalau boleh naikkanlah taraf pejabat ini supaya ia menjalankan tanggungjawab kepada kehendak masyarakat. Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya hendak sentuh dalam peringkat Jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Papar selepas itu Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Labuan akan menutup tirai.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya daripada awal lagi kena bagi walaupun lima minit seorang.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kena adil.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus daripada awal tadi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tadi Tuan Pengerusi kata kanan, kiri, utara, selatan hendak bagi semua. Ini janji.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti saya pertimbangkan. Sila.

6.18 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Butiran 21, 020500 – Perikanan yang berjumlah RM176 juta, B.21, 040700 – Insentif Bersasar Nelayan yang diturun 62 *percent* kepada RM98.5 juta dan 04100 – Elaun Sara Hidup turun 72 *percent* kepada RM3.5 juta. Saya ingin *zoom* terus kepada nelayan.

■1820

Tuan Pengerusi, nelayan di pantai menghadapi bermacam-macam ancaman kerana kemasukan dan pencerobohan nelayan-nelayan laut dalam yang masuk ke kawasan mereka menyebabkan pendapatan tangkapan mereka merosot hari demi hari.

Ini adalah disebabkan oleh satu pemberian lesen menangkap ikan laut dalam yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat yang tidak terkawal. Ini juga menyebabkan penangkapan ikan laut dalam secara besar-besaran yang tidak terkawal dilakukan oleh mereka termasuk penangkapan secara haram.

Ini telah menjejaskan sumber ikan dan marin di perairan negeri Sabah, sekali gus memberi impak tidak baik kepada nelayan-nelayan tempatan. Tindakan nelayan-nelayan beroperasi di laut dalam bukan sahaja memusnahkan hidupan marin dengan penangkapan tidak terkawal malah menggalakkan penangkapan ikan secara haram khususnya oleh nelayan-nelayan Vietnam dan Thailand.

Maka pendapatan orang-orang tempatan akan terjejas. Saya juga difahamkan sebelum ini terdapat banyak lesen diberikan kepada kapal-kapal nelayan Vietnam dan Thailand. Walaupun selepas pemberian lesen itu dibekukan oleh kerajaan, mereka menggunakan satu lesen sahaja, tetapi mempunyai banyak kapal beroperasi di laut dalam.

Dengan permasalahan yang timbul, yang dihadapi oleh nelayan laut dalam di Sabah ketika memohon dan memberi lesen, saya mencadangkan agar kerajaan memberi kuasa kepada negeri Sabah dalam mengeluarkan dan memperbaharui lesen nelayan laut dalam. Ini juga bertujuan untuk mengawal selia pengeluaran lesen nelayan laut dalam, memastikan aspek kawalan penangkapan ikan dapat dilaksanakan dengan baik. Pada ketika ini, kelulusan lesen menangkap ikan laut dalam di Sabah dikeluarkan di peringkat Pusat yang seharusnya perlu turut mendapat kelulusan di peringkat kerajaan negeri sebelum diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Kita mahu, sebarang kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Pusat haruslah mendapat persetujuan di peringkat negeri kerana kita tahu mana nelayan yang ada keupayaan selain memudahkan kita membuat pengawalan dari segi penangkapan ikan. Kerjasama di antara

Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu dipertingkatkan demi memastikan sektor perikanan di Sabah dapat diurus dengan baik dan tersusun. Akan tetapi kalau mengikut MA 63, Sabah seharusnya berhak mengeluarkan dan memperbaharui lesen nelayan laut dalam.

Saya juga ingin menyentuh Tuan Pengerusi, Butiran 040500 - Subsidi Baja Padi, Butiran 040600 - Insentif Pengeluaran Padi, Butiran 040700- Insentif Bersasar Nelayan dan 041200 - Elaun Sara Hidup Nelayan dan Darat.

Perkara yang saya mahu di sini ialah kenapa peruntukan ini dikurangkan? Ini sudah tentu akan menyebabkan orang-orang seperti nelayan dan petani akan merasa kesusahan disebabkan subsidi yang telah diberi sebelumnya kurang dari apa yang mereka harapkan.

Selain daripada itu, saya ingin juga menyentuh B.21, Butiran 04500 - Subsidi Baja Padi yang peruntukannya RM232 juta di mana sudah turun 50 peratus. Butiran 040600 - Insentif Pengeluaran Padi juga turun 50 peratus kepada RM281.5 juta dan juga P.21, Butiran 12800 - Pemodenan Sistem Pengairan Padi.

Di sini saya juga ingin terus *zoom* ke tempat saya di mana di Papar, kerajaan menasarkankan untuk meningkatkan pengeluaran beras di negeri Sabah yang ketika ini bergantung kepada beras import. Setakat ini, Sabah hanya mengeluarkan beras sebanyak 28 peratus. Bagi mencapai objektif untuk meningkatkan pengeluaran beras, kerajaan negeri menasarkankan untuk membangunkan tanah terbiar di negeri Sabah dengan tanaman padi secara besar-besaran.

Kerajaan Sabah telah mengenal pasti beberapa kawasan terbiar yang sesuai untuk tanaman padi yang melibatkan lebih daripada 3400 ekar kawasan di daerah Papar dan Bengawan. Tumpuan juga diberikan kepada beberapa kampung seperti Kampung Pengalat Besar, Kampung Limbahau, Kampung Sabandil, Kampung Gana, Kampung Takis, Kampung Benoni, Kampung Kelanahan, Kampung Tempasak, Kampung Limpotong, Kampung Timbangan, Kampung Damai dan lain-lain kampung lagi demi untuk menjayakan program penanaman padi secara besar-besaran.

Kerajaan mesti membina infrastruktur yang diperlukan untuk menjadikan daerah Papar sebagai pengeluaran beras yang terbesar di Sabah. Bagi mencapai tujuan ini, pembangunan pengairan perlu diperhebat lagi dengan menambah infrastruktur pengairan dan saluran yang telah dikenal pasti berpotensi untuk penanaman padi di Sabah.

Mengubahsuai kaedah pembangunan penanaman padi daripada pertanian yang dahulunya kepada yang boleh mendatangkan keuntungan dan dapat diusahakan secara komersial. Setakat ini juga, kita memerlukan jentera dan bantuan daripada kerajaan seperti jentera membajak, jentera menuai untuk membolehkan petani-petani kita mengerjakan dan melaksanakan segala kerja-kerja berkenaan dengan padi.

Dengan peruntukan yang ada ini, saya berharap kerajaan dapat memberi peruntukan yang sepatutnya kepada negeri Sabah demi untuk membangunkan daerah Papar sebagai daerah pengeluaran beras terbesar di Sabah. Dengan ini, banyaklah peluang pekerjaan yang akan dapat dijana. Dengan itu, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik.

6.27 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung untuk bersama berbahas Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya merujuk topik yang cukup penting yang juga telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Bekalan Makanan Negara atau secara khususnya Butiran 020100 - Industri Padi dan Beras. Kita lihat dalam Bajet 2019 terdapat penurunan peruntukan ini iaitu daripada RM74,701,000 pada tahun 2018 kepada RM68,637,600 untuk tahun hadapan.

Persoalan saya pertama iaitu bagaimana kementerian melihat kemerosotan kawasan tanah sawah ataupun penanaman padi ini yang semakin ketara. Kalau dilihat dalam beberapa laporan, kita telah kehilangan kawasan jelapang padi ini, dalam tempoh 20 tahun sudah lebih 100,000 hektar kawasan tanaman padi ini telah ditukar kepada status tanah perindustrian ataupun perumahan ataupun bangunan.

Kalau diukurnya lebih kurang menyamai 50,000 padang bola sepak kita telah kehilangan kawasan penanaman padi yang sangat penting apabila kita membincangkan soal industri padi dan beras negara ini.

Jadi saya ingin bertanya, apakah pihak kementerian melihat situasi ini dengan lebih serius, sama ada kawasan jelapang padi di Semenanjung ataupun juga di Sabah dan Sarawak.

Kedua, saya ingin menyentuh juga dalam hal industri padi dan beras negara berkaitan penetapan SSL ataupun sasaran tahap sara diri itu yang disebut pada tahun 2020 ingin dicapai sebanyak 80 peratus. Apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian menetapkan peratusan ini padahal banyak pihak telah menyebut bahawa SSL ini perlu diletakkan maksimum iaitu sebanyak 100 peratus untuk kita menghasilkan padi bagi keperluan seluruh rakyat di Malaysia ini.

■1830

Jika kita meletakkan 80 peratus ini sudah pasti sangat sukar untuk kita capai dengan semaksimumnya dan sudah pastilah kalau kita melihat ini adalah antara yang paling penting dalam kita membincangkan soal keselamatan makanan negara ataupun *food security* ini. Di sini saya melihat ada dua objektif yang perlu dilihat oleh kementerian iaitu pertama di peringkat padi itu sendiri, penanaman padi iaitu mengurangkan kos bertani, meningkatkan pendapatan pesawah dan memastikan sasaran 100 peratus SSL.

Prioriti kedua itu di peringkat beras, di pasaran itu iaitu mengekalkan harga beras yang adil dan stabil. Memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan negara. Mengekalkan kuantiti dan standard beras berdasarkan akta dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan melindungi negara daripada krisis makanan.

Tuan Pengerusi, yang ketiga dalam soal industri beras dan padi ini, saya ingin membangkitkan soal satu kenyataan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk melihat bahawa satu polisi baharu berkaitan pengimportan beras iaitu tidak lagi mahu dimonopoli oleh satu-satu syarikat ataupun mudahnya dimonopoli oleh BERNAS pada ketika ini.

Jadi saya ingin bertanya, apakah langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian dalam merealisasikan keputusan ini ketika mana kita juga melihat banyak pihak mencadangkan supaya diwujudkan kembali Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang telah pun melaksanakan tugas besar menguruskan soal import beras daripada luar di satu ketika dahulu. Ini sangat penting ketika mana kita membincangkan dua perkara utama iaitu keselamatan makanan kita dan juga taraf SSL tadi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan soal Butiran 040900 dan 041100 iaitu berkaitan peruntukan bagi subsidi baja padi bukit dan huma seperti yang disebut tadi oleh sahabat saya daripada Sabah tadi, Yang Berhormat Kapit yang kita melihat tidak ada lagi subsidi untuk penanaman baja padi bukit atau padi huma ini. Ini satu perkara yang sangat menyedihkan kepada petani-petani kita di pedalaman sana, sama ada orang-orang asal ataupun penduduk di Sabah dan Sarawak. Sudah pastilah ia telah memberi satu mesej kepada mereka bahawa seolah-olah segala usaha dan keringat mereka sebelum ini tidak dinilai oleh kerajaan.

Kita melihat kepentingan penanaman padi bukit dan huma ini sangat penting khususnya dalam kita melihat bahawa kita sudah pasti perlu bergerak ke satu tahap pengeluaran padi organik yang ketika ini seluruh dunia sudah pun melangkah ke hadapan termasuk di negara-negara ASEAN sendiri. Pihak kerajaan mereka mempromosi sehabisnya supaya para petani menanam padi organik ini.

Saya mengambil satu contoh bagaimana usaha yang dibuat oleh penduduk di daerah saya, daerah Sik iaitu padi organik yang dinamakan sebagai SRI Lovely, ataupun Sistem Intensifikasi Padi ataupun SRI ini yang sudah pastilah pihak kementerian perlu melihat usaha yang dibuat oleh Koperasi Agro Belantik, Sik ini yang diusahakan oleh pengkerusinya seorang bekas anggota tentera- saudara Zakaria namanya.

Saya menyebut kerana usahanya sangat luar biasa saya mengatakan. Dia mengusahakan padi organik ini sejak 10 tahun yang lalu dan ia telah menarik perhatian ramai penyelidik-penyelidik daripada luar. Daripada Amerika Syarikat, daripada Switzerland datang melihat bagaimana penghasilan padi organik ini yang sangat baik dari segi mutunya, dari segi keluasan tanahnya itu yang telah digunakan secara maksimum dan sudah pastilah padi organik ini sangat baik untuk kesihatan. Saya menjemput pihak kementerian pergi melawat di daerah penanaman padi organik di Sik ini untuk digunakan sebagai *pilot project* di Malaysia ini untuk dikembangkan lagi di daerah-daerah lain. Sudah pastilah ia memberi suatu rangsangan yang besar kepada industri padi kita ini.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya menyebut bahawa dalam keseluruhan anggaran bajet Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini perlu dilihat bahawa kita mesti menyatakan golongan petani dan nelayan khususnya ini adalah golongan yang sangat tinggi nilainya dalam

masyarakat kita. Malangnya dalam peruntukan bajet kali ini jelas memperlihatkan seolah-olah kerajaan mahu meletakkan golongan petani dan nelayan dalam kelas ketiga di negara kita ini. Sedangkan di negara maju di Jepun, di *United Kingdom*, golongan ini merupakan jutawan kerana kerajaan sentiasa mahu mengawal rantai makanan dan meletakkan mereka ini antara kelompok masyarakat yang sangat penting yang perlu dijaga dengan sebaiknya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sik, sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau. Sila.

6.36 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan. Ada beberapa butiran saya akan kemukakan pandangan dan juga soalan saya.

Pertama, Butiran 030100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya berharap kementerian memastikan apa peruntukan yang sudah disediakan untuk FAMA akan dilakukan dengan secara efektif kerana pengalaman saya dengan FAMA adalah banyak usaha-usaha untuk membantu pertanian untuk menjualkan hasil-hasil pertanian mereka di luar negara tidak berkesan. Sudah berapa tahun yang saya tahu sudah dilakukan tetapi pada masa sekarang kalau saya pergi luar negara, kalau saya mengunjungi pasar raya di atas *shelf*, saya tidak nampak banyak hasil-hasil pengeluaran pertanian di atas *shelf* pasar raya di luar negara. Akan tetapi saya nampak banyak hasil-hasil pengeluaran pertanian adalah datang dari negara seperti Thailand dan Vietnam. Jadi saya berharap langkah-langkah yang akan diambil oleh FAMA kali ini di bawah kerajaan yang baharu adalah berkesan dan akan membantu pertanian di negara kita.

Butiran yang seterusnya adalah Butiran 22300 – Kawasan Penternakan Babi. Ini adalah satu isu yang saya diberitahu oleh penternak-penternak babi. Jadi saya minta kerajaan mengemukakan usaha-usaha untuk memastikan kawasan penternakan babi adalah sesuai dan semua penternak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan supaya babi yang ditenak hendak adalah sihat dan sesuai di makan oleh warga yang bukan beragama Islam.

■1840

Begitu juga dengan tempat penyembelihan babi kerana ada kelengkapan yang tidak mencukupi untuk memastikan daging yang dijual di pasar adalah segar. Satu pusat penyembelihan babi di kawasan Tebrau yang saya diberitahu terdapat cara penyembelihan adalah secara *electrocution* dengan izin tetapi cara yang dijalankan amat kejam pada babi yang disembelih. Ini adalah satu isu yang dibangkitkan oleh NGO-NGO yang menjaga supaya binatang-binatang tidak dikendalikan dengan cara yang kejam.

Jadi saya diberitahu sepatutnya *electrocution* akan mematikan babi dalam beberapa saat tetapi di situ ini tidak berlaku dan mengambil masa yang panjang. Jadi saya berharap ini akan diselesaikan. Kalau ini ada berlaku di tempat lain juga diselesaikan oleh kerajaan yang baru.

Lagi satu adalah stor sejuk untuk menyimpan daging-daging babi sebelum daging babi dihantar kepada pasar-pasar adalah kurang kapasiti dan ini mengakibatkan darjah *Celsius* yang ditetapkan untuk memastikan daging adalah segar tidak dicapai. Jadi ini bermakna semua daging yang dijual di Johor tidak berapa segar mengikut aduan yang saya terima. Jadi saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan mengambil perhatian juga.

Butiran yang seterusnya adalah Butiran 22500 – Projek Lembu Pedaging. Saya berharap langkah-langkah akan disediakan untuk memastikan rakyat akan mendapat daging lembu dan juga kambing yang mencukupi setiap masa serta berkualiti dengan harga yang munasabah. Ini kerana ini adalah kebanyakan warga kita adalah beragama Islam dan daging lembu dan juga kambing adalah satu makanan yang penting.

Jadi mereka harus dijaga. Saya diberitahu dan bukan yang mengimport daging-daging lembu dan kambing ini kini hanya berapa syarikat yang ada AP. Saya berharap ini tidak akan dimonopoli oleh beberapa syarikat sahaja dan AP akan dibuka kepada syarikat-syarikat lain supaya ada persaingan.

Seterusnya adalah Butiran 17100 – Taman Laut. Sudah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi saya ingin menambah juga. Ini adalah taman laut di negara kita semakin kurang diakibatkan oleh sebab pencemaran yang datang daripada sisa-sisa kilang dan juga sisa rumah yang tidak dapat dikawal dengan baik setakat ini.

Jadi saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan dalam usaha untuk membangunkan ekonomi pada masa yang sama juga kita harus mengambil langkah-langkah yang tegas supaya sisa-sisa kilang khususnya yang ada kimia tidak akan dilepaskan ke sungai semata-mata dan akan sampai ke laut yang akan mengakibatkan kehidupan laut berkurangan. Ini termasuk ikan-ikan. Ini akan menjejaskan nelayan-nelayan. Sebagai contoh di Selat Johor dan juga Sungai Johor adalah dua kawasan yang telah dicemari oleh bahan kimia yang dilepaskan oleh kilang-kilang.

Satu lagi butiran yang saya akan sentuh adalah Butiran 41700. Ini adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Semenanjung - DVS. Isu anjing liar sudah disentuh oleh Yang Berhormat Alor Setar tetapi saya hendak tambah di sini, anjing liar harus dikendalikan secara baik dan tidak diperlakukan dengan cara yang kejam. Banyak aduan telah saya terima daripada NGO-NGO yang mengemukakan bukti-bukti bahawa pihak berkuasa tempatan yang menjalankan tugas atau operasi menangkap anjing liar menggunakan cara yang kejam dan selepas itu disimpan di kawasan yang amat padat dan tidak sesuai.

Terdapat bukti juga pihak berkuasa tempatan memberi suntikan untuk mematikan anjing liar *on the spot*, dengan izin. Saya menyeru kepada kerajaan untuk menukar amalan kerajaan dan bekerjasama dengan NGO-NGO supaya setiap operasi tangkapan anjing akan bekerjasama dengan NGO-NGO supaya ini akan dilakukan dengan baik supaya semua binatang khususnya anjing akan ditangani dengan cara yang baik dan efektif.

Akhir sekali Butiran 94000 – Projek Pemacu Pertanian. Banyak peruntukan sudah disediakan untuk butiran ini.

Saya meminta kerajaan memberi butiran yang terperinci apa yang akan dilakukan di bawah butiran ini supaya kita boleh membantu untuk mengawal selia apa-apa yang akan dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Dengan ini, saya menyokong semua butiran di bawah tajuk ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

6.48 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 020500 – Perikanan dan Butiran 020700 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Labuan walaupun ia lebih dikenali sebagai pusat kewangan dan pusat logistik minyak dan gas tetapi sebenarnya Labuan juga adalah pusat industri perikanan yang berpotensi tinggi terutamanya dalam industri tuna.

Jadi sebenarnya banyak perhatian ataupun bantuan-bantuan daripada kerajaan diperlukan. Sudah separuh jalan buat, jadi kita kena pastikan ia terus lengkap. Kompleks LKIM yang ada di Labuan masih memerlukan sebuah jeti yang cukup besar, sudah diluluskan RM20 juta tahun lepas. Saya difahamkan RM20 juta itu tidak mencukupi, itulah yang membuatkan pelaksanaannya tertangguh. Jadi saya harap ianya dapat dilihat semula supaya diberikan penambahan secukupnya dan ia dapat diteruskan.

Untuk nelayan-nelayan yang di tepi pantai pula, kelas A. Labuan mempunyai jumlah yang begitu ramai dan yang berdaftar pun hampir 1,000 orang nelayan. Manakala yang tidak berdaftar masih ramai.

■1850

Jadi, ramai mereka yang belum mendaftar ini menghadapi masalah apabila mereka turun ke laut, selalu ditangkap oleh *enforcement* seperti APMM, Perikanan dan sebagainya. Jadi, saya ada memohon lesen diberikan khas, ia walaupun dibekukan tetapi diberikan khas ke Labuan. Memandangkan Labuan juga sekarang mempunyai keadaan ekonomi yang sangat merudum. Apabila minyak dan gas jatuh, jadi ramai yang mula ke laut dan menjadi nelayan. Jadi, sebenarnya saya berharap permohonan tersebut yang saya difahamkan sudah diluluskan, diteruskan dan diberikan kuantiti yang diminta iaitu sebanyak 200 lesen. Selain daripada itu, isu kemiskinan warga nelayan. Rata-rata nelayan yang tinggal di Labuan kebanyakannya pula tinggal di Kampung Air, mempunyai keadaan rumah yang sangat daif, keadaan kehidupan yang sangat miskin. Jadi, saya berharap peruntukan-peruntukan yang tadi diperkatakan banyak di potong. Memang banyak dipotonglah dibandingkan daripada yang lepas. Saya berharap keperluan di Labuan tidak dikurangkan. Memandangkan mereka memang sangat bergantung kepada bantuan-bantuan peralatan dan sara hidup sebagainya.

Saya terus ke Butiran 17100 - Taman Laut. Di Labuan, kita ada Taman Laut. Taman Laut ini setahu saya sebelum ini di bawah kementerian lain tetapi saya rasa ia sesuai juga di bawah Kementerian Pertanian memandangkan ia ada kaitan dengan ikan dan nelayan. Akan tetapi yang

di Labuan, ia mungkin lebih sesuai dikaitkan dengan industri pelancongan yang kita ingin bangunkan. Saya berharap peruntukan yang cukup juga diberikan supaya Taman Laut Labuan yang mana sudah berpuluh ribu penyu kita lepaskan yang dapat menetas di sana. Ini akan dapat membantu ekonomi Labuan.

Begitu juga di Labuan, sebenarnya kita ada Taman Burung. Di bawah Jabatan Veterinar yang keadaannya sangat usang ataupun memerlukan perhatian untuk di selenggara, terutamanya untuk ditambah burung-burung yang ada di taman burung tersebut. Jadi, memandangkan kita punya *tourism* memerlukan produk-produk yang cukup di Labuan, walaupun pada masa ini statistik mungkin menunjukkan belum begitu cukup ramai yang datang. Akan tetapi memandangkan ia sudah ada di Labuan, baik ia diteruskan dan mungkin boleh dijadikan ia sebagai pusat penyelidikan burung ataupun yang berkaitan. Ia akan mempunyai justifikasi untuk ia diberikan peruntukan yang secukupnya.

Selain itu, saya juga ingin memberi pesanan di sini bahawa pencerobohan kapal-kapal dari negara jiran Vietnam memang selalu datang menceroboh di laut-laut di Labuan. Saya selalu diberi gambar, di *post* di dalam *WhatsApp* apabila nelayan-nelayan berjumpa dengan mereka di laut. Malah, sebahagiannya boleh dilihat daripada pulau Labuan itu sendiri. Mereka memang datang sangat dekat di perairan cetek dekat dengan pulau Labuan. Saya harap *enforcement* dapat mempertingkatkan usaha untuk membanteras pencerobohan di perairan kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, maka tamatlah masa perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Setakat ini 21 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antaranya 10 orang dari pihak kerajaan, 11 orang daripada pembangkang. Maka, apabila saya timbang, timbang saya ini cukup adil dan seimbang.

Oleh sebab itu, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menggulung. Masa yang diperuntukkan adalah 30 minit, sila.

6.55 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang budiman dan *handsome* pada petang ini dan adil juga kepada semua...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Puji pun tidak tambah masa juga Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: *[Ketawa]* Okey, terima kasih. Seperti yang Tuan Pengerusi katakan, seramai 21 orang Ahli Yang Berhormat. Terutama sekali saya mengucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memperjuangkan nasib nelayan, peladang,

pesawah, penternak, semuanya nasib mereka dan kebajikan mereka bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tugas kami adalah untuk memperjuangkan kebajikan dan juga memberi yang terbaik untuk warga tani seluruh negara.

Sebelum saya masuk kepada topik, saya juga ingin berdoalah untuk saudara Muhammad Adib Mohd Kassim yang cedera dalam insiden kuil di Seafield. Kita doakan supaya beliau cepat sembuh dan boleh bertugas lagi sebagai pasukan bomba.

Tema Belanjawan 2019 ini dirangka sebaiknya mencakupi segenap aspek pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat di dalam suasana ekonomi semasa yang penuh dengan cabaran. Bagi tahun 2019, sejumlah RM4.417 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi melaksanakan agenda meningkatkan daya saing sektor agromakanan dan menambahbaikkan sosial ekonomi kumpulan sasar, terutamanya petani, penternak dan nelayan. Terima kasih saya ucapkan kepada semua.

Secara keseluruhan, perkara pokok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan adalah berkenaan dengan lima isu yang utama, iaitu:

- (i) isu nelayan;
- (ii) isu padi;
- (iii) isu pemasaran oleh FAMA dan sebagainya;
- (iv) penggunaan teknologi R&D;
- (v) isu-isu *extension services*; dan
- (vi) isu-isu di kawasan masing-masing.

Saya berterima kasih, sekali lagi saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana bersama-sama dengan kami daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mempertahankan hak dan kebajikan golongan nelayan, peladang dan penternak. Kita tahu bahawa mereka adalah golongan yang susah. Oleh sebab itu saya berterima kasih kepada sokongan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membela nasib-nasib petani kita, nelayan kita dan juga penternak kita.

Saya masuk kepada isu yang pertama iaitu isu nelayan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu bantuan nelayan dikurangkan, Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) juga dikurangkan dan berapakah jumlah penerima ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera. Pemberian elaun sara hidup bagi nelayan laut kepada nelayan Zon A. Pemberian elaun sara hidup akan dibahagikan kepada nelayan laut kepada nelayan Zon A dan awak-awak, pekerja-pekerja di Zon B, dan Zon C. Dianggarkan 40,000 nelayan yang akan mendapat bantuan elaun sara hidup setelah pemutihan dibuat pada kadar bantuan sebanyak RM150 sebulan. Pemutihan sedang dibuat dan akan terus dibuat supaya elaun sara hidup ini diberikan kepada nelayan yang betul-betul layak terima.

Kita tidak mahu nelayan-nelayan atau orang-orang yang bukan nelayan, orang-orang yang tidak layak juga menerima elaun sara hidup. Ini akan menjejaskan kerana kumpulan wang

yang tidak mencukupi. Kalau kita memberi kepada orang yang tidak layak, maka berlakunya orang yang layak menjadi mangsa, jadi kita kena buat pemutihan sebetul-betulnya.

■1900

Untuk isu nelayan darat juga, kita juga akan memberikan elaun sara hidup sebanyak RM150 kepada nelayan darat. Pemutihan kepada anggaran 2,000 orang. Pemutihan akan terus dijalankan untuk memastikan nelayan darat yang betul-betul layak akan menerima elaun sara hidup.

Isu pukut tunda di kawasan Zon B. Kerajaan melalui DOF sedang melaksanakan transformasi pukut tunda secara berperingkat melalui kaedah kawalan tambahan iaitu dengan *soft landing*. Ini termasuklah menggantikan kulit *vessel* untuk ke zon yang lebih tinggi, contohnya daripada Zon B ke Zon C.

Kedua, bertukar peralatan ke peralatan yang mesra sumber. Ini kerana kita tahu bahawa pukut tunda itu ia akan merosakkan sumber-sumber laut. Jadi, kita sedang mengkaji apakah peralatan yang sesuai, contohnya, *midwater gear*, yang akan diperkenalkan untuk nelayan-nelayan bot-bot zon pukut tunda supaya mereka boleh mendapat hasil laut yang lebih kurang setimpal untuk menggantikan *midwater gear*. Kita juga menggalakkan nelayan-nelayan pukut tunda beroperasi di kawasan zon yang lebih jauh daripada pesisiran pantai supaya tidak merosakkan dasar laut pesisiran pantai dan mengurangkan sumber-sumber laut. Sebagai makluman, sehingga kini, sebanyak 226 *vessel* pukut tunda Zon B telah berpindah ke Zon C.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera berkenaan memperkukuhkan peranan FAMA dalam kebergantungan petani kepada orang tengah. Bagi tahun 2019, FAMA telah diperuntukkan bajet pembangunan sebanyak RM33.82 juta berbanding dengan RM27 juta pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 25 peratus. Untuk tahun 2019, FAMA telah menetapkan sasaran untuk membeli pelbagai hasil pertanian seperti sayur dan buah-buahan sebanyak 220,000 metrik tan, manakala pasar tani baharu akan ditambah sebanyak 50 lokasi di seluruh negara dan dua pasar tani kekal akan dibina.

Ini juga berkenaan dengan peranan PPK dalam pemasaran bagi menangani orang tengah. LPP telah mewujudkan sebanyak 180 buah pusat pengumpulan hasil pertanian di setiap PPK yang terpilih. Tujuannya adalah untuk para petani, pengusaha pertanian menghantar hasil ke pusat pengumpulan ini untuk dijual terus kepada pengguna dengan harga yang kompetitif di samping para petani mendapat harga jualan yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat Alor Setar dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu pengurangan insentif atau bantuan SBPKP dan SIPP. Kementerian akan melaksanakan program pemutihan untuk memastikan penerima bantuan SBPKP dan SIPP itu betul-betul pesawah yang layak. Program pemutihan ini akan dijalankan secara berterusan. Selain itu, mulai tahun 2019, baja yang akan digunakan adalah berdasarkan formulasi baharu yang dicadangkan oleh jawatankuasa teknikal. Menteri telah menjamin bahawa SBPKP setiap satu hektar pesawah akan tetap menerima 12 buah beg sehektar dan tiga beg baja urea.

Saya ingin terangkan sedikit lagi tentang isu pengurangan subsidi baja. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) telah dimulakan pada tahun 1979. Buat masa ini, sekarang baja sebatian adalah sebanyak 12 beg dan baja urea adalah sebanyak tiga beg. Satu lagi adalah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) yang memberikan baja tambahan, baja bio, racun dan sebagainya. Ini hanya dimulakan pada tahun 2008.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan terus berusaha untuk memenuhi apa yang telah disebutkan oleh Menteri pada peringkat dasar, iaitu meneruskan dengan 12 buah beg baja sebatian untuk pesawah-pesawah. Sedikit *adjustment* akan dilakukan untuk skim subsidi yang lain untuk memastikan bahawa kita mempunyai bajet yang mencukupi untuk pesawah-pesawah kita. Kita juga sedang memohon kepada Kementerian Kewangan supaya boleh ditambahkan bajet dan kita harap dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita boleh berjaya untuk mendapatkan tambahan bajet kepada para petani kita.

Yang Berhormat Alor Setar bertanya tentang subsidi insentif pengeluaran padi, sejauh manakah digunakan oleh petani. Program Pemutihan Penerima Subsidi Padi ialah melalui mekanisme pemutihan, senarai penerima dan pemutihan keluasan bertanam padi. Ia bagi memastikan mereka yang benar-benar layak menerima bantuan. Kaedah yang dijalankan termasuklah membuat pendaftaran semula pesawah, semakan dan verifikasi penerima dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Kementerian Pertanian juga menggunakan sistem *satellite imaging* untuk mengesahkan luas tanaman. Ini kerana kita tahu bahawa dalam sawah, mungkin ada yang telah tidak mengerjakan sawah lagi. Ada pula yang telah membangunkan sawah sebagai perumahan. Ada juga yang membina rumah sendiri dan sebagainya. Jadi, keluasan itu semakin menurun. Itu sebab kita perlu menggunakan teknologi yang baharu iaitu dengan menggunakan sistem *satellite imaging* untuk mengesahkan keluasan tanaman supaya subsidi itu diberikan kepada mereka yang betul-betul layak dan yang mengerjakan sawah. Itu adalah apa yang kita rancangkan. Pelaksanaan ini akan dijalankan oleh LPP, MADA, KADA dan agensi-agensi kerajaan daripada MOA.

Yang Berhormat Kuala Kedah juga memohon untuk mengkaji semula komposisi baja subsidi. Kementerian Pertanian sememangnya dalam peringkat untuk menyediakan komposisi baja subsidi yang lebih tepat berdasarkan kepada zon-zon tahap fertiliti tanah sawah. Program *Soil Profiling* sedang dilaksanakan untuk membuat pemetaan fertiliti tanah untuk menentukan kecekapan penggunaan baja tanaman padi. Bagi Program *Soil Profiling*, peruntukan tahun 2018 adalah sebanyak RM3.6 juta. Manakala untuk tahun 2019, peruntukan yang sama iaitu sebanyak RM3.6 juta diperuntukkan untuk menyambung program berkenaan. Ini bermaksud bahawa dengan teknologi yang baharu, dengan kajian *soil profiling* yang lebih tepat, saya percaya bahawa penggunaan baja akan lebih efektif dan boleh meningkatkan *yield* iaitu meningkatkan produktiviti padi beras kita.

■1910

Yang Berhormat Merbok, menanya apakah status skim insurans untuk pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memperkenalkan Skim Perlindungan Agromakanan (SPA) bagi membantu petani yang mengalami kerugian hasil pengeluaran akibat banjir, kemarau atau penyakit. SPA merupakan sebahagian daripada bantuan yang diberikan oleh kerajaan, di samping bantuan subsidi lain. SPA akan bermula dengan fokus ke atas industri penanaman padi dengan projek rintis di kawasan KADA dan MADA, tertakluk kepada ketersediaan data yang diperlukan dalam analisis perlindungan tanaman.

Yang Berhormat Kapit, menanya tentang subsidi baja padi bukit di Sabah dan Sarawak dan bagaimana untuk mengatasi masalah pemotongan bajet. Untuk makluman Yang Berhormat Kapit, bilangan pesawah yang terlibat mengusahakan padi bukit adalah seramai 69,225 orang yang terdiri daripada Sabah seramai 12,403 orang, Sarawak seramai 56,782 orang. Kementerian akan mengusahakan peruntukan-peruntukan untuk membantu pengusaha padi huma pada musim tanaman mulai bulan Jun tahun 2019. Sebab mereka menanam satu musim sahaja iaitu mulai bulan Jun tahun 2019 dan kementerian akan mengusahakan untuk mendapat bajet untuk petani-petani.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Mohon penjelasan.

Tuan Sim Tze Tzin: Silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya, saya menerima baik cadangan untuk membantu mereka setibanya musim penanaman. Akan tetapi mengapa tidak diletakkan di dalam bajet ini sebab bajet ini untuk belanjawan tahun 2019? Mengapa tidak diletak terus-terang nampak dalam bajet ini, anggaran ataupun *estimate* yang sekiranya diperlukan untuk membantu yang mengendali dan yang menanam padi bukit dan padi huma itu? Ini macam '*an upturn*' talk kata orang.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya rasa Yang Berhormat Kapit pun tahu tentang keadaan ekonomi negara dan keadaan kewangan negara dengan bebanan hutang yang tinggi dan terpaksa kita *balance* kan bajet. Jadi kita akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan untuk pesawah-pesawah padi bukit. Kita pun tahu bahawa baja yang sekarang digunakan untuk pesawah tanah rendah, mungkin tidak begitu efektif untuk pesawah padi bukit. Itu kementerian sedang mengkaji apakah yang lebih efektif untuk membantu pesawah-pesawah di padi bukit.

Ini kerana skim ini hanya dimulakan pada tahun 2014 iaitu skim baja padi bukit. Skim Baja dan Racun Padi Bukit hanya bermula pada tahun 2015. Ia bukan benda yang telah lama dilaksanakan. Ia baru bermula dan selepas tiga tahun, kita dapati bahawa kajian daripada Jabatan Pertanian mendapati bahawa ia tidak meningkatkan secara – ia tidak sama dengan padi biasa. Selepas memberi baja, ia meningkat dengan mendadak. Ia meningkat sedikit sahaja. Jadi kita sedang kaji apa yang terbaik. Kita hendak yang terbaik untuk pesawah-pesawah padi bukit. Itu sebab kita sedang kaji apa yang lebih baik. Kalau Yang Berhormat Kapit ada cadangan, tolong beri kepada kita ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mohon pencelahan sedikit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih atas penjelasan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun boleh terima itu. Akan tetapi memang ...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Kapit dahulu.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, sebab ada celahan daripada Yang Berhormat Bagan Serai juga. Saya bagi Yang Berhormat Kapit dahulu.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang kalau kita kata pesawah, memang tidak sama dengan bukit. Sawah itu berair dan sebagainya. Memang tidak boleh samalah. *You do not need rocket science* punya pemikiran untuk mengetahui mesti ada perbezaan. Jadi ini pun kita mula dalam tahun 2014 atau tahun 2015. Itu pun kita sudah bermula, memang ada pengalaman. Mantan Menteri Pertanian pun ada di sini, memang sudah tahu, pegawai-pegawai pun sudah tahu.

Jadi janganlah mengambil masa terlalu lama untuk membuat kajianlah Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya terima baiklah. Terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang prihatin. Jadi kita tengoklah dalam beberapa bulan lagi sebab tahun 2019 akan kita sampai ke sana dalam beberapa bulan lagi. Ini disebabkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu kah – *Do you know the calendar cycle* sebab penanaman itu bermula dalam bulan Ogos macam itu?

Tuan Sim Tze Tzin: Ya. Itu sebab ...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Jadi, *you must be familiar with the cycle* dalam padi bukit ini. Saya dari *family* yang mengendalikan padi bukit ini, kaum Iban ini di Sarawak, juga kaum Bidayuh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Kapit pun tahu bahawa sekarang apa yang kita guna itu '*one.....*' ia tidak efektif juga kepada padi bukit. Jadi itu sebab kementerian sedang mengkaji cara yang baharu. *Hopefully we can come out with something better* untuk isu pesawah-pesawah padi bukit dan kita mohon supaya bersabar dahulu.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mohon percelahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada celahan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlanjur bercakap tentang padi bukit dan padi biasa yang ada juga penggunaan racun. Saya ingin bertanyalah satu perkara yang mungkin saya terlepas tadi dalam perbahasan. Berkenaan dengan tahap penggunaan racun kerana ada racun-racun yang digunakan oleh pesawah, ia kurang kualiti dan mereka menggunakan begitu banyak sehingga menyebabkan kos yang tinggi. Saya bimbang tentang kesan negatif kepada kesihatan.

Contohnya, saya selama ini juga seorang doktor yang merawat pesakit-pesakit yang kebanyakannya pesawah. Ada yang masalah mata, ada yang masalah paru-paru dan

sebagainya, ada masalah kulit mungkin disebabkan tahap racun yang digunakan itu tahap yang tinggi contohnya. Kita pernah ada terjadi beberapa tahun yang lepas di mana Kerajaan *Singapore* tidak ambil sayur-sayuran yang ditanam di *Cameron Highlands* kerana penggunaan racun yang tinggi.

Jadi yang ini juga boleh menyebabkan walaupun *yield* ada tetapi *revenue* nya tiada kerana produknya tidak laku umpamanya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Kementerian Pertanian sedang – kita memang prihatinlah kepada isu-isu racun dan memang kita sentiasa mencari jalan yang terbaik untuk mendapatkan *yield*, pada masa yang sama menjaga kesihatan.

Untuk menjawab soalan untuk petani-petani, kita sekarang memperkenalkan teknologi baharu seperti *drone* atau satu jentera yang semalam saya baru *launch* di MAHA 2018 iaitu *multipurpose high, multipurpose* – saya lupa nama dia tetapi dia membantu menyemburkan racun-racun serangga dan racun-racun dan sebagainya tanpa menjejaskan kesihatan petani-petani. Ini kerana sekarang, petani masih menggunakan cara manual. Itu memang akan menjejaskan mereka kalau mereka menggunakan cara yang salah. Jadi dengan menggunakan mekanisasi dan jentera teknologi yang baharu, saya yakin bahawa masalah ini akan diatasi.

Okey. Untuk Yang Berhormat ...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiu.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya hendak sebut Yang Berhormat Setiu. Sekejaplah.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Sedikit sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya masukkan *you* punya isulah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dahulu, yang telah dibahaskan lebih awal.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Ini berkait dengan baja, tidak berkait dengan ucapan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan baja organik yang bebas daripada kimia?

Tuan Sim Tze Tzin: Okey. Kementerian Pertanian dalam proses untuk memberi pilihan kepada pesawah-pesawah untuk memilih baja dan racun sendiri. Kajian sedang dibuat dan kita akan memperkenalkan skim tersebut pada masa yang akan datang. Akan tetapi untuk tahun 2019, kerana kita tidak mahu menjejaskan *cycle* penanaman sawah dan kerana kajian kita belum selesai, jadi kita akan memberikan kebebasan pada masa akan datang untuk mereka memilih. Ini kerana petani lebih tahu daripada kita. Mereka tahu apakah baja yang efektif, apakah racun yang efektif.

Kalau mereka hendak memasuki bidang *organic farming*, harus digalakkan. Itu harus digalakkan. Jadi, kita hendak memberikan kebebasan dan kuasa kembali kepada petani. Itu memang dalam perancangan. Memang kami yang *push* untuk *up* selepas mendapat pandangan daripada NGO, daripada pesawah-pesawah padi sendiri, mereka meminta supaya mereka diberikan kebebasan. Itu sebab kita memang mengkaji cara baharu untuk membantu pesawah. Daripada *one size fits all* bagi cara yang sama sudah berpuluh-puluh tahun, cara yang sama tetapi dia tidak memberikan kebebasan kepada pesawah. Ya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak betulkan fakta kalau saya silap. Saya ingat selama ini pun – pegawai belakang mungkin boleh mengesahkan. Selama ini pun, racun ini memang kita bagi petani pilih. Kita sudah senaraikan jenis-jenis racun dan petani yang pilih racun yang dia hendak pakai. Apa yang kita sediakan ini hanya baja. Baja betul, kita sudah tentukan. Akan tetapi racun dia ada pilihan. Saya ingat – lupa sudah, berbagai-bagai jenis racun. Jadi bukanlah baru hendak buat.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, okey. Kami akan memberikan skim yang – kita akan *reform* skim itu supaya memberi – kita akan *combine* dan juga dari segi baucar dan sebagainya untuk masa depan ya, untuk masa depan. Terima kasih ya untuk pembetulan itu.

Untuk Yang Berhormat Setiu, isu penggunaan teknologi dalam agromakanan. MARDI terus meningkatkan usaha membangunkan teknologi antara variasi-variasi baharu. Antaranya bagi tahun 2018, dua variasi padi yang baharu telah diisytiharkan iaitu MR303 dan MR307. Variasi padi ini dia mempunyai rintangan penyakit karat daun dan hasilnya mampu meningkat lebih kurang 10 peratus. Bagi industri buah-buahan, MARDI terus meningkatkan teknologi-teknologi lepas tuai untuk meningkatkan daya saing bagi tujuan penerokaan pasaran eksport.

Untuk Yang Berhormat Kemaman – ini adalah topik teknologi ya. Apakah sistem pengembangan yang terkini yang ditawarkan oleh Kementerian Pertanian? Kementerian Pertanian, kita menawarkan *extension services*. Contohnya:-

- (i) *Extension* kit yang disediakan untuk setiap ejen pengembang untuk memastikan perkembangan pertanian dibuat dengan efisien. Antara peralatan yang dibekalkan adalah *pH meter*, *bricks meter*, *scatier* dan peralatan kecil pertanian.
- (ii) perkhidmatan *online*. Bagi memudahkan para pelanggan, beberapa perkhidmatan *online* disediakan seperti MyPhyto, eCerT, ePermit, MyTrace dan MyPesticide.
- (iii) aplikasi pertanian. Bagi mempercepatkan proses penyebaran maklumat, beberapa aplikasi pertanian dalam talian dibuat seperti AgriMaths, Agris GeoPortal, dan e-Harvest. Ejen pengembangan turut dibekalkan tablet untuk memudahkan interaksi bersama pelanggan.
- (iv) *social media*. Menggunakan media sosial yang aktif seperti *Facebook* dan *Twitter* dan menyebarkan teknologi terkini, menyelesaikan isu permasalahan yang diutarakan oleh pelanggan.

- (v) Sistem Geoinformasi (GIS) Tanaman Makanan Negara. Jabatan Pertanian sedang menyediakan sistem interaktif maklumat spesial tanaman makanan secara atas talian iaitu Sistem Geoinformasi Tanaman Makanan Negara. Melalui sistem ini, pelanggan atau usahawan tani mampu mendapatkan beberapa data utama dan penting seperti peta tanaman, data pengeluaran tanaman sedia ada, kalender tanaman, data jangkaan hasil pengeluaran. Ini membolehkan usahawan tani dapat mengawal pengeluaran tanaman pada masa akan datang bagi mengelakkan lambakkan. Mereka juga boleh berinteraksi sesama sendiri untuk jualan produk masing-masing. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita juga menggunakan Big Data. Kajian telah digunakan oleh kementerian untuk mengaplikasikan Big Data dalam industri pertanian.

Untuk maklumat Yang Berhormat Bagan Serai:-

- (i) bantuan kepada pesawah apabila berlaku bencana.
- (ii) bantuan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian telah menyediakan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bertujuan bagi membantu petani sebagai bantuan ihsan sekiranya berlaku bencana seperti banjir dan serangan penyakit.
- (iii) penanaman padi. Bantuan kerajaan adalah seperti tambahan subsidi harga padi daripada RM300 kepada RM360 setiap matriks tan.

Usaha sampingan seperti industri asas tani dan sebagainya untuk membantu petani. Untuk isu mini estet. Sehingga kini, telah ada 49 mini estet padi. Untuk menangani masalah kawalan beras seludup, kementerian telah menubuhkan satu *task force* membendung penyeludupan beras bersama agensi penguatkuasaan lain seperti *Custom*, AKSEM, MAQIS, APMM dan polis.

Untuk menjawab Yang Berhormat Tampin. Apakah bentuk bantuan modal kepada belia dalam pertanian yang disediakan oleh kementerian? Kementerian menyediakan Program Agropreneur Muda untuk memberi bantuan modal kepada belia yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk membiayai projek usahawan ini pada tahun 2019. Seramai 1,200 usahawan akan digembleng melalui geran yang berjumlah RM20,000 maksimum dan pembiayaan berjumlah RM200,000 maksimum.

Yang Berhormat Tanjong Karang bertanya tentang pemutihan dibuat secara tangkap muat, apakah mekanisme pemutihan dan adakah dibuat selepas bajet? Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja pemutihan secara teratur dan dirancang melalui proses seperti berikut:-

- (i) kerja-kerja pemutihan secara umum sememangnya dilaksanakan sepanjang tahun.

- (ii) menyemak dalam portal aktif nelayan seperti mengisi minyak dan mengisytiharkan pendaratan melalui portal e-Nelayan dan e-Pengisytiharan; dan
- (iii) melalui program Majlis Penyerahan Elaun Sara Hidup secara tunai di mana majlis penerangan berkaitan pemutihan dijalankan.

Seterusnya mekanisme pemutihan seperti berikut. Contohnya:-

- (i) nelayan umur 70 tahun ke atas.
- (ii) nelayan wanita yang tidak aktif.
- (iii) nelayan yang tidak turun ke laut.
- (iv) nelayan-nelayan yang tidak mengisytiharkan pendaratan; dan
- (v) nelayan-nelayan yang tidak membeli minyak subsidi dan sebagainya.

Ini adalah kriteria-kriteria yang kita tentukan memastikan bahawa nelayan-nelayan itu betul-betul layak. Kalau mereka aktif dan mereka adalah nelayan sepenuh masa, maka subsidi akan diberikan kepada mereka.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya faham itu. Saya hendak tanya pemutihan ini sudah selesai atau belum? Kalau sudah selesai, berapa ramai jumlah yang ada dan yang betul-betul layak?

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, terima kasih. Untuk maklumat Yang Berhormat, pemutihan ini berterusan dan kita ingin memastikan bahawa – kerana ada orang yang hari ini mungkin masih nelayan tetapi dalam tiga atau empat bulan dia telah bersara. Jadi, pemutihan ini berterusan. Kita bukan kerana bajet baru kita membuat pemutihan. Ini kerana sejak awal lagi masa Yang Berhormat sebelum pilihan raya pun ada proses-proses – masa BN jadi kerajaan pun ada pemutihan. Kita tahu. Betul? Jadi, pemutihan ini berlaku zaman Barisan Nasional. Jadi, ini adalah berterusan dan kita kena memastikan bahawa orang yang betul-betul nelayan mendapat. Siapa yang tidak layak itu tidak harus dapat.

Ini satu isu keadilan. Kalau kita bagi orang yang tidak layak, yang kerana ada isu-isu lain atau mereka boleh kenal kawan kerana *connection* mereka menjadi nelayan, maka tidak adil kepada orang-orang yang memang nelayan.

■1930

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Faham. Saya memang menyokong pemutihan ini memang dari dahulu pun kita buat. Soalan saya adakah kerajaan— saya hendak buat kesimpulan macam inilah. Oleh sebab untuk peruntukan nelayan, peruntukan petani ini potongannya terlalu banyak, separuh. Boleh tidak— tidak tahulah Yang Berhormat sepatutnya Yang Berhormat Menteri kena janji. Boleh tidak kerajaan— Yang Berhormat mewakili kerajaan boleh berjanji tidak dalam Dewan ini, andai katalah peruntukan ini tidak mencukupi, kerajaan berjanji akan tambah peruntukan yang ada. Tidak akan sewenang-wenangnya hendak menolak seseorang.

Sebagai contoh kalau katalah kita tengok pemutihan ini, tidak cukup duit untuk lebih ramai nelayan yang dapat, adakah kerajaan berjanji bahawa kerajaan tidak akan menganiayai

nelayan dan juga petani. Itu sahaja yang saya hendak bahawa kalau tidak cukup— potong punya banyak ini, 50 peratus. Adakah kerajaan berjanji akan membuat bajet tambahan untuk tahun hadapan? Itu sahaja yang saya hendak tahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Kita sama-sama doakanlah untuk isu ini. Untuk...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya...

Tuan Sim Tze Tzin: Kalau rasa tidak sempat tahu, masa sudah selesai.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa pun sudah habis.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya, ya tidak apa. Saya pun tidak fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab soalan saya. Saya cuma hendakkan senarai pemutihan yang telah pun dilakukan kepada nelayan darat dan nelayan laut di kawasan kita. Itu sahaja yang saya hendak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Mungkin secara bertulis ini.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini isu baru, ini isu baru ya.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Pengerusi, jawapan yang diberi oleh...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ini bukan isu baru. Ini bersabit kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Tidak, tidak. Ini permintaan baru. Ini permintaan baru dan kita akan cuba pertimbangkan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Pengerusi, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkait dengan Setiu tadi itu bukan ucapan saya itu. Saya tidak sebut berkait dengan teknologi tadi. Apa yang saya sebut berkait dengan nelayan, subsidi dan lain-lain. Jadi minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok *Hansard* balik dan beri jawapan bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, saya rasa masa telah selesai...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk Masjid Tanah sebab Yang Berhormat yang tidak ada dekat dalam kawasan dalam Parlimen ini pun Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tetapi saya ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Okeylah saya jawab untuk Yang Berhormat Masjid Tanah ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini adalah yang terakhir kerana kita tahu bahawa masa tidak cukup dan saya menghormati Yang Berhormat Masjid Tanah yang tunggu lama. Untuk soalan Yang Berhormat Masjid Tanah tanya tentang bilangan wanita yang terlibat dalam program Agropreneur Muda, seramai 1,600 usahawan wanita telah dibangunkan melalui program Agropreneur Muda sejak diperkenalkan pada tahun 2014.

Pada tahun 2017, seramai 975 peserta daripada 3,190 adalah wanita iaitu 30 peratus daripada jumlah keseluruhan. Hasrat Kementerian Pertanian bagi tahun 2019 adalah seramai 500 peserta adalah wanita atau 40 peratus daripada keseluruhan peserta. Jadi kita mohon wanita-wanita muda di luar yang ingin menyertai program Agropreneur Muda tolong memohon kerana kita mahu sasarkan 40 peratus.

Selain daripada itu pada tahun 2019, peserta wanita akan diberi tumpuan kepada latihan *upskilling* untuk tambah baik perniagaan sedia ada. Yang Berhormat Masjid Tanah juga tanya apakah bentuk bantuan program untuk bantu usahawan OKU. Harap golongan ini dapat diperkasakan. Bentuk bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bimbingan dan latihan agar golongan OKU bersedia memulakan perniagaan. FAMA menyasarkan seramai 180 usahawan OKU dapat dibantu pada tahun 2019 melibatkan program-program seperti pasar tani, *food truck* dan usaha motosikal tiga roda.

Sekali lagi saya tahu bahawa ada ramai lagi yang menanya soalan dan saya mohon maaf kerana masa yang tidak mencukupi dan saya akan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan yang saya bangkitkan untuk Kota Tinggi, tolong bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya juga mohon daripada Sik tadi untuk dijawab bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin: Untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu bertulis ya, Setiu minta jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Termasuk Yang Berhormat Setiu, baik. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,057,153,800 untuk Maksud B.21, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,057,153,800 untuk Maksud B.21, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,360,157,300 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,360,157,300 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat kita berpindah ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Maksud B.25 [Jadual] -
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas sekarang. Sila, dijemput Yang Berhormat Paya Besar.

7.36 mlm.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut serta membahaskan bagi peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya ingin merujuk terus kepada Butiran 13006 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Apa yang pentingnya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri kita akui bahawasanya Yang Berhormat Menteri dan kementerian telah menyasarkan *ranking* di bawah *Global Competitiveness Index Intellectual Property Protection*, dengan izin.

Pada tahun 2017, kita menyasarkan kita sudah berada di keadaan 26/140 manakala tahun ini kita telah menyasarkan sebanyak 25/140. Akan tetapi apa yang menghairankan saya Yang Berhormat Menteri, kenapa sasaran kita pada tahun 2019 dengan tertubuhnya satu bangunan yang saya kira MyIPO ini begitu cantik dan untuk makluman Yang Berhormat Menteri bekas Ahli Parlimen Paya Besar, Allahyarham Datuk Seri Abdul Manan Ismail juga merupakan Pengerusi MyIPO pada ketika itu.

Saya meneliti perkembangan MyIPO ini dan saya mengharapkan dan saya mengharapkan sangat supaya dalam kita bergerak dalam keadaan *intellectual property* kita seharusnya meletakkan sasaran yang begitu tinggi agar segala masyarakat dan rakyat kita ini terdidik dan terbawa budaya menjaga hak orang lain atau kita seolah-olahnya tidak berlaku seperti mana yang berlaku 10 tahun atau 50 tahun dahulu di mana royalti atau kuasa orang yang memberi idea dan membuat reka bentuk telah dicuri.

Saya nampak tahun hadapan kita telah menyasarkan kepada 25/140 maknanya tidak ada banyak perbezaan dengan tertubuhnya bangunan yang besar dan saya ingat ini harus mesti diambil kira dan saya agak kecewa bila saya melihat laporan-laporan daripada negara-negara jiran sebagai contohnya *Singapore*. *Singapore* mendapat tiga terbaik di peringkat dunia dan salah satu *report* yang ditulis di peringkat ASEAN dan mereka merupakan *top country* yang berpandu dan berteraskan kepada *intellectual property competitiveness*, dengan izin. Itu berkaitan perkara yang melibatkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Saya juga Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 040600 – Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau yang lebih ringkasnya COSS. Apa yang menghairankan saya Yang Berhormat Menteri, subsidi ini dikatakan oleh pada kita sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum tahun 2007 kita buat COSS ini kerana kita hendak melihat

bahawasanya isi rumah atau perbelanjaan isi rumah dapat distabilkan dengan harga minyak di bawah lima kilogram domestik, maknanya dengan harga satu kilogram kita dapat letakkan harga RM2.50.

Akan tetapi saya melihat apabila berlakunya penurunan, saya hendak tahu kenapa berlakunya penurunan subsidi sehingga RM120 juta. Ini sebenarnya merisaukan saya kerana jika ini berlaku dan ia juga saya harap tidak menjejaskan tetapi saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan penurunan subsidi yang dibuat pada tahun akan datang yang telah memperuntukkan hanya RM600 juta kepada program COSS ini.

■1940

Cumanya Yang Berhormat Menteri saya ada meneliti bagaimana prosiding PAC pada tahun 2016 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Rompin ketika itu, bagaimana berlakunya laporan audit yang dibuat dan berlakunya prosiding PAC. Saya meneliti *Hansard* yang dibuat dalam prosiding tersebut. Cumanya kerisauan saya, apakah Yang Berhormat Menteri di bawah kerajaan yang baharu dan di bawah kepimpinan yang baru untuk melihat supaya tidak berlakunya ketirisan bagaimana aktiviti pembungkusan, bagaimana dikatakan kita bagi pada syarikat tetapi syarikat tidak membungkus dan perkara ini juga akhirnya akan merosakkan niat pada tahun 2007 yang mahukan supaya minyak ini disasarkan kepada isi rumah. Itu perkara yang saya harus bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah jaminan kerajaan supaya tidak berlaku ketirisan subsidi minyak yang ini? Adakah akan berlaku pemantauan dan lawatan mengejut? Saya kira lawatan mengejut ini Yang Berhormat Menteri sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum harus dilakukan betul-betul sulit supaya kita dapat maklumat yang tepat.

Saya kira, saya juga ingin menyentuh kepada Butiran 020800 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (*My Competition Commission*). Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri atas akta yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada tahun 2010, kita tubuhkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan sudah pastinya peranan utama MyCC ini adalah untuk menjaga kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi. Saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi berkaitan dengan izin, *Competition Policy and Law* (CPL) dan bagaimanakah hubungan kita dengan APEC, ASEAN, *International Competition Network* (ICN), OECD, *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) dan yang terakhirnya dengan *East Asia Top Level Officials' Meeting on Competition Policy* (EATOP).

Saya risau Yang Berhormat Menteri bagaimana kes yang dilakukan oleh MAS dan AirAsia yang telah melanggar satu polisi di bawah Akta *Competition Act 2010*, Perkara 2(2)(b). Apa yang saya bacakan ini Yang Berhormat Menteri ada di bawah suruhanjaya dan saya nampak berlaku *infringement* pada projek itu dan akhirnya *financial penalty* dengan izin *RM10 million* telah dikenakan kepada MAS dan AirAsia berkaitan perkara-perkara yang menyalahi peraturan seksyen 4(2)(b). Cumanya saya harap sangat Suruhanjaya Persaingan Malaysia ini, Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi harus mengambil kira bagaimana persaingan yang dilakukan apa yang saya sebutkan sebagai antara teksi dan saya sudah bangkitkan perkara ini kepada

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bagaimana terpaksa bersaing dengan Grab dan bagaimana Uber bergabung dengan Grab dan akhirnya mewujudkan satu kuasa dominan dalam pasaran ini. Adakah ini juga suruhanjaya yang akan melihat perkara-perkara ini?

Keduanya selain daripada teksi dan Grab, kita akui kita ada pemain-pemain besar dan pemain-pemain kecil. Sudah pastinya pemain-pemain besar ini akan mendominasi atau membuat kuasa yang besar dalam penentuan harga bahan mentah. Pemain-pemain kecil, peniaga-peniaga kecil ini terpaksa membeli harga mentah, kuantiti yang sama tetapi harga yang lebih tinggi. Sudah pastinya pemain-pemain kecil atau *small player* ini dengan izin, Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi tidak akan menguntungkan dan mereka tidak akan dapat bersaing dengan pemain yang besar.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri di bawah butiran tersebut, saya ingin bertanyakan dalam keadaan kita menghadapi suasana globalisasi perniagaan tanpa sempadan ini, banyak sangat Yang Berhormat Menteri syarikat-syarikat luar negara sedang membuka pasaran dalam negara kita. Bagaimanakah undang-undang persaingan ini di bawah Akta Persaingan 2010 ini dapat menyelamatkan pasar raya-pasar raya kecil yang sedang tumbuh? Ini kerana saya yakin kalau pasar raya besar, contohnya— banyak saya tidak hendak sebut di sini— kerana ia akan memberi harga yang lebih murah. Apa akan jadi pasar raya-pasar raya kecil di bandar-bandar kecil? Adakah ini juga harus memainkan peranan yang amat penting?

Saya juga hendak menyentuh dan saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri di bawah Butiran 020700 – Tribunal Rayuan Persaingan. Saya hendak tahu berapa banyak kes dan saya hendak tahu kes yang terkini dan semasa semenjak 2011 berkaitan Tribunal Rayuan Persaingan. Saya hendak tahu— kalau tidak boleh bagi hari ini Yang Berhormat Menteri, mungkin secara bertulis.

Saya juga hendak menyentuh Butiran 030500 dan saya minta Tuan Pengerusi lebihkan saya sebab tidak nampak orang lain hendak bertanya, 030500 – Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Saya yakin Yang Berhormat Menteri faham bahawasanya Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara ini telah diaktifkan semula. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Walaupun perkara ini telah diumumkan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2017 tapi atas semangat untuk melihat— ini saya puji Yang Berhormat Menteri kerana kita hendak tahu bahawasanya bukan sahaja satu kementerian sahaja harus menaungi di antara berkaitan kos sara hidup ini. Cumanya apabila mesyuarat yang pertama dipengerusikan Yang Amat Berhormat Pandan, saya hendak tahu perkembangan yang terkini dan bagaimana.

Cumanya saya agak hairan sekiranya kita menggunakan laporan penyiasatan belanjawan isi rumah 2016. Oleh sebab kita sekarang ini sudah 2018, sudah hendak masuk 2019. Adakah ada laporan-laporan lain dibuat oleh kementerian yang saya ingin tahu supaya dapatan dan Majlis Tindakan ini— saya minta dua minit, satu lagi. Dua minit boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan sebab ada lagi yang hendak berbahas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Seminit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Rumuskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Laporan penyiasatan tadi Yang Berhormat Menteri supaya jangan saja kita lihat tahun 2016. Saya kira laporan ini diambil kira pada tahun sebelum-sebelum itu. Saya hendak yang terkini.

Cumanya Yang Berhormat Menteri saya, hendak sentuh kembali berkaitan perkara 020600 – Pengurusan Subsidi Petroleum. Ini *point* terakhir Tuan Pengerusi. Saya yakin dan percaya bila kita lakukan proses *Automatic Pricing Mechanism (APM)* di bawah subsidi petrol kepada motor dan kenderaan, saya tidak ada masalah fasal APM ini. Cumanya masalah saya ialah apabila rungutan-rungutan *petrol dealer*. Apabila harga ini di bawah daripada *price* yang telah ditetapkan dan bagaimana— supaya yang pentingnya adalah saya minta Yang Berhormat Menteri bagi jaminan supaya *petrol dealer* tidak mempunyai masalah apabila harga turun daripada paras yang telah ditetapkan. Ini kerana pada hari ini *margin petrol dealer* hanya RM12.19 per liter untuk petroleum dan RM0.07 sen per liter untuk diesel.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu penjelasan supaya jangan kena kepada *petrol dealer*. Yang paling penting *oil company* harus menanggung segala kerugian ini kerana mereka tidak mempunyai kewangan yang kuat, *oil company* sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih berbanyak-banyak kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

7.48 mlm.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan untuk Maksud Bekalan dan Pembangunan 25. Perkara pertama yang saya hendak sebutkan di sini adalah di bawah 020300 – Program Penguatkuasaan. Saya nampak ada pengurangan sedikit peruntukan yang diberikan iaitu daripada RM21 juta pada tahun sebelumnya kepada RM20 juta dengan sedikit pengurangan jawatan daripada 380 orang kepada 371 orang. Saya hendak tanya kenapa ada pengurangan sebegini. Walaupun saya yakin sekiranya kita meningkatkan keberkesanan para penguat kuasa yang terlibat, iaitu dengan latihan yang secukupnya serta meningkatkan mutu kerja mereka, sebenarnya ia tidak akan menjejaskan. Ini kerana pengurangan ini pun sedikit sahaja.

Cuma saya berharap ketika musim-musim perayaan, oleh sebab penguatkuasaan lebih tertumpu kepada musim-musim, khasnya kepada peniaga kecil, penjaja dan penggerai, sebelum diberikan saman dan kompaun, hendaklah berikan notis yang secukupnya. Kalau pasar raya itu tidak apa. Secara berterus terang saya kata, kalau pasar raya— bukan kita hendak *double standard*, tetapi peniaga kecil dan penggerai, kita kena bagi cara yang lebih lemah lembut sikit, supaya tidak terjejas pencarian harian mereka. Kita tahu modal mereka pun tidak seberapa, dengan sumber maklumat mereka pun mungkin tidak cukup berbanding dengan peniaga besar pasar raya dan sebagainya.

Perkara kedua yang saya hendak sebut Tuan Pengerusi adalah di bawah tajuk 03400 – Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

■1950

Saya nampak ada pengurangan sedikit berkenaan dengan peruntukan untuk tajuk ini iaitu untuk emolument dia, daripada RM1 juta kepada RM900,000 dengan jawatan hanya 16 orang. Saya nak tanya berkenaan dengan lantikan Presiden Tribunal Pengguna ini, apakah ia lantikan yang melibatkan lantikan *part time*? Sebab, saya nampak di Seremban itu sebelum ini ada peguam dilantik jadi Presiden Tribunal. Jadi apakah kriteria lantikan sebegini? Juga, apakah dengan setakat 16 orang sahaja kakitangan, ia mencukupi untuk mengendalikan semua kes yang telah dibawa dan telah diajukan kepada Tribunal Pengguna tersebut?

Seterusnya perkara yang saya hendak kemukakan adalah di bawah Butiran 00600 – Pembangunan Infrastruktur Asas. Saya nampak satu peruntukan yang agak besar iaitu sejumlah RM42 juta diperuntukkan di bawah Maksud Pembangunan 25 yang mana daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan adalah RM75 juta, RM42 juta diperuntukkan untuk maksud pembangunan infrastruktur asas. Jadi apa yang dimaksudkan dengan infrastruktur asas? Sama ada ia melibatkan pembinaan bangunan baharu dan sebagainya? Sekiranya ada pembinaan bangunan baharu, di mana kah lokasinya dan pecahan yang akan diterima oleh Negeri Sembilan berkenaan dengan perkara ini?

Seterusnya, satu lagi tajuk yang saya nampak ada peruntukan yang agak besar iaitu di bawah Butiran 040800 – Emolument Pegawai Pemantau Harga (PPH) iaitu RM45 juta diperuntukkan. Jadi siapakah pegawai pemantau harga ini? Sebab, sebelum ini ada kedengaran bahawa mereka ini adalah bukan kakitangan sepenuh masa. Jadi saya nak tahu apakah status mereka, macam mana lantikan, apakah lantikan yang sebelum ini masih berterusan dan sebagainya? Boleh tak kalau untuk setiap kawasan Ahli Parlimen, kawasan tersebut mencadangkan calon-calon untuk dilantik oleh pihak kementerian berkenaan dengan perkara ini?

Perkara terakhir yang saya hendak kemukakan adalah berkenaan dengan Butiran 05000 di bawah tajuk Pembangunan Perniagaan iaitu sebanyak RM5.1 juta diperuntukkan berbanding dengan tahun sebelumnya hanya setakat RM3.1 juta. Apakah tujuan untuk pembangunan perniagaan ini? Saya nampak keseluruhan tajuk-tajuk ataupun butiran yang diperuntukkan di bawah kementerian ini tak nampak ada subtajuk untuk kempen 'Belilah Barangan Malaysia' padahal kempen ini kita tahu, kita sedia maklum satu kempen yang telah dimulakan sejak lebih 30 tahun dahulu yang sangat penting untuk industri dan untuk perkembangan ekonomi tempatan.

Jadi saya mohon pencerahan daripada pihak kementerian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apakah status kempen 'Belilah Barangan Malaysia'? Apakah ia terdapat peruntukan khas untuk kempen ini? Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Sik.

7.53 mlm.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bersama dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi Kementerian Hal Ehwal Pengguna. Saya merujuk Butiran 030000 iaitu dalam tajuk utamanya pendayaupayaan pengguna dan di bawah situ pelbagai butiran lain termasuk hal berkaitan gerakan kepenggunaan, standard kepenggunaan dan pendidikan dan dasar kepenggunaan. Saya melihat bajet yang dicatat ini berlaku penurunan yang agak besar daripada RM17 juta lebih kepada RM10 juta dan sudah pasti ia memberi kesan kepada satu perkara penting yang menjadi keutamaan kepada kementerian iaitu untuk kita memperkukuhkan pendayaupayaan pengguna itu.

Yang pertama, soalan saya ialah apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian untuk mengukur tahap pendayaupayaan pengguna ini? Kalau dilihat dalam aspek budaya pengguna itu, sudah pasti kita melihat beberapa perkara penting yang menjadi kayu pengukur kepada kita dapat melahirkan pengguna yang bijak itu termasuklah pengguna yang bijak membuat perbandingan harga, pengguna yang berjimat cermat, pengguna yang mengamalkan amalan menabung dan juga pengguna yang tahu haknya sebagai seorang pengguna.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya berkaitan dengan penyaluran bantuan-bantuan yang akan diberikan kepada persatuan-persatuan pengguna yang ada di seluruh negara hari ini, dalam rekod oleh pejabat-pejabat ROS, dilaporkan ada lebih 57 persatuan pengguna di seluruh negara. Jadi bagi pihak kementerian, adakah jumlah ini memadai dengan jumlah penduduk kita ataupun ia masih lagi kecil berbanding isu-isu yang perlu diangkat bersama oleh persatuan-persatuan pengguna ini?

Kita melihat bahawa persatuan pengguna ini sangat penting peranan mereka di ketika mana kita melihat keseluruhan masyarakat ini masih lagi, walaupun mungkin tidak keseluruhan tetapi sebahagian besar masih belum berdaya upaya melindungi diri mereka daripada ditindas oleh sama ada para peniaga ataupun pihak yang mengambil kesempatan di atas urusan berjual beli dan sebagainya. Sudah pasti juga persatuan pengguna ini perlu diperkukuhkan lagi peranan mereka sehinggalah ke peringkat masyarakat di luar bandar contohnya di kampung-kampung dan sebagainya.

Kedua, saya juga ingin bertanya perkara yang menyentuh berkaitan dengan soal pendidikan kepenggunaan di sekolah-sekolah. Ada pernah dilontarkan dalam beberapa tahun yang lepas bahawa pihak kementerian perlu bergerak untuk bersama dengan Kementerian Pendidikan bagi meletakkan ada subjek ataupun silibus yang berkaitan dengan kepenggunaan untuk diserap di dalam kurikulum pendidikan kita dengan tujuan untuk kita mendidik anak-anak kita di peringkat lebih awal bagaimanakah mereka ingin menjadi pengguna yang bijak.

Di ketika ini, kita melihat bahawa dalam kita berbincang soal kos sara hidup yang tinggi dan sebagainya, aspek sikap dan budaya pengguna itu sangat penting untuk kita jadikan ia sebagai satu kerja jangka panjang bagi kita melihat masyarakat kita ini dalam keadaan yang lebih

dikatakan lebih gembira hidup mereka walaupun mungkin pendapatan mereka tidak tinggi tetapi mereka dapat menguruskan kehidupan itu dengan lebih baik. Itu maksud bahawa kita perlu membina ataupun pendayaupayaan pengguna ini dengan maksud pengguna yang bijak itu.

Seterusnya, saya juga ingin bertanya menyentuh berkaitan dengan kempen pendayaupayaan pengguna ini daripada segi penerangan dan kempen melalui media-media massa yang ada sama ada di peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia ataupun melalui media-media baharu yang seharusnya kita manfaatkan sepenuhnya. Nampaknya pada ketika ini, mungkin agak kurang kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat tentang bagaimanakah untuk kita jadikan budaya pengguna yang bijak itu sebagai amalan dalam kehidupan kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin juga bertanya berkaitan dengan standard kepenggunaan dalam Butiran 030200 yang juga dilihat mengalami pengurangan peruntukan yang agak besar. Adakah ini memberi kesan kepada pengukuran standard kepenggunaan kita di seluruh Malaysia?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan Butiran 030200 tadi, masuk dalam butiran berkaitan gerakan kepenggunaan itu. Bajet yang telah diperuntukkan itu juga berkurangan. Adakah ini juga memberi kesan kepada keseluruhan gerakan kepenggunaan? Yang mana sudah pastilah ia akan memberi kesan juga kepada kempen-kempen kita yang lain dalam maksud yang saya sebutkan tadi, pendayaupayaan kepenggunaan itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2000

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

8.00 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa butiran yang ingin dibahaskan. Pertama ialah berkenaan Butiran 01400 – Implementasi Undang-undang Persaingan di bawah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, jika syarikat telekomunikasi ada persaingan— ada Telekom, Celcom dan Digi— tetapi saya ingin tahu berkenaan dengan stesen televisyen kabel Astro. Seingat saya hanya monopoli satu syarikat ini sahaja. Jadi bila agaknya ada saingan, *competition*, persaingan yang sihat dalam stesen TV kabel ini?

Butiran yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 040700 – Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am. Pada tahun lepas, jumlahnya RM45 juta. Anggaran tahun 2019 sebanyak RM40 juta. Ada pengurangan RM5 juta subsidi tepung gandum. Mungkin dapat jelaskan apa rasionalnya dikurangkan sebanyak RM5 juta itu.

Butiran yang terakhir ialah berkenaan Butiran 030000 – Pendayaupayaan Pengguna. Mungkin ini maksudnya *empowerment of consumers*, dengan izin. Jadi seperti Yang Berhormat Rasah tadi, saya juga ingin menyentuh tentang Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Jumlah

anggarannya meningkat berbanding tahun 2018. Peruntukan bagi tahun 2019 meningkat sebanyak RM157,100.

Saya ingin memberi pandangan bahawa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini penting sebab masyarakat kita ini masyarakat pengguna dan kebanyakan pengguna biasa takkan bawa kes ini pergi mahkamah kerana belanja besar untuk melantik peguam dan sebagainya. Jadi mungkin Tribunal Tuntutan Pengguna ini sebagai *tribunal of conscience*, tribunal hati nurani untuk mencari keadilan kepada pengguna-pengguna daripada ditipu dan sebagainya sewenang-wenang.

Jadi mungkin kalau sekarang kerajaan belum bersedia, bila ada peruntukan akan datang mungkin ditingkatkan lagilah untuk naikkan taraf tribunal ini. Mungkin sama tinggi seperti Tribunal Mahkamah Perusahaan. Jadi soal kakitangan, soal pengerusi tribunal itu diramaikan. Saya percaya mungkin satu negeri satu agaknya sekarang, di ibu negeri masing-masing. Akan tetapi kalau sebuah negeri misalnya di Perak besar, Sabah, Sarawak lagilah. Kalau di Johor itu, mungkin kalau boleh ada peruntukan akan datang ada dua iaitu satu sebelah utara, satu sebelah selatan. Jika ini diberi publisiti yang meluas tribunal ini, makna kerajaan pun akan popular juga iaitu pro rakyat, pro pengguna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya jemput Yang Berhormat Kapit.

8.04 mlm.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.25 Butiran 30000 – Aset yang diperuntukkan RM6.459 juta untuk tahun 2019 ini. Ini saya nampak ia menaik lebih 100 peratus, *more than 100 percent*. Saya ingin tahu, apa aset itu?

Butiran 040300 – Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*, RM80 juta ditingkatkan kepada RM150 juta iaitu lebih 100 peratus. Saya menerima baik sebab saya anggap ini mungkin kebanyakannya digunakan di pedalaman Sarawak. Jadi terima kasihlah Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sebab ini akan banyak membantu kami yang duduk di pedalaman negeri Sarawak.

Cuma, saya mohon pencerahan, bagaimana kaedah peruntukan ini dikendalikan yang ditambahbaikkan caranya? Sebab program ini sedia ada, sudah beberapa tahun sudah, saya pernah mendengar ada ketirisan dan sebagainya. Saya cuma hendak pencerahan sekarang—saya menerima baik peruntukan yang besar ini. Saya hendak pencerahan daripada kementerian, apa penambahbaikannya kaedah ini yang akan kita guna pakai untuk tahun 2019?

Selepas itu, Tuan Pengerusi, Butiran 040400 – Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak RM20 juta. Itu pun saya hendak tahu, apa kaedah untuk mengendalikan, membelanjakan ataupun anggaran yang telah ditetapkan untuk RM20 juta ini? Bagaimana RM20 juta ini akan digunakan untuk tujuan yang sudah kita tahulah, untuk menyeragamkan harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan?

Butiran 00600 – Pembangunan Infrastruktur Asas sebanyak RM42.298 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu, apa bentuk pembangunan infrastruktur asas ini?

Butiran 13006 – Pembangunan sebanyak RM23.7 juta. Apa yang dikatakan pembangunan?

Jadi, Tuan Pengerusi, selain itu, saya ingin bertanya mengapa pengguna di kawasan pedalaman Sarawak masih mengeluh mereka terpaksa membeli barang dengan harga yang masih tinggi walaupun GST sudah dimansuhkan? Senang sahaja soalan dia, saya pun tidak pandai jawab itu. Jadi mohon penjelasanlah daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Bukit Bendera.

8.08 mlm.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendebatkan dua butiran sahaja. Butiran pertama ialah Butiran 020800 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Saya dapati bahawa peruntukan ataupun belanjawan untuk anggaran tahun 2019 sebanyak RM5.84 juta berbanding dengan tahun 2018 hanya RM1.8 juta iaitu tiga kali ganda. Saya ingin memberi komen, Yang Berhormat Menteri, kerana Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah satu suruhanjaya yang *low profile* yang ditubuhkan pada 1 April 2011 dan ditugaskan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 untuk menyiasat aduan dan mengeluarkan keputusan dan sebagainya.

Saya menyemak *website* rasmi Suruhanjaya Persaingan Malaysia, dalam tahun 2018 hanya dua keputusan sahaja. Keputusan bertarikh 8 Februari 2018, keputusan cadangan terhadap tujuh pusat tuisyen dan pusat penjagaan harian bagi kegiatan penetapan harga. Begitu juga keputusan bertarikh 10 Julai 2018, keputusan cadangan di bawah seksyen 36 Akta Persaingan 2010, pelanggaran seksyen oleh Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. Sepanjang tahun 2018, hanya dua keputusan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia sahaja dan peruntukan RM5.8 juta.

Juga saya nampak pada Butiran 01400 di bawah Suruhanjaya Persaingan berkenaan dengan *implement* undang-undang, ada peruntukan RM900,000.

■2010

So, itu Suruhanjaya Persaingan Malaysia 5.8 campur 900 ribu iaitu sejumlah 6.7 juta untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Saya minta kementerian untuk melihat semula untuk menaikkan lagi tugas dan juga publisiti awam terhadap undang-undang persaingan. Kita faham bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia hanya beribu pejabat di Kuala Lumpur sahaja. Tidak ada sampai maklumat-maklumat undang-undang persaingan ini ke seluruh Malaysia di Semenanjung dan juga di Sabah Sarawak. Oleh itu sangat *low profile* dan saya meminta supaya perkara ini dipertingkatkan memandangkan undang-undang persaingan merupakan satu bidang undang-undang yang baru dan satu suruhanjaya yang baharu. Saya rasa seperti Butiran 030400

- Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang perbelanjaan tuntutan pengguna tribunal itu 1.7 juta. Akan tetapi ramai dapat publisiti yang jauh lebih besar daripada suruhanjaya persaingan. Dari segi *effectiveness*, tribunal pengguna lebih efektif daripada suruhanjaya persaingan. Tribunal pengguna mempunyai banyak cawangan di seluruh Malaysia dengan mendengar ribuan kes. Saya rasa, *of course* suruhanjaya persaingan ini perlu.

Saya minta Menteri yang baharu perlu untuk melihat dengan teliti terhadap suruhanjaya persaingan ini. Naikkan profil ia supaya orang ramai dapat memahami apakah bidang tugas suruhanjaya persaingan ini. Adakan mekanisme di seluruh Malaysia. Sama ada secara pendengaran rayuan di wilayah-wilayah utara, tengah dan selatan, Sabah dan Sarawak. Mungkin barangkali ada rancangan untuk mendirikan pejabat di seluruh negara. Kalau tiada, sekurang-kurangnya ada satu jadual bertugas supaya boleh juga *rotate* kepada negeri-negeri untuk membuat publisiti mendengar kes-kes rayuan. Juga untuk membuat pendidikan umum kerana ini melibatkan satu perbelanjaan 6.7 juta. Akan tetapi output yang saya sebut tadi ia tidak sampai kalau dibandingkan dengan tribunal pengguna. Itu sahaja yang saya hendak sebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya jemput yang seterusnya Yang Berhormat Tampin.

8.13 mlm.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membicarakan dua perkara sahaja dalam Butiran 050100 - Kelengkapan dan Bantuan Operasi Penguatkuasaan. Saya fikir ia bersamaan dengan 020300 - Penguatkuasaan. Cuma hendak bertanya dengan Menteri, apakah kakitangan yang mengendalikan penguatkuasaan mencukupi? Kalau tidak mencukupi, adakah Menteri bersedia untuk melantik sukarelawan dalam konsep hisbah? Sekiranya bersedia untuk melantik sukarelawan itu, apakah ada insentif-insentif yang boleh diberikan kepada sukarelawan itu bagi memastikan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga yang sepatutnya? Perkara yang kedua yang saya hendak sebut ialah 030300 - Penyelidikan dan Dasar Penggunaan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, sejauh mana penyelidikan yang dilakukan terhadap aktiviti-aktiviti ataupun program-program yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat kita? Sama ada dari aspek kualiti dan juga kehalalan barangan yang ada di negara kita ini dan untuk menjadi pengguna yang betul-betul mengerti erti dan tanggungjawabnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

8.14 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan ringkaskan perbahasan saya. Saya merujuk kepada Butiran 020300 –

Penguatkuasaan, di mana saya lihat jumlahnya perbelanjaan anggaran pada tahun 2019 telah pun dikurangkan daripada 33 juta anggaran 2018 ke 31 juta. Di sini saya ingin menarik perhatian Menteri bahawa ada beberapa perkara yang mungkin saya ingin tanya iaitu berkenaan dengan penguatkuasaan. Kita lihat baru-baru ini di kawasan, dengan izin, *Klang Valley* telah berlakunya insiden penjualan pembelian arak haram yang telah menyebabkan kematian. Arak palsu, maafkan saya. Saya mohon kalau boleh pihak kementerian meningkatkan penguatkuasaan, bukan sahaja ke atas perkara tersebut tetapi juga kepada penjualan minuman-minuman keras yang dibawa masuk ke dalam negara secara haram tanpa membayar duti eksais dan Kastam. Juga kepada minuman-minuman manisan berkarbonat. Di mana baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa cukai akan dikenakan ke atas penjualan minuman-minuman ini. Kita mahu mengurangkan kanak-kanak kita daripada menjadi, dengan izin, *addicted* kepada minuman-minuman ini. Coca-Cola dan sebagainya.

So, saya cuma ingin bertanya kepada Menteri, bukan sahaja tentang perkara ini tetapi kepada isu penjualan rokok kepada murid-murid sekolah. Di mana kita lihat penguatkuasaan perlu ditingkatkan lagi. Kebanyakan murid-murid sekolah kita lihat akan menagih dan membeli rokok ketika mereka masih di bangku sekolah lagi. Saya juga mohon mencadangkan supaya tindakan penguatkuasaan bukan sahaja diambil sewaktu perayaan sahaja. Kita lihat penguatkuasaan diambil hanya semasa waktu perayaan. Akan tetapi saya minta supaya tindakan penguatkuasaan itu diadakan untuk sepanjang tahun. Dalam konteks ini, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan pegawai-pegawai yang melaksanakan penguatkuasaan ini untuk berpakaian preman kerana ia lebih efektif? Kalau pegawai-pegawai yang berpakaian preman yang menyamar sebagai pelanggan di kedai-kedai runcit dan juga di pasar raya-pasar raya dapat mengambil tindakan-tindakan yang lebih efektif. So, bila kita mempunyai banyak masalah seperti ini, adakah mengurangkan belanjawan untuk tindakan penguatkuasaan daripada 33 juta ke 31 juta ini akan membantu pihak kementerian dalam menangani masalah-masalah yang berbangkit? Saya di sini juga ingin membawa satu masalah yang begitu unik di Pulau Pinang, di mana kita lihat penjualan samsu dalam botol-botol kecil untuk harga satu ringgit, harga dua ringgit, harga tiga ringgit berlaku di Pulau Pinang secara berleluasa.

So, saya juga memohon supaya kementerian memberi perhatian kepada perkara ini. Kalau boleh meminta pihak Menteri untuk merungkai mungkin memberi penjelasan, apakah sebabnya perbelanjaan untuk penguatkuasaan ini dikurangkan dari jumlah 33 juta ke 31 juta? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 8 orang telah berbahas. Sekarang saya ingin menjemput Menteri untuk menjawab. Silakan Menteri.

8.19 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. [Membaca sepotong*

ayat Al-Quran] Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya melahirkan penghargaan setingginya kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan berbahas dengan baik dengan beberapa syor, teguran yang sangat konstruktif. Izinkan saya mulakan dengan memberi reaksi kepada sahabat saya Ahli Parlimen dari Paya Besar yang membangkitkan soal MyIPO.

■2020

Intellectual Property ini, secara khusus, rakan saya membangkitkan soal Indeks Persaingan Global. Saya akan merujuk terus kepada maklumat ini yang menyentuh secara langsung tentang informasi indeks global ini. Isunya adalah kenapa sasaran kedudukan kita 25 daripada 40. Kedudukan Malaysia dalam *Global Competitiveness Index* sebenarnya meningkat dari 26 ke 25 berbanding tahun 2017. Jadi, harta intelek itu hanya sebahagian kecil daripada indikator dalam menentukan indeks. Indikator lain, untuk makluman sahabat saya dari Yang Berhormat Paya Besar, termasuklah kestabilan mikroekonomi, pasaran buruh, daya saing perniagaan, tahap kesihatan, keupayaan inovasi dan lain-lain.

Jadi benar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar, kenapa sasaran yang menyentuh tentang indeks persaingan itu dari 26 ke 25, sasaran kita kenapa tidak cukup tinggi. Saya berkongsi di sini bahawa kedudukan Malaysia adalah satu antara tiga negara bukan berpendapatan tinggi, yang tergolong dalam 40 negara tertinggi dunia dari segi bacaan indeks. Maksudnya, kedudukan negara-negara di dunia ini, dia ada negara maju, negara membangun, negara sedang membangun. Bagi kita yang dianggap sebagai negara bukan berpendapatan tinggi, dalam kategori ini, kita termasuk pada kedudukan satu daripada tiga negara yang mempunyai kedudukan *Global Competitiveness Index* yang tinggi. Kita di ASEAN nombor dua.

Namun, saya juga ingin merujuk ataupun mengulas hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar, berkenaan dengan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Apakah penurunan RM720 juta tahun ini kepada RM600 juta menjejaskan ataupun apakah ini akan menyebabkan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak ini terjejas. Saya memberi jaminan bahawa kementerian dalam mengangkat syor angka RM600 juta kepada Kementerian Kewangan ketika menggubal bajet, telah mengambil kira semua perkara yang sasaran akhirnya tidak sampai menjejaskan skim kestabilan harga. Bermaksud, walaupun jumlahnya RM720 juta tetapi di peringkat pelaksanaannya, selama bertahun-tahun ini kita lihat ada aspek kelemahannya. Kebocoran misalnya dan kalau kita kawal kebocoran itu, kita tidak perlu sampai belanja RM720 juta. Jadi kita pastikan kecekapan ini. Dengan peruntukan sebanyak RM600 juta pun, kita sebenarnya boleh melaksanakan. Apa yang penting, minyak masak bungkusan plastik satu kilogram cukup di pasaran dari Perlis sampai ke Sabah.

Saya menyambut baik teguran Yang Berhormat Paya Besar yang merujuk kepada Laporan Audit dan juga *Hansard* dari hal ketirisan dan juga teguran tentang aspek pemantauan dan juga mencadangkan agar lawatan mengejut. Saya memberi jaminan, ini akan saya masukkan dalam kerangka tugas saya ketika turun di lapangan. Terima kasih banyak.

Yang Berhormat Paya Besar juga membangkitkan kedudukan MyCC.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah jawab berkaitan *Global Competitiveness Index* yang saya nyatakan tadi. Cumanya, saya punya hujah Yang Berhormat Menteri, adalah berkaitan dengan adanya bangunan MyIPO yang baharu, dengan adanya suasana yang baharu, adakah kita mampu menyaingi Singapura dari segi *intellectual property*? Apa yang saya mengharapkan sangat supaya – ya betul seperti mana Yang Berhormat Menteri nyatakan, kita belum berada dalam keadaan negara berpendapatan tinggi tetapi kita ke arah sana. Akan tetapi, bagaimana masyarakat hari ini yang harus kita beri pendedahan, beri pendidikan agar mereka memahami bahawasanya *intellectual property* merupakan perkara yang penting dan menjadi asas kepada kejujuran, *our transparency* dalam kehidupan kita seharian.

Kedua, Yang Berhormat Menteri ada menjawab berkaitan dengan program COSS. Cuma Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, adakah CPO minyak masak ada kaitan dengan minyak masak yang dinyatakan dalam program COSS ini? Itu yang pertama. Sekiranya ada, kita melihat penurunan semenjak bulan Mei sehinggalah ke bulan ini, penurunan *Crude Palm Oil (CPO)* itu semakin hari semakin menurun. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya harga minyak masak juga dapat dikurangkan walaupun saya faham dengan subsidi kita dapat bagi satu kilogram RM2.50? Akan tetapi mungkin dengan keadaan semasa ini, boleh kementerian Yang Berhormat Menteri memikirkan kaedah supaya dapat juga lagi dikurangkan dengan keadaan semasa. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. *Intellectual property* ini pada hemat kementerian, kualiti pengurusan *intellectual property* tidak dirujuk dari sudut gahnya bangunan fizikal. Tidak ada lagi bangunan fizikal itu. Kita baru beli. Tidak siap lagi. Kita masih lagi sewa sekarang ini.

Rakan kita, bekas Ahli Yang Berhormat Maran kelmarin sahabat saya juga, ketika mempengerusikan MyIPO memang mengangkat cadangan untuk MyIPO memiliki bangunan tetapi bangunan itu belum siap. Sepatutnya sudah siap tetapi belum sebab ada beberapa kelemahan dari segi pembinaan oleh pihak yang kita beli bangunan itu. Jadi belum. Jadi, saya faham logistik untuk sesuatu kemudahan itu penting dan bagi mewujudkan suasana iklim kerja yang kondusif dan itu lebih merangsang keupayaan manusia yang bekerja di dalamnya. Namun, aspek ini sebenarnya satu komponen sahaja dalam memastikan bahawa Malaysia mempunyai keupayaan tinggi dalam bidang *intellectual property* ini.

Dari hal minyak masak ini, apakah kerana turunnya harga bahan utamanya adalah RBD Palm Olein daripada sawit. Memang trendnya turun. Seperti yang kita sedia maklum bahawa penentuan harga minyak masak ini kita tentukan mengikut *automatic price mechanism* juga. Kita ada *threshold* harga. Satu paras yang kalau naik turun itu ditentukan dari segi bayaran subsidi

yang kita kena bagi kepada pengilang dan juga *repackers*. Itu penentuannya. Buat masa sekarang, apabila RBD Palm Olein, bahan utama membikin minyak sawit ini turun, kelebihan kepada kerajaan melalui kementerian ini adalah kita tidak perlu bayar subsidi kepada pengilang. Itu sahaja. Jadi sebaliknya, pengilang yang kena bayar kepada *repackers*. Jadi kita punya komitmen adalah bayar kepada *repackers* iaitu satu kilogram, 60 sen.

Jadi peruntukan kita yang RM720 juta untuk tahun ini, pada sekarang ini, bulan November dan menjelang bulan Disember kerana trend penurunan harga, kita boleh jimatkan. Kita ada lebihan. Akan tetapi apakah penurunan itu akan memberi kesan langsung kepada kita mengubah harga? Itu sangat ditentukan kalau kita bermain dengan paras *threshold*. Itu sahaja sifirnya. Buat masa sekarang, kita belum bercadang tetapi kalau trend penurunan itu berlangsung lagi, berterusan, kita terbuka kepada idea itu. Buat masa sekarang, penurunan itu hanya kelebihan kepada kementerian adalah kita tidak bayar kepada pengilang.

Repackers ini satu isu lain pula, Yang Berhormat Paya Besar. *Repackers* ini selama ini – ini lubuk cari makan orang politik. Dia minta AP, dia tidak buat pun. Kalau satu kilogram dia dapat 60 sen, bayangkan tengok kalau dia dapat 300 metrik tan, 600 metrik tan, lumayan, puluhan ribu. Dia goyang kaki sahaja. Ini saya tarik balik semua. Mereka yang dapat kuota, tidak buat, tidak ada kilang, makan atas angin, yang ini saya tarik semua, yang ini tidak boleh kita teruskan.

■2030

Inilah yang menyebabkan satu daripada ketidakcekapan dalam memastikan dasar kawalan harga itu tidak berjalan dengan baik kerana adanya watak-watak macam ini. Ini arahan saya kepada kementerian adalah semak balik, audit semula, jumpa kes macam ini tarik balik. Supaya kita mulakan kitab baharu mulai Januari tahun depan. Dapat, biar betul-betul dia buat. Itu tugas yang kita hendak buat, baik.

MyCC yang disinggung oleh Yang Berhormat Paya Besar juga adalah berkaitan dengan pemain besar, pemain kecil dan sebagainya, betul. MyCC ini ditubuhkan setelah kita buat Akta Persaingan 2010. Pasaran adalah instrumen penting di dalam masyarakat. Adanya pasaran, urus niaga barangan dan perkhidmatan dapat berjalan. Adanya pasaran, kita boleh menjana keuntungan, kekayaan dan membina aset. Pasaran yang bebas, pasaran ini kalau kita biarkan ditentukan oleh elemen yang menyekat persaingan. Maka itu menyebabkan pengguna rugi dari segi harga, dari segi terlepas peluang mendapat perkhidmatan yang berkualiti dan itu merugikan pengguna. Oleh sebab itu kita adakan Akta Persaingan.

Lahir pula institusi yang berperanan *to regulate* isu persaingan, iaitu MyCC. MyCC ini adalah sebuah badan yang bersifat semi kehakiman. Ia boleh mendengar satu-satu kes dan mengesyorkan satu hukuman. Yang Berhormat Paya Besar menyebut MAS dan Air Asia, dia bercanggah dengan Seksyen 4 Akta Persaingan. Di mana dalam perjanjian itu, dia pakat sama dia. Dengan adanya perjanjian ini, Firefly anak syarikat, MAS kamu jangan terbang ke Sabah Sarawak, yang itu biar Air Asia. Contoh ya. Jadi adalah kemudian sebagai balasannya, MAS akan terbang *long distance*, Air Asia jangan. Jadi pengguna yang terlepas peluang untuk menikmati harga yang lebih itu. MyCC masuk menyiasat, denda RM10 juta. Apakah itu

pengakhiran? Tidak. Mereka ada mekanisme merayu. Mereka merayu kepada *Competition Appeal Tribunal (CAT)*. Jadi pada tahun 2016, CAT mengubah keputusan itu. Jadi mereka tak payah bayar.

Banyak lagi kes yang dibangkit juga teguran tadi oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, benar. Kesnya banyak yang mereka uruskan. Pengusaha pasir di Kelantan, penjual air batu di Selangor, Persatuan Tukang Rambut, pengusaha ladang kebun bunga di Cameron Highlands dan banyak kes. Sekarang mereka sedang meneliti kes *Grab* dan *Uber*, sekarang fail masih aktif. Melalui peruntukan tambahan ini mereka boleh menambah keupayaan kakitangan sebab dia unik.

Hari ini saya merasmikan tadi di bangunan *Bar Council*. Perjanjian kerjasama di antara MyCC dan Universiti Utara Malaysia. Perjanjian ini bagi membolehkan Universiti Utara Malaysia memasukkan *syllabus* Undang-undang Persaingan, masukkan dalam kurikulum universiti dan juga melakukan tugas-tugas *advocacy*. Pada masa yang sama, Universiti Utara Malaysia boleh mendapat geran daripada kementerian. Akhirnya, mengusahakan penerbitan. Ini pada 2018, mereka bermula tahun 2012 baru enam tahun. Akan tetapi mereka telah menunjukkan *progress* yang sangat memberangsangkan.

Saya hargai teguran rakan-rakan dan pandangan termasuk Yang Berhormat Bukit Bendera. MyCC ini bergerak semacam *low profile*, tetapi saya boleh melihat mereka mempunyai kualiti anggota yang sangat baik. MyCC ini saya baru mengangkat cadangan supaya pengkerusinya itu diketuai oleh bekas Ketua Hakim Datuk Hishamudin Yunus sebagai pengkerusi yang baru bagi menggantikan yang lama. Dengan reputasinya itu, saya percaya dia boleh memimpin sampai ke peringkat yang lebih baik.

Juga dibangkitkan soal kewujudan pasar raya-pasar raya kecil dan besar. Kita ini, polisi kita adalah *hypermarket* besar ini, mereka menguasai 65 peratus pasaran runcit. Sejumlah 35 peratus lagi kedai-kedai runcit yang kecil-kecil ini. *Hypermarket* besar sangat mengharap kerajaan membuka halangan supaya mereka juga boleh beroperasi di kawasan-kawasan pendalaman. Itu kita tidak benarkan sebab itu akan menyebabkan *retail industry* kita yang kecil-kecil ini akan terjejas, kita tidak benarkan. Kelebihan *hypermarket* ini ialah, dia boleh beli barang dengan harga murah, *they are price haters* dengan izin. Dia beli *long term contract*, dia beli *in bulk* banyak. Jadi dia boleh jual murah. Jual murah baik untuk pengguna. Di sisi lain kalau kita benarkan dia sampai ke kawasan pinggir bandar umpamanya, juga menguntungkan pengguna. Akan tetapi, kesannya pula adalah kedai-kedai runcit pula tidak hidup. Jadi kita terpaksa mengimbangkan keadaan ini.

Dari segi Majlis Tindakan Sara Hidup, apakah perkembangan terkini? Ketika Timbalan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pandan mempengerusikan mesyuarat yang pertama, kita telah menetapkan tentang terma rujukan. Kita mengenal pasti enam kluster yang menyumbang kepada peningkatan kos hidup. Antara hasil awalnya ialah apabila Bajet 2019 mengangkat cadangan untuk memberi subsidi Kad Penumpang Tambang Tanpa Had yang pelaksanaannya akan dibuat oleh Kementerian Pengangkutan. Itu antara idea yang kita bincang dalam tribunal dan majlis ini.

Pada 29 hari bulan nanti, saya akan mempengerusikan mesyuarat di peringkat jawatankuasa eksekutif dan dia sedang bergerak mengikut susunan kita, baik.

Pengurusan subsidi petroleum juga dibangkitkan. Rungutan antara *petrol dealer* tentang supaya bila harga turun, jangan sampai margin keuntungan mereka. Ini bidang yang sangat unik, ada tiga segmen utama industri minyak kita ini ya. Kerajaan, syarikat minyak, pengusaha stesen minyak, tiga. Harga ditentukan melalui mekanisme *Automatic Price Mechanism (APM)*. *Petrol dealer's complaint* sebab margin mereka itu 12 sen lebih sedikit itu tidak cukup. Syarikat minyak pula ditentukan margin keuntungan dia lima sen sahaja. Kerajaan berterusan bagi subsidi. Jadi, industri ini sebenarnya menguntungkan siapa sebenarnya? *Petrol dealer's* kata margin keuntungan kami kecil. *Oil cost* kata ubahlah formula APM, lima sen tidak cukup. Kerajaan pula terus terpaksa bagi subsidi. Jadi bila kita hendak mengubah – kalau syarikat minyak jumpa saya dia akan kata ubah APM ini iaitu besarkan margin keuntungan syarikat minyak. Pengusaha stesen minyak pula kata, Datuk tolonglah kementerian ubah. Sepuluh tahun sudah margin ini tidak disemak balik, 12 sen ini tidak cukup. Kami terpaksa – kos pengurusan semua sudah tinggi. Akan tetapi, kalau kita naikkan margin ini, harga di pam akan menjadi lebih tinggi dibayar oleh pengguna iaitu rakyat terbanyak. Satu-satunya cara untuk turunkan harga, kerajaan mesti tambah subsidi dengan RM1.2 bilion liter sebulan petrol, 90 peratus adalah RON95 menambah subsidi tidak sihat untuk kedudukan kewangan kerajaan. Jadi buat masa sekarang, *status quo* tidak ada cadangan untuk mengubah. Sekarang ini kita harus mengimbangkan semua perkara.

Rakan-rakan termasuk Yang Berhormat Rasah turut membangkitkan soal penguatkuasaan susutan bajet berlaku dan apakah soal kekuatan anggota dan sebagainya. Syor supaya pada musim perayaan, kalau hendak ambil tindakan kepada peniaga kecil harus diberi notis yang lebih awal, *okey*. Saya menyambut baik syor ini. Buat masa sekarang, saya memberi jaminan bahawa peruntukan yang diperoleh oleh bahagian penguat kuasa adalah peruntukan yang munasabah, suatu yang *manageable*, tetapi tidak akan *compromise* dari segi kualiti penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak kementerian. Ini jaminan yang saya bagi. Cadangan sama ada sebelum ambil tindakan kita dahulukan notis untuk peniaga kecil. Saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai saya, apakah harus ada dua kaedah yang berbeza? Kalau *hypermarket* dan pasar raya besar boleh sahaja. Ini soal notis, notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan selalu kita guna pakai.

■2040

Tribunal Tuntutan Pengguna. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tajuk ini. Sekarang, sebulan tribunal ini bersidang antara 40 hingga 44 kali. Jumlah kes yang mereka bincangkan antara 20 hingga 25 kes sebulan. Banyak. Jadi, sekarang ianya *manageable* boleh berjalan pada kedudukan sekarang. 40 hingga 44 ini banyak itu. Tiap-tiap hari mereka bersidang, boleh kata sehari dua, tiga kali. Dengan peruntukan yang ada, dengan kekuatan yang ada, dengan kes yg ada kebanyakan aduan-aduan itu sangat berbeza-bezalah terutama *trend* sekarang. Bila bahagian aduan tentang penipuan pembelian melalui *online*, itu kes yang terus meningkat. Banyak aduan.

Kita tahu ada juga kekurangan dari segi undang-undang yang ada. Hendak ambil tindakan, hendak heret ke tribunal pengguna ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu daripada rukunnya adalah kita kena *serve notice* tetapi kalau perniagaan *online*, kalau Lazada tidak apa. Akan tetapi kalau nama Minah binti Saleh, dia meniaga juga barang, kita hendak *serve notice* itu jenuh cari dia. Jadi kalau tidak boleh *serve notice*, tidak boleh bawa dia ke tribunal pengguna. Contoh ya. Jadi aspek itu kita kenal pasti. Kita cuba cari jalan penyelesaiannya kerana *trend* aduan penipuan *online* ini semakin meningkat. Jadi tribunal pengguna ini pula saya tengok dia banyak memberikan *weightage* kepada pengguna. Ya banyak.

Saya juga ingin menyebut pertanyaan tentang pegawai pemantau harga RM45 juta diperuntukkan. Mereka ini siapa? Mereka ini taraf nya kontrak. Status kontrak. Lantikan kontrak. Mereka dilantik sejak bila? Sejak 2008. Jumlah mereka? Jumlah mereka lebih kurang 1,034 orang. Mereka ini kelayakan apa? Graduan universiti. Tugas mereka apa? Tugas mereka pantau harga setiap hari. Mereka pergi ke pasar raya, mereka pergi ke pasar mini, mereka pergi ke kedai runcit, mereka pergi ke— mereka pergi semua dan mereka kumpulkan data, mereka hantar kepada Majlis Harga Barang Negara di kementerian untuk mereka memberikan *trend* kenaikan turun naik harga. Ketika GST enam peratus, ketika GST sifar, ketika SST enam peratus, mereka tengok semua *trend* barangan pengguna, mereka lapor.

Tugas mereka ini sangat penting bahkan saya anggap sebagai nadi kerana itu tugas hakiki mereka. Data mereka saya anggap paling *legitimate* sebab itu sahaja tugas mereka. Kemudian mereka akan buat analisa dan melaporkan. Ini sebagai panduan yang sangat penting.

Apakah sekarang diteruskan kempen 'Beli Barangan Malaysia'? Jawapannya ya. Ada dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Rasah. Ada. Yang ini bajet untuk kementerian itu sekarang ada pada Kementerian Kewangan. Bila ada keperluan kami akan membuat kertas jemaah Menteri untuk kait peruntukan itu supaya Kementerian Kewangan boleh peruntukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Rakan saya dari Yang Berhormat Sik banyak menyebut pelbagai perkara tetapi menyangkut satu isu sahaja iaitu pendayaupayaan pengguna, begitu juga disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain. Tuan Pengerusi, saya suka berkongsi bahawa pandangan Yang Berhormat Sik sangat bernas dalam erti kata membangunkan budaya pengguna ke arah melahirkan pengguna yang bijak, jimat, mampu untuk menabung, tahu hak-hak dia, benar.

Oleh sebab itu rancangan kementerian mulai Januari tahun hadapan, kita hendak memanfaatkan 6,400 masjid seluruh negara. Antaranya dan ini institusi penting masyarakat. Di sini akan menjadi fokus tentang program pendidikan pengguna. Kementerian sedang bekerjasama dengan Majlis Penasihat Pengguna yang sedang saya berikan tugas menyusun program dengan modul, dengan pengisian, dengan sasaran akhir yang kita hendak capai.

Saya yakin kalau kita boleh gerakkan dengan lebih sistematik impaknya sangat besar dan yang ini sekali gus juga soal pendidikan kepenggunaan sekolah ini memang kita ada kelab pengguna di sekolah, kelab pengguna di universiti, kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Kita ada kan forum, kita ada kan program ala-ala mencari harta karun

dan segala macam. Ianya bukan kuliah sehala dalam dewan sahaja. Pelbagai program yang sangat kreatif dianjurkan oleh kementerian untuk pengguna muda ini di peringkat sekolah, kolej dan universiti. Kempen dengan menggunakan media baru dan juga media massa sememangnya dalam pelaksanaan yang sedang kita buat.

Subsidi tepung RM45 juta kepada RM40 juta dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Itu tidak sampai menjejaskan apa-apa, masih lagi dalam keupayaan kami mengurus. Saya juga hendak sebut bahawa Tribunal Tuntutan Pengguna disyorkan naik taraf seperti Mahkamah Perusahaan. Kita menganggap struktur yang sedia ada ini masih lagi memadai. Soal sama ada idea ini hendak kita kembang luaskan pada masa hadapan kita akan teliti balik.

Sahabat saya Yang Berhormat Kapit membangkitkan secara khusus tapi saya hendak sebut dalam tiga minit terakhir ini adalah soal *Community Drumming* dan juga IPG. Memang saya akui secara jujur ada ketirisan dan sesetengah kawasan ketirisan yang serius dan kalau kita tujuannya adalah program *Community Drumming* di mana kita *absorb* kos pengangkutan dan sebagainya, tujuannya untuk rakyat kita tetapi kalau tirisnya pergi ke mana, sektor perladangan. Tirisnya sempadan negara jiran. Tirisnya ini perusahaan, tauke-tauke kilang dan itu *it defeat the purpose of having this kind of program*. Okey.

Jadi ditanya kepada kami apakah elemen penambah baikkannya. Saya akan umumkan bila sampai masa nanti kerana saya sedang meneliti semua laporan kemas kini kelemahan perjalanannya. Saya *compile* semua syarikat-syarikat yang terlibat dengan program IPG dengan *Community Drumming*. Saya baru balik dari Jakarta kerana kawasan sempadan Yang Berhormat, Sabah dan Sarawak dengan Indonesia itu subsidi gasnya subsidi kita. Pembekal gas PETRONAS. Akan tetapi digunakan oleh rakyat negara jiran pada harga yang sangat rendah. Bila habis, tong itu dia hantar balik pada kita, isi balik. Jadi itu melibatkan kerugian jutaan ringgit.

Yang Berhormat Bukit Bendera tadi saya dah sentuh tentang tribunal pengguna, MyCC. Saya terima baik syor supaya kita *highlight*-kan lagi *profile* kes-kes yang diusahakan.

Yang Berhormat Tampin membangkitkan soal kebimbangan apakah cukup kakitangan penguat kuasa. Apakah perlu ada lantikan sukarelawan *hisbah* dan insentif. Buat masa sekarang kekuatan kita lebih kurang 2,000 lebih ini, mewakili 65 peratus daripada kekuatan kakitangan kementerian adalah— kalau kira cukup itu, memang tidak cukuplah Yang Berhormat Tampin ya. Rakyat Malaysia 30 juta, pegawai penguat kuasa 2,000 orang. Samsu, arak, rokok, harga barang naik dan segala macam. Amaun 2,000 memang tidak cukuplah tetapi polisi menambah lagi kakitangan awam ketika keseluruhan anggota perkhidmatan awam sudah cukup tinggi. Jadi polisi itu pun tidak boleh. Jadi kita memanfaatkan kekuatan jumlah yang sedia ada.

Adakah kalau mereka pakai preman itu lebih baik. Tindakan operasi pemeriksaan dijalankan dengan pelbagai kaedah sama ada menggunakan uniform atau pakaian biasa. Memang sedang kita buat. Oleh kerana berpakaian biasa itulah, maka sahabat saya Yang Berhormat Jelutong pun tidak perasan. Itu dia punya kelebihan balik pada Yang Berhormat Jelutong.

Jadi, habislah. Setakat yang isu-isu utama lah ya. Kalau ada yang saya terlepas pandang saya akan usahakan untuk memberi jawapan bertulis pada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya hargai pandangan yang diberikan, idea-idea baik oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan penggulungan yang cukup komprehensif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,190,830,900 untuk Maksud B.25, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,190,830,900 untuk Maksud B.25, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM75,498,800 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM75,498,800 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.50 malam]